

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 48**

**Rabu**

**16 November 2016**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2017

**Jawatankuasa:**

**Jadual:**

Maksud B.23 (Halaman 32)  
Maksud B.29 (Halaman 104)  
Maksud B.32 (Halaman 174)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 31)

Usul Anggaran Pembangunan 2017

**Jawatankuasa:**

Maksud P.23 (Halaman 32)  
Maksud P.29 (Halaman 104)  
Maksud P.32 (Halaman 174)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA  
Rabu, 16 November 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian sedar terumbu karang adalah penting untuk pembiakan dan nurseri hidupan laut, tarikan pelancong dan sebagainya. Sehubungan itu, Kementerian menerangkan dengan lebih lanjut usaha-usaha dilaksanakan dalam memulihkan kawasan terumbu karang yang musnah akibat kelunturan karang dan kawasan yang musnah akibat aktiviti manusia.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Yang Berhormat Jerantut suka bertanya, inilah jawapannya. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu pantun setengah kerat tu.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua, usaha memulihara sumber asli dan alam sekitar merupakan agenda utama yang sentiasa diberi perhatian oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Bagi melindungi biodiversiti marin di negara kita, kerajaan telah mewujudkan Jabatan Laut Malaysia (JTLM) pada tahun 2007 untuk mengurus, melindungi dan memulihara kawasan-kawasan perlindungan marin ini.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan, antaranya menyediakan garis panduan, pelan pengurusan, program konservasi dan sebagainya bagi memastikan kekayaan sumber marin negara dilindungi dan terpelihara. Mesyuarat pertama Majlis Biodiversiti Negara (MBN) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 22 Oktober 2013 telah meluluskan cadangan projek restorasi karang di pulau-pulau seluruh negara yang dibentangkan oleh Kementerian ini. Projek restorasi

karang di pulau-pulau seluruh negara adalah sebahagian daripada usaha memulihara biodiversiti marin.

Projek restorasi karang ini bertujuan untuk membaik pulih kawasan terumbu karang yang menghadapi kerosakan. Pada masa ini Jabatan Taman Laut Malaysia sedang giat mengambil tindakan bagi melaksanakan program tersebut sejak bermulanya projek ini sebanyak 32,498 *nubbin* telah ditanam oleh JTLM di negeri yang mempunyai pulau, taman laut dengan sejumlah keluasan 2.7 ekar. Laporan yang diterima menunjukkan karang ini membesar antara 0.4 cm hingga 1.4 cm sebulan. Pihak JTLM juga telah mendapat peruntukan pembangunan sebanyak RM1.55 juta, sedikit tapi okey bagi Rancangan Malaysia Kesebelas bagi meneruskan projek ini di bawah skop projek restorasi dan rehabilitasi kawasan yang mengalami degradasi.

Selain itu, JTLM juga turut menyediakan kemudahan seperti boya, penambat dan sebagainya untuk mengurangkan kadar kerosakan terumbu karang akibat aktiviti pelancongan. Aktiviti penguatkuasaan juga dijalankan bagi mengawal pencerobohan di perairan-perairan kawasan taman laut dengan menguatkuasakan Akta Perikanan 1985, iaitu program *Communication, Education and Public Awareness (CEPA)* juga giat dijalankan bagi pihak jabatan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan pemuliharaan biodiversiti marin. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberikan jawapan sebentar tadi. Tuan Yang di-Pertua, kesan pemanasan El Nino boleh menyebabkan 90 peratus daripada terumbu karang kita terkesan. Lebih-lebih lagi apabila suhu air laut meningkat kepada 31 darjah celsius selama dua minggu maka akan menyebabkan kelunturan kepada karang kita.

Soalan saya, ialah isu *coral bleaching* ini yang kini masih berleluasa akibat daripada peningkatan suhu permukaan air laut memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak. Jadi apakah peranan masyarakat dan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dalam mengatasi isu *coral bleaching* ini dan untuk menjamin kelestarian biomarin di perairan Malaysia? Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Beliau bertanya macam juga dia pakar juga ni. Susah juga hendak jawab. Akan tetapi kita, maknanya kita berkongsi tentang sensitiviti biodiversiti marin ini yang fungsinya sangat besar. Sudah tentulah Tuan Yang di-Pertua, kerjasama daripada semua pihak. Justeru langkah awal, langkah pertama yang penting yang sedang dilaksanakan adalah kesedaran awam tentang pemahaman, penghayatan, fungsi biodiversiti marin itu sendiri seperti pembekal oksigen yang terbesar dalam dunia,

tentang bekalan makanan kepada hidupan laut, tentang sumber makanan kepada ikan yang merupakan sumber protein kepada manusia. Itu kefahaman yang perlu dikongsi bersama dan juga tentang nilainya yang besar kepada industri pelancongan. Jadi pemantauan berkala sama-sama diteruskan. Justeru perlu ada pemulihan seperti yang saya sebut tadi restorasi dengan melakukan *nubbin* iaitu pembenihan karang laut selain daripada membuat tukun tiruan.

#### ■1010

Ini akan memulihkan ekosistem tersebut dengan menumbuhkan semula marin tersebut. Tadi saya sebut kerjasama semua pihak penting sekiranya berlaku *bleaching* yang serius— ada kadar dia, perlu kerjasama daripada semua jabatan misalnya MOTAC, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia untuk menghentikan aktiviti pelancongan aktiviti manusia di tempat-tempat di kawasan perlindungan yang telah pun rosak dan sebagainya. Apa yang penting juga Tuan Yang di-Pertua, adalah kerjasama daripada semua pihak khususnya sektor swasta. Jadi saya ingin mengucapkan jutaan tahniah, terima kasih kepada khususnya dua syarikat terbesar ini PETRONAS dan juga Malakoff yang sama-sama membuat *nubbin* pembenihan karang di dasar laut. Contohnya di Pulau Besar, Mersing dan juga sebahagian di perairan-peraian Terengganu.

Dan yang paling penting Tuan Yang di-Pertua saya hendak sebut di sini ialah bahawa *marine park* ini adalah kawasan yang sangat-sangat eksklusif. Jadi pihak kementerian berpendapat bahawa akta sedia ada tidak cukup. Justeru kementerian sedang meminda— sedang berusaha untuk mendapatkan persetujuan daripada semua pihak bagi membina akta JTLM yang berkaitan dengan pemuliharaan dan penjagaan *marine park*. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita tahu antara punca yang membawa kepada kerosakan ekosistem air laut adalah pembuangan sampah terutamanya di tepi pantai dan juga di kawasan air yang menyebabkan bahan kimia atau pun bahan-bahan plastik yang menjadi punca kerosakan ekosistem. Begitu juga tumpahan minyak di permukaan air laut. Jadi saya ingin tahu adakah kajian dibuat oleh pihak kementerian? Berapa peratuskah dalam keadaan sekarang ini ekosistem terumbu karang kita masih dalam keadaan yang baik dan berapa peratuskah yang sudah rosak? Apakah tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh kementerian untuk mengatasi punca-punca berlakunya kerosakan terumbu karang di negara kita? Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua soalan tertumpu pada berapa peratus kerosakan telah berlaku. Saya ucapkan terima kasih atas

keprihatinan tersebut. Saya ada angka di sini jadi hasil daripada data pemantauan selama lapan tahun didapati peningkatan peratusan litupan karang laut telah meningkat hampir kepada tahap sebelum berlakunya fenomena kelunturan karang iaitu 49.96 peratus, berbanding 45.95 peratus. Maksudnya, dari segi kerosakan sukar untuk diukur tetapi berlaku kelunturan dengan tahap yang agak masih terkawal. Sebab itulah saya sebutkan tadi kerjasama daripada semua pihak sangat penting. Misalnya kalau berlaku tumpahan minyak di bawah Jabatan Alam Sekitar kita segera melakukan— dengan kerjasama daripada semua pihak terutamanya penguasa pelabuhan kita segera melakukan '*well combat*' itu *term* dia. Itu di antaranya. Jadi itu di antara perkara-perkara yang dibangkitkan dan lebih kurang begitulah maksudnya dari segi *figure* kerosakan berapa sukar diukur tetapi keadaan masih lagi terkawal. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, satu ketika dahulu tukun tiruan adalah pendekatan konvensional yang paling berkesan yang dilakukan oleh sama ada Jabatan Perikanan ataupun jabatan-jabatan lain bagi menghidupkan karang semula jadi. Akan tetapi di akhir-akhir ini kita dapati pendekatan ini, bajet untuk ini semakin tidak ada nampaknya dalam agenda kementerian untuk membina tukun-tukun tiruan yang boleh bukan sahaja tumbuhnya karang semula jadi di samping itu menyekat jika dibina di persisiran pantai boleh menyekat kapal-kapal pukat tarik yang haram untuk mendekati persisiran pantai.

Di samping itu juga ancaman sejenis binatang yang dipanggil dalam istilah orang kampung ini tapak sulaiman yang memakan batu-batu karang. Dia makan batu-batu karang. Apakah usaha kerajaan untuk mengatasi ini? Satu ketika dahulu merupakan satu penyakit dan satu yang sangat membimbangkan bila karang-karang ini diserang oleh tapak sulaiman dipanggil, sejenis haiwan. Apakah cara untuk mengatasi masalah ini? Sila.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara tadi. Tadi tentang kurangnya projek tukun tiruan. Sebenarnya untuk ini Tuan Yang di-Pertua, kementerian lebih menggunakan pendekatan kerjasama daripada semua pihak sebab sebenarnya sama ada membuat *nubbin* atau pembenihan karang menggunakan kerangka PVC dan sebagainya ataupun tukun tiruan menggunakan tayar, bot lama dan sebenarnya bukanlah memerlukan peruntukan besar. Kita lebih menggalakkan kepada kerjasama ataupun jemputan daripada beberapa syarikat besar seperti Malakoff dan juga PETRONAS tadi yang sama-sama turut menyumbang selain daripada *even* dengan izin, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan jabatan-jabatan lain terlibat. Banyak bot-bot

lama yang tidak terpakai boleh dijadikan tukun tiruan. Maknanya tidaklah sangat memerlukan peruntukan yang besar.

Tentang tapak sulaiman ini, sebenarnya tapak sulaiman seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Rompin jugalah sebahagian daripada hidupan laut ada fungsinya tersendiri. Yang penting adalah pemantauan daripada Jabatan Taman Laut Malaysia kalau berlaku misalnya kerosakan karang laut dengan sebab tapak sulaiman, sudah tentulah kerja-kerja pengasingan perlu dibuat seberapa segera supaya ia tidak merosakkan karang laut. Penting kita hendak alih— kita hendak pantau setiap waktu susah tetapi yang penting adalah dengan kita memantau dan mungkin juga pendekatan yang baik kita buat aktiviti *scuba diving* di kalangan masyarakat yang berminat untuk sama-sama juga sebagai sukarelawan mengalih tapak sulaiman tersebut. Sekian, terima kasih.

**2. Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah program Dakwah Islamiah yang didedahkan kepada pendakwah Orang Asli di seluruh Malaysia.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini banyak pertubuhan dakwah sama ada badan kerajaan mahupun bukan kerajaan yang memainkan peranan membangunkan masyarakat Orang Asli Islam. Antaranya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAINS), Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAINS) dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). Agensi-agensi berkaitan telah merancang dan mengadakan pelbagai program bagi memastikan para pendakwah di kalangan Orang Asli dapat menjalankan tugas dakwah dengan penuh hikmah dan berkesan.

Pemantapan dakwah di kalangan masyarakat Orang Asli Islam dilaksanakan dengan melatih dan mendidik mereka dalam aspek pendidikan, keagamaan dan penerapan nilai-nilai murni. Dalam rangka memperkasakan program dakwah kepada masyarakat Orang Asli oleh para pendakwah, JAKIM telah menganjurkan pelbagai aktiviti dan program khusus pada setiap tahun seperti Muzakarah Penggerak Masyarakat Orang Asli, Ijtimak Penggerak Masyarakat Orang Asli, Konvensyen Penggerak Masyarakat Orang Asli, wacana isu-isu semasa, kelas-kelas pengukuhan fardu ain dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tiadakah rancangan kerajaan untuk lebih memperkasakan Orang Asli ini supaya ia dapat bersama-sama dengan aliran perdana masyarakat Malaysia?

**■1020**

Contohnya dalam aspek agama Islam kita tidak lihat ada Orang Asli ini yang berkeupayaan menjadi pegawai agama ataupun menjadi imam di peringkat daerah ataupun negeri dan acara-acara lain seperti tilawah Al-Quran, majlis sambutan Maulidur Rasul. Kita tidak lihat Orang-orang Asli diketengahkan untuk memaparkan bahawa kerajaan benar-benar peka dengan kedudukan Orang Asli khususnya yang beragama Islam di Malaysia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya program-program pengukuhan dan pemantapan Orang Asli ini dijalankan secara bersepadu dengan pelbagai agensi-agensi kerajaan terutamanya Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan juga Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan Jabatan Agama-agama Islam Negeri-negeri. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga sebenarnya pada hari ini kita sudah ramai pegawai-pegawai agama dari kalangan Orang Asli sendiri termasuk imam-imam. Cuma jumlahnya kalau Yang Berhormat inginkan saya boleh berikan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kita mengetahui dakwah dan juga kita mendekati masyarakat Orang Asli bukan baru setahun atau dua tahun, lebih daripada 40 tahun hingga 50 tahun. Apa yang membimbangkan kita ialah mubaligh-mubaligh di bawah JAKIM dan dengan mungkin pengambilannya di bawah Majlis Agama Islam, kadang-kadang masuk sebulan sekali dikumpulkan masa. Jadi akhirnya apa yang berlaku, dakwah tadi ataupun ini tidak menyebabkan Orang Asli tadi boleh mendekati agama Islam. Satu lagi kalau sudah lebih daripada 40 tahun kita masuk ke kampung Orang Asli, sudah tiba masanya lebih daripada 40 tahun ini, mesti kalau ada surau di dalam sana, kita kena dirikan solat Jumaat di perkampungan Orang Asli.

Setakat ini adakah di semua perkampungan Orang Asli di Semenanjung ini telah mendirikan solat Jumaat. Minta pihak kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju dengan saranan dan pandangan Yang Berhormat. Memang tanggungjawab untuk melaksanakan dakwah dan menjaga kebajikan Orang Asli ini, dia bukan hanya terletak di bawah bahu JAKIM ataupun badan-badan tertentu semata-mata

seperti mana saya sebutkan sebentar tadi. Kita melaksanakannya secara bersepadu. Kita ada Jabatan Kemajuan Orang Asli di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kita juga ada Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam hal ehwal agama Islam.

Dalam konteks perkampungan-perkampungan Orang Asli ini juga, di mana kita mempunyai bilangan Orang Asli yang ramai, hakikatnya kita sudah pun mendirikan surau-surau dan masjid-masjid yang dibolehkan bersembahyang Jumaat. Sekali lagi saya tidak ada jumlah di tangan saya dari segi statistiknya tetapi saya boleh kepilkan kepada Yang Berhormat selepas daripada ini secara bertulis kerana kita memang ada surau-surau di perkampungan Orang Asli yang mana bilangan Orang Aslinya mencukupi untuk kita mendirikan solat Jumaat di perkampungan-perkampungan mereka. Sekian, terima kasih.

**3. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan adakah kementerian merancang untuk menyediakan maklumat berkaitan pelancongan di setiap stesen bas GoKL yang perkhidmatannya diberi secara percuma dan banyak digunakan oleh pelancong asing.

**Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui agensinya *Tourism Malaysia* akan memasukkan maklumat ringkas berkenaan dengan perkhidmatan bas percuma GoKL di dalam risalah pelancongan seperti *KL Map and Guide* dan juga *Kuala Lumpur Malaysia's Dazzling Capital City* bagi cetakan yang akan datang.

Kesemua maklumat produk pelancongan seluruh Malaysia boleh didapati di dalam risalah-risalah pelancongan terbitan *Tourism Malaysia* seumpama ini yang kita ada pelbagai risalah-risalah yang boleh didapati yang ditempatkan di pusat-pusat maklumat pelancong yang menjadi laluan bas GoKL seperti Pusat Pelancongan Malaysia iaitu MATIC, Bangunan Sultan Abdul Samad dan juga KL Sentral.

Di samping usaha kementerian ini, pihak-pihak lain seperti Persatuan Pelancongan Kuala Lumpur, Lembaga Pelancongan Kuala Lumpur dan juga lain-lain badan juga adalah disarankan dan dicadangkan untuk mengambil peluang ini untuk mengadakan pengedaran makluman kepada pelancong menggunakan platform ini. Terima kasih.



**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya juga ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang begitu jelas dan baik sekali. Yang Berhormat, tidak dapat dinafikan pengangkutan awam bas GoKL memang mempunyai potensi dan memberi impak positif terhadap sektor pelancongan.

Maka soalan tambahan saya ialah sama ada pihak kementerian akan juga memperluaskan perkhidmatan ini di stesen lain seperti teksi dan tempat-tempat dan negeri-negeri yang mempunyai ramai pelancong asing misalnya di negeri Melaka. Terima kasih.

**Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Gajah. Datang dari Alor Gajah pasti tidak melupakan datang dari negeri Melaka. Pastinya ada juga untuk Melaka. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa perkhidmatan ini adalah sebagaimana yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Alor Gajah sebentar tadi adalah berkenaan, maksudnya perkhidmatan awam ini adalah berkenaan di bawah kawal selia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Akan tetapi dari segi sudut sektor pelancongan, pelancong daripada luar negara khususnya dan juga domestik adalah disarankan untuk mereka peroleh atau dapatkan sendiri risalah-risalah pelancongan daripada pusat-pusat pelancongan daripada pejabat-pejabat Tourism Malaysia yang mana di seluruh negara ada lebih kurang 18. Di KL saja ada lima dan di Melaka kita boleh dapat di Jalan Plaza, Melaka, di pejabat kami di sana.

Ini menunjukkan bahawa sebenarnya memang tidak mencukupi. Bahan-bahan risalah ataupun bahan-bahan kempen untuk menunjukkan tempat-tempat menarik, tempat-tempat yang boleh dilawati ataupun makanan-makanan yang boleh kita edarkan untuk terutama sekali pemandu-pemandu teksi atau bukan hanya bukan pemandu teksi, beca dan sebagainya ataupun mana-mana pengangkutan awam, bolehlah diperoleh dari pejabat-pejabat Tourism Malaysia yang senarainya ada di dalam buku kempen ini. Saya pun boleh bagi pada Yang Berhormat sebentar lagi untuk makluman Yang Berhormat.

Saya kira selain daripada itu risalah-risalah juga boleh didapati dalam bentuk *e-brochure* yang boleh kita muat turun sendiri daripada [www.malaysia.travel](http://www.malaysia.travel). Ini adalah sebahagian usaha untuk kita menjimatkan kos percetakan. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya hendak mengalu-alukan murid-murid dari Sekolah SJK(T) Seaport, Kampung Lindungan, Sunway yang ada di sini dengan guru mereka, Cikgu Morgan. Di sana, sebelah sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebelah sini dari mana Yang Berhormat?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Sebelah sini belum tahu lagi. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya mengenai peranan yang dimainkan oleh GoKL. Adakah ia dihadkan hanya ke beberapa tempat atau juga ia akan *to extend* macam ke Gua Tempurung dan ke Ipoh. Ini kerana kalau kita tahu Yang Berhormat bahawa sekarang Ipoh adalah tempat yang terbaik untuk dilawati dan tempat yang terbaik untuk diduduki. *The 6th place* dalam *the whole of Asia*. Saya harap kementerian boleh memainkan satu peranan yang besar. Sebelum ini saya ada beritahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri juga bahawa Gua Tempurung di mana satu-satu gua yang luar biasa, Tuan Yang di-Pertua.

Saya pohon agar Tuan Yang di-Pertua pun melawat tempat tersebut. *It a very unique place, more beautiful and the most beautiful place in the country*. Saya harap ada galakan tertentu diberi untuk masyarakat pergi ke Gua Tempurung dan ke Ipoh. Masalah yang kita hadapi di Ipoh khususnya adalah kekurangan bas, *public buses* yang mana ramai di antara pelancong yang datang. Bukan sahaja dari luar negara tapi juga dari dalam negara.

■1030

Saya pun hairan, Tuan Yang di-Pertua, kawan-kawan saya yang ingin pergi ke Ipoh pada hari Jumaat tinggal di sana makan dan *enjoy* di sana, hari Sabtu dia balik, tetapi *complaint* mereka yang pertama adalah kekurangan bas dan sebagainya. Apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Yang Berhormat, saranan yang boleh dibuat supaya *there will be a win-win position* dalam perkara ini? Terima kasih.

**Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, melalui inisiatif NBOS, kami akan bekerjasama dengan pihak JPJ dan juga pihak SPAD dan Tourism Perak dan juga bukan hanya untuk Ipoh sahaja tetapi ini juga terpakai untuk negeri-negeri lain yang berminat untuk mempromosikan tempat-tempat menarik dan terutama sekali untuk Ipoh Barat, adanya produk pelancongan seperti Gua Tempurung pastinya sesuatu yang boleh kita terokai bersama dan boleh dijalankan kempen melalui inisiatif NBOS sebentar tadi.

Untuk soalan yang pertama tadi untuk memperbanyakkan bas itu, saya kira itu di luar bidang kuasa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tetapi kita boleh juga usulkan untuk mereka memperbanyakkan lagi supaya dapat memberi kemudahan kepada pihak pelancong-pelancong yang datang daripada luar negara dan ingin melihat ataupun merasai pengalaman dan juga menerokai tempat yang cantik seperti yang ada

di tempat Yang Berhormat. Sebarang cadangan, boleh Yang Berhormat jumpa saya, kita kopi dekat belakang nanti. Terima kasih.

**4. Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah peruntukan untuk TV Al Hijrah setiap tahun daripada 2011 sehingga 2015 dan berapakah perolehan daripada iklan yang disiarkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, TV Al Hijrah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat jaminan terhad atau dengan izin, *company limited by guarantee* kerajaan yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965. TV Al Hijrah dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan. Pada masa yang sama, ia dibenarkan untuk menjana pendapatan sendiri melalui iklan, tajaan dan lain-lain pendapatan yang bersesuaian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah geran kerajaan dari tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (RM juta)
2011	60
2012	50
2013	74
2014	38
2015	30

Manakala jumlah pendapatan iklan pula dari tahun 2011 sehingga 2015 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (RM)
2011	2,965,162
2012	2,627,812
2013	7,192,000
2014	7,413,000
2015	6,864,000

Sekian, terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Oleh kerana TV Al Hijrah ini adalah merupakan salah satu peranannya ialah untuk memperkenalkan dalam konteks *fiqh* kesenian yang menepati dengan syariah, maka iklan ialah satu daripada sumber menampung kos operasi TV Al Hijrah ini.

Persoalan saya ialah apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian ataupun pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun pihak TV Al Hijrah untuk menggalakkan syarikat-syarikat halal untuk mempromosikan produk mereka di samping masa yang sama untuk kita memperkenalkan produk mereka melalui pengiklanan TV Al Hijrah ini? Ini kerana memandangkan kalau kita lihat pendapatan daripada TV Al Hijrah punya iklan ini, saya rasa agak sedikit kalau berbanding dengan televisyen ataupun rangkaian yang lain yang hanyalah jangkannya lebih kurang maksimumnya RM7 juta semata-mata. Jadi apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan syarikat-syarikat yang terlibat dengan pengeluaran halal ini untuk iklan di dalam TV Al-Hijrah? Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya hendak mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan— daripada tadi lagi— pelawat-pelawat daripada Program Diploma Kejururawatan dan Program Diploma Teknologi Makmal Perubatan, Pusat Perubatan Universiti Malaya. [*Tepuk*]

Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya memang pendekatan dan pendirian kerajaan dalam konteks TV Al Hijrah ini supaya TV Al Hijrah bersifat apa yang saya boleh sebutkan dengan izin, *self-funded* ataupun kemandirian kewangan. Dalam konteks itu, sebab itu kalau tadi tengok daripada unjuran, berlakunya pengurangan yang drastik dari setahun ke setahun daripada tahun 2011 hingga tahun 2015, hatta tahun 2016 dan tahun 2017 yang akan datang.

Tetapi dari segi tajaan ataupun pengiklanan, kita dapat lihat peningkatannya amat baik dan selepas daripada penstrukturan dan pendekatan baru yang diperkenalkan oleh TV Al Hijrah— untuk pengetahuan juga, tahun ini sahaja sehingga bulan September, pengiklanan sudah mencecah RM10.5 juta iaitu peningkatan sebanyak 52 peratus berbanding dengan tahun lepas. Kita menjangkakan ia akan mencecah pada penghujung tahun ini sehingga RM15 juta, *insya-Allah*.

Apakah pendekatan kita dalam konteks untuk merealisasikan hasrat yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Sebenarnya antara pendekatan yang kita dapat lihat secara berkesannya program untuk mendapatkan iklan ini ialah dengan memfokuskan kepada SME-SME bumiputera-bumiputera Islam yang mahu menawarkan ataupun mempromosikan produk-produk halal mereka. Pendekatan ini dilakukan oleh TV Al Hijrah dan tidak dilakukan oleh stesen-stesen TV mana-mana ialah dengan menawarkan iklan serendah RM2,500 sahaja kepada pengusaha-pengusaha,

usahawan-usahawan Muslim bumiputera yang ingin mempromosikan produk-produk halal mereka.

Ini sahaja telah membantu mereka dan juga TV Al Hijrah, dengan izin, *win-win situation*. Daripada bulan Jun hingga Oktober 2016 sahaja, pendapatan daripada iklan yang ditawarkan bagi mereka ataupun usahawan-usahawan Muslim bumiputera yang saya sebutkan tadi sudah mencecah RM3 juta. Jadi, mungkin ada keberkatannya bila kita membantu usahawan-usahawan Muslim bumiputera yang berpendapatan kecil dengan serendah RM2,500 sahaja dalam konteks meningkatkan juga jumlah iklan dan juga perolehan TV Al Hijrah. Sekian, terima kasih.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya ingin mencadangkan supaya TV Al Hijrah mengantarabangsakan *channel* ini dengan membuat usaha sama dengan *channel-channel* di peringkat antarabangsa dan juga rangkaian-rangkaian *online* di peringkat global supaya kita dapat dalam masa yang sama mempamerkan *branding wasatiyyah* kita iaitu pendekatan negara Islam kita di dunia. Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kekanda saya Yang Berhormat Kuala Kangsar yang saya kira tidak sia-sialah orang Kuala Kangsar memilih beliau untuk hadir ke dalam Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

Saya kira cadangan itu amat baik sekali dan sudah tentu akan diambil pertimbangannya oleh TV Al Hijrah apatah lagi kita harus mempromosikan model Malaysia dalam agenda memartabatkan Islam secara *wasatiyyah* yang memang dikenali di peringkat antarabangsa. Kita tidak bersifat ekstrem ke kanan ataupun dengan izin... *[Berucap dalam bahasa Arab]* ataupun bersifat memperlonggarkan agama... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Dalam konteks inilah saya kira melalui TV Al Hijrah dengan kerjasama dan cadangan yang diberikan tadi akan diambil kira secara serius oleh pihak TV Al Hijrah. Terima kasih.

**5. Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah statistik terbaru penagih dadah bagi golongan bawah umur dan wanita sejak 2009, adakah menaik atau menurun dan apakah faktor dan langkah yang diambil bagi memastikan masyarakat tidak terjejak dalam gejala ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Terima kasih, Yang Berhormat daripada Parit Sulong.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (AADK), jumlah terkumpul penagih dadah golongan remaja berumur 18 tahun dan ke bawah sejak tahun 2009 hingga 2016 adalah seramai 5,882 orang perincian seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah (orang)</b>
2009	332
2010	2,141
2011	748
2012	419
2013	405
2014	622
2015	717
2016 (sehingga Ogos)	498

#### ■1040

Jumlah terkumpul penagih dadah golongan remaja berumur 18 tahun dan ke bawah sejak tahun 2009 hingga tahun 2016 adalah seramai 5,882 orang dengan perincian seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PENAGIH REMAJA (18 tahun ke bawah)</b>
2009	332 orang
2010	2,141 orang
2011	748 orang
2012	419 orang
2013	405 orang
2014	622 orang
2015	717 orang
Sehingga Ogos, 2016	498 orang

Jumlah terkumpul penagih dadah golongan wanita pula sejak tahun 2009 sehingga tahun 2016 pula adalah seramai 4,908 orang dengan perincian seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PENAGIH (WANITA)</b>
2009	278 orang
2010	580 orang
2011	490 orang
2012	439 orang
2013	668 orang
2014	699 orang
2015	1,013 orang
Sehingga Ogos, 2016	741 orang

Statistik bagi kedua-dua kategori tersebut menunjukkan trend turun dan naik setiap tahun. Kebanyakan penagih dadah terjebak dalam penyalahgunaan dadah disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya, perasaan ingin tahu dan juga mencari keseronokan di kelab malam. Baru-baru ini ada ura-ura yang mengatakan ramai kaum wanita ingin terjebak dengan syabu atau *ice* kerana hendak menguruskan badan.

Bagi memastikan masyarakat tidak terjebak dengan gejala ini terutamanya di kalangan pelajar sekolah, pelbagai program pencegahan yang memberi fokus kepada anak-anak muda dijalankan secara berterusan seperti berikut:

- (i) Program Intelek Asuhan Rohani yang merupakan program pendidikan pencegahan dadah untuk murid sekolah rendah;
- (ii) Program Sayang Hidup Elak Derita (SHIELD) dilaksanakan di peringkat sekolah menengah bagi meningkatkan kesedaran dan mengupayakan ketahanan diri pelajar iaitu dalam lingkungan umur 13 dan 18 tahun yang dikenal pasti berisiko tinggi dalam penyalahgunaan dadah;
- (iii) Program Sukses Matang, Aktif, Rasional dan Tanggungjawab (SMART) merupakan program yang membimbing dan mendidik belia bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta kesedaran tentang bahaya dadah dan cara hidup yang lebih positif bagi melahirkan belia bebas dadah;
- (iv) kita juga ada program bersama PLKN atau Latihan Khidmat Negara di Sandakan untuk memastikan remaja lepasan sekolah

- mempunyai kemahiran mengenai gaya hidup sihat dan mempraktikkannya kepada diri serta membantu orang lain; dan
- (v) program yang terakhir ialah program *Tomorrow's Leader* merupakan program berbentuk kesedaran bahaya dan kesan dadah yang dilaksanakan di kalangan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi dalam bentuk seminar, forum dan ceramah bagi mempunyai pengetahuan, kesedaran dan juga kemahiran kepada pelajar-pelajar universiti mengenai gaya hidup sihat tanpa dadah.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan saya. Saya hendak mengambil juga kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran rombongan PUSPANITA Parlimen Jerantut ke Dewan pada pagi ini. *[Tepuk]*

Soalan tambahan saya, saya tadi mendengar pelbagai program yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dan jawapan asal. Jadinya selain daripada program-program tersebut, apakah lagi langkah-langkah agresif KDN dalam usaha untuk mempertingkatkan kesedaran awam untuk sama-sama menangani masalah dadah ini terutamanya penagihan berulang di kalangan murid sekolah dan juga wanita di Malaysia ini. Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat. Menyentuh tentang *relapse* ataupun berulang, kalau mengikut statistik yang diberi oleh AADK memang terdapat lebih kurang 30 peratus tiap-tiap tahun kes yang berulang termasuk wanita dan juga pelajar-pelajar sekolah. Sudah pasti KDN kalau kita tengok peratus ini agak tinggi, dan kita juga hendaklah mengadakan program-program kesedaran awam yang agresif seperti penyiaran televisyen, *billboard*, media cetak, Facebook, Twitter, Youtube, *blog* dan laman-laman sesawang dan juga program bersemuka iaitu kita ada bas bergerak untuk bertemu pelanggan-pelanggan ataupun mereka yang telah menggunakan dadah. Jadi sudah pasti program ini akan membantu mengurangkan kes-kes seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu *relapse* ataupun *[Tidak jelas]* yang berlaku tentang penyalahgunaan dadah di negara kita.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang. Di sini saya ingin tanya Kementerian Dalam Negeri, adakah bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah ini. Minta penjelasan.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Yang Berhormat Bakri, memang kalau kita ada program pemulihan masyarakat dan sebagainya, memang kita melibatkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sudah pasti kebanyakan mereka



kalau kita lihat satu program yang kita adakan iaitu *Committee Empowerment*, jadi kita memberi kesedaran kepada masyarakat setempat supaya lebih sedar tentang masalah dadah yang berlaku di kawasan masing-masing. Sekian, terima kasih.

**6. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]** minta Perdana Menteri menyatakan status semasa projek pembangunan 11,530 unit kediaman di bawah program Perumahan Generasi Baharu Felda yang menelan belanja melebihi RM1 bilion.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:**  
*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*  
Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pembinaan projek Perumahan Generasi Baharu Felda (PGBF) bagi baki 11,530 unit kediaman ini dianggarkan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM899 juta. Ia merupakan inisiatif pembiayaan penuh oleh syarikat terpilih di bawah Inisiatif Pendanaan Swasta, dengan izin *Private Finance Initiative*. Pihak FELDA kini berada di peringkat akhir bagi memuktamadkan syarikat yang bakal melaksanakan projek fasa kedua PGBF ini dan ia dijangka akan dimulakan pada awal tahun 2017. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Projek ini adalah satu projek yang dicanangkan begitu lama iaitu Bajet 2013 dengan pada peringkat awal dicadangkan untuk RM1.5 bilion. Ketika itu Pengerusi FELDA dengan penuh semangat menjawab akan siap dalam tempoh empat tahun, bukan lima tahun. Akan tetapi apa yang kita lihat pada hari ini, dah tahun 2016 nak berakhir, fasa pertama pun saya nak tahu apa status fasa pertama yang sedang berjalan sekarang? Yang lama dulu jangkaan katanya 120,000. Saya mungkin hendak dapat penjelasan daripada Timbalan Menteri.

Cuma apa yang saya hendak timbulkan ialah adakah di sini isu kelemahan pengurusan ataupun isu ketelusan hingga menyebabkan terbengkalai begitu lama dan tertangguh begitu lama. Banyak mana dah yang telah diserahkan kepada anak-anak generasi kedua FELDA ini untuk setakat ini. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Tuan Pengerusi, soalan ini tentang yang kedua tetapi dia nak tanya yang pertama. Jadi saya tidak ada *detail* penuh tetapi kalau pertama dari segi penyerahan, kita dalam proses untuk menyerahkan kepada penerima, pemilik. Cuma kita tengah bantu untuk mereka mendapat kewangan pembiayaan pembelian daripada institusi kewangan. *Insyaa-Allah*

kita akan bagi sampai hujung tahun ini untuk kita serahkan. Kita sedang bincang dengan Bank Simpanan Nasional, MBSB kerana kebanyakan daripada pemohon ini tidak mempunyai slip gaji. Jadi kita kena tunjukkan penyata bahawa mereka mendapat pendapatan yang berterusan, berkala yang boleh membayar pinjaman jika diberikan pinjaman tersebut.

Kedua, ada banyak faktor sebenarnya yang telah melibatkan kelewatan. Dalam fasa pertama, kita telah melantik hampir 28 buah syarikat sebagai pengendali kepada projek-projek yang telah kita lancarkan. Namun begitu ada syarikat yang tidak berkemampuan dalam pelbagai alasan, saya pernah jawab di Dewan ini, ada yang telah pun digulung, *winding up*.

Kedua, dari segi proses untuk mendapatkan kelulusan tanah dan kita terpaksa berbincang dengan pihak kerajaan negeri. Termasuk juga tentang *locality* lokasi tapak yang memerlukan dana yang sedikit besar. Oleh sebab itu saya tidak menolak kemungkinan ataupun antara perkara faktor kewangan untuk kita mengendalikan jumlah tersebut sedikit menyumbang kepada kelewatan.

Namun begitu perlu saya nyatakan bahawa dalam kita menguruskan PGBF ini, kita juga ada beberapa inisiatif perumahan sebagai contoh Projek-projek Generasi Warga FELDA.

#### ■1050

Itu pun kita laksanakan, baru selesai pada tahun 2015. Kita juga ada Sentuhan Kasih di Tenggaroh, di Chini, di Laka Selatan dan kita juga memberi pembiayaan hampir RM1 bilion kepada peneroka yang memohon untuk membuat pinjaman membaik pulih rumah sedia ada. Jadi, keseluruhan ini dijalankan serentak. Saya percaya, kita sedang berusaha dengan kuat untuk kita menyelesaikan urusan PGBF ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. PGBF ini yang kita tahu adalah memang antara hasrat kerajaan sebenarnya untuk membantu generasi kedua FELDA yang ada di tanah-tanah rancangan ini untuk memiliki rumah masing-masing. Kita tahu juga di kebanyakan kawasan FELDA ini masih terdapat tanah-tanah kosong yang boleh diusahakan untuk didirikan rumah PGBF ini. Walaupun dimaklumkan ada beberapa masalah berkaitan dengan pembinaan projek dan sebagainya, saya ingin mengetahui, baru-baru ini Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri FELDA ada memaklumkan tentang Makmal Pemantapan FELDA. Jadi, mungkin minta Yang Berhormat Menteri, bolehkah saya tahu apakah hasil daripada perbincangan dalam Makmal Pemantapan FELDA ini, terutamanya tentang untuk mengurus balik perumahan generasi baru FELDA ini. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Makmal ini di peringkat akhir. Pembentangan telah pun kebetulan dibuat semalam yang saya tidak dapat *update* ke Dewan yang mulia ini. Saya difahamkan pihak pengurusan menerima. Antara perkara yang dibincangkan dalam Makmal Pemantapan FELDA ini adalah untuk melihat dua perkara utama iaitu mengenai pengurusan hutang peneroka yang menjadi isu sangat besar pada ketika ini. Kedua, mengenai tentang hala tuju perniagaan FELDA di masa akan datang.

Saya difahamkan kedua perkara ini telah pun hampir dimuktamadkan dan *insya-Allah* pengumuman kepada perkara ini akan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebaik kita dapat putuskan apakah kaedah-kaedah yang boleh kita beri manfaat yang saya boleh beri jaminan perkara itu nanti bakal menyelesaikan dua perkara yang saya nyatakan tadi. Keduanya, mengenai perumahan dalam makmal tersebut. Saya percaya dalam bajet tahun hadapan, FELDA disediakan RM200 juta mengenai PGBF, itu akan dapat membantu meringankan sedikit tanggungan. Oleh kerana pihak FELDA telah pun membiayai RM500 juta untuk PGBF fasa pertama yang 8,000 unit dan RM200 juta itu sudah tentu dapat membantu.

Saya mengucapkan terima kasih kerana sokongan semua pihak dalam mengenal pasti apa juga masalah bagi warga FELDA dalam makmal tersebut sudah menampakkan sedikit jalan keluarnya. Saya percaya kita semua memang mengharapkan PGBF ini dan juga pendapatan, kedudukan warga peneroka terus dapat kita bela. Terima kasih Yang Berhormat.

**7. Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah strategi yang diambil oleh kementerian untuk membangunkan syarikat-syarikat baru dalam bidang pembangunan aplikasi teknologi Internet of Things (IOT) dan Big Data Analytics yang kini mempunyai potensi yang amat besar dalam industri ICT negara.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tasek Gelugor yang berminat kepada *mission* besar negara ini. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah membangunkan Pelan Hala Tuju Strategik Internet of Things (IoT) Kebangsaan yang bertujuan untuk merealisasikan visi Malaysia sebagai pusat utama pembangunan IOT serantau dengan misi untuk mewujudkan ekosistem IoT negara. Ini adalah tugas yang telah disandarkan oleh kerajaan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Matlamat utama

adalah untuk mewujudkan industri IoT iaitu yang akan menyumbang kepada Pendapatan Negara Kasar serta menyediakan peluang pengkomersialan untuk teknologi tempatan.

Melalui inisiatif ekonomi seperti Economic Transformation Program (ETP), Government Transformation Program (GTP), Digital Malaysia (DM), Digital Lifestyle Malaysia (DLM) adalah dijangkakan teknologi Internet of Things di Malaysia akan mencatatkan perolehan tahunan sebanyak RM9.5 bilion dalam masa lima tahun yang akan datang. Jumlah perolehan ini dijangka akan meningkat kepada RM42.5 bilion menjelang tahun 2025. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Internet of Things merupakan satu sistem berasaskan internet, *sensor*, perisian dan perkakasan elektronik. Manakala Big Data Analytics (BDA) merupakan pembangunan platform pengaturcaraan komputer ataupun *computing platform development* yang khusus pada pengurusan analisis data yang amat besar. Kedua-dua IoT dan BDA saling berkaitan kerana IoT memerlukan data yang besar untuk pemprosesan dan BDA adalah platform untuk memproses data yang besar untuk IoT. Mereka adalah saling berkait antara satu sama lain.

Bagi membangunkan teknologi baru dalam bidang pembangunan aplikasi Internet of Things, termasuk Big Data Analytics (BDA), berikut adalah strategi yang telah pun diambil kira oleh pihak MOSTI. Pertama, pemangkinnya adalah teknologi IoT sebagai satu industri, membuat profil landskap industri IoT Malaysia dengan memahami sasaran dan pembekal dengan mengenal pasti keperluan dan cabaran yang ada. Segala keperluan dan cabaran yang akan dikenal pasti akan diguna pakai dalam pembentukan ekosistem industri IoT. Kedua, pembangunan industri IoT-BDA dan SMEs program kerana kita juga ingin melibatkan SME dalam IoT dan BDA ini, dan SME melalui program-program kesedaran-kesedaran IoT dan perwujudan proses idea dan inovasi SME dan usahawan pemula atau *start-up* dalam pembangunan aplikasi dan penyelesaian berasaskan IoT dan BDA. Ketiga, promosi syarikat-syarikat IoT dan BDA domestik yang berjaya di peringkat antarabangsa. Keempat, penggunaan *Open Community Data* atau Data Komuniti Terbuka melalui polisi penggunaan data dan perlindungan keselamatan dan hak data peribadi. Kelima, menggalakkan perkongsian data di kalangan syarikat-syarikat pembangunan IT. Ini penting melalui penubuhan *infrastructure* IoT yang dikenali sebagai *Open Community Data* kerana mereka kena ada komuniti *among* mereka yang dipanggil Data Komuniti Terbuka. Komuniti ini berfungsi sebagai hos kepada IoT dan BDA Malaysia.

Keenam, membina makmal-makmal. Ini sebenarnya sangat penting dalam membangunkan IoT di Malaysia kerana ini adalah strategi utama yang kita perlu lakukan

iaitu kita kena membina makmal-makmal di peringkat nasional untuk membantu SME dan usahawan-usahawan pemula untuk mempertingkatkan skala inovasi mereka dan skala *prototype* kepada skala industri yang boleh dikomersialkan. *Lab* ini sangat penting kerana mereka hendak buat *testing*, hendak menghasilkan *prototype*. Akhirnya, membolehkan mereka ini dipercayai di peringkat umum.

Ketujuh, menyediakan platform untuk pasaran cubaan dalam mempercepatkan budaya produk cubaan atau *pilot market* IoT, BDA, SME dan usahawan-usahawan pemula, *start-up* yang menghadapi cabaran kewangan dan penjenamaan. Platform ini bertujuan untuk menyediakan peluang kolaborasi antara syarikat-syarikat baru dan syarikat-syarikat besar seperti syarikat multinasional, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan penjelasan yang begitu detil dan memahami kita masyarakat di Malaysia. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Internet of Things ini ataupun IoT ini adalah merupakan satu fenomena teknologi ICT yang begitu canggih, yang menyebabkan peranti elektronik ini akan berkomunikasi sesama sendiri melalui internet dan sebagainya. Kalau kita melihat kepada penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi, prospek kepada perkembangan teknologi ini akan menjangkakan perolehan sehingga RM9.5 bilion.

#### ■1100

Ia adalah merupakan satu prospek teknologi ICT yang begitu tinggi, yang begitu besar dan begitu juga kalau kita melihat dari segi keperluannya juga adalah begitu penting sekali kerana sekarang ini dianggarkan 72.2 peratus sahaja kawasan yang dapat ditembusi dengan internet, di Malaysia maksud saya.

Jadi di sini menunjukkan bahawa prospek ini adalah amat penting sekali dan memberikan pulangan yang begitu besar dan menyediakan peluang pekerjaan yang begitu banyak. Jadi soalan saya, apakah usaha kerajaan bagi menarik lebih banyak syarikat Malaysia khususnya kerana mungkin kalau kita tidak membuat satu persediaan, maka proses ini akan dimonopoli oleh syarikat-syarikat antarabangsa dan sebagainya. Jadi kita mengharapkan, saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah usaha yang kerajaan buat untuk menarik lebih banyak syarikat Malaysia khususnya melibatkan bidang inovasi, sains dan teknologi untuk mempelopori perniagaan berorientasikan objek rangkaian internet ini supaya tidak wujud sebarang aktiviti monopoli dalam pasaran malah mewujudkan peluang yang sama rata kepada semua pihak. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali bila cerita pasal UCT ini kita mesti mempunyai satu sistem rangkaian komputer yang baik. Ini adalah satu benda yang perlu kita lakukan iaitu pasalnya Kementerian Sains melalui MOSTI, kita mempunyai kekuatan kita tersendiri untuk mempromosi IoT ini di peringkat global kerana MOSTI telah menyumbang kepada— ini kekuatan yang kita ada kerana sebelum sesuatu benda boleh kita IoT-kan, kita kena ada kekuatan dan apa yang kita miliki kerana kita kena bermula untuk meng-IoT-kan produk-produk ini yang boleh bercakap sesama mereka adalah dengan produk inovasi kita sendiri. Oleh sebab itu kekuatan yang ada pada MOSTI ada pada MIMOS, adalah merupakan kekuatan yang perlu menjadi daya tarikan utama kepada kita.

Okey, MIMOS ini adalah satu telah menyumbang kepada, kita kena rekod yang MIMOS ada. MIMOS telah menyumbang kepada agensi pembangunan industri ICT negara melalui pengenalan khidmat internet di Malaysia melalui penubuhan jaring agensi IT Kebangsaan ataupun National IT Agenda, penubuhan Multimedia Super Corridor, penubuhan cybercity di Malaysia dan pengurusan nama domain melalui MyDomain. Ini kekuatan kita. Menggalakkan usahawan-usahawan ICT melalui inisiatif *open source master plan* seperti yang diguna pakai oleh MAMPU.

Ini juga kekuatan yang perlu kita gunakan sebaik mungkin. Teknologi yang dibangunkan oleh MIMOS juga adalah merupakan suatu kebanggaan yang telah diguna pakai oleh banyak kementerian seperti Jabatan Kementerian Kewangan, KPDNKK, Kementerian Sumber Manusia, MOA, MOH, PERKESO. Ini merupakan kekuatan-kekuatan kita yang kita boleh salurkan kepada penghuni, kepada rakyat kita dan ini satu lagi benda yang kita memfailkan lebih daripada 700 paten. 180 telah diluluskan yang mana 15 persen telah pun dikomersialkan.

Dari aspek ini, ini merupakan kekuatan yang ada di MIMOS yang boleh diperkenalkan, yang mempunyai nilai lebih daripada RM1 bilion dalam masa lima tahun kebelakangan ini. Jadi ini merupakan kekuatan dan saya begitu yakin dengan kebolehan yang kita ada. Saya hendak terangkan sini sedikit lagi. Malaysia boleh turut serta dalam industri berteraskan IoT kerana dia melalui pembuatan barangan, *hardware manufacturing*. Ini kian kita ada yang boleh kita gunakan. Perekaan *design* atau *services* rangkaian *network*, rangkaian ataupun *network services*, pembangunan *software*, pembangunan aplikasi serta perkhidmatan dan perkhidmatan analitik. Ini merupakan kekuatan yang ada pada kita yang kita boleh bangunkan pada masa akan datang. Terima kasih.

**8. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah penyelesaian yang diambil bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan ubat di hospital Kerajaan kesan daripada pemotongan peruntukan bajet tahun 2016 bagi Kementerian Kesihatan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kubang Kerian, Tuan Ahmad Baihaki. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah berkenaan dengan kekurangan ubat di hospital kerajaan kesan daripada pemotongan peruntukan bajet tahun 2016 bagi Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya akui bahawa memang ada pemotongan RM380 juta dari Kementerian Kewangan tetapi setelah kita membuat rayuan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pun pulangkan balik peringkat demi peringkat dan sekarang ini sudah dapat balik semuanya, Tuan Yang di-Pertua.

Sebenarnya ubat Tuan Yang di-Pertua, kita beli secara *central contract* dan kita agih-agihkan kepada hospital dan klinik di seluruh Malaysia. Jadi tak timbul masalah kekurangan ubat-ubatan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian sedang berusaha untuk mengoptimumkan kegunaan ubat-ubat. Memang sebelum ini memang berlaku pembaziran Tuan Yang di-Pertua. Contohnya pesakit yang kronik diberi ubat sampai enam bulan. Selepas tiga bulan dia datang balik ke klinik, dia kata ubat dia rosak ataupun dia pindah ke Kuala Lumpur, dari kampung pindah ke Kuala Lumpur tinggal ubat di kampung. Jadi dia datang balik untuk dapatkan ubat.

Jadi cara ini kita banyak membazir. Oleh sebab itu dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian telah mengeluarkan garis panduan untuk mengoptimumkan perbelanjaan ubat ini.

- (i) membudayakan penggunaan ubat-ubatan secara rasional, mengelakkan poli farmasi yang tidak wajar dan memperkasakan kawalan terhadap pembekalan dan penggunaan ubat-ubat pakar. Polifarmasi bermakna satu penyakit sampai tiga, empat ubat dia pakai. Jadi tak perlu banyak begitu;
- (ii) mengutamakan perolehan dan kegunaan ubat-ubat generik berbanding dengan ubat inovator ataupun ubat original;
- (iii) meneruskan amalan bekalan ubat bagi penyakit kronik secara berperingkat. Tempoh bekalan ubat susulan harus dihadkan kepada satu bulan sahaja;
- (iv) menggalakkan pesakit membawa baki ubat semasa mendapatkan bekalan ubat susulan di kaunter farmasi. Pembekalan atau penambahan ubat akan dibuat secara *top up* terhadap baki ubat

yang sedia ada. Memang berlaku Tuan Yang di-Pertua. Bagi ubat sebulan, dia makan tak habis. Jadi dia datang balik, ada *appointment* datang balik, dia minta ubat yang baru. Oleh sebab itu kita pastikan mereka bawa ubat yang lebih itu bawa ke klinik dan boleh *top up* ke atas ubat yang sudah ada;

- (v) menggalakkan pesakit membawa ubat-ubatan yang sudah diambil apabila dimasukkan ke dalam wad. Pegawai farmasi akan menilai keadaan tersebut dan menggunakannya jika rejimen ataupun ubat tersebut masih perlu diteruskan semasa rawatan di dalam wad;
- (vi) memperketat kawalan terhadap penggunaan ubat yang memerlukan kelulusan Ketua Pengarah Kesihatan. Permohonan kelulusan KPK hanya terhad kepada ubat penyelamat nyawa dan tiada alternatif lain dalam formulari ubat-ubat KKM;
- (vii) memperkukuh perolehan penyimpanan dan penggunaan ubat-ubatan dengan memastikan tiada berlaku pembaziran Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]:** Terima kasih dan juga Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab. Terima kasih kerana kerajaan telah mengembalikan peruntukan yang telah dipotong tetapi itu tahun 2016, 2017 dipotong sekali lagi. Cuma saya merasakan bahawa pemotongan peruntukan ini tidak sepatutnya berlaku khususnya di sektor-sektor kritikal dan perkhidmatan seumpama hospital dan kesihatan ini. Bahkan sepatutnya ia semakin ditambah berikutan dengan peningkatan kes dan kos serta pesakit dan juga kemudahan hospital itu sendiri. Saya sangsi apakah ini juga sebab utama untuk kerajaan menaikkan caj rawatan di hospital-hospital kerajaan selepas ini.

Soalan saya, apakah jaminan kerajaan bahawa-ubatan yang dibekalkan akan kekal berkualiti khususnya untuk pesakit Kelas 3 yang tidak mampu untuk berjumpa pakar dengan bayar penuh. Adakah kerajaan tidak bercadang untuk menilai semula pemotongan tersebut dan memohon peruntukan tambahan dengan segera untuk menjamin kesihatan rakyat ini tidak diperjudikan? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, pembetulan. Untuk tahun depan tahun 2017, bajet yang kita bincang sekarang ini kita dapat tambahan peruntukan RM2 bilion lagi, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya, saya kira mencukupilah untuk perbelanjaan biasa, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam kita cuba hendak menjimatkan kos perubatan, kos ubat-ubatan, sekarang ini kegunaan generik dengan ubat inovator ataupun ubat original adalah kosnya lebih



kurang *fifty-fifty*, 50-50 peratus. Tahun lepas, kita belanja RM2.2 bilion untuk ubat sahaja. Tahun ini sudah mencapai RM1.9 bilion sehingga bulan Oktober.

■1110

Dalam hal penggunaan generik ini sekarang ini sudah mencapai 60 peratus jumlah jenis ubat yang generik 60 peratus dan ubat inovator ataupun ubat original 40 peratus. Kita sedang meneruskan usaha untuk menambahkan lagi ubat generik dan kurangkan ubat original. Akan tetapi syarat ubat-ubat generik ini ia mestilah bila tiap kali kita register ubat ini, daftar ubat ini dia mestilah kita *check* dia punya *bioequivalent* dia. Maknanya adakah dia sama dengan ubat original daripada segi kandungan dia. Kalau dia kurang kita tidak terima, tidak daftar. Maknanya walaupun ubat itu generik tetapi kualiti dia sama dengan ubat inovator. Ini kita usahakan dan juga kita menggalakkan *local production* Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini *local* yang kita dapat daripada sumber *local*, tempatan 43 peratus dan daripada import 57 peratus. Jadi kita akan usaha tambahkan lagi *local* Tuan Yang di-Pertua.

Bukanlah kerana kekurangan kewangan maka kita hendak naikkan caj hospital, tidak. Sebenarnya saya sudah sebut dalam surat khabar pun sudah sebut bahawa untuk kelas tiga tidak naik satu sen pun, semua tidak naik tetapi yang naik cuma kelas dua dan kelas satu. Kelas dua dan kelas satu pun yang terlibat hanya lebih kurang 30,000 pesakit dalam berbanding dengan keseluruhan jumlah ialah dua *million*. Makna 30,000 lebih kurang – makna dalam 98.5 peratus pesakit tidak terlibat langsung dengan kenaikan ini, kenaikan caj hospital. Mereka yang ada duit memang mereka hendak tempat yang lebih selesa maka mereka sendiri pilih hendak duduk di wad *second class* atau *first class*. Mereka pilih sendiri bukan dipaksa. Jadi tidak timbul masalah pesakit biasa dianaktirikan atau sebagainya Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya hendak bertanya, kerajaan memilih ubat generik kerana dilihat lebih *economic*. Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah pemilihan ubat generik ini mengurangkan kos? Bolehkah saya tahu banyak mana, berapa ratus juta, banyak mana kos yang kita boleh kurangkan, jimatkan setiap tahun dengan menggunakan ubat generik ini daripada menggunakan ubat *general* ataupun yang *pattern*.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebahagian daripada soalan saya sudah jawab sudah iaitu setakat ini kita gunakan– kos sekarang ini yang kita *anchor*, yang kita beli ialah 50:50. Di mana 50 peratus generik, 50 peratus inovator. Ini dari segi kos Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi dari segi senarai ubat itu jenis ubat 60 peratus adalah ubat generik dan 40 peratus adalah ubat inovator ataupun

ubat *original*, makna kita sudah banyak menjimatkan. Kita akan usaha lagilah untuk hendak jimatkan dan kita pastikan kualiti generik itu adalah yang terbaik, kita import yang terbaik.

Dia sebenarnya Tuan Yang di-Pertua di luar negara banyak, pelbagai tahap kualiti ubat ini *first class, second class, first grade, second grade, third grade*. Jadi kita macam mana pun kita pilih ubat yang bila datang masuk ke Malaysia dia daftar mesti kita *check* dahulu dia punya kualiti dia, *bioequivalent* dia Tuan Yang di-Pertua. Kalau sama kita terima, tidak sama kita *reject*. Jadi dalam hal ini kita turut usaha untuk hendak meningkatkan lagi penggunaan generik dan dengan cara itu kita dapat jimatkan kos kita Tuan Yang di-Pertua.

**9. Tuan Budiman bin Mohd. Zohdi [Sungai Besar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kesan-kesan positif yang telah dicapai di bawah program Penjenamaan Semula Tingkatan Enam dan bagaimanakah penjenamaan semula ini telah dapat mengetepikan persepsi bahawa tingkatan enam adalah pilihan kedua jika tidak dapat menempatkan diri di universiti awam.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar. Tiada pantun tiada puisi juga, soalan akan dilayani dengan jawapan. Harap dapat memenuhi cita rasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hebat.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Parlimen yang saya hormati, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kesan positif penjenamaan semula Tingkatan Enam boleh dilihat dari segi kuantiti dan juga kualiti. Dari segi kualiti terdapat peningkatan murid yang mendaftar di Tingkatan Enam Rendah. Jika dibuat perbandingan pada tahun 2015 seramai 51,276 murid telah mendaftar ke Tingkatan Enam Rendah. Manakala pada tahun 2016 sebanyak 57,485 pelajar telah mendaftar ke Tingkatan Enam Rendah. Selain daripada itu data enrolmen murid menunjukkan terdapat penurunan sebanyak 1.35 peratus murid yang meninggalkan Tingkatan Enam selepas mendaftar bagi Kohort murid tahun 2014 sehingga tahun 2015 berbanding Kohort tahun 2013 hingga tahun 2014.

Ini menunjukkan bilangan murid yang kekal berada di Tingkatan Enam selepas mendaftar adalah lebih tinggi berbanding tahun sebelum ini. Hal ini menggambarkan peningkatan tahap keyakinan masyarakat terhadap pendidikan Tingkatan Enam sebagai

pilihan laluan ke pendidikan tinggi di samping sebagai saluran pendidikan yang mampu membentuk modal insan berkualiti. Itu dari segi kuantiti.

Dari aspek kualitinya pula Yang Berhormat, pengenalan sistem pentaksiran baru modular STPM yang diperkenalkan pada tahun 2012 telah melonjakkan PNGK STPM bagi tahun 2013 kepada 2.54 peratus berbanding 2.33 peratus tahu sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 0.21 peratus.

Peningkatan ini berterusan sehingga tahun 2014 iaitu sebanyak 2.62 peratus dan tahun 2015 sebanyak 2.65 peratus. Ini menunjukkan penjenamaan semula Tingkatan Enam telah berjaya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Tingkatan Enam secara tradisinya Yang Berhormat menawarkan pendidikan pra universiti yang berkualiti dengan kos yang berpatutan. Melalui Tingkatan Enam, peluang pendidikan pra universiti terbuka dengan lebih luas kepada semua murid yang layak. Sijil STPM yang diperoleh oleh murid Tingkatan Enam diiktiraf oleh Cambridge UK dan juga JPA. Pengiktirafan dari Cambridge UK membolehkan lepasan STPM diterima melanjutkan pelajaran di semua universiti di dalam negeri.

Lebih membanggakan, kelulusan STPM turut diterima untuk kemasukan di semua universiti negara Komanwel seperti University of Cambridge, Oxford University, University Auckland dan lain-lain universiti yang utama. Bagi murid yang tidak mendapat peluang meneruskan pengajian di universiti, pengiktirafan oleh JPA membolehkan mereka memperoleh peluang pekerjaan sama ada di sektor awam atau swasta dengan tangga gaji yang lebih tinggi. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Di Parlimen Sungai Besar ini tidak ada Kolej Tingkatan Enam tetapi saya acap kali juga, beberapa kali diminta untuk melawat ke Parlimen Sabak Bernam iaitu kita ada Kolej Tingkatan Enam Tuanku Abdul Rahman Putra. Bulan lepas mereka membina satu galeri lukisan yang mana saya lihat banyak bakat muda, *talents* muda yang boleh dibangunkan daripada segi lukisan. Cumanya ketika saya dialog dengan mereka, mereka bertanya tentang masa depan mereka bagaimana. Iaitu apakah jaminan mereka untuk mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat IPTA.

Saya minta *respond* daripada pihak kementerian sebenarnya, berapa ramai sebenarnya daripada unjuran penambahbaikan, penjenamaan yang telah dibuat ini? Mungkin ada data terkini berapa *percent* yang melanjutkan pelajaran ke peringkat IPTA supaya setidak-tidaknya ini memberikan lebih penjenamaan bahawa dengan Tingkatan Enam juga mereka berpeluang ke universiti. Silakan.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar. Saya tidak menafikan keupayaan

dan kebolehan pelajar-pelajar Tingkatan Enam sekolah-sekolah kita. Untuk maklumat Yang Berhormat, peluang melanjutkan pendidikan mereka di universiti awam, menurut data yang ada pada kita buat masa ini purata hampir lebih 40 peratus pelajar-pelajar STPM berjaya melanjutkan pelajaran di universiti awam tempatan. Peratusan ini tidak termasuk mereka yang lepasan STPM yang melanjutkan pelajaran di IPTS dan lain-lain institusi yang ada dalam negeri dan luar negara.

■1120

Maksudnya 40 peratus ini STPM pergi ke IPTA, ada ramai lagi pelajar-pelajar lepasan STPM yang memilih bidang-bidang lain dan institusi-institusi lain. Untuk maklumat Yang Berhormat juga, hampir semua jurusan yang ada di IPTA menerima pelajar-pelajar lepasan STPM ini. Maka kebolehpasaran ataupun masa depan pelajar-pelajar STPM ini bagi saya mempunyai masa depan yang baik sekiranya mereka sungguh memberi dedikasi yang sepenuhnya untuk memastikan mendapat keputusan yang cemerlang dan dapat menempatkan diri mereka di IPTA-IPTA di negara kita. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**10. Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan berapa ramaikah kelahiran luar nikah sejak 2010. Apakah usaha-usaha daripada kementerian untuk menangani masalah ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Agensi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara ataupun LPPKN tidak mempunyai data khusus bagi kelahiran luar nikah, kes pembuangan bayi, mengandung bawah umur, penderaan seksual dan kehamilan luar nikah kerana LPPKN lebih fokus kepada program-program yang berbentuk intervensi pencegahan iaitu memberi pengetahuan dan kemahiran pendidikan, kekeluargaan dan keibubapaan serta program berkaitan kesihatan reproduktif dan seksualiti kepada remaja, keluarga dan masyarakat. Berdasarkan kepada takrifan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), kelahiran luar nikah merujuk kepada kelahiran anak tak sah taraf.

Statistik bilangan pendaftaran kelahiran anak tak sah taraf daripada tahun 2010 hingga 2015 adalah seramai 323,047 bayi. Walau bagaimanapun, bagi menangani isu-isu berkaitan remaja dan kekeluargaan, LPPKN juga merujuk kepada data-data daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi

sosial yang berkaitan isu tersebut melalui kes-kes yang dilaporkan. Ini termasuk juga kes-kes remaja yang dikendalikan di institusi JKM dan NGO serta remaja yang mendapatkan rawatan antenatal di klinik-klinik kesihatan KKM.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, bilangan kes kehamilan remaja belum berkahwin bagi tahun 2012 hingga 2015 adalah seramai 16,270 orang. Berdasarkan statistik remaja hamil Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) 2012 hingga 2015, statistik remaja hamil di tiga negeri teratas ialah:

<b>NEGERI</b>	<b>JUMLAH (Orang)</b>
Sarawak	5,246
Johor	2,427
Selangor	1,603

Justeru, Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) 2009 yang diperkenalkan bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap yang positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial. Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara telah melaksanakan pelbagai program pendidikan bagi mendidik dan mewujudkan kesedaran kepada remaja dan ibu bapa mengenai hubungan seks luar nikah dan meningkatkan pengetahuan kesihatan reproduktif remaja seperti berikut. Program ini dijalankan merupakan tindakan jangka pendek dan juga jangka panjang.

Pertama, Pusat Remaja Kafe@TEEN di bawah Program PEKERTI LPPKN telah mendirikan 16 buah pusat remaja Kafe@TEEN di 10 buah negeri iaitu di Kedah, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan, Sarawak dan Sabah. Konsep Pusat Remaja Kafe@TEEN adalah mesra remaja dan bertujuan untuk meningkatkan akses kepada maklumat serta perkhidmatan kesihatan reproduktif dalam kalangan remaja yang berumur 13 tahun hingga 24 tahun. Pusat Remaja Kafe@TEEN juga menawarkan perkhidmatan kesihatan, khidmat kaunseling, psikologi serta program pendidikan yang lain. Sehingga Jun 2016 sebanyak 21,233 orang remaja telah mendapat perkhidmatan kesihatan reproduktif daripada Kafe@TEEN.

Kedua, Program PEKERTI@PLKN. Seramai 1,303 orang jurulatih PLKN telah diberi latihan sebagai persediaan untuk sesi pengajaran dan setakat ini sehingga tahun 2015, seramai 267,131 pelatih PLKN telah mendapat manfaat daripada program ini.

Ketiga, Program PEKERTI@Sekolah. Di peringkat sekolah pula, program pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial juga namanya PEKERTI telah dijalankan kepada pelajar pendidikan khas, pelajar darjah enam serta pelajar tingkatan tiga. Seramai 683 orang guru telah diberikan latihan bermula daripada tahun 2012 hingga 2015. Hasilnya seramai 10,025 orang pelajar dari 141 buah sekolah yang mendapat manfaat daripada program ini.

Keempat, Program PEKERTI@Institut. Pada tahun 2015, program PEKERTI ini disebar luas lagi kepada pelajar kolej komuniti melalui pelaksanaan Program Rintis PEKERTI@Institut. Seramai 31 orang pensyarah daripada 14 buah kolej komuniti di seluruh Sabah dan Sarawak telah terlibat dalam Bengkel Kejurulatihan Modul PEKERTI. Hasilnya seramai 334 orang pelajar kolej komuniti telah mendapat pengetahuan dan kemahiran untuk menghindari dan mengurangkan tingkah laku seksual yang berisiko yang boleh mengakibatkan kehamilan yang tidak dirancang, penyakit jangkitan seksual dan jangkitan HIV.

Kelima, PEKERTI@IPGM. LPPKN juga telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pada tahun 2014 untuk melatih para pensyarah IPGM seluruh Malaysia bagi melaksanakan Program PEKERTI ini kepada bakal guru sekolah rendah. Sehingga Oktober 2015, seramai 2,118 orang pensyarah dan bakal guru pendidikan jasmani dan kesihatan daripada 25 buah IPGM telah mengikuti Program PEKERTI ini.

Keenam, PEKERTI@Komuniti. Program pendidikan ini juga telah diperluaskan pada tahun 2014 untuk merangkumi penghuni institusi seperti Sekolah Tunas Bakti, Taman Sri Puteri, rumah kanak-kanak, asrama akhlak pelajar, pelajar sekolah berasrama penuh, remaja dan ibu bapa di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR), pemimpin komuniti seperti Rukun Tetangga. Usaha ini merupakan bagi pencegahan awal kepada golongan yang berisiko tinggi.

Secara keseluruhannya sebanyak 55 buah program telah dijalankan sepanjang tahun 2014 hingga Disember 2015 yang melibatkan 2,257 peserta daripada kalangan remaja dan juga para ibu bapa. Bagi tahun ini pula hingga Ogos telah melaksanakan 46 program yang melibatkan 2339 orang remaja dan 12 program yang melibatkan 736 orang ibu bapa. Kementerian percaya dengan segala langkah dan inisiatif yang diambil secara bersama di antara agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti serta masyarakat dapat membendung fenomena tingkah laku seksual yang tidak sihat dalam kalangan remaja seterusnya dapat membendung peningkatan kes bayi yang dilahirkan di luar nikah di Malaysia, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang begitu panjang dan program-program yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menangani gejala sosial atau masalah apa. Ini satu masalah yang besar dan kita lihat di sini, ia adalah boleh dikatakan terlalu ramai 323,000 lebih anak luar nikah yang dilahirkan dalam masa lima tahun. Ini menunjukkan juga keadaan kehidupan masyarakat kita yang bebas, yang bersikap terlalu liberal dan hubungan bebas di antara laki-laki dan perempuan ini mungkin terlalu luas dalam masyarakat kita hingga menyebabkan banyak sangat masalah yang dihadapi oleh kita semua.

Soalan saya ialah, kita tahu selalunya benda-benda macam ini ialah berkenaan dengan kalau dalam istilah Islam ialah zina. Adakah kita takut untuk menggunakan kalimah ini, kalimah 'zina' ini iaitu hubungan seks di luar nikah sehinggakan kalimah ini sepatutnya digunakan lebih lumrah lagi supaya menggerunkan khususnya kepada semua anak muda.

#### ■1130

Apabila mengatakan zina, dia tahu akibat daripada zina ini ialah kalau mengikut hukum Islam ialah 100 rotan kepada yang belum kahwin atau yang sudah kahwin, hukumannya hukuman bunuh. Mati. Itu di dunia. Di akhirat nanti ialah neraka. Ia adalah satu dosa besar. Ini adalah suatu yang boleh menggerunkan sesiapa yang hendak melakukan kerja yang boleh menyebabkan masalah sosial ini.

Jadi adakah pihak kerajaan dalam program yang banyak itu, yang bermacam-macam itu menanamkan fahaman ini kepada anak-anak muda kita dan juga orang tua juga. Ibu bapa supaya menjaga anak-anak mereka supaya, "*Qu anfusakum waahlikum nara*". "*Jauhkan diri kamu dan juga keluarga kamu daripada api neraka*" dengan memberikan kesedaran ini. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Pasir Puteh. Berkenaan dengan penggunaan perkataan zina itu, saya percaya di pihak Jabatan Agama Islam di negeri-negeri di seluruh negara kita ini, tentunya juga mempunyai kursus-kursus yang tertentu. Bukan sahaja terhadap anak-anak tetapi juga terhadap ibu bapa. Saya percaya dan penuh yakin bahawa perkataan itu memang digunakan. Di peringkat kita pula, kursus-kursus kita, kursus pekerti kita juga menekankan tentang ilmu agama itu. Salah satu yang dimasukkan. Saya percaya juga perkara ini seterusnya kepada anak-anak yang beragama Islam akan ditekankan perkataan yang tersebut itu.

Akan tetapi saya ingin meminta kepada semua di sini bahawa jangan mengharapkan kepada kerajaan sahaja untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab

ini. Ini kerana dalam hal seperti begini, dia mestilah melibatkan keseluruhan. Ibu bapa adalah orang-orang yang utama sekali untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka. Di peringkat komuniti pula, di peringkat surau, di peringkat masjid-masjid, semua ini memerlukan ada kerjasama daripada jawatankuasa masjidnya, dengan ada sukma-sukmanya. Mestilah mengaturkan program yang sedemikian untuk masyarakat kita. Para ustaz kita yang ramai, saya percaya di kalangan sana pun ramai para ustaz dan ustazahnya yang boleh kita bekerjasama dalam menangani masalah ini. Masalah ini adalah masalah kita bersama. Dia merentasi fahaman politik kita.

Oleh kerana itu, adalah amat penting dalam usaha ini kita bekerjasama untuk memastikan anak-anak kita di masa hadapan tidak akan terlibat dengan perkara-perkara yang kita rasa ini adalah tidak sepatutnya berlaku di kalangan rakyat kita.

Akan tetapi saya ingin tekankan juga di sini bahawa bila kita sebut 300,000 tadi, ialah anak tidak sah taraf ini, tidak semestinya kesemuanya ini adalah mereka yang lahir di luar nikah. Akan tetapi oleh kerana mungkin ada permasalahan tentang acara pernikahan itu, mungkin di luar negara dan lain-lain lagi yang tidak melalui sistem yang telah ditetapkan, maka apabila mereka melaporkan perkahwinan itu, dia termasuk pula dalam tidak sah taraf itu. Mungkin kita akan kaji juga bilangan ini. Saya pun tadi berbincang dengan pegawai-pegawai bagaimana kita dapat mengatasi masalah dan kita dapat takrifan yang sebenarnya, Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, selesai pertanyaan jawab Lisan untuk pagi ini. Usul di bawah Peraturan mesyuarat 12(1), saya jemput Yang Berhormat Menteri.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.34 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan



Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2017 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Khamis, 17 November 2016.”

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:**

Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2017

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Anggaran Pembangunan 2017 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis” *[Hari Keenam]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Maksud B.23 [Jadual] -**

**Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kepala Bekalan B.23 dan Kepala Pembangunan P.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**11.36 pg.**

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 010200 – Pengurusan Sumber Asli, Butiran 010300 – Pengurusan Alam Sekitar, Butiran 040000 – Mineral dan Geosains,

Butiran 060200 – Pendidikan dan Penyenaiaan Alam Sekitar dan akhir sekali Butiran 090100 – Taman Laut.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi, Malaysia amat bergantung kepada air sungai. 90 peratus daripada sumber air di Malaysia adalah berpunca daripada aliran sungai. Laporan dari Kajian Sumber Air Kebangsaan 2000/2050 oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), lima buah negeri iaitu Kedah, Melaka, Perlis, Pulau Pinang dan Selangor dianggap mudah terjejas dan mula mengalami defisit aliran sungai sejak tahun 2010. Lebih memburukkan keadaan ialah pencemaran air yang disebabkan oleh sisa kumbahan sebanyak 47.8 peratus di samping perubahan taburan hujan dan peningkatan paras air laut.

Antara cabaran utama kepada pengurusan sumber air adalah Malaysia mempunyai kadar *Non Revenue Water* (NRW) yang tinggi. Kadar NRW di Malaysia adalah sebanyak 36.6 peratus. Kadar ini adalah lebih tinggi berbanding dengan Thailand sebanyak 25 peratus, Perancis sebanyak 26 peratus dan Singapura sebanyak lima peratus. Kadar kehilangan NRW ini telah menyebabkan kerugian dalam konteks kos pengeluaran industri air berjumlah RM2.5 bilion. Saya mohon bertanya kepada kementerian, apakah perancangan strategik pihak kementerian dalam menurunkan kadar NRW bagi menjamin kelangsungan sumber air di Malaysia.

Sekarang saya merujuk pula kepada Butiran 010300. Malaysia adalah sebuah negara yang memiliki kepelbagaian sumber alam. Di Malaysia terdapat kira-kira 15,000 spesies tumbuhan vaskular dengan kira-kira 8,300 spesies di Semenanjung Malaysia dan kira-kira 12,000 di Sabah dan Sarawak. Kepelbagaian fauna pula diterjemahkan dengan 307 spesies mamalia di mana 30 spesies daripadanya hanya boleh didapati di Malaysia. Walau berat untuk diakui bahawa pembangunan dan *progress* yang Malaysia telah kecapai dan mahu atau tidak, masa akan datang merupakan musuh utama kepada usaha untuk mengekalkan kepelbagaian biologi di Malaysia. Namun itulah hakikatnya.

Promosi transisi dari sebuah negara pertanian kepada negara membangun dan sedang mengejar menjadi negara berpendapatan tinggi telah banyak menjadikan biodiversiti kita sebagai *trade-off* kepada pembangunan. Kita lihat sahaja apa yang telah berlaku kepada hutan kita. Dari tahun 2000 hingga 2012, Malaysia kehilangan 14.4 peratus dari hutannya dan kadar ini membimbangkan. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sarawak di atas usaha Ketua Menteri Sarawak

yang begitu giat membantu dan juga melawan hal-hal mengenai *illegal logging* di negeri tersebut.

■1140

Soalan saya, apakah perancangan kerajaan untuk menyeragamkan visi pembangunan mapan di peringkat persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan bagi memastikan usaha mengurus biodiversiti mencapai sasaran?

Butiran 040000 – Mineral dan Geosains. Sumber mineral adalah sumber semula jadi yang penting dalam kehidupan kita. Ia terbentuk melalui proses yang jeda masanya memakan ribuan atau jutaan tahun. Sumber mineral adalah asas bahan utama untuk kemandirian sosial dan pembangunan tamadun manusia. Di dalam satu pembentangan yang bertajuk *'Importance of Establishing Mineral Resource Database - Case Study: China Mineral Resources Potential Assessment Project'* telah menggariskan beberapa kepentingan untuk memiliki pangkalan data berkenaan dengan sumber mineral negara. Antaranya adalah:-

- (i) membangunkan trend penggunaan tenaga baru dan melakukan perancangan strategik bagi membangunkan asas sumber mineral pada masa depan;
- (ii) menyediakan platform saintifik bagi meneliti dan merangka strategi pengurusan sumber manusia negara dan pelan pertumbuhan sosioekonomi jangka panjang; dan
- (iii) mengawal semua prosedur pembangunan dan penggunaan sumber mineral untuk mengurangkan kemusnahan alam sekitar dan sumber mineral negara.

Dalam kertas strategi RMKe-11 telah pun diperakui bahawa maklumat dan data untuk menyokong pengurusan dan pemulihan sumber asli adalah tidak mencukupi. Selain itu, data-data berkenaan dengan sumber mineral dan hasil kajian sumber mineral disimpan oleh pelbagai agensi tetapi tidak disebar dengan luas. Soalan saya dan saya mohon kepada kementerian, adakah kerajaan telah mempunyai pangkalan data khusus bagi tujuan menyimpan data berkenaan sumber mineral? Jika tiada, mohon untuk disegerakan. Kedua, adakah Malaysia mempunyai tenaga pakar yang mencukupi dalam bidang pengusahaan dan kajian sumber mineral?

Seterusnya Butiran 060200 – Pendidikan dan Penilaian Alam Sekitar. Satu perkara yang kita perlu akui adalah selagi manusia berinteraksi dengan alam sekitar, selagi itulah akan wujudnya isu alam sekitar. Ini juga membawa maksud bahawa tahap kesefahaman, kesedaran masyarakat terhadap masalah alam sekitar merupakan faktor yang penting sekiranya kita mahu membawa perubahan positif kepada alam sekitar di

Malaysia. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian atas usaha-usaha yang meletakkan negara antara negara yang peka dengan usaha membantu hal-hal dalam alam sekitar.

Pertamanya ialah pendidikan alam sekitar kepada kebanyakan sekolah dalam bentuk kempen-kempen bersepadu. Semenjak tahun 2005, *National Strategic Plan for Solid Waste Management* diperkenalkan di mana kita mengadakan Kempen *Go Green* iaitu *Reduce, Reuse and Recycle* (3R) dan hari tanpa beg plastik. Malaysia juga telah melancarkan kempen di seluruh negara untuk menanam 26 juta batang pokok menjelang tahun 2014. Pada tahun 2013, Malaysia telah menyertai Kempen Earth Hour juga dan responsnya sangat baik sekali. Persoalan saya adalah, sejauh manakah keberkesanan kempen-kempen alam sekitar ini yang telah dianjurkan oleh kerajaan? Saya lihat banyak baiknya tetapi mesti dipergiatkan lagi. Kedua, adakah kerajaan membuat kajian berkenaan dengan peningkatan tahap kesedaran masyarakat terhadap setiap kempen yang telah dilaksanakan?

Akhir sekali ialah Butiran 090100 - Taman Laut. Tahun ini Malaysia telah membuka taman laut yang terbesar di negara iaitu Taman Tun Mustafa seluas 1 juta hektar. Ia mempunyai 250 spesies karang, sekitar 360 spesies ikan, penyu terancam hijau dan dugong serta hutan hujan primer, paya bakau dan rumpai laut. Saya merasakan taman laut kita ini sentiasa menghadapi ancaman bukan hanya daripada fenomena El Nino tetapi juga daripada *sedimentation* dengan izin, penebangan *mangrove* dan juga penangkapan ikan menggunakan peledak dan *cyanide* dan kotoran-kotoran yang ada dalam laut dan penyalutan *algae* yang menyumbat pertumbuhan terumbu karang. Perkara-perkara ini kalau tidak dikawal ia akan menyebabkan usaha-usaha kerajaan yang bersepadu di bawah apa sahaja rancangan tidak akan berjaya.

Saya ingin penjelasan daripada kementerian, apakah insentif kementerian untuk menggalakkan usaha-usaha NGO-NGO yang berkaitan dengan pemulihan atau *preservation of* terumbu karang di taman laut kita? Saya mempunyai cadangan iaitu cadangan-cadangan untuk bertindak bersepadu dengan negara-negara yang begitu pakar mengenai hal-hal menjaga taman-taman laut ini seperti USA yang giat berusaha dalam usaha ini dengan menggunakan *high resolution satellite imaging* dan *GPS technology digital maps of waze and coral reef boarding system* digunakan untuk membantu usaha kementerian untuk memulihkan kawasan terumbu karang ini. Kita perlu menjadi *champion* dalam usaha di rantau ini supaya persepsi imej negara dalam hal-hal alam sekitar cemerlang. Terima kasih, saya turut menyokong.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi:** Sila. *Kasi Yang Berhormat Bandar Kuching* dulu. Selepas itu baru *Yang Berhormat Kinabatangan*.

**11.46 pg.**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sebut tentang Butiran 040000 – Mineral dan Geosains di bawah Bekalan B.23. Selama itu kita maklum bahawa itu *mining* adalah di bawah bidang kuasa negeri khususnya untuk Sarawak. Saya dimaklumkan bahawa adalah tahun ini Jabatan Mineral dan Geosains telah mengawal pengeksporan batu dan juga pengeksporan tanah liat daripada Sarawak, dan pasir juga.

Kebelakangan ini hanya seminggu lalu seorang peniaga, pengeluar, pengeksporn tanah liat beliau telah menempah sebuah kapal besar untuk memuat dan jual itu eksport tanah liat kepada negara di UEA. Semasa kapal ini datang, kastam memaklumkan beliau bahawa beliau perlu memperoleh satu permit dari Jabatan Mineral dan Geosains sebelum beliau boleh mengeksport tanah liat ini. Tuan Pengerusi, ini akhirnya kerana masa yang tidak cukup akhirnya tanah liat – kapal ini dihantar balik, *empty vessel*.

Bukan sahaja ini satu perkara sahaja – apa yang lebih penting adalah kuasa untuk menguruskan perniagaan atau penjualan mineral dan tanah, batu-bata ini adalah di bawah kuasa negeri Sarawak. Saya berasa amat kesal kerana sudah dua tahun Kerajaan Negeri Sarawak telah melaungkan hendak mempertahankan kuasa negeri. Kuasa autonomi negeri atas apa-apa di bawah bidang kuasa negeri. Akan tetapi kita ada seorang Menteri dari Sarawak yang mengambil jawatan Menteri, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Jabatan Mineral dan Geosains ini adalah di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Akan tetapi walaupun ini merupakan polisi ini merupakan satu pencabulan terhadap kuasa negeri, beliau membenarkan polisi ini dijalankan.

■1150

Kalau polisi ini dilanjutkan, maka penjualan mineral, batu, pasir, tanah liat ini daripada Sarawak akan dikawal oleh jabatan Kerajaan Persekutuan.

Inilah langsung tidak masuk akal dan ini langsung tidak memadai atas dengan apa yang disebutkan oleh Ketua Menteri Sarawak. Saya haraplah, *Yang Berhormat Menteri Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar* janganlah lupakan beliau, selain daripada memegang jawatan sebagai Menteri Kerajaan Persekutuan, beliau juga orang Sarawak dan haruslah mempertahankan hak-hak dan apa-apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, menjaga dan mempertahankan *interest* negeri Sarawak.

Janganlah biarkan jabatan Kerajaan Persekutuan hendak mengawal aktiviti-aktiviti peniagaan, pengeksportan pengurusan mineral, sumber asli negeri Sarawak, sehinggakan rakyat Sarawak terjejas aktiviti komersial mereka.

Saya rasa Yang Berhormat dari 'Sri' Gading, dan Yang Berhormat Sri Aman juga akan- Yang Berhormat Mas Gading, dan Yang Berhormat Sri Aman juga bersetuju dengan saya atas ulasan saya mengenai perkara ini, dan saya haraplah mereka boleh sampaikan mesej ini kepada rakan beliau iaitu Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Ini supaya- *let us protect our Sarawak interest*. Janganlah kuasa negeri Sarawak terjejas.

Oleh itu, saya haraplah nanti di jawapan, Yang Berhormat Menteri sendiri boleh datang supaya memberi penjelasan, dan memberi jawapan atas kenapa polisi yang baru ini dilaksanakan tahun ini, selepas apa yang telah disebutkan oleh Ketua Menteri iaitu bos dia, Presiden Parti beliau, bahawa kita hendak mempertahankan hak Sarawak. Ini bukan sahaja permit harus diperoleh dari Jabatan Mineral dan Geosains untuk pengeksportan tanah liat dan batu sahaja, akan tetapi ada fi yang akan dikenakan. Fi RM1 lebih, satu tan akan dikenakan atas pengeksportan bahan-bahan ini. Ini tidaklah adil kepada kita orang Sarawak dan juga tidak adil kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Oleh itu, saya harap Menteri boleh datang sendiri. Janganlah apa yang disebutkan oleh Ketua Menteri beberapa bulan lalu bahawa *the MP's in Sarawak, MP's in Parliament are sleeping*. Maksud saya 'tidur', sehinggakan hak-hak Sarawak, keistimewaan Sarawak...

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Eh, tarik baliklah, *don't accuse like that*.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Keistimewaan Sarawak telah terhakis, dicabuli.

**Seorang Ahli:** Ya betul.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Oleh Kerajaan Persekutuan tapi mereka duduk dalam Parlimen tidur sahaja, tidak buat apa-apa. Hal ini bukan sahaja tidur tetapi beliau melaksanakan polisi ini yang menghakis dan mencabuli hak negeri Sarawak.

Oleh itu, saya haraplah Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Yang Berhormat daripada Santubong boleh datang sendiri untuk menjawab persoalan ini, supaya boleh kita dapat satu penjelasan yang lebih tepat.

Perkara kedua yang saya ingin sebutkan mengenai pengaliran dan saluran. Saya ingin tanya, apa terjadi kepada projek *flood mitigation canal* yang dijalankan separuh di kawasan Bandar Kuching. Di mana Bandar Kuching sekarang sering dilanda banjir akibat daripada hujan lebat. Oleh itu, saya nampak tidak ada peruntukan di bawah

butiran-butiran perbelanjaan, dalam peruntukan pembangunan... *[Disampuk]* Siapakah kata tidak perlu? Siapakah kata tidak perlu?...

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Putatan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Oh, Yang Berhormat Putatan kah kata tidak perlu. Saya rasa ini tidak akan disetujui oleh rakan-rakan beliau dari Sarawak. Ini semua kita ini untuk kebaikan Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh[Putatan]:** *[Bangun]*

**11.55 pg.**

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Duduk Yang Berhormat Putatan *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa perkara iaitu rancangan pembangunan sungai, pembangunan sumber air negara, pengurusan alam sekitar, dan pengaliran dan saliran.

Tuan Pengerusi, sama ada kita sedar atau tidak, dunia pada hari ini yang kita duduki ini tidak lagi selamat untuk kita duduki. Ini sebab, hari demi hari semakin terhakis, semakin dicemari oleh tangan-tangan manusia yang rakus, dan cuma memikirkan kebendaan dan kepentingan diri mereka. Mereka tidak sedar perbuatan ini Tuan Pengerusi, tempiasnya kepada seluruh rakyat negara kita.

Persoalannya, adakah kementerian bersedia berhadapan dengan hakisan seumpama ini? Apakah langkah-langkah kita untuk mencegah? Ini sebab sebagai contoh kita dianugerahkan dengan berbagai-bagai bentuk sungai, Sungai Sarawak, Sungai Kinabatangan. Dua buah sungai ini Tuan Pengerusi, Sarawak sungai terbesar di Malaysia, Sungai Kinabatangan nombor dua. Akan tetapi sungai-sungai ini dicemari. Di Kinabatangan dulu Sungai Kinabatangan ini sepanjang 575 kilometer ini jernih, sekarang dia macam *Milo* kosong.

Jadi, saya nampak tidak ada perancangan daripada kementerian. Ke arah bagaimana hendak untuk menyelesaikan masalah ini? Sebab sungai ini anugerah yang diamanahkan oleh Allah kepada kerajaan, kepada kita berterus-terusan...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ada, tapi tidak ada duit.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi - hah, ini masalah besar Yang Berhormat Putatan *[Ketawa]* Macam mana kehidupan - dulu ikan, udang banyak di Sungai Kinabatangan sekarang berkurangan. Ini sebab sisa toksik dari kilang-kilang kelapa sawit ditumpahkan di Sungai Kinabatangan. Tebing-tebing Sungai Kinabatangan ditanam dengan kelapa sawit. Tidak ada tindakan.

Satu ketika dahulu, mungkin semasa Penggal Kedua saya menjadi Ahli Parlimen, waktu itu Menteri dia Yang Berhormat Dato' Azmi Khalid, saya bawa ke Kinabatangan, kita buat *road show*, kita tumbang kelapa sawit di tebing-tebing sungai tetapi setakat itu tidak ada lagi tindakan. Jadi ini menampakkan Tuan Pengerusi, generasi anak bangsa kita tidak selamat menduduki dunia ini lagi. Galaksi hampir terhakis, terhilang. Ozon telah nipis dan akan membakar bumi ini tidak lama lagi.

Oleh sebab itu, saya meminta kementerian berikan saya jawapan, langkah-langkah yang komprehensif yang boleh memberi jaminan bahawa anak bangsa saya di Kinabatangan, generasi mereka terjamin kehidupan mereka, dan tidak dicemari oleh pencemaran-pencemaran yang tidak diingini.

Satu lagi pengaliran dan saluran. Memang betul saya setuju dengan Yang Berhormat Bandar Kuching kawan saya. Bandar kita sekarang ini asal hujan satu hari satu malam itu akan bermakna bandar itu akan ditenggelami oleh banjir. Pembangunan makin bertambah, jalan raya tetapi saluran air tidak bertambah. Jadi seharusnya perancangan antara kementerian ini dengan majlis-majlis bandar raya itu harus selari. Kalau tidak selari ini musim tengkujuh kita akan lihat mungkin Kuala Lumpur pun akan tenggelam satu ketika nanti, dan mungkin bandar-bandar yang lain akan tenggelam.

Jadi ini amat mendukacitakan. Banyak juga bandar-bandar di dunia ini, bandar raya tetapi hujan lebat dua, tiga malam pun tidak tenggelam. Akan tetapi kita di Kuala Lumpur- ini memang menjadi masalah. Apabila hujan berterusan maka ia terus akan mengakibatkan bandar itu akan ditenggelami air.

#### ■1200

Jadi, ini pada saya merupakan satu perkara yang harus dilihat secara serius oleh kementerian. Kajian, kalau kita tidak ada kepakaran dalam bidang-bidang ini. Maka, kita harus panggil dari mana-mana pakar untuk membantu kita menyelesaikan masalah-masalah yang kita hadapi. Satu lagi Tuan Pengerusi, iaitu bagaimana pemulihan alam sekitar sebab kita akan nanti selepas tengkujuh kita akan berhadapan dengan jerebu dan sebagainya. Saya tengok kita ini mempunyai undang-undang yang sedia ada yang cukup baik.

Akan tetapi apabila melaksanakan undang-undang itu kita tidak terkandas di situ. Kita *halfway*. Separuh jalan kita telah tidak nampak. Ini kerana saya tidak nampak ada didakwa di mahkamah dengan pencemaran ini. Kilang-kilang yang mengeluarkan kepulan-kepulan asap yang melebihi, tidak ada didakwa. Saya tidak tahu. Saya mahu tahu berapa banyak pengusaha-pengusaha yang telah didakwa, diheret ke mahkamah oleh kementerian kerajaan.



Kalau tidak, kalau kita pergi China Tuan Pengerusi, kita bernafas pun sesak nafas. Majoriti bandar raya di China memang begitulah. Oleh sebab pencemaran, memandangkan mungkin ia punya populasi itu terlalu banyak, jadi pencemarannya pun memang boleh tahan. Cuma...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat. Berdiri di belakang.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya bersetuju apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan iaitu mengenai soal alam sekitar. Cuma saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, saya akui di peringkat Kerajaan Persekutuan, kita ada pelbagai undang-undang tetapi pembangunan dan pencemaran tetap berlaku tanpa seakan-akan undang-undang ini dihormati dan ditakuti.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, adakah seakan-akan bahawa tidak cukup lagi setiap denda ataupun kuat kuasa undang-undang ataupun seakan-akan mereka hiraukan peranan Kerajaan Pusat kerana soal berkaitan dengan tanah, sungai dan sebagainya adalah di bawah kerajaan negeri. Saya mohon pandangan Yang Berhormat Kinabatangan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Soalan yang baik daripada Yang Berhormat Kuala Selangor. Di sinilah betulnya kita perlu ada penyelarasan di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri. Oleh sebab dia hampir bertindih dia punya peranan masing-masing. Jadi, apabila berlaku sesuatu yang membimbangkan kerajaan negeri kata, *"Oh! Ini bukan kita, ini Kerajaan Persekutuan"* Kita mengadu dengan jabatan agensi, *"Oh! Ini bukan bidang kita, ini bidang kerajaan negeri"*. Jadi di sini sebetulnya penyelarasan itu perlu ada. Oleh sebab kalau tidak ada penyelarasan, bermakna masa depan anak bangsa kita tidak terjamin. Itu sebab Tuan Pengerusi, kalau kita melawat negara-negara di luar, di Eropah contohnya.

Kita tengok bagaimana mereka pelihara sungai-sungai mereka. Sungai mereka boleh jadi pusat riadah, airnya jernih. Kita turun di Kuala Lumpur ini Tuan Pengerusi, airnya. Sungai Kuala Lumpur seharusnya boleh dipulihkan, boleh dicantikkan tetapi kita tidak fokus ke arah itu. Jadi, saya tidak tahu sama ada ini di bawah kementerian ini kah? Di bawah Kementerian Wilayah kah? Akan tetapi, pokoknya sebab ada di bawah Kementerian Wilayah kah, kementerian ini kah. Mereka harus berkolaborasi, kerjasama untuk mempertingkatkan kualiti air dan tebing-tebing sungai kita. Sama-sama. Buat *Blue Ocean Strategy*.

Jadi, tidaklah rakyat tertanya-tanya. Tidaklah pembangkang menghentam kerajaan sebab kita urus dengan baik. Akan tetapi kalau kita urus dengan baik, tidak

perlu pembangkang bersuara. Kita pun akan menyuarakan bahawa kerajaan telah melupakan tanggungjawab mereka untuk membangun seharusnya ini tugas dan peranan mereka. Pada saya, bandar yang cantik apabila anak-anak sungai, dia dapat dipelihara. Air dia jernih bersih, kita buat riadah pun kita senang hati tetapi kalau kita pergi riadah tebing sungai air tidak menentu. Kita terlalu kedekut untuk berbelanja untuk mempertingkatkan kualiti alam sekitar ini. Pada saya, itu satu perkara yang amat mendukacitakan.

Jadi, Tuan Pengerusi walaupun saya tidak berapa senang hati tetapi saya minta agar kementerian dan juga mana-mana agensi yang terlibat supaya bekerjasama untuk memastikan bahawa pemeliharaan alam sekitar pembangunan sungai kita dapat dipertingkatkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bukit Bintang.

**12.05 tgh.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 050000 – Perhutanan Maksud Bekalan 23, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di mana sejumlah RM30,973,800 telah diperuntukkan bagi Bajet 2017 iaitu berkurangan dari peruntukan 2016 yang menerima RM32,353,200. Ini bererti Jabatan Hutan terpaksa menyekat turun tanam urusan perhutanan negara ini. Apakah lagi untuk diagihkan ke setiap negeri-negeri, maka peruntukan itu semakin mengecil. Di Wilayah Persekutuan, dalam kawasan saya Parlimen Bukit Bintang terdapat hutan simpan Bukit Nanas. Bukit Nanas ini hutan simpan ini hanya satu hutan simpan di dunia dalam Bandar raya Kuala Lumpur ini.

Hutan simpan perkara ini, mula dibuka pada tahun 1906. Dengan keluasan asalnya ialah 17.5 hektar dan kini tinggal hanya 9.3 hektar kerana dihipit dengan hutan batu. Kawasan hutan ini, tadi saya kata salah satu hutan menjadi Taman Eko Rimba asli jenis diteroka bawah satu terminologi yang sentiasa dikunjungi oleh para pengunjung yang datang dari dalam atau di luar negeri. Ini amat sesuai untuk berehat dan menikmati kedamaian dan keindahan alam semula jadi.

Saya dan rakan-rakan saya, Ahli Parlimen dari Seputeh, Cheras dan Segambut pernah melawat Taman Eko Rimba Bukit Nanas dan difahamkan hanya peruntukan tahunan RM200,000 sahaja diberikan kepada Jabatan Hutan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk menguruskan Taman Eko Rimba Bukit Nanas. Ini satu peruntukan yang amat kecil bagi melepaskan batuk di tangga sahaja sedangkan taman rimba ini berpotensi dimajukan dengan lebih giat untuk menarik ramai pelancong untuk mengunjungi ke situ.

Oleh kerana di Kuala Lumpur ini kita kurang produk untuk pelancongan, saya rasa dengan membangunkan Taman Eko Rimba Bukit Nanas ini boleh menjadi salah satu produk untuk menarik lebih ramai pelancong-pelancong dari luar negeri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Bukit Bintang. Hari itu, bila keempat-empat Ahli Parlimen Kuala Lumpur pergi melawat hutan simpanan Bukit Nanas itu. Baru saya sedar, kami telah pun duduk di Kuala Lumpur lebih setengah abad. Baru kita sedar, wow! Kita ada satu hutan simpanan di Bukit Bintang, di pusat bandar kita. Saya percaya semua yang Ahli-ahli Yang Berhormat ini tidak pernah pergi ke tempat itu dan saya rasa waktu yang buka untuk lawatan ke hutan simpanan itu adalah *working hours*, ia tutup pada 5.30 petang. Bagi saya siapa ada masa pada siang hari, pergi melawat tempat itu.

Jadi, pada pandangan saya kalau kita hendak promosi orang ramai khususnya kanak-kanak untuk mencintai alam sekitar, kita sepatutnya bagi yang waktu pembukaan itu lebih lewat lagi. Mungkin jabatan berkenaan perlu adakan lampu-lampu di sana supaya selepas kerja, ramai boleh pergi sana untuk bersenam.

#### ■1210

Saya juga rasa hairan bila kami bertanya pegawai di sana, berapa kekurangan itu kerana kami melawat tempat itu. Ini kerana dikatakan pada tahun depan siapa yang hendak masuk kena bayar. Manakala bagi orang asing, pelancong asing kena bayar RM40 untuk melihat hutan, masuk hutan. Siapakah akan pergi? Kekurangannya hanya RM200,000 sahaja. Sejumlah RM200,000 sebenarnya persekitaran macam ada Telekom Malaysia ada banyak hotel yang besar, khazanah dan sebagainya. Sebenarnya Jabatan Perhutanan dan kementerian harus minta derma daripada syarikat-syarikat besar ini...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Apakah pandangan Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi:** Hah ini macam.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ... Yang Berhormat Bukit Bintang tentang cadangan saya ini supaya yang kita minta GLC di persekitaran untuk menyokong...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia belum minum pagi itu. Dia belum minum pagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:**...Hutan simpanan itu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini bukan ceramah DAP tahu.

**Tuan Pengerusi:** Dia lupa terus Yang Berhormat Bukit Bintang sebelah itu.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Yang Berhormat Seputeh, ucapan dia masuk ucapan saya. Walaupun terdapat jambatan gantung dan menara untuk meninjau hutan tetapi tidak mencukupi. Kemudahan asas seperti meningkatkan laluan denai hutan, papan tanda memperkenalkan spesies-spesies pokok di dalam hutan boleh menarik lebih pelancong datang mengunjungi. Oleh itu, saya mencadangkan supaya peruntukan tahunan untuk memelihara dan menguruskan hutan simpan ini serta membangunkan dan ditambah lagi sekurang-kurangnya sebanyak RM1 juta. Ini kerana selain berkunjung ke Menara Kuala Lumpur, di sebelahnya untuk para pelancong melihat panorama dan pemandangan Bandar Raya Kuala Lumpur, para pelancong juga boleh melawat Taman Eko Rimba Bukit Nanas dalam sekali jalan sahaja.

Tuan Pengerusi, saya merujuk Butiran 060000 – Alam Sekitar yang mendapat peruntukan RM93,622,300 sedangkan tahun 2016, Jabatan Alam Sekitar mendapat peruntukan RM122,672,600 iaitu jabatan berkurangan peruntukan sebanyak RM29 juta. Kemudian kita bercerita bahawa Jabatan Alam Sekitar kurang berkesan dan tidak tegas dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab. Peningkatan kes-kes pencemaran oleh alam sekitar, pembuangan bahan toksik dalam sungai dan sumber air sedangkan peruntukan tahunan jabatan semakin mengecil. Oleh itu bagaimanakah bahagian pengawasan dan penguatkuasaan boleh bekerja dengan berkesan?

Di Kuala Lumpur, kes-kes seperti kes kacau ganggu, bunyi bising pusat hiburan dan pembakaran asap restoran sering diuar-uarkan. Kita juga sering diganggu dengan pembakaran terbuka negara jiran Indonesia menjadikan ruang udara negara kita berjerebu dan membahayakan kesihatan. Apakah langkah kementerian yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

Kilang Ajinomoto di Jalan Kuchai Lama selalu mengeluarkan wap busuk daripada kilangnya dan mencemarkan udara di sekitar. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, bolehkah kementerian mengambil tindakan terhadap syarikat ini oleh sebab banyak aduan diperoleh di sekitar yang duduk di tempat itu. Sekian terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Eh, nanti. Yang Berhormat Bukit Bintang, kilang Ajinomoto itu, saya sudah banyak kali hendak minta jumpa pengurus syarikat itu tetapi tidak dilayan. Mungkin pihak kementerian...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Pi sembang, sembang dekat luarlah, sembang sebelah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Boleh hantar pegawai untuk datang siasat tentang bau dan juga benda yang *discharge* ke dalam sungai dan kolam berdekatan. Apakah pandangan Yang Berhormat Bukit Bintang?

**Tuan Pengerusi:** Ada lima saat Yang Berhormat jawab, lima saat.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Yang Berhormat Seputeh, saya setuju dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Seputeh meminta kementerian ambil tindakan atas aduan yang kita utarakan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kota Samarahan.

### 12.15 tgh

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang untuk saya bersama-sama berbahas di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya terus kepada Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar. Tuan Pengerusi, fenomena air pasang besar dan hujan lebat yang berterusan setiap tahun di kawasan kita sering menyebabkan kejadian banjir baik banjir yang sedia ada malah juga banjir kilat di kawasan-kawasan perumahan.

Bagi negeri Sarawak khususnya di daerah Kuching, Serian dan Samarahan pada awal dua bulan tahun ini kita telah mengalami empat kali banjir. Kota Samarahan merupakan sebuah bandar baru yang mencatatkan pertumbuhan bukan sahaja dari sudut industri pendidikan, pusat komersial dan kini tumbuh dengan pesat penempatan, perumahan-perumahan yang mana telah sedikit sebanyak menjejaskan sistem perparitan, baik perparitan longkang dan juga sungai yang telah menyebabkan banyak berlaku banjir kilat dan juga banjir di kawasan-kawasan berkenaan.

Selain daripada fenomena air pasang begitu juga dengan hujan lebat, banjir ini juga disebabkan oleh kurangnya aktiviti penyelenggaraan sungai dan juga kurangnya kesedaran komuniti tentang pentingnya sungai dalam usaha kita memastikan sistem pengairan bandar kita ini dilaksanakan dengan baik dan bagus. Oleh itu saya ingin hendak bertanya kepada pihak kementerian dalam usaha kita memastikan sistem tebatan banjir dilaksanakan di kawasan ini, apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi memastikan ataupun bagi memupuk kesedaran awam berkaitan dengan isu pemuliharaan sungai khususnya di peringkat sekolah, kampung, daerah dan bahagian agar kelestarian sungai dan alam sekitar di kawasan ini terus terpelihara dengan sewajarnya.

Tuan Pengerusi, sejumlah RM250 juta telah diperuntukkan bagi kawasan terjejas banjir di Kuching, Sibu dan Kota Samarahan bagi satu projek tebatan banjir. Ingin saya

bertanya dengan pihak kementerian bilakah projek tebatan banjir ini dimulakan? Berapa ataupun jangka masa yang diperlukan bagi menyiapkan projek tebatan banjir ini? Saya merasakan sekiranya projek tebatan banjir dan proses penyelenggaraan sungai diatur dengan begitu baik, *insya-Allah* keadaan banjir di kawasan Samarahan, Kuching dapat kita elakkan pada masa akan datang.

Begitu juga berdasarkan Butiran 16700, saya ingin hendak bertanya kepada pihak kementerian, apakah status projek program Saliran Bandar iaitu menaik taraf sistem perparitan di kawasan SK Jalan Mara Tuang, Taman Uni-Garden di Kampung Tanjung Bundong fasa tiga sebab perkara ini telah diluluskan pada tahun ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin hendak bertanya apakah status program penaiktarafan Sungai Kampung Endap yang sering tiap-tiap tahun tanpa gagal pasti banjir.

■1220

Bagi memastikan kawasan ini dapat kita pelihara dan penduduk kawasan dapat keselesaan dan kesejahteraan yang berterusan.

Tuan Pengerusi, seterusnya Butiran 14500 - Menaiktaraf Infrastruktur dan Saliran Bandar, Tebatan Banjir yang memperuntukkan RM12.9 juta. Berkaitan dengan perkara ini, saya ingin hendak menarik perhatian pihak kementerian berkaitan dengan isu pesisir pantai di kawasan Asajaya. Kawasan Asajaya merupakan satu semenanjung yang terletak dalam kedudukan tanah rendah di pinggir laut yang mana pada tahun 1980-an telah dibina ban-ban ataupun benteng-benteng untuk menghalang air dari laut dan sungai ke kawasan perkampungan dan juga ke kawasan pertanian.

Pada masa ini, keadaan benteng ataupun ban-ban berkenaan dalam keadaan yang daif dan uzur dan kebanyakan strukturnya pun sudah mula longgar. Jadi banyak permohonan yang telah kita kemukakan kepada pihak kementerian. Saya berharap pada tahun ini pihak kementerian dapat mengambil kira untuk menaik taraf ban-ban pertanian dan 'ring-ring' ban kampung di kawasan berkenaan bagi kemudahan penduduk kampung dan juga memastikan kawasan-kawasan pertanian di kawasan pertanian terpelihara dan ekonomi penduduk kampung dapat dijana dengan baik dan juga mendapat pulangan yang baik kepada penduduk kampung.

Tuan Pengerusi, akhir sekali, Butiran 15100 – Mencegah Hakisan Pantai. Ini juga merupakan satu fenomena yang sering berlaku di kawasan pinggir pantai dan sungai. Di kawasan Asajaya, kita tidak boleh lari daripada fenomena hakisan sungai, hakisan pantai. Sebab itu saya ingin hendak bertanya kepada pihak kementerian juga, apakah status program menaik taraf tebing sungai Kampung Tambirat. Ini juga telah dimaklumkan kepada pihak kita, telah mendapat pertimbangan. Kampung ini

sebenarnya, hakisan yang dialami oleh penduduk kampung ini hampir lebih 15 tahun yang lepas.

Banyak rumah, banyak kawasan pertanian telah pun masuk, telah pun mengikut arus sungai dan hilang. Ini telah menyebabkan masalah kepada penduduk kampung dan masalah kepada ekonomi kampung. Itu sahaja Tuan Pengerusi, Kota Samarahan mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kota Raja.

**12.23 tgh.**

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa butiran. Pertama ialah Butiran 060000 – Alam Sekitar. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang Butiran 060300 – Pengawasan dan Penguatkuasaan di beberapa lokasi.

Pertama, di Cameron Highlands. Kita tahu pada tahun 2014 yang lepas, bulan November, kejadian banjir lumpur dan tanah runtuh di Kampung Raja, Pekan Ringlet dan Lembah Bertam di Cameron Highlands yang mengakibatkan lima kematian dan seterusnya terpaksa— maknanya kerajaan terpaksa melaksanakan program-program untuk memastikan banjir lumpur ini tidak berlaku lagi. Dalam keadaan peruntukan kita berkurangan, dahulu untuk pengawasan dan penguatkuasaan itu RM104 juta, hampir RM104 juta diperuntukkan. Kali ini hanya tinggal lebih kurang RM76 juta sahaja. Jadi saya ingin bertanya, adakah program pengawasan dan penguatkuasaan seperti yang telah dirancang akan terus dilaksanakan?

Saya juga ingin membangkitkan tentang beberapa sungutan bahawa alam sekitar di Langkawi walaupun telah diwartakan sebagai satu *geopark* dan sebagainya, masih lagi tidak ada kawalan tentang pembangunan di Langkawi. Saya ingin bertanya sama ada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mempunyai perbincangan dengan LADA supaya pembangunan yang berbentuk kemusnahan alam sekitar terutamanya hutan-hutan bakau terkawal di Pulau Langkawi.

Saya juga ingin membawa Butiran 070000 – Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Butiran 070100 tentang konservasi. Apakah tindakan kerajaan kepada monyet-monyet yang banyak berkeliaran apabila kawasan separa bandar ataupun pinggir bandar dimajukan? Kita dapati bahawa haiwan ini berkeliaran dan tidak ada— Kita faham kerana habitat mereka telah dicerobohi tetapi limpahan binatang-binatang ini masuk ke dalam kawasan-kawasan perkampungan dan juga taman-taman perumahan sehingga masuk ke dalam rumah. Rumah saya sendiri menjadi mangsa kepada

serangan monyet-monyet ini. Monyet-monyet ini sudah tidak takut kepada manusia itu terutamanya ia tengok wanita.

Kalau ia tengok wanita itu, ia buat tidak tahu. Ia jenguk dan kemudian ia akan senyum sahaja. Saya terpaksa, kadang-kadang, bawa tongkat, buat bising dan menghalau daripada belakang ataupun dapur rumah saya. Cuma yang saya bimbang adalah keselamatan kanak-kanak apabila haiwan ini menyerang. Biasanya apabila kita mengadu, jawapannya, PERHILITAN akan kata, kita kena panggil semasa monyet itu datang. Macam mana kita hendak tahu bila ia hendak datang? Apakah langkah kerajaan, *I mean* PERHILITAN? Takkan hendak tunggu berlaku pemangsaan ke atas anak-anak baru kita hendak bertindak? Ia mesti ada satu pelan tindakan. Adakah kita hendak memandulkan, *castrate them*? Atau adakah kita hendak menidurkan mereka? Apakah dia definitif? Negara-negara lain buat macam mana? Jadi saya tidak tahu apa ini. Saya bimbang tentang perkara ini.

Seterusnya tentang pengairan dan saliran. Saya menyokong sebenarnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan bahawa bandar-bandar kita membangun tetapi saliran dan pengairan tidak berkembang. Mungkin cara perancangan kita ini perlu dikaji semula. Ini kena ada NBOS. Apabila semua bercakap mengenai NBOS, saya merasakan bahawa jabatan-jabatan tidak bercakap antara satu sama lain. Misalnya dalam kawasan-kawasan pertanian. Apabila lot-lot rumah dibangunkan, apabila dibangunkan ataupun diubah tarafnya kepada pertanian kepada perumahan, ia hanya dimestikan untuk membina parit di hadapan lotnya sahaja, jirannya tidak ada. Kalau tidak dibangunkan— jadi apabila kita tanya, jawapannya apabila dia bangunkan, maka dia juga perlu menyediakan perparitan di depan rumahnya.

Jadi ini adalah satu perkara yang saya rasa sudah lama berlangsung. Kalau perlu ada perubahan ataupun pindaan dalam undang-undang kita terutamanya di peringkat KPKT, Akta Pengairan dan Saliran dan sebagainya, perparitan, ia perlu dilihat. Kalau masuk kampung terutamanya kawasan saya, Kota Raja yang berada di pinggir bandar dan sedang dalam proses pemandaran. Jadi apabila masuk ke kampung-kampung seperti Jalan Kebun, Kampung Jawa dan sebagainya, jadi apabila ada lot-lot yang dibangunkan, yang menjadi mangsanya adalah lot-lot berhampiran kerana dia hanya mementingkan pengairan air daripada lotnya ke dalam parit.

Apabila kita tanya, dia kata, ini sudah diluluskan. Kebenaran merancang telah diluluskan. Saya tahu ini bukan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tetapi masalah pengairan dan saliran perlu dilihat secara mikro, secara holistik. Kalau tidak ada orang kata *conversation* di antara beberapa kementerian ini, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan juga kemudian KPKT,



masalah ini akan berlarutan. Inilah yang kita hadapi dan saya tertanya juga kadang-kadang. Apakah tidak hal, isu saluran ini semua ditumpukan kepada satu kementerian supaya senang untuk diselaraskan?

■1230

Saya ingin juga untuk menyebut tentang— ada lagi sekejap sikit lagi. Di mana ya tadi? Mengenai pentadbiran pengurusan tanah sebenarnya. Butiran 020100 – Khidmat Pengurusan dan Pembahagian Pusaka dan Butiran 020200 – Kemajuan Pengurusan dan Perundangan. Saya ingat ini Kanun Tanah Negara perlu dilihat semula dan yang menjadi mangsanya adalah orang-orang kampung yang kita tahu tanah mereka tanah pertanian dan kemudian untuk menukarkan status tanah itu kepada tanah perumahan mereka perlu membuat permohonan dan yuran untuk menukar status ini bukan mudah. Untuk memanggil *survey* pun sudah beribu, itu belum lagi hendak pecah lot dan sebagainya.

Akhirnya yang menjadi masalah adalah apabila satu tanah, satu ekar atau dua ekar sekangkang kera begitu dikongsi oleh adik-beradik dan tidak ada nama mereka di dalam geran dan sebagainya. Apabila hendak diambil balik oleh kerajaan untuk tujuan-tujuan tertentu, maka masalahnya timbul di situ kerana ganti rugi dan sebagainya hanya akan dipertimbangkan kepada nama-nama yang ada di dalam geran ini.

Saya tahu Menteri juga akan menjawab bahawa, "*Oh! Tanah ini adalah di bawah negeri, jadi negeri boleh ubah dan sebagainya...*" akan tetapi negeri pula menjawab, "*Kami terikat kepada Kanun Tanah Negara...*". Jadi mungkin saya rasa masalah ini difahami dan diketahui cuma apakah tindakan kementerian kerana pengurusan Akta Kanun Tanah Negara ini adalah di bawah penyeliaan kementerian Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Putatan.

12.32 tgh.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. saya sebenarnya banyak butiran dalam nota saya. Ada sejumlah 14 tetapi saya tidak akan sentuh semua. Walau bagaimanapun sebelum ini *I think* paling mustahak adalah kementerian ini amatlah terpuji kerana melihat daripada buku bajet ini memang banyak program yang dilaksanakan oleh kementerian ini. Tahniah termasuk juga sahabat saya dari Ledang. Ini semua pakar-pakar yang baik. Pihak sana itu mesti kita sokong kementerian ini.

Program-program yang tertera dalam bajet ini memanglah untuk mengatasi fenomena pemanasan global yang memudaratkan dunia. Satu lagi kebimbangan saya

iaitu *ozone layer* kita sekian menipis dan mungkin pada masa ini ada lubang yang menuju ke bumi kita. Jadi udara yang kita naik itu mungkin beracun dan kita mungkin Menteri kita tidak tahu kalau ada pakar yang *checking* udara itu apa jenis-jenis racun dan *chemical* yang kita hidu pada tiap hari. Kita tahu air laut kita makin *acidic* dan ia memanas dan merosakkan terumbu-terumbu karang dan saya lihat...

**Seorang Ahli:** Kerang.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kerang, kerang. Pemulihan terumbu ini telah pun ada dalam rancangan kementerian. Kita juga melihat perkara ini terutama sekali air pada masa 100 tahun mengikut pakar, 100 tahun air laut akan naik setinggi 10 kaki. Jadi membahayakan kawasan-kawasan yang rendah terutama sekali negara-negara Kepulauan Pasifik akan ditenggelami air. Jadi kawasan-kawasan kita di Malaysia ini mungkin kawasan di pesisir pantai ini harus kita ingat dan bagaimana kita membuat mitigasi dan membuat adaptasi soal ini.

Tuan Pengerusi saya ingin merujuk kepada butiran yang menyatakan eKadaster ini. Banyak butiran, tiga butiran eKadaster. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana diberi satu program yang membolehkan penyukatan tanah-tanah adat dan tanah-tanah *native* di negeri Sabah dan Sarawak. Terima kasih. Apa yang tiada dalam butiran ini ialah Yang Berhormat Menteri ialah penyukatan tanah-tanah Orang Asli.

Bolehkah juga tanah-tanah Orang Asli ini dimasukkan dalam program ini supaya Masyarakat Orang Asli tidak ketinggalan untuk mempunyai tanah milik supaya mereka dapat tanah dan dapat mencagarkan tanah itu untuk membangun. Ini supaya dapat dana, *capital* kah, orang Sabah bilang '*pukuk*', '*pukuk*' ya '*pukuk*'. Dia orang tidak tahu '*pukuk*' untuk membangun tanah-tanah kepunyaan Orang-orang Asli. Jadi Tuan Pengerusi yang tahu itu fasal '*pukuk*'. Terutama sekali tanah-tanah yang *resettlement area*, kalau boleh disukat supaya digazet sebagai tanah-tanah adat Orang Asli dan janganlah syarikat-syarikat yang besar itu masuk kawasan Orang Asli diberi hak milik kepada tanah-tanah yang telah dikenal pasti.

Semua tempat di Semenanjung ini, tempat-tempat Orang Asli patut dikenal pasti supaya pembangunan-pembangunan, perladangan misalnya, syarikat-syarikat gergasi ini tidak *encroach* kepada kawasan-kawasan Orang Asli. Ini kita boleh lihat Orang Asli terlalu berkeciciran. Ini saya mintalah daripada pihak kementerian melihat perkara ini dengan serius.

Satu lagi yang perlindungan hidupan liar Taman Negara yang banyak juga butiran yang kena-mengena dengannya. Saya mengharapkan dapat di kolaborasi terutama sekali juga pembangunan kawasan penyelidikan paya gambut Klias di Sabah.

Terima kasih kerana memberi RM1 juta sahaja. Kalau boleh kasi tambahlah sikit itu sebab bukan sahaja memulihara tanah gambut yang di negeri Sabah itu Yang Berhormat Menteri tetapi juga habitat burung-burung yang terdapat di kawasan Klias ini yang mungkin spesifik dan spesies yang tidak terdapat di kawasan-kawasan yang lain.

Ini yang saya tahu sebab saya ada pernah berkuasa di kawasan ini sebelum saya menjadi Ahli Parlimen. Jadi saya merasa RM1 juta itu tidak mencukupi. Kalau boleh tambah sikit, kalau boleh juga minta kolaborasi daripada syarikat-syarikat GLC ataupun syarikat-syarikat sendirian untuk membantu pihak kerajaan membangun pertanian Klias ini dapat membuat satu produk pelancongan di situ. Itu Menteri.

Satu lagi yang Projek Heart of Borneo (HOB) Negeri Sabah. Ini saya rasa peruntukan dia pun tidak mencukupi hanya RM7 juta sahaja. Kawasan-kawasan yang serupa dengan tanah gambut ini program penanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang kesesuaian. Ini terdapat banyak terutama sekali di kawasan Beluran, Sandakan dan juga di kawasan Lahad Datu. Jadi saya mengharapkan kawasan-kawasan ini tidak diterokai, ditimbus dengan tanah-tanah untuk pembangunan-pembangunan. Jadi kawasan-kawasan ini ada satu jenis ketam yang besar yang dikatakan Tuan Pengerusi, ketam yang pandai naik kelapa dan dia makan kelapa. Jadi ini satu spesies yang sukar mendapat tempat-tempat yang lain kecuali di kawasan Semporna dan di Lahad Datu, di Kunak.

Saya nampak ketam ini - ini patut kita spesies yang sukar kita mendapat di tempat-tempat yang lain. Ini saya rasa penanaman bakau ini harus diperkasakan lagi, dipermantapkan lagi dan diperluaskan lagi di kawasan bukan sahaja di Sabah tetapi di seluruh negara kita di Malaysia. Ini amat penting sekali sebab buaya pun kita mahu lihat juga. Pelancong pun suka tengok buaya Tuan Pengerusi. Kadang-kadang buaya pun, daging buaya ini pun juga diminati oleh pelancong-pelancong kita dari China. Itu betul Tuan Pengerusi. Dia selalu cari daging buaya. Di Putatan dia cari daging buaya di Putatan.

Saya tunjukkan di Likas ada satu pasar yang menjual daging buaya. Ini bukan sahaja daging buaya, ini buaya laut, ini bukan buaya darat macam Yang Berhormat Kota Melaka itu. [Ketawa] [Disampuk] Buaya Putatan ada dalam Parlimen.

Tuan Pengerusi mencegah hakisan sungai ini yang harga RM63 juta tidak cukup. Di Putatan telah pun dihakis air. Saya mohon, saya telah menulis kepada pihak kementerian beberapa kali soal ini namun apa yang dibagi hanya membuat *gabion* sahaja tidak cukup, masih lagi kalau boleh korekkanlah sungai di Kuala Petagas itu yang dilibatkan kerana pembangunan pemanjangan *runway airport* di Kota Kinabalu itu melibatkan pemendapan sungai di Petagas. Jadi saya minta peruntukkanlah kalau

boleh. Kalau tidak, banjir selalu Tuan Pengerusi di Putatan ini. Tiap-tiap minggu memang juga ada yang kena banjir, habis harta benda yang merosakkan harta benda orang kampung. Jadi siapa yang dicari, wakil rakyat juga dicari tiap-tiap banjir kilat, wakil rakyat yang turun bagi bantuan.

■1240

Manalah hendak cukup duit dalam poket saya sudah bocor. Saya mengharapkan perkara ini dapat bantu sebab kawasan Putatan itu rendah jadi lagipun air laut sekarang ini pun sudah mula besar, air laut mungkin naik dan saya dapat gambar dari Putatan ini air laut sudah melimpah di kawasan-kawasan padi. Apa yang saya buat Yang Berhormat Menteri saya telah membuat sawah padi saya sendiri, saya buat *canal* itu apa dalam bahasa Inggeris. *Canal, canal* jadi kita terusan kita buat terusan supaya kita akan tanam kelapa pandan. Kelapa pandan selain dari padi dan mungkin juga jenis-jenis tanaman yang lain dan *canal* ini, terusan ini kita boleh buat sebagai satu cara untuk mengangkat barang ataupun hendak mengangkat buah-buahan kelapa itu selain daripada angkut pakai kereta misalnya lah.

Itu yang saya sedang buat dan ini telah pun kita rancang kepada orang-orang kampung yang mempunyai sawah-sawah padi di kawasan saya. Saya harap ini mendapat bantuan terutama sekali kawasan-kawasan yang memerlukan pemuliharaan parit-parit dan saliran-saliran yang tertentu di kawasan ini. Ini sebab kawasan Putatan ini amat rendah Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi pun tahu jadi saya mengharapkan Menteri sendiri turun ke Putatan tidak jauh daripada *airport* hanya dua, tiga minit boleh sampai pergi ke rumah saya, saya akan tengok saya akan bawa Menteri untuk melihat perkara yang sebenar, ini perkara yang realiti. Saya mengharap satu lagi *last* sekalilah...

**Seorang Ahli:** Ini sudah habis.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jangan kacaulah. Kawalan isyarat banjir ini kalau boleh dilaksanakan di kawasan Putatan juga. Dengan itu Tuan Pengerusi saya memohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kuantan, kasi dulu wanita.

12.42 tgh.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya berbahas di bawah kepala B.23. Izinkan saya membahaskan Butiran 060300 iaitu Pengawasan dan Penguatkuasaan Alam Sekitar. Saya lihat bahawa peruntukan untuk perkhidmatan dan bekalan dipotong daripada RM38.674 juta kepada RM5.687 juta. Tuan Pengerusi ini *cut by 1.7, 1/7* daripada jumlah yang diberikan pada tahun 2016. Ini amat merisaukan saya melihat begitu banyak bajet *cut* untuk

pengawasan dan penguatkuasaan. Ini kerana kita tahu bahawa kita ada banyak masalah berkenaan dengan penguatkuasaan dan pengawasan berkenaan dengan *effluent* daripada kilang-kilang dan sebagainya di sungai-sungai.

Kita dapat maklum beberapa loji rawatan air terpaksa ditutup oleh sebab *effluent-effluent* yang tak dapat kita kawal. Jadi apabila ada bajet *cut* di bawah butiran pengawasan dan penguatkuasaan ini saya pohon penjelasan bagaimana Yang Berhormat Menteri *plan* untuk memastikan bahawa penguatkuasaan ini dapat dilakukan dengan efektif. Saya ingin membawa lagi satu isu di bawah penguatkuasaan ini berkenaan dengan *banned pesticide*. Ini kementerian yang ketiga saya bawa isu ini iaitu *banned pesticide* di Cameron Highlands. Saya ada empat kementerian yang terlibat sebab *raw water* ialah di bawah alam sekitar, penguatkuasaan *regulatory* racun terlarang di bawah pertanian.

Semalam saya bertanya Kementerian Kesihatan berkenaan dengan air minuman. Ini kerana saya merujuk balik kepada laporan di bawah *Iranica Journal of Energy and Environment* yang bertajuk "*Organochlorine Pesticides Residue Level in Surface Water of Cameron Highlands, Malaysia*" yang di-publish pada tahun 2015 yang mengatakan bahawa wujudnya racun-racun terlarang (OCPs) ini yang telah pun diharamkan daripada tahun 2002 tetapi masih terdapat dalam *water catchment area* di dalam sungai dan juga yang paling merisaukan ada *traces* di dalam air minuman dibincang.

Timbalan Menteri Pertanian menafikan dan mengatakan bahawa ini adalah yang lama akan tetapi laporan ini mengatakan bahawa *there is new usage*. Jadi saya pohon bagaimana hendak mengawasi perkara ini kerana *long term effect* akan meninggalkan kesan yang amat negatif terhadap kesihatan awam. Kita tahu Cameron Highlands adalah tempat pelancong datang dan juga sayur-sayuran. Ada laporan yang baru daripada pakar-pakar ataupun profesor-profesor daripada UKM mengatakan bahawa sayur pun juga telah ada *cases of the banned pesticide*. Jadi ini pohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Saya ingin merujuk lagi satu berkenaan Lynas. Saya dimaklumkan saya terima maklum balas daripada Yang Berhormat Menteri baru-baru ini bahawa *effluent* daripada *sedimentation pond Lynas* ialah di Sungai Balok dan maka dengan itu saya merujuk kepada satu lagi jurnal yang *reprinted from Journal of Environmental Information Science*. Tajuknya '*Environmental Problem Cause By Rare Earth Refinery Processes In Malaysia, Asian Rare Earth Incident And Lynas Problem*' yang ditulis oleh Profesor Yoshiko Wada, Profesor Wada membuat satu kajian *based line reading* di Sungai Balok

sebab Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa *effluence* daripada Lynas itu masuk ke Sungai Balok.

Jadi ada *based line* bacaan pada November 2012 sebelum mula operasi Lynas dan ada bacaan pada November 2013 satu tahun selepas bermulanya operasi Lynas. Di sini diambil sampel daripada dasar muara Sungai Balok dan didapati bahawa peningkatan yang begitu mendadak untuk *thorium, plumbum, arsenic, cesium*. Thorium ialah 4 *parts per million*, 4 *parts per million* pada tahun 2012 sebelum operasi. Selepas satu tahun 27 *parts per million*. Plumbum, pada permulaan kosong sebelum bermula operasi Lynas. Satu tahun selepas ialah 106 *parts per million*. Arsenic 11 *parts per million* pada permulaan dan 63 *parts per million* di hujung. Jadi ada *full table* di sini menunjukkan berkenaan dengan kesan *after one year operation* Kuala Sungai Balok.

*At the sediment, sample were taken from the sediments*. Jadi ini memang merisaukan kerana mungkin *the effluence* itu sendiri tidak dicemari ataupun didapati selamat ataupun mengikut standard tetapi apabila dia mendap di muara sungai itu mungkin di situ terdapat semua *heavy metal*. Akan tetapi *since* Malaysia stop Lynas coalition, "Save Malaysia Stop Lynas!" satu NGO di Kuantan telah juga mahu mengambil sampel-sampel yang tersendiri *independent sampling* mengikut standard-standard yang ditetapkan didapati bahawa *arsenic level* ialah dua kali ganda. Sampel yang diambil pada 1 Oktober dan 30 Oktober baru-baru ini dua kali juga didapati bahawa *level* arsenik ialah dua kali ganda daripada standard B *level* yang dibenarkan.

*Permitted allowable amount* di dalam air *effluence discharge* daripada Lynas, kilang Lynas daripada *sedimentation pond*. Jadi pohon penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan perkara tersebut. Dalam masa yang tinggal ini izinkan saya menyentuh Butiran 050100 - Dasar dan Pengurusan, 050200 - Operasi Hutan, dan 050300 - Pembangunan Hutan. Saya ingin merujuk juga kepada perintah kualiti alam sekeliling aktiviti yang ditetapkan penilaian kesan kepada alam sekeliling. Maksudnya *Prescribed Activities for Environmental Impact Assessment* tahun 2015. Saya ingin bertanya adakah - boleh tak pihak kementerian menurunkan minimum *acreage* untuk pembalakan. Ini kerana jelas bahawa pembalakan ini meninggalkan kesan yang amat negatif kepada kualiti air sungai dan juga kepada alam sekitar dan juga menyebabkan hakisan.

#### ■1250

Pihak kementerian telah pun menurunkan *minimum acreage* untuk perlombongan kepada *no minimum acreage*. Itu saya amat puji dan saya amat setuju dengan keputusan yang dibuat oleh pihak kementerian. Akan tetapi saya hendak tanya sama ada untuk pembalakan juga dan pertanian juga boleh diturunkan *the minimum*

*acreage*. Maksudnya, kalau boleh EIA itu kita laksanakan dengan *strict*. Ini kerana kita tahu di Cameron Highlands contohnya, di mana berlakunya banjir lumpur disebabkan aktiviti pertanian yang tidak terkawal. Cara mereka menggunakan alasan mengubah status hutan kepada ladang juga kadang-kadang legal, tetapi tidak *ethical* Yang Berhormat Menteri. Tidak *ethical*. Terlalu banyak yang ditukar status dari hutan kepada ladang menyebabkan banjir dan sebagainya. Jadi, saya ingin penjelasan berkenaan dengan perkara itu.

Saya hendak tanya lagi satu, apabila ada pembalakan haram. Apabila berlaku pembalakan haram, apakah tindakan yang paling baik yang harus kita ambil dalam keadaan berlaku pembalakan haram? Adakah kita harus *rehab*, rehabilitasi secepat mungkin hutan tersebut ataupun kita gunakan sebagai alasan untuk buat ladang pula? Ini macam yang berlaku di kawasan Menteri Besar Pahang yang telah dilaporkan dalam surat khabar ini. *[Sambil menunjukkan kepingan surat khabar]* Telah berlaku pembalakan haram sebanyak 376 hektar dan kemudian Menteri Besar, ADUN di situ terus menggunakan alasan itu untuk buat ladang rakyat kerana ada pembalakan haram. Saya khuatir ia boleh disalahgunakan. Apabila berlaku bantahan daripada penduduk, maka barulah dia kata dia hendak buat EIA pula. Saya hendak tahu apa prosedur yang harus diambil oleh pihak kementerian di bawah butiran ini, di bawah perhutanan ini? Apa dia yang wajar, yang *best practice* apabila berlaku pembalakan haram ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Lenggong.

**12.52 tgh.**

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk perbincangan anggaran perbelanjaan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar peringkat Jawatankuasa. Butiran 14500 – Menaiktaraf Infrastruktur dan Saliran Bandar, Tebatan Banjir dan Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan Saliran Bandar di bawah maksud Pembangunan 23.

Fenomena air pasang besar yang melanda negara sedikit sebanyak menjejaskan beberapa negeri dalam negara dan fenomena air pasang besar ini berskala besar yang membawa ombak tinggi dan tiupan angin kencang. Ini salah satu contoh daripada fenomena yang boleh menyebabkan banjir besar berlaku dan memberi kesan kepada masyarakat setempat daripada segi kehilangan dan kerosakan harta benda serta tempat tinggal. Antaranya ialah kalau kita lihat juga berlaku banjir kilat contohnya di ibu negara pada Mei lepas. Juga ia menjejaskan jalan-jalan utama, berlaku

kesesakan lalu lintas dan sudah tentu ia melibatkan kerugian daripada segi harta benda, kerosakan kenderaan dan sebagainya.

Oleh sebab itu, pengairan dan saliran di bandar juga serta Rancangan Tebatan Banjir di kawasan yang terjejas perlu dipertingkatkan dan dipercepatkan. Oleh kerana itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, dengan fenomena perubahan cuaca yang begitu ketara ini, apakah kita dari semasa ke semasa masih lagi mengguna pakai data lama ataupun merubah ke arah bersiap sedia berasaskan kepada perubahan iklim hari ini.

Berdasarkan inti pati bajet pada tahun ini iaitu tahun 2016, sebanyak RM730 juta diperuntukkan dan telah diluluskan bagi melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir di seluruh negara. Oleh itu, bolehkah kementerian untuk menyenaraikan projek yang sedang dan telah pun dilaksanakan? Saya juga ambil kesempatan sebagai mewakili rakyat di kawasan saya di Lenggong, saya juga ingin mendapat maklumat mengenai Rancangan Tebatan Banjir Daerah Lenggong yang saya difahamkan telah pun diluluskan dan mesyuarat di peringkat jawatankuasa telah dibuat beberapa kali.

Dalam soal ini juga, saya ingin meminta supaya pihak kementerian khususnya di peringkat daerah, kepada pejabat jabatan saliran di peringkat daerah supaya mengkaji semula kaedah dan cara-cara membesarkan sungai. Ini kerana saya lihat kalau pengalaman saya sebagai wakil rakyat, kaedah yang diguna pakai kaedah yang sama daripada dahulu lagi menyebabkan sungai bertambah besar dan melibatkan pengambilan tanah individu dan sebagainya. Ini menimbulkan bantahan dan kerana itu, apakah kaedah ini sahaja yang ada? Tiada kaedah lain? Setiap kali gali sungai, kambus dan kemudian tertutup balik. Gali balik, kambus, tertutup balik. Kerja berulang-ulang dan wang yang sama dihabiskan tetapi masih tidak juga selesai.

Jadi saya harap perkara ini dikaji. Ia berlaku di kawasan Parlimen saya dan saya minta perkara ini diteliti oleh jabatan berkaitan supaya setiap wang yang kita peruntukan benar-benar memberi impak besar khususnya menyelesaikan isu dan masalah rakyat. Kemudian, bagaimana kementerian menangani masalah pengairan di kawasan bandar? Apakah ada kerjasama dengan kementerian yang lain khususnya untuk mengatasi isu-isu banjir kilat dan sebagainya yang saya faham menelan belanja yang begitu besar sekali.

Kemudian, Butiran 060000 – Alam Sekitar dan Butiran 060200 – Pendidikan dan Penilaian Alam Sekitar. Kita juga tahu kepesatan pembangunan khususnya di Malaysia menerusi pertumbuhan ekologi yang semakin meningkat dan proses perbandaran yang semakin berkembang di seluruh negara semenjak beberapa dekad kebelakangan ini telah mencetus perubahan yang ketara daripada segi persekitaran fizikal, juga manusia.



Keadaan ini berlaku apabila sebahagian daripada kita tidak meletakkan pertimbangan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dengan sewajarnya dalam melaksanakan setiap projek pembangunan sebagaimana yang sepatutnya diamanahkan oleh kerajaan dan akhirnya menyebabkan perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku. Bagaimana kementerian meneliti dan mengambil kira perkara-perkara seumpama ini supaya setiap projek pembangunan yang dibangunkan itu tidak menjejaskan ekosistem dan alam sekitar.

Rentetan daripada itu juga, aspek pengurusan dan pendidikan alam sekitar saya fikir menjadi satu bidang penting dalam kehidupan mutakhir ini, memandangkan banyak isu dan krisis alam sekitar hangat diperkatakan dan menjadi perbualan khususnya di media sosial dan sebagainya. Begitu juga berlaku pencemaran udara, sungai, bunyi dan sebagainya member kesan ketara. Antaranya ialah sudah tentu mengancam kepada kesihatan manusia, merosakkan harta benda dan juga mengancam tumbuhan dan haiwan. Sebagai contoh, apabila berlaku isu jerebu misalnya. Sudah 18 tahun kalau saya tidak salah, berlaku perkara ini dan akibat ia berlaku daripada pembakaran terbuka oleh masyarakat kita sendiri, mahupun pembakaran dilakukan oleh negara jiran, ini mengakibatkan banyak kesan berlaku di sekolah, di seluruh negara dan menjejaskan rakyat secara keseluruhannya. Oleh itu, sejauh mana kementerian memainkan peranan dalam memastikan masalah pembakaran terbuka ini tidak lagi berlaku dan memberi kesan kepada negara terutamanya pembakaran yang dibuat oleh negara jiran kita.

Selain daripada itu, kesedaran juga perlu dipupuk oleh setiap lapisan masyarakat dalam menjaga dan menghargai alam sekitar sedia ada. Setiap projek pembangunan yang dilaksanakan harus diwajibkan kepada pemaju untuk menanam semula pokok-pokok di kawasan pembangunan tersebut. Ini bagi memastikan kehijauan dan juga alam sekitar terpelihara di kawasan-kawasan yang dibangunkan. Saya juga ingin tahu kementerian, bagaimana dan berapakah dana tertentu diberikan kepada NGO atau organisasi komuniti dalam usaha untuk meningkatkan program-program bagi meningkatkan kesedaran dalam bidang alam sekitar, juga khusus melibatkan kempen kesedaran kepada masyarakat. Ini kerana saya lihat penglibatan NGO dan organisasi komuniti mampu untuk membantu kementerian dalam menghadapi isu sedemikian rupa.

Selain itu, saya juga ingin minta supaya kementerian menambah bilangan pusat kitar semula ini terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kesedaran terhadap barang kitar semula serta penggunaan teknologi hijau khususnya dalam sektor perindustrian bagi mengurangkan kos pemeliharaan dan mengelakkan daripada pencemaran berlaku. Saya fikir itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat kita tangguhkan sekarang ini dan bersidang semula pada jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Jawatankuasa*]**

#### ■1430

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang ini, nak berbahas ini? Yang Berhormat Nibong Tebal.

#### 2.32 ptg.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berterima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Saya ingin berbahas dalam Butiran 02301 - Projek e-Tanah, Tuan Pengerusi.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah mengambil inisiatif dan berusaha untuk mewujudkan projek e-Tanah ini bagi memodenkan pentadbiran tanah dengan menggunakan pengkomputeran untuk memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat dalam urusan pelbagai transaksi pengurusan pentadbiran tanah. Saya difahamkan melalui portal projek e-Tanah ini yang projek perintis e-Tanah dimulakan di Pulau Pinang dan dilancarkan pada tahun 2007.

Setahu saya Tuan Pengerusi, projek ini dimulakan dengan projek perintis yang dilaksanakan oleh pihak Universiti Sains Malaysia di akhir tahun 70-an, tahun 1979 dan awal tahun 80-an, di mana pada peringkat itu semua urusan kutipan data dan membina sistem terutama sistem QRAS ataupun *Quit Rent Administrative System* untuk memberi perkhidmatan yang baik kepada usaha-usaha untuk kutipan hasil ataupun cukai tanah.

Akan tetapi yang lain-lainnya seperti ALIS ataupun *Alienated Land Information System* yang merangkumi sistem permohonan hak milik dan juga pendaftaran hak milik tanah, pecahan, pecah sempadan dan ubah syarat tanah, pengurusan harta pusaka dan lain-lain cabang ataupun unit pengurusan tanah belum lagi siap pada masa itu. Akan tetapi selepas didapati tahun 2007 barulah program ini dilengkapi dan saya difahamkan ia pernah dilaksanakan dengan pelbagai sistem yang canggih.

Persoalan saya di sini Tuan Pengerusi, saya ingin tahu mungkin agak terlalu lama dari tahun 1979 ataupun 80-an hingga tahun 2007 baru dapat dilaksanakan dengan atau dapat menyiapkan projek ini dengan sepenuhnya. Walaupun saya difahamkan yang data kutipan asas berkenaan dengan untuk membina sistem ini telah pun siap hampir beberapa belas tahun untuk pembinaan sistem yang lengkap. Justeru itu Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya berapakah kos yang terlibat ataupun untuk dilaksanakan projek ini ataupun program ini terutama yang melibatkan *system development* dan juga komputer dan segala peralatan serta juga latihan-latihan kakitangan yang terbabit bagi menjayakan program ini?

Seterusnya Tuan Pengerusi, sejauh mana sistem ini boleh membantu urusan-urusan pentadbiran tanah dalam aspek-aspek pendaftaran, pelupusan, hak milik strata, kebenaran pindah milik, gadaian dan pelbagai urusan transaksi yang berkaitan dengan tanah? Begitu juga dengan aspek permohonan bagaimana sistem komputer ini boleh membantu terutamanya permohonan bagi tanah kerajaan ataupun ubah syarat tanah ataupun pengurusan tanah pusaka? Adakah masa yang diambil untuk meluluskan permohonan-permohonan ini dapat disingkatkan ataupun ia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, selepas sistem ini dibina dan berjaya dilaksanakan di merata negeri di seluruh negara ini, adakah sistem ini berkemampuan untuk membuat pelbagai analisis data tanah dan juga membekal data ataupun *easy retrieval of data* untuk menjadi input ataupun memberi maklumat kepada pelanggan-pelanggan dengan lebih cepat dan mudah. Contohnya seperti kalau kita hendak tahu pola pemilikan tanah umpamanya, kalau sekarang ini pola pemilikan tanah di Wilayah Persekutuan bagaimanakah pola pemilikan tanah itu? Atau jumlah tanah-tanah terbiar di seluruh negara umpamanya. Itu kalau daripada segi aspek untuk memudahkan *retrieval data* ataupun membuat analisis kepada persoalan-persoalan yang dibangkitkan untuk tujuan perancangan dan pembentukan dasar berkenaan dengan tanah.

Seterusnya Tuan Pengerusi, sehubungan dengan sistem ini juga mungkin dalam Butiran 020100 iaitu tentang Khidmat Pengurusan dan Pembahagian Pusaka.

Kalau sekiranya sistem ini sudah pun dibina dengan baik saya berharap yang urusan-urusan pembahagian kes-kes pusaka di seluruh negara terutama sekali yang melibatkan dua tiga generasi ataupun tiga empat generasi kalau sekiranya dapat pentadbiran tanah memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk terutamanya bagi pusaka-pusaka kecil bagi rakyat di kawasan luar bandar yang terpaksa melalui pelbagai proses yang agak sukar untuk menyelesaikan kes-kes pusaka tanah ini.

Ini agak penting kerana apabila tanah-tanah ini hendak dibangunkan ataupun hendak diambil balik oleh kerajaan maka pampasan yang akan diberikan kepada mereka itu akan menghadapi masalah yang besar dan menjadi kesukaran kepada rakyat jelata. So, saya berharap pihak kementerian melalui proses pemodenan pentadbiran tanah ini dapat membantu penduduk-penduduk terutama sekali bagi kes-kes pusaka-pusaka kecil untuk mereka dapat menyelesaikan isu pembahagian pusaka. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin.

**2.39 ptg.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja untuk membincangkan Kepala B.23 dan P.23.

■1440

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kementerian walaupun mendapat peruntukan yang sedikit kurang pada tahun depan berbanding dengan tahun 2016, tetapi sebenarnya peruntukan yang didapati untuk tahun 2017 adalah melebihi daripada peruntukan yang dibuat untuk tahun 2015.

Jadi saya terus kepada Butiran 060200 – Pendidikan dan Penilaian Alam Sekitar. Kedua, Butiran 03304 – Infrastruktur Data Geospasial Negara, dan seterusnya kepada Butiran 11800 – Kajian Geobencana Negara.

Tuan Pengerusi, kita dapat lihat pada ketika ini akibat daripada fenomena El Nino yang mengalami negara kita. Kita sebenarnya menghadapi bencana secara terus menerus. Daripada sejak awal tahun 2016 sehinggalah bulan Oktober tahun 2016, kita dapat lihat satu penurunan yang amat ketara sekali, pengeluaran semua sekali, penanaman ataupun hasil komoditi kita terutamanya kelapa sawit dan juga getah. Kita dapat lihat penurunan yang cukup ketara secara kumulatif sebanyak 24.3% untuk kelapa sawit begitu juga dengan getah. Pada ketika ini untuk kelapa sawit sahaja sebanyak 500,000 orang pekebun kecil yang bergantung hidup kepada kelapa sawit. Begitu juga getah sebanyak 300,000 orang pekebun kecil yang bergantung hidup kepada hasil getah.

Walaupun pada ketika ini harga kedua-dua komoditi ini kita bersyukur kepada Allah, satu peningkatan harga yang cukup ketara sekali. Memang tersenyum lebar pekebun-pekebun kecil tetapi dalam masa yang sama mereka menghadapi penurunan hasil yang cukup ketara sekali akibat daripada El Nino yang melanda. Satu ketika dulu Tuan Pengerusi, apabila kita menghadapi cuaca panas yang melampau telah menyebabkan apa juga pembajaan yang kita buat, *up take* kepada pokok terpaksa terhenti kerana tidak ada air. Begitu juga apabila hujan lebat turun secara banyak telah menyebabkan *rival* ataupun pendebungaan-pendebungaan telah tergendala.

Jadi sebenarnya soalan saya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian membuat apa-apa penyiasatan setakat sehingga manakah sebenarnya fenomena El Nino ini akan terus melanda kita. Saya tidak boleh menyalahkan kerajaan kerana ini putaran alam, kerja Allah kerana ini satu fenomena yang terpaksa kita hadapi. Akan tetapi kita hendak kalau boleh dapat memaklumkan kepada seluruh masyarakat supaya bukan sahaja kita yang mendapat membuat persediaan bahkan kita mestilah membuat satu amalan cara penanaman ataupun pertanian yang GMP, *good manufacturing* ataupun *planting practice*. Pada ketika ini sebenarnya banyak daripada jadual-jadual penanaman kita tergendala. Pertama, tanam semula dan juga penanaman-penanaman yang lain.

Seterusnya saya pergi kepada pendidikan dan juga penilaian alam sekitar. Seperti yang kita maklum bahawa pendidikan alam sekitar satu proses pendidikan tentang alam sekitar melalui alam sekitar dan juga untuk alam sekitar. Proses ini adalah untuk pemahaman sebagai satu interaksi antara manusia dengan alam sekitar dan bagaimana pula kita dapat menguruskan masalah yang berlaku di sekeliling kita supaya apa juga matlamat negara bagi membina masyarakat yang sensitif, yang memiliki pengetahuan yang tepat dan kemahiran serta nilai dan juga kita benar-benar maklum tentang pentingnya alam sekitar di sekeliling kita.

Jadi saya hendak tanya kepada pihak kementerian berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan, berapa banyak kah program-program pendidikan sosial ataupun formal dan tidak formal terutamanya kita mahu melihat supaya anak-anak kita di sekolah satu daripada mata pelajaran tentang alam sekitar mestilah diterapkan supaya mereka dapat menilai ataupun menghargai kurniaan Allah di sekeliling kita yang cukup indah pada ketika ini dan menjadi tanggungjawab kita untuk menjaga supaya alam sekitar kita dapat bukan saja diurus bahkan dijaga dengan sempurna.

Seterusnya saya pergi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor bangun Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya amat bersetuju dengan penekanan Yang Berhormat Jasin mengenai kesedaran penjagaan alam sekitar, termasuk juga daripada penjagaan alam sekitar dan pendedahannya di peringkat asuhan lagi.

Setujukah Yang Berhormat Jasin bila menyebut tentang penjagaan alam sekitar ini, ia bukan hanya berkisar tentang penguatkuasaan undang-undang tetapi penghayatan pentingnya menjaga alam sekitar. Jadi pada pandangan Yang Berhormat Jasin, bagi hemah saya dalam kita sedang menuju ke era ekonomi berteraskan digital, sudah tentunya soal menjaga alam sekitar ini tidak boleh hanya tertumpu kepada pihak kerajaan, tetapi sektor swasta, masyarakat harus sentiasa diperingatkan untuk menjaga alam sekitar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya dari Kuala Selangor tentang *digital economy* adalah sangat-sangat penting. Inilah sebenarnya harapan negara bagi menerapkan pengetahuan kepada seluruh peringkat masyarakat. Apa pun Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kementerian. Kedua-dua Menteri dan Timbalan Menteri menjadi contoh pemimpin yang benar-benar prihatin, turun ke padang, lihat sama-sama masalah yang kita hadapi.

Saya ingat satu ketika adalah apabila masalah banjir kilat yang menghadapi kawasan saya. Saya telefon saja Yang Berhormat Timbalan Menteri, esok dia datang turun dan melihat sama-sama dan *alhamdulillah* pada ketika ini projek tebatan banjir di kawasan saya telah pun diluluskan tapi belum dilaksanakan. Akan tetapi saya minta kalau boleh laksanakan cepat-cepat. Kita tunjukkan pada bukti masyarakat, kita buktikan kepada masyarakat bahawa kerajaan kita sebenarnya kerajaan yang benar-benar bertanggungjawab, yang benar-benar mahu melihat supaya apa juga masalah yang dihadapi oleh rakyat dapat kita atasi bersama.

Begitu juga masalah yang berlaku tentang bencana alam. Banjir di sana sini, tentang ribut. Saya tengok kedua-dua Menteri dan Timbalan Menteri turun ke padang menunjukkan penglibatan mereka. Bahkan saya lihat hari itu Menteri dan Timbalan

Menteri turun ke laut lihat tentang projek yang akan dilaksanakan di negeri Melaka untuk satu projek pelabuhan laut dalam.

Seterusnya saya pergi kepada infrastruktur dan data geospasial negara. Antara objektif penubuhan infrastruktur geospasial negara ini adalah untuk membantu perkongsian maklumat di kalangan agensi-agensi dengan menyediakan infrastruktur teknologi maklumat yang canggih dan terkini bagi membolehkan supaya penyebaran maklumat yang kemas kini dan tepat.

Akan tetapi dengan penggantungan bajet kita daripada RM11.5 juta, sudah turun kepada RM6.4 juta ini, adakah operasi R&D bagi rangkaian data ini nanti akan terjejas kerana ini satu daripada rangkaian yang cukup penting sekali serta bagaimanakah kementerian melihat dengan pengurangan bajet ini kita dapat memperkasakan infrastruktur pengkalan data geospasial. Begitu juga termasuk apa yang disebut oleh sahabat saya dari Kuala Selangor tadi tentang *digital economy*.

Akhirnya saya pergi kepada Butiran 11800 – Kajian Geobencana Negara.

Antara punca geo bencana yang sering berlaku dalam negara kita, kita tidak ada hujan lebat secara berterusan. Kita ada juga pembangunan di dataran banjir, selepas itu faktor geologi dan juga kecerunan cuaca dan juga suhu yang panas melampau. Dengan peningkatan RM1.8 juta kepada RM3.2 juta untuk kajian geo bencana negara ini, berapa banyak sebenarnya yang kita akan belanjakan untuk kajian dalam perancangan pihak kementerian serta saya ingin minta pihak kementerian menyatakan bagaimanakah pihak kementerian mahu memartabatkan kajian ini ke peringkat antarabangsa untuk negara dan yang mempunyai iklim dan cuaca yang sama juga dengan negara-negara kita yang lain.

Jadi masa mencemburui saya dan akhir sekali Butiran 080000 - Pengairan dan Saliran.

Saya hendak minta kalau boleh jabatan ini diperkasakan pada peringkat negeri kerana setiap kali kita memohon peruntukan untuk bukan sahaja menaik taraf semua sungai dan parit perparitan, kita mendapati bahawa pengurangan. Terima kasih. Saya menyokong.

■1450

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bachok.

**2.50 ptg.**

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan saya ingin menyentuh beberapa butiran iaitu Butiran 010000, dan Butiran 060000.

Saya ingin merujuk kepada laporan Sahabat Alam Malaysia (SAM) yang mendakwa Malaysia nampaknya ketinggalan dalam menggunakan peruntukan kewangan antarabangsa yang disediakan oleh *Green Climate Fund* atau GCF, dengan izin. Banyak negara membangun lain telah pun mengemukakan cadangan peruntukan kewangan kepada GCF ini.

Soalan saya, apa cadangan dan jumlah peruntukan yang telah dibuat oleh Malaysia sebagai bukti komitmen terhadap Perjanjian Paris. Negara seperti Vietnam sebagai contohnya telah diluluskan permohonannya oleh GCF dengan dana USD29.75 juta bagi meningkatkan daya tahan masyarakat pesisir pantai yang terdedah kepada kesan perubahan iklim.

Mengapa usaha menangani perubahan iklim ini masih ditangguh-tangguh oleh kerajaan kita Malaysia kerana kita belum mendapat kepastian tentang cadangan daripada pihak kerajaan baik berupa geran kesediaan mahupun cadangan projek. Saya juga mohon dinyatakan alasan penangguhan dan kelewatan tindakan ini kerana ini sangat penting sebab kita telah ketinggalan di belakang negara seperti Kemboja, Vietnam dan juga Laos padahal akibat perubahan iklim, banjir tahun 2014 contohnya telah membawa kerugian yang sangat banyak. Berjuta-juta kerugian yang ditanggung terutamanya dalam sektor pertanian. Sebagai contoh di Kelantan, anggaran kerugian hasil daripada perubahan cuaca ini, kerugian dianggarkan RM105 juta.

Saya mohon anggaran rasmi kerugian daripada pihak kerajaan terhadap gelombang panas ini kerana rakyat merasai kesannya dan terpaksa memasang penyaman udara, membayar lebih untuk penggunaan elektrik malahan ada terpaksa tidur menggunakan kipas yang banyak dalam satu buah bilik. Mandi lebih lama acap kali dan minum lebih banyak. Jadi perlu juga penjelasan daripada pihak kementerian terhadap semua tanggungan risiko dan kos yang rakyat terpaksa tanggung ini. Mohon juga dinyatakan kesan langsung dan tidak langsung daripada kehidupan rakyat akibat gelombang panas ini.

Selanjutnya saya juga ingin menyentuh Program Khusus, Butiran 140100 – Bertugas ke Luar Negara.

Sejumlah RM2,343,600 bakal dibelanjakan pada tahun 2017 untuk bertugas ke luar negara. Sepatutnya membawa pulangan yang berbaloi kepada rakyat dalam usaha menangani perubahan iklim. Mohon dinyatakan pulangan khusus kepada rakyat hasil tugas ke luar negara ini.

Begitu juga Program Khusus, Butiran 140200 – Emolumen Kakitangan Kontrak.

Saya ingin bertanya, kenapa diperlukan perbelanjaan emolumen kakitangan kontrak setinggi RM946,800 pada tahun 2017 padahal ia tidak ada dalam anggaran



pada tahun 2016? Apakah tugas khusus yang sangat diperlukan sehingga terpaksa mengambil kakitangan kontrak yang terpaksa membayar emolumen hampir RM1 juta ini? Apakah tidak memadai dengan kakitangan yang sudah ada yang boleh digunakan untuk menanggung bebanan tugas tambahan kalau sekiranya ada? Itu sahaja yang saya ingin sentuh. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lipis. Sebelum jam empat, kita hentikan perbahasan untuk kementerian ini Yang Berhormat ya.

### **2.54 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi yang membenarkan saya turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 050000 yang diperuntukkan melebihi RM30 juta lebih iaitu di bawah Perhutanan.

Saya menyebut soal perhutanan ini kerana Kerajaan Negeri Pahang masih lagi banyak perhutannya. Di atas dasar itu maka saya ingin menyebutnya supaya ia dapat diawasi begitu baik, untuk dijaga dengan begitu baik. Sebentar tadi saya mendengar hujahan daripada Yang Berhormat Kuantan ada menyebut berkenaan beberapa buah kawasan hutan dan saya juga di Parlimen Lipis sudah pastilah ingin menyebut soal perhutanan ini kerana ia melibatkan alam sekitar yang boleh menjamin kestabilan daripada segi beberapa perkara khususnya memastikan hutan itu dengan baik, memastikan air dapat dibekalkan dengan baik.

Sekarang ini seperti Yang Berhormat Jasin katakan tadi, kita menghadapi El Nino yang begitu ketara sekali pada bulan Mac-April kalau tak silap saya dan ia menyebabkan air terlalu kering, menyebabkan sungai menjadi sangat cetek. Maka di Parlimen Lipis terlibatlah, berlaku krisis air oleh sebab disebabkan El Nino tersebut. Maka di sini saya menyebut soal hutan. Ia kerap kali kita dengar kes-kes pembalakan yang tidak terkawal, pembalakan yang kadang-kadang diluluskan lesen, kadang dibuat secara haram. Pernah saya melihat di-*viral*-kan di dalam *Facebook* oleh NGO-NGO tertentu yang menunjukkan gambar melalui udara di mana terdapat banyak kawasan yang diterokai secara haram dan ini salah satu menyebabkan punca-punca krisis air itu berlaku.

Di sini saya ingin menyebut antara bulan tiga ke bulan lima berlaku krisis air yang amat ketara dan salah satunya berpunca daripada pembalakan ini yang saya katakan. Sebab itu saya memohon supaya pihak kementerian menguruskan secara

teratur. Saya setuju juga sebagaimana kalau tak silap saya Yang Berhormat Kuantan menyebut jangan hanya sekadar diserahkan jawapan kepada negeri sahaja mestilah Persekutuan mengambil daya inisiatif untuk memastikan kawasan-kawasan seperti ini terkawal dengan rapi.

Saya mengambil contoh beberapa perkara daripada ini hendaklah kita mengadakan satu SOP iaitu *standard of procedure*, dengan izin. Kita menjaga kawasan-kawasan tersebut. Apakah standard tersebut? Sudah pasti kita telah membuat rang undang-undang tentang hutan tetapi dalam soal ini, kita mungkin melihatkan banyak kelemahan. Mungkin disebabkan penguatkuasaan termasuklah pejabat perhutanan sendiri, termasuklah penguatkuasaan daripada PTG dan sebagainya.

Maka ini harus diperkukuhkan untuk memastikan perkara-perkara ini tidak berlaku. Saya menyebut soal ini, terdapat berlakunya krisis air ini oleh sebab kawasan-kawasan tadahan ini tidak juga dikawal. Walaupun beberapa buah kawasan tadahan begitu banyak di Lipis, disebabkan sesetengah kawasan tadahan ini tidak dikawal, maka menyebabkan air kering. Menyebabkan kami tergendala hingga berbulan-bulan air yang agak sukar.

Jadi saya mengharapkan supaya pihak kerajaan negeri dan juga dengan kerjasama pihak Persekutuan supaya dapat mengawal keadaan hutan ini supaya kita boleh menjaga alam sekitar. Saya kaitkan perkara ini kerana sepatutnya Kerajaan Persekutuan memikirkan bagaimanakah untuk meletakkan hasil daripada pembalakan ini ataupun perlombongan. Saya melihat banyak negeri khususnya Pahang, Perak, Selangor dan sebagainya, hasil negeri adalah salah satu daripada sumber perhutanan itu sendiri. Bolehkah Kerajaan Persekutuan membincangkan soal ini, kawasan-kawasan tertentu itu hendaklah digazet. Kawasan-kawasan tadahan ini hendaklah digazet dan sebagai imbuhan, Kerajaan Persekutuan mestilah memberikan bayaran kepada Kerajaan Negeri Pahang ataupun kerajaan-kerajaan negeri yang memerlukan perkara tersebut.

Jika keadaan ini tidak berlaku, saya percaya keadaan kawalan hutan ini tidak akan dapat diatasi dengan baik. Jadi saya minta supaya kalau kekurangan penguatkuasaan, kita tambah. Kalau kurang peralatan, kita tambah. Kalau kurang jentera, kita tambah. Jangan sekadar kita meletakkan perkara ini di bahu ketidaklengkapan untuk kita menjalankan tugas. Kalau perlu kawal dengan helikopter, kita kawal dengan helikopter kerana kita hendak mengawal alam sekitar ini dengan baik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sekijang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Lipis kerana memberi laluan. Sedikit sahaja. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Lipis berkaitan dengan penguatkuasaan ini. Selain daripada pegawai yang berkaitan yang ada kuasa untuk menjalankan penguatkuasaan ini, setuju tak Yang Berhormat Lipis kalau kita libatkan sama NGO-NGO yang ada terutamanya mereka yang kita tahu mencintai alam sekitar. Mereka ini mungkin boleh kita libatkan sama untuk membantu kalau ada berlaku pencerobohan hutan dan sebagainya ini, mereka boleh sampaikan terus maklumat kepada pihak kerajaan melalui penguat kuasa-penguat kuasa kita yang ada ini. Apakah pandangan daripada Yang Berhormat Lipis?

■1500

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya sangat bersetuju dan masukkan ucapan Yang Berhormat Sekijang itu dalam teks ucapan saya sebab saya katakan sedemikian rupa kerana kita melihat daripada keseluruhan, saya puji dengan sikap-sikap NGO yang melakukan perkara ini. Mereka telah melaksanakan sekurang-kurangnya sebagai kebertanggungjawaban kepada kerajaan sendiri yang mana salah satu NGO yang diketuai oleh Profesor Maketab sendiri, yang diketuai oleh Puan Sri Sharifah Naina tidak silap saya, kalau saya silap nama, saya tersilaplah. Maknanya mereka telah menjalankan, NGO ini telah menjalankan melihat bagaimana untuk menjaga alam sekitar. Saya sangat bersetuju.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Puan Sri Sabrina, Yang Berhormat Lipis.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Puan Sri Sharifah Sabrina, ya terima kasih Yang Berhormat Kuantan membetulkannya sebab saya ingat Tanah Aina saja... [*Dewan ketawa*] Memang nama dia punya itu Tanah Aina, betul ya Yang Berhormat Kuantan?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** [*Mengangguk*]

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Kuantan mengangguk tanda betul. Jadi saya sangat bersetuju. Jadi sebab itu kadang-kadang kita kena melihat perkara ini, kena melihat NGO ini, kita kena membantu sebenarnya NGO ini supaya kita dapat mengawal alam sekitar. Saya kaitkan ini kerana kita bermasalah sebenarnya. Keadaan tanah runtuh dan sebagainya, penerokaan haram, lombong haram dan sebagainya.

Saya nak menyentuh juga daripada penjagaan hutan ini apabila semalam kita berdebat secara hebat sekali iaitu tentang ECRL iaitu *East Coast Rail Link* yang kita bahaskan begitu hebat sekali. Saya melihat lebih kurang beratus kilometer, 660

kilometer kalau tidak silap penglibatannya. Sudah pastilah ini akan menjadikan satu rebutan, mungkin rebutan kepada balak itu sendiri kerana laluan-laluan ini melibatkan kawasan-kawasan yang kalau saya dengar daripada ucapan semalam yang saya tak sempat, empat kali bangun tak boleh nak bercakap semalam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ia lalu Lipis Yang Berhormat?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Tak lalu Lipis, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak lalu, oh.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Akan tetapi saya tidak boleh nak kaitkan dalam alam sekitar sebab ECRL ini tak masuk dalam butiran laluan. Cuma saya kaitkan dengan penjagaan alam sekitar kerana sudah melibatkan pemotongan, *slope* dan sebagainya, melibatkan pembalakan, melibatkan mungkin beberapa perkara lain yang ada di atas muka bumi. Itu juga akan diambil oleh pihak-pihak tertentu mungkin secara *robust*, mungkin secara koboi, mungkin secara yang tidak teratur, cara yang boleh menjejaskan alam sekitar itu sendiri. Jadi ini perlu diberi perhatian.

Saya mengharapkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini beri perhatian kepada projek ECRL ini supaya tidak melibatkan kami di negeri Pahang yang mungkin kita hendak kemajuan, kita sangat-sangat bersetuju, tidak kisah kerajaan hendak keluar beberapa bilion pun, kita hendakkan Pantai Timur ini maju yang dah lama ketinggalan. Akan tetapi dalam soal ini, jangan kita lakukan untuk meninggalkan perkara-perkara sedemikian rupa. Kalau boleh jajaran-jajaran ini jemput Ahli Parlimen supaya kita sekurang-kurangnya boleh beri pandangan, kalau tak boleh beri pandangan tentang jajaran, kita boleh beri pandangan tentang penjagaan alam sekitar itu sendiri.

TV telah menunjukkan merah. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Gantang.

### **3.04 ptg.**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Saya hendak bahas berkenaan dengan Butiran 060000 – Alam Sekitar.

Manusia semakin bertambah, tanah pula semakin kecil. Maka sudah tentu lautlah yang menjadi sasaran untuk ditambah. Jadi apabila berlaku sedemikian rupa, kita

melihat kesan daripada penebusgunaan tanah untuk dijadikan sebagai tapak untuk manusia hidup, akhirnya:

- (i) kita dapat lihat kesan spesies habitat serta proses ekosistem akan terganggu;
- (ii) kesan negatif pertumbuhan sumber hidupan laut khususnya ikan;
- (iii) kesan kepada sosioekonomi rakyat khususnya terhadap tangkapan nelayan;
- (iv) kesan kepada bekalan ikan apabila diganggunya tempat mereka nak mendapatkan hasil ikan;
- (v) kesan kepada perubahan hidraulik yakni perubahan arus air, semakin deras;
- (vi) kesan hidro dinamik iaitu perubahan apabila ombak di pesisiran pantai dan kesannya kepada pesisiran dan pantai aliran air yang lebih deras; dan
- (vii) kesan negatif sepanjang pesisiran pantai khususnya hakisan dan pencemaran berlaku.

Jadi di sini saya ingin mencadangkan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian. Pertama ialah cadangan kepada anggota Majlis Perancang Fizikal Negara khususnya wakil daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menilai semula had tebus guna serta had pembangunan di kawasan pantai seperti tercatat dalam Jadual 1 dan 2 Kualiti Alam Sekitar 2015 agar penyertaan penduduk setempat dan pakar dapat sentiasa dilibatkan dalam proses untuk membuat keputusan sebelum kerja-kerja penebusgunaan pinggir laut dapat diluluskan melalui kajian impak alam sekitar.

Kedua ialah cadangan kepada anggota Majlis Perancang Fizikal Negara khususnya kepada wakil daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mewujudkan syarat tambahan, kelulusan penebusgunaan laut untuk pembentukan pulau buatan manusia yang lebih ketat berdasarkan kepada piawaian antarabangsa. Sebagai contoh, lokasi pulau buatan manusia dibentuk daripada penebusgunaan laut tidak boleh dilaksanakan dalam jarak tertentu khususnya di lokasi yang berhampiran dengan penempatan penduduk, perkampungan nelayan, pantai awam, pusat ekonomi serta pelancongan.

Cadangan ketiga agar mewajibkan penggunaan teknologi atau kaedah sifar pencemaran dalam setiap aktiviti penebusgunaan laut. Sebagai contoh, penggunaan TSHD ataupun *trailing suction hopper dredger*, termasuk penggunaan ban kepungan dan tirai kelodak untuk mencegah kelodak daripada mengalir masuk ke laut terbuka.

Keempat ialah supaya agar Majlis Perancang Fizikal Negaraewartakan lagi kawasan sensitif, kawasan perlindungan dan kawasan pemuliharaan alam sekitar agar kehilangan yang berlaku selama ini dapat dikembalikan kepada anak-anak kita untuk diwarisi.

Kelima, mewajibkan pembangunan mampan di sepanjang pinggir laut. Saya mohon kerajaan untuk mengetatkan lagi proses kelulusan serta meningkatkan aktiviti penguatkuasaan untuk segala aktiviti penebusgunaan pinggir laut.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Sebagai contoh aktiviti penebusgunaan pinggir laut yang boleh menjejaskan hutan bakau.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor bangun Yang Berhormat.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Ganggu ini, sedikit dah la.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Saya begitu tertarik apabila Yang Berhormat Bukit Gantang bangkitkan perkara ini lebih-lebih lagi dalam konteks penjagaan penghidupan dan juga nelayan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bukit Gantang yang begitu arif dalam agama. Apa pandangan Yang Berhormat Bukit Gantang daripada segi hukum agama, sebagai contoh apabila Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang kini ingin terus-menerus ingin melakukan penambakan laut khususnya, ingin mewujudkan pulau-pulau di kawasan-kawasan nelayan termasuk juga saya difahamkan di Batu Maung dan juga di Balik Pulau. Ini saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Bukit Gantang. Terima kasih.

#### ■1510

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ini termasuk Johor dan Melaka juga.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Ya, sebab itu undang-undang tidak kenal siapa sama ada negeri yang diperintah pembangkang atau kerajaan, kena disamaratakan. Terima kasih.

Ketujuh, jumlah kelulusan perlu dikurangkan atau disifarkan termasuk meningkatkan aktiviti pembangunan semula, meningkatkan lagi aktiviti rondaan serta hukuman yang lebih berat kepada pesalah.

Kelapan, mengetatkan kelulusan aktiviti penambakan laut dalam negara dan juga aktiviti yang sama oleh negara jiran, Singapura khususnya, jika didapati boleh menjejaskan sosioekonomi rakyat dan alam sekitar di negara ini.

Oleh sebab itu, satu mekanisme kawalan perlu diwujudkan supaya untuk tidak membenarkan mana-mana tanah yang dihasilkan daripada penebus guna laut dijadikan hak milik asing.

Tuan Pengerusi, isu yang kedua ialah Butiran 050000 – Perhutanan. Projek penanaman semula hutan bakau mesti diaktifkan di kawasan sekitar Kuala Sepetang yang memiliki hutan bakau yang panjang yang ada di sana flora dan fauna. Ia mendatangkan faedah yang baik.

Pertama, kita tahu ia boleh menjadi pelindung pantai daripada hakisan dan ancaman tsunami khususnya di bahagian utara Kedah, Perlis dan Perak.

Kedua, lokasi perlindungan beberapa spesies flora dan fauna seperti udang dan ikan.

Ketiga, tapak penting burung-burung *nesting* dan berhijrah mencari makan dan bersarang.

Keempat, cadangan untuk meningkatkan keluasan hutan bakau sebanyak lima peratus setiap tahun sepanjang rancangan lima tahun negara.

Butiran 080000 – Pengairan dan Saliran. Hari Isnin baru ini 14 November. Kawasan saya Bukit Gantang- Terengganu belum banjir, Kelantan belum banjir, tempat saya sudah banjir. Melibatkan 30 keluarga di Kampung Simpang Halt dan juga 13 keluarga di Kampung Jelapang terpaksa dipindahkan. Apabila hujan lebat menyebabkan Sungai Jebong melimpah kerana hujan lebat dari Taiping hendak mengalir ke laut menuju ke kawasan saya mengakibatkan penduduk yang berada di Parlimen saya mengalami penderitaan.

Begitu juga dengan di Kuala Sepetang. Walaupun baru-baru ini kita bergotong-royong bersama-sama penduduk tempatan untuk membuat ban dengan guni tanah, namun kita lihat air tetap juga melimpah. Usaha yang kita telah buat. Namun begitu, air terlalu tinggi menyebabkan ban yang kita buat itu tidak dapat untuk menahan air.

Jadi dengan sebab itu, kita harapkan supaya kerana sungai yang ada di dalam kawasan saya itu kebanyakan kita fikirkan sudah 30 tahun sungai itu dibuat, kapasiti air waktu itu mungkin kecil, penduduknya tidak ramai, tamannya tidak banyak, penduduk tidak padat lagi, maka sebab itu kita harapkan supaya penjagaan di kawasan-kawasan sungai ini perlu diaktifkan. Selalunya apabila kita minta kepada JPS, mereka menyebut tentang soal bajet tidak ada. Maka saya mohon supaya perkara ini diambil perhatian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sibuti.

**3.14 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus sahaja ke Butiran 15100 – Mencegah Hakisan Pantai, dan Butiran 15300 – Mengorek Kuala-kuala Sungai.

Saya ingin mengambil perhatian pihak kementerian mengenai permasalahan yang berlaku di kawasan Parlimen Sibuti berkenaan masalah hakisan pantai yang kritikal dan memerlukan tindakan daripada pihak bertanggungjawab mengenai hakisan yang berlaku di kawasan tanah perkuburan Islam di Kampung Kuala Bekam yang hampir masuk ke laut.

Pada bulan lepas, rakyat Bekam mengadu hakisan tanah telah menyebabkan kawasan yang berdekatan Kuala Bekam turun menjadi mendap dan menyukarkan perahu-perahu nelayan untuk keluar menangkap ikan.

Di sini ingin saya nyatakan dua permasalahan yang perlu diberi perhatian iaitu saya memohon agar satu peruntukan bagi membuat tambatan hakisan pantai bagi kawasan perkuburan tersebut lebih kurang RM100,000. Juga dapat lakukan projek mengorek kuala sungai pada skala kecil agar nelayan di kawasan tersebut dapat keluar ke laut dan masuk balik untuk menangkap ikan. Bajetnya tidak banyak iaitu RM200,000.

Selain itu juga, sebelum ini Kampung Kuala Sibuti yang juga pernah menerima projek tambatan hakisan pantai, namun projek itu masih perlu dinaiktarafkan dan tambah memandangkan kawasan tersebut merupakan kawasan utama para nelayan. Kesan daripada hakisan pantai yang tidak dikawal akan menyebabkan kerosakan harta benda terutama rumah berdekatan laut dan pantai serta tempat bot-bot mengangkat ikan yang juga yang sangat terjejas pada masa kini.

Saya menyokong usaha kerajaan untuk memelihara pantai daripada hakisan kerana saya sangat bimbang dengan keadaan semasa di mana pantai-pantai kita yang indah dan cantik itu juga semakin mengecil. Pantai-pantai itu juga mempunyai potensi menambah pendapatan rakyat melalui aktiviti pelancongan dan tempat riadah sekeluarga.

Tuan Pengerusi, Butiran 16700 – Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran Bandar. Di sini saya turut ingin menyuarakan permasalahan banjir dan saliran di kawasan Bandaraya Miri yang hampir dengan kawasan Parlimen Sibuti mengenai masalah kekerapan berlaku banjir kilat apabila hujan lebat turun secara berterusan selama 1 jam, ke-2 jam.

Sebagai contoh, kawasan kediaman saya mempunyai populasi penduduk hampir 3,000 orang di kawasan Kampung Luak dan perumahan sekitar memerlukan rancangan tebatan banjir dan saliran kerana yang sedia ada perlu dinaiktarafkan agar aliran keluar



air, aliran parit tidak terjejas apabila hujan. Begitu juga dengan kawasan Piasau Jaya yang memerlukan naik taraf sistem saliran memandangkan saliran sedia ada dibina sekitar tahun 1980-an yang semakin uzur.

Tuan Pengerusi, Butiran 15000 – Kerja-kerja Kecil JPS, Pelbagai Negeri.

Salah sebuah sekolah rendah di kawasan Bekenu iaitu SK Kampung Hangus kerap berlaku banjir tidak kira hujan lebat atau air pasang di mana air di kawasan tersebut akan berlaku banjir sebab perparitan. Kawasan tersebut hampir dengan jalan utama pesisir laut. Saya mohon agar pihak kementerian melalui Jabatan Perparitan dan Saliran dapat turun dan memberi sesuatu peruntukan bagi mengatasi masalah ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lipis bangun. Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Belakang.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Okey. Terima kasih.

■1520

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Sibuti. Sebenarnya, saya tadi ada dalam *point* tetapi tak sempat nak sebut. Saya sebenarnya sangat bersetuju supaya JPS ini mengkaji seluruh kawasan sebenarnya, bukan sekadar di Sibuti. Di tempat saya ini kadang-kadang banjir kilat ini disebabkan oleh sungai, perparitan yang tidak dicuci bertahun-tahun lamanya. Jadi, setujukah Yang Berhormat Sibuti supaya satu perancangan khusus dibuat oleh JPS supaya setiap Parlimen ini dilakukan sistem perparitan yang baik yang boleh mengurangkan banjir. Untuk akhirnya Tuan Pengerusi, saya hendak mengalu-alukan kehadiran guru-guru dan PPD daripada Parlimen Lipis [Tepuk]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Orang kawasan Yang Berhormat ya.

**Seorang Ahli:** Ada undang, ada undang ini.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Ya Tuan Pengerusi, saya masukkan ucapan Yang Berhormat Lipis kepada ucapan saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang mengalu-alukan pun masuk Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Ya, mengalu-alukan. Saya bersetuju benar bahawa Jabatan Perparitan dan Saliran itu untuk membantu keseluruhan kawasan Ahli-ahli Parlimen. Berilah peruntukan yang mencukupi untuk jabatan ini. Begitu juga saya ingin membawa permasalahan daripada Tuai Rumah Panjang di bawah kawasan saya iaitu Rumah Langgi yang boleh runtuh bila-bila masa kerana

hakisan rumah beliau semakin teruk walaupun beberapa langkah telah dilakukan. Harap pihak kementerian mengambil berat pasal ini. Saya memohon agar dilakukan kerja-kerja kecil perparitan bagi kawasan Kampung 'Lajoie' serta membaiki menaik taraf saliran bagi kawasan Pekan Batu Niah yang semakin pesat membangun dan dikhuatiri akan berlaku banjir kilat kerana semakin saliran sedia ada tidak mampu lagi menampung pembangunan yang dua, tiga kali ganda maju dan juga dijangka akan dilanda banjir. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Buntar.

### **3.22 ptg.**

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara yang saya ingin ajukan kepada pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Tiga perkara iaitu pertama, tentang pengurusan hutan yang melibatkan hutan bakau dan yang kedua tentang perubahan iklim ataupun *climate change*, dan yang ketiga jika ada masa, tentang tahap kualiti sungai di Malaysia.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pengurusan hutan yang melibatkan hutan bakau, 35 peratus hutan bakau dunia hari ini semakin pupus. Sejumlah 50 peratus daripada itu datang dari Filipina, India dan juga Vietnam serta Amerika Selatan. Kepupusan hutan kayu bakau ini lebih cepat berbanding dengan kepupusan hutan tropika. Angka ini amat membimbangkan seperti yang telah diutarakan oleh rakan-rakan saya yang lain tentang kebaikan hutan bakau yang sangat-sangat diperlukan hari ini. Antara yang menjadi penyebab utama ialah kegiatan akuakultur. Ini seolah-olah menjadi satu trend hari ini berpandukan kepada dasar kerajaan untuk meningkatkan akuakultur ini. Ia banyak melibatkan kawasan-kawasan hutan kayu bakau ataupun hutan api-api.

Saya ingin bertanya, sejauh mana kementerian berurusan dengan dasar akuakultur ini di dalam Kementerian Pertanian supaya dalam kita mengimbangi keperluan dasar itu ia tidak membawa kepada pencerobohan hutan kayu bakau yang saya sendiri di kawasan Parlimen Parit Buntar, khususnya di kawasan Bagan Tiang mengalami masalah yang sama. Oleh sebab pencerobohan hutan bakau ini kepada kawasan yang telah disediakan untuk penternakan udang dan sebagainya, mereka menceroboh masuk sampai ke dalam di kawasan hutan bakau. Ini dari sudut jangka panjang boleh menimbulkan permasalahan- tidak ada zon penampan jikalau berlaku tsunami serta kesan daripada kehidupan ekologi dalam sistem ekologi di situ.

Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat bagi jawapan supaya dasar akuakultur dengan dasar untuk memelihara hutan kayu bakau ini dapat kita sinergikan agar tidak mengambil mana-mana risiko dalam kita membuat kedua-dua dasar ini. Ia juga melibatkan tentang dasar kerajaan negeri sebenarnya kerana kita tahu dalam tanah ini *Federal* tidak ada kuasa. Negeri yang ada kuasa. Sejauh manalah *Federal* dapat kawal negeri supaya tidak mencerobohi keperluan kita memelihara hutan bakau ini dengan maksud soalan saya ialah, apa *target* kementerian, secara khususnya dasar kerajaan, untuk memastikan berapa luaskah hutan bakau yang perlu kita ada dan bagaimana cara mempertahankan dan memelihara hutan kayu bakau di pesisiran pantai daripada terus terhapus?

Apa yang memburukkan keadaan lagi Tuan Pengerusi ialah apa yang kita kata sebagai *climate change* hari ini ataupun perubahan cuaca. Tadi disebut tentang perubahan cuaca yang telah melibatkan *global warming* kadang-kadang dipakai, kepanasan global. Saya ingin bertanya, dalam pengurusan sumber alam sekitar ini, peningkatan panas *global warming* ini melibatkan peningkatan paras air laut dan ini memburukkan keadaan. Ada di sesetengah tempat hutan bakau itu tenggelam kerana peningkatan paras air laut ini. Apakah yang dilakukan oleh kerajaan dalam mengikuti perkembangan ini agar ada sesuatu langkah yang dibuat untuk kita menangani isu ini? Termasuklah polisi perikanan supaya janganlah Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyebut tentang jaga hutan kayu bakau. Akan tetapi kementerian pertanian dan perikanan kata, kita hendak luaskan akuakultur.

Akhirnya, kedua-dua dasar ini tidak dapat digabungkan agar mendapat *win-win situation*. Saya juga ingin tahu dalam bajet yang kita ada hari ini yang banyak telah dipotong, adakah kerajaan juga kerana ketiadaan bajet, meletakkan masalah hutan kayu bakau ini sebagai prioriti yang terakhir dalam menentukan peruntukan-peruntukan dan dasar-dasar?

Saya masuk kepada Butiran 010300 – Pengurusan Alam Sekitar, dan Butiran 010200 – Pengurusan Sumber Asli tentang dasar *climate change*, perubahan iklim.

Saya hendak tanya kepada kementerian, ia ada dua pendekatan hari ini. Pendekatan *after thought*. *After thought* ini bermakna, bila berlaku sesuatu, kita fikir macam mana kita hendak selesaikan kesan daripada *climate change*. Itu satu pemikiran. Satu pemikiran ialah *careful planning*. Maknanya, dalam perancangan-perancangan yang dilakukan, sudah ada satu perkiraan kesan terhadap *climate change*. *Climate change* ini adalah satu realiti. Bukan satu perkara yang kita anggap sebagai, “*Oh, tak penting. Belum berlaku lagi negara kita*”. Saya rasa kita tidak boleh ada *mindset* itu kerana dulu mereka cuba elak *climate change*.

Akan tetapi hari ini mazhab berhadapan dengan *problem* ini ialah mereka menerima *climate change* sebagai satu realiti. Oleh itu, soalan saya, sejauh mana perancangan kerajaan secara terancang dibuat, bukan *after thought*, setelah berlaku sesuatu kesan kepada *climate change*? Ini mengambil kira, apa perkiraan kerajaan dalam perubahan iklim ini yang menjadi asas perancangan, apakah dia? Perancangan sumber air, perancangan pesisiran pantai, perancangan paya, perancangan kehidupan liar dan perancangan perikanan.

Soalan saya, apa arahan yang dibuat kepada negeri-negeri agar dasar menangani *climate change* ataupun perubahan iklim ini benar-benar dapat dilakukan dalam perancangan-perancangan dengan melihat implikasi terhadap perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi. Jikalau tidak, saya kawatir kita akan berhadapan dengan *climate change* secara *after thought*. Kita akan jadi mereka yang ketinggalan dalam perkembangan dasar *climate change* yang ada pada hari ini.

■1530

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Parit Buntar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya ada tinggal dua minit sahaja lagi.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Setengah minit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagilah itu.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tidak apalah kawan saya bagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sedikit sahaja saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Parit Buntar. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dengan perubahan di Amerika Syarikat dengan dasarnya yang seolah-olah menolak beberapa usaha seperti Perjanjian Paris itu apakah persediaan agaknya yang perlu ada bagi Malaysia sebelum ia menjejaskan kita. Ini kerana setiap dasar baru ini akan diikat sama dengan dasar *trade* kita, dasar luar kita dengan Amerika Syarikat. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Yang itu kena tanya Donald Trump [*Ketawa*] Oleh sebab dia kata dia hendak batalkan Perjanjian Paris itu. Saya tidak ada kapasiti untuk menjawab itu. Walaupun demikian, saya kira Donald Trump terpaksa berhadapan dengan realiti sukar kepada semua kempen dia itu, dia hendak buat. Ini termasuk kepada isu kita. Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Krai.

Saya ingin bertanya macam mana hari ini selain daripada isu *climate change*, perimbangan *climate change* itu boleh juga berlaku dengan memelihara hutan. Hari ini di Malaysia laporan tahun 2000 hingga tahun 2012, negara kita hilang 14.4 peratus hutan yang melibatkan 47,278 kilometer persegi. Sebuah kawasan yang lebih luas dari Denmark. So, ini satu benda yang kita harus serius. Saya hendak tanya kepada kementerian, sejauh manakah sasaran 50 peratus?

Ada yang kita *target* dalam persetujuan di Rio de Janeiro pada tahun 1992 bahawa kita *target* 50 peratus kawasan hutan mesti dipelihara. Sejauh mana kita sudah capai *target* itu? Akhirnya soalan saya tentang *Coral Triangle Initiative* yang melibatkan beberapa buah negara di kawasan rantau ini untuk memelihara laut dan juga kesan *coral reef* yang semakin terhapus. Jadi saya harap kementerian dapat bagi satu pandangan yang bernas dan jangan bagi jawapan ini kita serah kepada kementerian ini, tidak mahu. Ini saya hendak apa dia *climate change policy* yang mesti diletakkan dalam perkiraan merancang sumber-sumber asli yang ada di dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sabak Bernam.

### 3.32 ptg.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa butiran dan saya akan rumuskan dan gabungkan kerana ada beberapa hujah telah disampaikan oleh beberapa orang rakan kita tadi.

Pertama Butiran 050300 – Perhutanan; kedua. Butiran 0700100 – Hidupan Liar; dan ketiga, Butiran 0800010 – Pengairan dan Saliran.

Saya ingin menyentuh Butiran 050300 tentang pembangunan hutan. Saya ingin membangkitkan isu projek tanaman kelapa sawit di Sungai Tengah Utara iaitu di kawasan Tebuk Mendeling yang dimajukan oleh syarikat milik kerajaan negeri Selangor. Yang Berhormat Gombak pun ada di sini mungkin boleh dengarlah masalah yang saya sampaikan ini.

Projek ini melibatkan penebangan pokok hutan bakau seluas lebih kurang 200 ekar. Akibat daripada penebangan pokok dan pokok-pokok bakau ini telah mengakibatkan hakisan yang teruk di mana Sungai Bernam kejadian ban pecah di kawasan terbabit yang disifatkan paling buruk dalam sejarah saya berada di Parlimen Sabak Bernam. Ini kerana pada ketika ini penduduk-penduduk di kawasan itu telah berpindah akibat daripada pasang besar tadi dan mengakibatkan kawasan perumahan

di kawasan rumah-rumah PPRT itu telah banjir. Sekarang didapati ada lebih kurang 70 orang daripada 15 buah rumah tenggelam.

Tuan Pengerusi, saya menyatakan ini kerana sudah banyak kali berulang. Pada beberapa bulan ini sudah enam kali dan tiga kali penduduk di kawasan itu telah berpindah. Projek ini pada peringkat awalnya dalam masa tiga tahun, empat tahun yang lepas kita telah mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya jangan buat kerana kita tahu bahawa di kawasan itu memang kita memahami bahawa kawasan 200 ekar ini kawasan benteng, tebing ataupun kawasan *reserved* di mana banyak binatang buas termasuk monyet dan juga babi dan juga binatang-binatang lain ada di situ termasuklah burung-burung.

Tuan Pengerusi, projek ini berada di kawasan ban Sungai Air Tawar dan di kawasan Tebuk Mendeling sejak setahun yang lalu. Akibat dari kawasan sekitar mengalami banjir termasuklah PPRT Kampung Sungai Tengah Utara bukan sahaja telah mengakibatkan banjir di kawasan sekitar tetapi juga habitat seperti monyet dan babi malah beruang telah masuk ke kawasan kampung. Akibatnya sekarang di kawasan Parlimen Sabak Bernam beribu-ribu ekor monyet dan juga babi menyerang ke kawasan kampung.

Jadi bukan sahaja telah mengakibatkan banjir dan inilah yang menjejaskan punca pendapatan kerana kawasan kelapa, kawasan tanaman-tanaman akibat daripada dua ekor binatang ini termasuk monyet dan babi telah mengakibatkan kerugian di kalangan petani-petani yang turut mengakibatkan kemerosotan daripada segi pendapatan.

Tindakan Kerajaan Negeri yang terus bertegas, Yang Berhormat Gombak sudah keluar saya hendak tanya tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tidak boleh jawab, Yang Berhormat. Dia tidak akan jawab di Parlimen, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Ya, supaya dengar masalah. Ini bukan masalah politik sama ada parti pembangkang atau parti kerajaan kerana saya berterima kasih daripada Kerajaan Negeri yang datang exconya semalam. Dia datang dan kita daripada BN pun datang membantu tetapi masalahnya tadi punca yang saya sebutkan tadi. Tindakan Kerajaan Negeri juga terus bertegas meneruskan projek tanaman kelapa sawit ini yang kononnya akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Akan tetapi amatlah mengecewakan kerana hakikatnya pekerjaan adalah daripada pendatang asing. Pada peringkat awalnya, kawasan hutan seluas 200 ekar ini sepatutnya hari itu dia hendak diberikan kepada rakyat di kawasan Sungai Tengah, di

kawasan Parlimen Sabak Bernam ataupun untuk rakyat di negeri Selangor tetapi telah diubah statusnya dan diswastakan kepada syarikat PKPS Negeri Selangor yang mana ramai daripada pekerja itu terdiri daripada orang-orang Indonesia. Jadi orang-orang di kawasan persekitaran di kawasan Sabak Bernam mampu tengok sahajalah.

Tuan Pengerusi, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, khususnya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar apakah tindakan yang akan diambil ke atas Kerajaan Negeri Selangor yang telah melakukan penebangan pokok hutan dan pokok bakau dengan tidak mengambil kira kesan daripada alam sekitar. Jadi saya hendak mintalah peguam-peguam yang berada di sebelah sana terutamanya Yang Berhormat Kapar dan juga yang lain yang berada di Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu rakyat di negeri Selangor yang menghadapi kesusahan akibat daripada penebangan pokok kayu bakau ini dan tidak lama lagi banjir dan juga binatang keluar tadi. Apakah boleh kita saman Kerajaan Negeri Selangor?

Sementara itu adakah Kerajaan Negeri Selangor sedia memberikan ganti rugi kepada petani-petani yang terjejasnya pendapatan mereka akibat daripada penerokaan hutan kayu bakau ini dan saya lihat pendapatannya petani ini terjejas hampir 80 peratus. Ini kerana pokok-pokok kelapa, pokok-pokok pisang dan macam-macam pokok yang berada di kawasan Parlimen Sabak Bernam sekarang kerana banyaknya kera, kita telah berusaha bersungguh-sungguh. Saya pun sebagai Ahli Parlimen telah beli banyak sangkar dan juga alat-alat untuk membasmi termasuklah babi ditembak tetapi dia ada sahaja datang.

■1540

Jadi saya mengharapkanlah termasuklah daripada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri supaya sama-sama menyelesaikan masalah ini.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Mersing bangun Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Yang Berhormat Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mohd Fasih binti Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Yes.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Tuan Pengerusi terima kasih. Mersing pun ada masalah, dua masalah ini, orang kuat dengan kera. Mersing banyak hutan, hutan simpan banyak. Terima kasih Jabatan Perhilitan kerana memberi tumpuan. Saya ingat kerja Jabatan Perhilitan separuh jalan sahaja. Yang Berhormat sudah beli sangkar, saya pun beli sangkar tetapi dia tetap juga ramai. Agak-agak macam mana cara hendak selesaikan?

**Dato' Haji Mohd Fasih binti Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Inilah masalah yang saya nyatakan tadi. Kita dahulu orang tua-tua di Sabak Bernam sudah bagi nasihat kerajaan negeri ini. Jangan tebang pokok hutan, jangan buat projek pembangunan yang melibatkan tanaman kelapa sawit. Kita pun turun beramai-ramai tetapi degil, dia buat juga. Akibatnya rakyat di Parlimen Sabak Bernam ini menghadapi satu masalah yang saya sebutkan tadi.

Saya mengharapkan kepada Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri supaya dapat menyelesaikan perkara ini segera. Ini kerana saya melihat masalah yang dihadapi, masalah rakyat dekat situ terutama masyarakat rakyat-rakyat yang begitu miskin. Sekiranya perkara ini dapat diselesaikan *insya-Allah* saya rasa tanaman di Parlimen Sabak Bernam yang terdiri daripada kelapa tadi dan juga ladang-ladang kelapa sawit dan sebagainya dapat diatasi.

Tuan Pengerusi saya hendak menyampaikan beberapa perkara terutama tentang bakau ini. Saya dalam masa yang singkat ini saya hendak sebutkan apakah pentingnya kayu bakau ini. Pertama bakau akan mempengaruhi pergerakan udara ataupun ribut yang bertiup kencang dari arah laut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa habis Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd Fasih binti Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]:** Maka bakau menghalang pergerakan tiupan ini. Bakau sudah habis jadi saya minta diri sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

**3.42 ptg.**

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya memulakan dengan Butiran 060200, dan saya hendak mengaitkan butiran ini dengan penambakan laut atau juga dikenali sebagai *coastal reclamation* yang merupakan satu aktiviti yang melibatkan penembusan sebahagian kawasan laut dengan bahan-bahan isian seperti batu, pasir dan tanah untuk mendapatkan kawasan tanah dasar yang- darat yang baru.

Persoalan saya, berapakah banyak projek yang dilakukan di seluruh Malaysia yang mengaitkan tentang penambakan laut ini di seluruh Malaysia?

Kedua, adakah projek-projek ini melibatkan kerjasama dengan kerajaan, atau adakah ini dilakukan oleh swasta? Kalau ia dilakukan oleh swasta adakah ia akan diklasifikasikan sebagai hak milik sendiri? Ketiga apakah rasional kerajaan memberikan kebenaran untuk penambakan lautan dilakukan di kawasan seluruh Malaysia?



Saya pada dasarnya Yang Berhormat Menteri, saya tidak gemar dengan situasi begini walaupun setiap kali dirasionalkan sebagai satu *development*. Akan tetapi *I'm going go to basic* saya rasa itu ruang untuk Tuhan, so saya rasa kita ingkar kuasa Tuhan dan saya tidak setuju dengan sebarang penambahan lautan. So saya menuntut penjelasan yang teliti daripada Yang Berhormat Menteri sebentar nanti.

Balik kepada Butiran 060300 berkenaan dengan pokok bakau.

Banyak yang telah menyentuh tentang pokok bakau. Saya hanya hendak menyentuh beberapa masalah yang wujud. Tadi rakan seperjuangan saya di sebelah sana tidak sempat hendak habiskan. Akan tetapi saya hendak pilih masalah yang dihadapi oleh pokok bakau satu komersial, di-*commercialize*-kan. Saya tidak berminat hanya untuk Selangor sahaja Yang Berhormat Menteri. Saya hendak undang-undang dikuatkuasakan di seluruh Malaysia. Penebangan pokok bakau ini bukan sahaja patut dikurangkan kalau boleh dimansuhkan sama sekali, kita perlukan.

Saya dalam perbincangan beberapa yang lepas di Dewan yang mulia ini berhadapan dengan Yang Berhormat Menteri saya telah katakan bahawa penebangan pokok bakau akan memberikan kita risiko tsunami dan pelbagai lagi isu-isu yang boleh mengakibatkan seperti banjir dan sebagainya. Saya mengulangi lagi sekali pokok bakau merupakan satu-satunya kuasa yang paling besar boleh menghalang tsunami, tidak ada kuasa lain.

So ini saya ulang lagi sekali saya berpendapat bahawa satu undang-undang perlu dikemaskinikan supaya *even commercialize* ini diteliti dan diperhalusi oleh kementerian.

Kedua, pemotongan pokok-pokok bakau yang dilakukan secara haram di pesisiran pantai. Bagaimanakah pula kawalan yang dilakukan oleh kementerian untuk mengawal situasi ini? Saya difahamkan apabila saya buat tinjauan dan siasatan di kawasan-kawasan pesisiran pantai. Saya dimaklumkan bahawa pokok kayu bakau ini dihantar ke Indonesia sebab kayu ini memang kuat boleh buat rumah dan sebagainya, *it is very strong*.

Jadi kalau memang betul kegiatan pembalakan ataupun pemotongan secara haram yang dilakukan terhadap pokok bakau ini saya hendak tahu setakat mana benda ini sedang berlaku? Adakah kerajaan mempunyai sebarang statistik untuk membuktikan memang wujud pemotongan kayu pokok bakau ini secara haram? Saya perlukan penjelasan.

Ketiga, Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan pokok bakau ini seperti biasa di beberapa kementerian saya baru-baru ini memberi beberapa cadangan. Ada cadangan yang diterima oleh kementerian ini juga cadangan saya. Akan tetapi sebelum

itu, kita menghadapi masalah di tanah yang berkelodak di mana ada perubahan pasang surut, air pasang, kawasan air pasang surut. Kawasan ini tidak sesuai bagi perkembangan anak bakau tetapi kawasan ini perlukan pokok bakau, itu implikasi dia. Jadi daripada beberapa kajian yang saya lakukan untuk mengatasi masalah di kawasan air pasang surut ini kaedah percambahan biji benih yang unik yang dikenali sebagai *viviparity* perlu digunakan.

Saya tahu Kerajaan Persekutuan memang dan kementerian memang pernah lakukan ini sebelum ini saya difahamkan. Akan tetapi saya perlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri adakah kaedah ini memang digunakan, betapa jauhnya kaedah ini sedang memberi kesan terutamanya di kawasan yang mengalami kawasan air pasang surut dan sebagainya. Saya rasa rakan sebentar tadi daripada Yang Berhormat Sabak Bernam kawasan dia pun air pasang surut, kawasan saya pun air pasang surut. So benda ini kalau kaedah ini diguna pakai saya rasa beberapa buah kawasan boleh diselamatkan.

Hari itu Yang Berhormat Menteri kata untuk kita tumbuhkan pokok bakau ini dan sebagainya mengambil beberapa tahun. Ini kaedah semula jadi yang unik yang perlu dikaji tetapi mesti penglibatan kementerian dan peranan kementerian perlu ada untuk kaedah ini diguna pakai. So saya perlu penjelasan untuk ketiga-tiga bahagian tadi.

Terakhir Yang Berhormat Menteri mengenai Butiran 140300. Ini berkenaan dengan Program Konservasi Antarabangsa *Giant Panda*. Yang Berhormat Menteri pada 27 Januari 2016 sebuah delegasi daripada China yang dikenali sebagai *State Forestry Administration* atau SFA telah melawat Malaysia.

▪ **1550**

Mereka hadir untuk mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Malaysia berhubung semakan semula Perjanjian Kerjasama Konservasi Antarabangsa *Giant Panda*. So, ini bermaksud perjanjian awal ada ruang untuk disemak semula. So saya perlu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang apakah semakan yang telah dilakukan? Apakah perbincangan yang telah berlaku? Adakah semakan ini telah diterima dan di materai dan pada waktu yang sama, saya nampak hampir....

Sebelum saya teruskan, ya Yang Berhormat.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Kapar, saya hendak rujuk pada tadi Yang Berhormat dari Sabak Bernam mengatakan kerajaan negeri telah meluluskan 200 ekar *land* bakau ini untuk tanaman sawit. Saya rasa selepas saya *check* dengan Exco, tidak ada keadaan berlaku di mana negeri Selangor telah meluluskan tanaman kelapa sawit. Saya rasa Yang Berhormat Sabak Bernam

kena beri butiran jelas tentang perkara ini. Kalau tidak saya rasa Menteri pun tidak boleh jawab soalan ini.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat Sabak Bernam boleh mencelah nanti dan menjelaskan *stand* beliau. Untuk saya, Tuan Pengerusi, pokok bakau ini tolong jangan main politiklah. Selangorkah, Penangkah, Kelantankah, Terengganukah, kalau kena tsunami, hancur Malaysia. *That's it. So don't play politics with this. I am very committed.* Oleh sebab itu saya minta Yang Berhormat Menteri bawa undang-undang. Mansuhkan seluruh Malaysia. *I don't care, I don't mind. Commercialize* pokok bakau, *and the expend of our country, no way. That's what I mean.*

Saya sambung tentang panda tadi. Terlupa nanti susah pula. Panda, Yang Berhormat Menteri, kita bawa panda, kita *commercialize*kan perindustrian panda ini sejak tahun 2014. *Operationalnya*, keuntungan untuk negara kita selain daripada hubungan diplomatik dengan negara China. Masa sudah habis, terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Manis. Kemudian Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

### 3.52 ptg.

**Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Tanjong Manis sebuah kawasan yang amat *challenging*, kawasan delta di mana Tanjong Manis amat memerlukan kerjasama dengan Kementerian Alam Sekitar untuk membuat satu perancangan yang besar terutamanya untuk rakyat-rakyat yang di luar, di kawasan pedalaman. Ban-ban yang rosak begitu lama di kawasan terutamanya di Pulau Bruit di mana terdapat 11 buah kampung dan 11,000 penduduk yang tinggal di sana di mana sekarang fenomena air pasang besar yang amat luar biasa telah mengalami dan merosakkan ban-ban dan ban parameter di kawasan sawah padi di kawasan Paloh, Kedang, Berangan, Stalun, Sebayang di Daerah Tanjong Manis dan di seluruh kawasan Pulau Bruit daerah Daro. Banyak kawasan di mana air laut telah masuk kawasan sawah padi dan merosakkan tanaman sedia ada.

Di bawah Butiran 070000, sama juga seperti saudara saya, Yang Berhormat Sabak Bernam, isu binatang liar seperti babi dan kera telah merosakkan tanaman padi dan buah-buahan serta sayur-sayuran. Jadi kita amat risau kerana binatang-binatang ini telah sampai ke rumah-rumah di kampung dan telah masuk ke dapur dan mengacau di

dapur. Kita takut keselamatan anak-anak kita di kampung kerana mereka mungkin amat lapar. Jadi mereka telah sampai ke rumah-rumah di kampung.

Butiran 060300 – Pengawasan dan Penguatkuasaan. Sama juga penebangan pokok bakau terutamanya di Bandar Baru Tanjong Manis dan juga di kawasan Paloh. Satu rancangan daripada kementerian bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sarawak haruslah dilihat dengan lebih serius kerana memandangkan kawasan ini sebuah kawasan delta, jadi perancangan untuk penguatkuasaan daripada kecurian kayu bakau amatlah serius dan tidak dilihat dengan sebaiknya kerana kawasan ini amat jauh dari bandar. Jadi saya amat berharap kementerian dapatlah melihat dengan keseluruhannya terutamanya untuk kawasan Tanjong Manis. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**3.56 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Pertamanya Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian. Ada 19 orang kesemuanya, celahan tiga, dan kalau saya mengambil masa untuk menjawab setiap Ahli Yang Berhormat selama lima minit, mungkin masa satu jam tidak cukup. Jadi saya akan cuba jawab seberapa banyak yang boleh ataupun yang penting, yang tidak diulang-ulang, selebihnya kalau saya tidak mampu atas kekangan masa, saya akan jawab secara bertulis. Jadi saya ucapkan terima kasih sekali lagi.

Pertamanya, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar. Banyak perkara yang dibangkitkan tetapi saya cuba kepada yang lebih awal iaitu yang lebih umum iaitu tentang keberkesanan Kempen Kesedaran Alam Sekitar yang dijalankan. Saya rasa perkara ini bagus kerana ramai yang perlu terlibat dan perlu memahami tentang kesedaran alam sekitar kerana baru-baru ini pada 28 Oktober, kita telah pun melangsungkan Hari Alam Sekitar Negara di Kuching Sarawak di mana itu adalah merupakan kemuncak kepada segala hari yang kita rayakan di peringkat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Yang Berhormat Menteri telah pun menegaskan iaitu hari raya kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar adalah Hari Alam Sekitar Negara.

Kalau dulu dipanggil Minggu Alam Sekitar, sekarang di panggil Hari Alam Sekitar Negara kerana ia mempunyai satu pendekatan yang sangat signifikan di mana semua rakyat Malaysia telah pun di jemput untuk terlibat sama di dalam hari tersebut supaya

impak kepada tanggungjawab untuk menerima segala dasar termasuk tanggungjawab tentang alam sekitar itu dapat sampai ke seluruh rakyat Malaysia, maka ini kali pertama Hari Alam Sekitar Negara telah pun dilangsungkan serentak di seluruh negara. Maksudnya di setiap negeri juga buat. Jadi itu antara perkara yang saya jawab secara umum tentang Kempen Kesedaran Alam Sekitar.

Ini merupakan tanggungjawab semua pihak dan bukan sahaja kementerian ini. Ia juga melibatkan kementerian-kementerian lain. Justeru, saya fikir saya juga merayu supaya semua Ahli Yang Berhormat turut terlibat untuk sama-sama menyedarkan ramai masyarakat ataupun rakyat mereka terlibat dengan Kempen Alam Sekitar.

Kajian untuk menilai tahap kesedaran masyarakat tentang kempen yang dijalankan. Yang ini pada saya terlalu subjektif. Akan tetapi daripada maklum balas yang telah pun kita terima daripada orang ramai, malahan pada hari ini pun, pada hari ini, boleh dikatakan semua, boleh dikatakan ada dekat lebih 20 orang Ahli Yang Berhormat yang sempat bercakap. Semuanya saya lihat tadi sangat peka malahan lebih memahami tentang keperluan untuk menjaga alam sekitar, keperluan tentang menunaikan tanggungjawab, keperluan tentang apa yang patut kita buat pada masa akan datang dan sebagainya, tentang perubahan cuaca, perubahan iklim yang sangat ekstrem pada masa ini akibat daripada pemanasan global dan sebagainya.

#### ■1600

Saya fikir itu sudah cukup menggambarkan bahawa sebenarnya walaupun tidak ada kempen, rakyat telah pun sedar tentang penjagaan alam sekitar, cuma persoalannya sekarang bagaimana kita hendak terapkan satu kesedaran dan kefahaman, semangat untuk rakyat turut serta di dalam menerima tanggungjawab ataupun sama-sama menjaga alam sekitar. Jadi itu perkara umum yang saya hendak sebut dulu, Tuan Pengerusi.

Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar juga bertanya tentang mengurus sumber air untuk mengurangkan masalah NRW atau kekurangan air. NRE melalui NAHRIM telah pun menjalankan kajian lanjutan tentang impak perubahan iklim ke atas sumber air negara yang mana kajian ini menyediakan pangkalan data unjuran perubahan iklim yang boleh membantu KeTTHA dalam membuat perancangan bagi melaksanakan program mitigasi menangani *non revenue water*. Walaupun ini tidak semestinya berkaitan dengan bekalan air bersih sahaja tetapi ini berkaitan dengan air hujan yang jatuh ke muka bumi Malaysia dan akhirnya membazir dalam menangani NRW dalam pengurusan bekalan air terawat.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Bagi mengurus sumber air dan mengatasi kekurangan air kerajaan pun telah meluluskan Program Keseimbangan Air ataupun *National Water Balance Study* ataupun NAWABS dan kerajaan telah meluluskan RM50 juta di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas ini.

Tentang pangkalan data, Yang Berhormat Kuala Kangsar juga bertanya tentang pangkalan data mineral yang lengkap. Sekiranya tidak ada juga tentang sama ada Malaysia mempunyai pakar yang mencukupi untuk pembangunan mineral yang mampan. Kementerian NRE melalui Jabatan Mineral dan Geosains telah membangunkan pusat data dan sistem maklumat mineral dan geosains di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sebagai pusat data bank bagi mengumpul, menyimpan dan menyebarkan data dan maklumat berkaitan mineral dan geosains negara.

MINGEOSIS ini singkatan kepada maklumat 'mineral geosains' ataupun dipanggil MINGEOSIS. Terdiri daripada laman pangkalan data dan empat aplikasi GIS yang berkaitan dengan aktiviti GMG termasuk mineral. Data mineral tersebut merupakan panduan dan rujukan kepada GMG dalam membuat perancangan yang komprehensif ke arah pengurusan mineral negara secara mampan.

Pada masa ini Malaysia mempunyai kepakaran dalam bidang kejuruteraan perlombongan untuk memastikan pembangunan mineral dilaksanakan secara mampan. Walau bagaimanapun, kepakaran yang terdapat di Malaysia perlu dipertingkatkan seiring dengan perkembangan kemajuan teknologi perlombongan dan pengusahaan hasilan mineral. Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha giat dijalankan termasuklah membuat kerja sama strategik di antara NRE, pihak universiti dan institusi pengajian kemahiran di Malaysia.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Bandar Kuching bertanya tentang— tadi Yang Berhormat Bandar Kuching minta Yang Berhormat Menteri jawab sendiri kan. Okey, berdasarkan kepada sub artikel 77(1), Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Persekutuan membuat undang-undang sebagaimana untuk setiap perkara dalam Jadual Kesembilan, Senarai Persekutuan mengikut perkara 8(j), kuasa mengeksport dan mengimport mineral dan biji mineral adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan. Dalam hal ini secara jelas bahawa kuasa bagi menguruskan hal berkaitan pengeksportan mineral dan biji mineral adalah di bawah Persekutuan. Hal ini adalah terpakai di semua negeri, bukan sahaja di negeri Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, kuasa memproses, melulus dan mengeluarkan permit eksport ataupun EP bagi mineral dan bahan batuan adalah berdasarkan kepada jadual Kedua di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai

Eksport) (Pindaan) (No.2) 2007, Akta Kastam 1967. Kuasa tersebut telah dipindahkan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) kepada NRE mulai 21 Disember 2007.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *[Bangun]*

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tidak ada penjelasan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa saya sebut adalah untuk pengeksportan tanah liat dan juga batu dari Sarawak. Setakat ini sampai tahun lalu, pengeksport-engeksport itu hanya perlu memperoleh permit daripada *Land and Survey Department* negeri Sarawak sahaja. Maka selepas ada permit daripada *Land and Survey Department* mereka boleh eksportkan tanah liat, itu batu dan lain-lain mineral.

Akan tetapi, bermula tahun ini barulah Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Mineral dan Geosains melaksanakan satu polisi yang baru supaya semua pengeksportan mineral itu terlebih dahulu memperoleh permit daripada Jabatan Mineral dan Geosains dan juga satu *fee* akan *dicharged*kan atas bahan-bahan eksport ini.

Soalan saya adalah kenapa ada satu perubahan polisi ini di mana Kerajaan Persekutuan hendak campur tangan pengurusan mineral dan sumber asli di negeri Sarawak. Dalam Perlembagaan juga, *management of mineral di Sarawak is under the state jurisdiction*. Ini merangkumi penjualan dan pengeksportan juga. Apakah sebabnya ada satu *change in policy*?

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Pengerusi, untuk peringkat awal ini mungkin saya boleh jawab beginilah, jawapan tepat akan tunggu daripada belakang. Akan tetapi peringkat awal ini mungkin saya akan berkata begini, kemungkinan adalah keperluan di peringkat antarabangsa khususnya di dalam mengesahkan bahawa suatu mineral yang dieksport itu benar-benar mineral yang dimaksudkan dalam deklarasi. Sementara Jabatan Mineral dan Geosains hanya ada di peringkat Pusat sahaja. Saya difahamkan tidak ada di Sarawak tapi jawapan lebih tepat mungkin tunggu daripada belakang.

Yang tidak ada saya akan tangguhkan dulu mana Yang Berhormat tidak ada dalam ini. Saya tidak sebut Yang Berhormat yang tidak ada, cuma saya tangguhkan dulu mungkin di masa kemudian.

Jawapan untuk Yang Berhormat Bandar Kuching, lepas ini tidak usah tanya lagi, nanti kita boleh bincang kemudian. Daripada jawapan yang saya terima ialah tidak ada polisi baru. Sememangnya Kerajaan Persekutuan yang menguruskan urusan eksport mineral. Akan tetapi nanti kita bincang kemudianlah.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini perkara penting ini perkara mengenai kuasa negeri dengan kuasa Persekutuan.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Nanti kita bincang kemudian.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tidak boleh bincang luar. Ini mesti dibincang di sini.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Saya tidak mahu mengelirukan Dewan tetapi untuk mengawal...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri *unsure of the answer, is it?*

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Dapat jawapan, saya akan bagi kemudian.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Kerana mengikut apa yang dilaksanakan dulu tidak ada campur tangan daripada Jabatan Mineral dan Geosains dalam pengeksporan mineral, *especially* pengeksporan tanah liat, *ball clay* dengan itu batu.

#### ■1610

Kenapa sekarang ada? Adakah kerana Kerajaan Persekutuan tidak ada duit lagi kah, hendak kutip lebih cukai kah? Adakah ini ha? *[Disampuk]* Ini bukan sangkaan jahat. Boleh kasi satu jawapan?

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tidak apa, kita ambil maklum. Saya tidak ambil catatan pun tentang tuduhan-tuduhan tadi sebab memang biasa Yang Berhormat Bandar Kuching akan berkata begitu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Bukan. Pasal ini perkara penting.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tidak apa, okey. Yang Berhormat Kota Samarahan tentang struktur ban pantai. Untuk makluman, peruntukan RM1 juta diluluskan di bawah P.23, Butiran 15100 iaitu projek hakisan pantai di pelbagai negeri.

Iklan tender dikeluarkan pada 30 November 2016. Tentang fenomena air pasang besar dan sebagainya, saya fikir ini adalah isu global dan isu satu-satu negara. Walau bagaimanapun, di Bahagian Samarahan diluluskan rancangan memulihkan koridor Sungai Batang Sadong di Pekan Simunjan, Lembangan Sungai Batang Sadong Bahagian Samarahan berjumlah RM15.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11.

Begitu juga tentang RTB Kuching. Tadi dua-dua bertanya tadi. RTB Kuching telah diluluskan dengan kos keseluruhan RM150 juta bagi mengatasi banjir Bandar Kuching, Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak- tahun 2016, RM1.2 juta. Tahun 2017, RM5 juta. Kontraktor telah pun dilantik- ini adalah



kontraktor *design and build* ya. Kerja reka bentuk dijangka dimulakan pada awal tahun depan.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat, kalau boleh tanya?

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Dari Stampin, Sarawak. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berikan tadi terhadap penebatan banjir di bahagian Kuching. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah status sekarang, status bagi projek tersebut Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan tadi? Terima kasih. Status kesiapan.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Status proses lantikan kontraktor. Reka bentuk akan bermula awal tahun depan. Maksudnya, hanya tahun depan akan bermula. Itu status di peringkat JPS. Maksudnya belum mula. Tahun ini bermula, awal tahun depan akan mula reka bentuk dan ini adalah lantikan kontraktor secara *design and build*.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Maksudnya akan bermula pada tahun depan sahaja?

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Ya, ya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Bulan berapa? *Because* tahun depan *can be April, May...*

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** April 2017.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** April 2017. Bermula sahaja, bila jangkaan siap?

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Siap?

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *Because* RM150 juta itu banyak. Bila jangkaan siap? Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Ini *progressively*, saya tidak boleh jangkakan bila siap bergantung kepada keadaan reka bentuk dan sebagainya...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Boleh saya minta jawapan bertulis secara *detail*?

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Kita cuba.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Tidak boleh cuba, ini penting. Banjir ini tidak boleh cuba punya.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Ya lah.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Boleh minta jawapan secara bertulis, secara *detail* bila jangkaan siap...

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Okey.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Sepanjang tahun.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Okey, terima kasih. Yang Berhormat Kinabatangan...

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh pencerahan sedikit. Berkaitan dengan penambahbaikan sistem saliran bandar tadi. Saya sudah mengutarakan dua tempat iaitu sistem di SK Jalan Mara Tuang, dengan Taman Uni Garden, yang ini pun telah dimaklumkan, dilaksanakan tahun ini sebenarnya. Sebab itu saya hendak tahu status *either* dibawa ke tahun hadapan?

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan. Saya belum ada jawapan lagi, kalau ada saya beri, kalau tidak ada, saya akan beri jawapan secara bertulis.

Yang Berhormat Kinabatangan tentang kawasan bandar persisiran pantai yang akan tenggelam. Ini adalah berkaitan dengan perubahan cuaca. Untuk makluman Yang Berhormat Kinabatangan, seperti yang saya sebut tadi, NAHRIM sedang melaksanakan kajian lanjut mengenai fenomena air pasang dan juga kesan perubahan iklim ke atas kenaikan aras laut di pesisir pantai. Jangkaan kajian ini iaitu menyediakan data unjuran kenaikan aras paras laut maksimum di beberapa kawasan, lebih kurang 22 buah kawasan berdasarkan data satelit altimeter. Juga menyediakan peta risiko kesan kenaikan aras laut bagi bandar utama di persisiran pantai.

Data ini akan membantu agensi khususnya JPS dan juga NADMA untuk menyediakan dan melaksanakan pelan mitigasi dan juga membantu PBT bagi perancangan pembangunan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, sebenarnya ini berkaitan dengan- kita sukar hendak buat unjuran yang tepat tetapi kajian sedang dibuat oleh pihak kementerian, khususnya JPS termasuk NAHRIM tentang kesan sebenar, khususnya unjuran kepada kenaikan paras laut akibat daripada pemanasan global.

Sebagaimana pernah saya sebut dahulu iaitu, perubahan iklim yang ekstrem ini bukan sahaja menyebabkan paras laut meningkat akibat daripada pemanasan global dan sebagainya, tetapi juga menyebabkan magnitud ombak ataupun *wave* berubah, bukan sahaja daripada saiz ataupun kekuatan ombak malah juga daripada segi arah. Sebab itu kalau kita tengok sesetengah pantai terhakis teruk, kayu bakau juga terhakis...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** [Bangun]

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Yang Berhormat Kinabatangan, sekejap ya. Kayu bakau bukan sahaja musnah kerana ditebang tadi akibat daripada aktiviti komersial dahulu tetapi juga kerana hakisan pantai akibat daripada magnitud ombak yang berubah kesan daripada pemanasan global dan juga...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita tidak menafikan bahawa itu mungkin di luar jangkaan dan kawalan kita. Akan tetapi kita lihat bagaimana Taiwan, negara itu sudah tahu bahawa dia akan sentiasa berhadapan dengan angin *typhoon* yang melanda bandar dia, negara dia. Jadi dia *design* kan bangunan dia yang boleh *anti typhoon*. *Typhoon* melanda tapi bangunannya tidak runtuh.

Jadi kenapa kita tidak melihat bagaimana mereka menstruktur bangunan mereka supaya berhadapan dengan *typhoon* macam mana pun, kos kerosakannya terlalu kecil. Jadi mungkin kita boleh belajar daripada teknologi sedemikian. Kita sudah tahu ada unsur-unsur sebegini. Jadi apa persiapan kita, persediaan kita berhadapan dengan keadaan, mungkin magnitud tidak menentu, air pasang yang tidak boleh diramal. Itu seharusnya kita ada pelan jangka panjang ke arah pencegahan awal supaya tidak berlaku kerosakan-kerosakan yang tidak diingini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Sekejap ya, terima kasih.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya hendak sambung sedikit sahaja daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Saya menyokong pandangan Yang Berhormat Kinabatangan itu. Maknanya, dalam ucapan saya tadi, saya ada sebut perancangan yang rapi, mengambil kira *climate change*. Itu maksudnya. Jangan bila sudah jadi baru kita sibuk, selepas itu kita pun buat sesuatu dalam perancangan yang seterusnya, kita tidak ada perkiraan itu. Jadi itu yang dimaksudkan, yang saya kira yang kita minta supaya ada perkiraan itu. Jangan sudah jadi, baru kita ambil tindakan. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan dan juga Yang Berhormat Parit Buntar.

Betul, saya tidak nafikan. Sebab itu saya sebut tadi, kajian secara terperinci mungkin Ahli Yang Berhormat sukar untuk menerima - *so called*, "kajian" ya. Akan tetapi oleh sebab perubahan iklim dunia ini berlaku dalam tempoh yang belum lama. Dulu mungkin orang tidak kisah. Baru sekarang kita tersangat berhati-hati berdepan dengan isu pemanasan global dan juga perubahan iklim ini.

Saya sebut tadi, iaitu pihak kami sedang membuat kajian secara tepat tentang unjuran kepada kesan daripada pemanasan global, perubahan iklim dan sebagainya, supaya kita boleh membuat satu, bukan sahaja dasar malah persiapan yang tepat termasuklah kalau dalam *engineering* kita sebut meningkatkan *factor of safety*, dengan izin dan sebagainya. Itu dalam RTB dan sebagainya. Itu di antaranya.

Kalau kita cakap tentang ban sungai, ban laut, sekarang JPS telah pun mengemukakan satu pelan cadangan untuk meninggikan semua ban di sepanjang laut dan juga sungai yang sedia ada, yang memerlukan perbelanjaan lebih kurang RM1 bilion, itu contoh, itu di antaranya. Bukannya satu perkara sahaja, banyaklah.

■1620

Bagaimana kita hendak berdepan dengan tadi disebut *coral reef* yang mungkin rosak yang merupakan pembekal pada oksigen yang besar kepada dunia. So, banyak perkara yang kita sedang buat kajian secara terperinci untuk kita dapatkan satu unjuran tepat. Oleh sebab itulah, Yang Berhormat Menteri sekarang berada di luar negara, terbaru di Marrakesh untuk kita sama-sama bertukar pandangan pengalaman dan di sana pakar-pakar iklim bersidang kita berkongsi pengalaman, maklumat dan sebagainya supaya kita juga dapat membuat unjuran yang tepat pada masa akan datang tetapi tidak lama sangat, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kinabatangan sekali lagi saya akan jawab secara bertulis tentang pencemaran oleh kilang-kilang kelapa sawit di Sungai Kinabatangan oleh sebab terlalu panjang jawapan tersebut.

Yang Berhormat Bukit Bintang juga tentang pencemaran bau Ajinomoto, saya akan jawab secara bertulis kerana ini lebih tersangat spesifik. Oh! Dia tidak ada. Minta maaf. Yang Berhormat Bukit Bintang juga tidak ada? Tidak apalah saya...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya. Saya. Saya ada.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Saya akan jawab secara bertulis, boleh kongsi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *No. Two in one.* Saya, dua kawasan tanya satu, dua soalan sebenarnya.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tidak apalah nanti saya jawab bertulis, boleh kongsi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Macam ini tidak perlu jawab semua, secara bertulis kepada semua.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Boleh macam itu? Oleh sebab panjang sangat. Boleh ya? Akan tetapi tidak apalah tentang...

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yalah.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tentang— okey, saya jawab satu sahajalah tentang...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Hutan Bukit Nanas. Janji nak potong.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Hutan di Bukit Nanas sedang melaksanakan menaik taraf pusat maklumat perhutanan JPSM di Bukit Nanas, Kuala Lumpur kepada Galeri Interaktif Sejarah Alam Semula Jadi bagi meningkatkan komunikasi pendidikan dan kesedaran awam dengan kos sebanyak RM450 juta lebih kurang. Manakala pada tahun 2016, JPSM telah memperuntukkan sebanyak RM300—*oh! Sorry* tadi. Tadi kos RM450,000. Manakala pada tahun 2016, JPSM telah diperuntukkan sebanyak RM300,000 bagi membangunkan kawasan Taman Eko Rimba Kuala Lumpur Bukit Nanas. Pada tahun 2017, jumlah RM1 juta telah pun diperuntukkan.

Buat masa ini, lawatan ke kawasan Taman Eko Rimba Kuala Lumpur ini masih lagi dikekalkan 7.00 pagi hingga 7.00 petang. Pihak jabatan mengambil maklum ke atas cadangan untuk melanjutkan tempoh lawatan dengan mengambil kira faktor-faktor keselamatan pengunjung. Tiada bayaran masuk dikenakan kepada pengunjung ke Taman Eko Rimba Kuala Lumpur pada masa ini. Kadar bayaran masuk yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat masih di peringkat kajian.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya cadangkan jangan ada caj. Kalau tidak nanti, lagi orang tidak mahu masuk ke *your* hutan rimba. Mereka akan pergi ke *shopping mall*.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Mengambil maklum. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bertanya tentang konflik kera. Ianya akibat daripada ketidakstabilan biodiversiti yang sebagaimana kita maklum. Akan tetapi, saya sebut di sini ialah sehingga ini saya pernah bincang dengan Jabatan PERHILITAN yang pakar tentang kera, populasi kera dan sebagainya, belum ada satu jalan penyelesaian yang berkesan. Belum ada lagi. Buat masa ini apa yang mampu dibuat ialah mengadakan operasi bersepadu bersama-sama dengan agensi lain seperti RELA dan JKK bagi mengurangkan populasi kera melalui program... *[Tidak jelas]*

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, ada tidak kementerian *network* dan buat kajian dengan mana-mana pakar di universiti untuk mengkaji tentang perkara tersebut. Kalau ada, Yang Berhormat Menteri dapat nyatakan siapa dia mereka yang pakar dalam hal-hal kera ini. Saya pasti pakar itu tidak ada dalam Dewan ini.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, izinkan saya bertanya. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri mengenai kera dengan monyet ini. Saya dalam perbualan dengan kawan-kawan mengatakan ada satu teknik untuk merangkap kera-kera ini iaitu dengan mengadakan sangkar dan sangkar itu *one way*. Kalau kera masuk dalam itu, dia tidak boleh keluar.

Cuma sekarang ini, masalahnya ia tidak ada dalam pengetahuan umum dan kemudian dengan siapa kita hendak berhubung. Saya rasa ini bukan masalah di Kota Raja sahaja, kata kawan-kawan yang lain. Sahabat-sahabat yang lain juga mengutarakan perkara yang sama. Maka kita perlu ada satu pelan. Saya ingat semenjak tahun 2008, saya di sini masalah kera ini berulang kali ditimbulkan. Takkanlah dalam masa enam tahun ini, tujuh tahun tidak ada satu perancangan. Amat menyedihkan sekali sebab kementerian ada.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Mersing dan Yang Berhormat Kota Raja. Sebenarnya isu yang...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini Tuan Pengerusi. Ini memang ada lagi spesies kera iaitu *proboscis monkey*. Dia ada di Kinabatangan. Saya tengok yang suka buat kajian ini daripada negara Jepun dan China. Saya tidak tahu ada tidak daripada pasukan Malaysia yang buat kajian. Dia ini spesies yang agak luar biasa, Tuan Pengerusi. Dia kelompok dia lebih kurang 40 ekor hingga 50 ekor. Tidak boleh lebih. Dia dalam kalau dia 50 ekor, 49 betina, satu sahaja jantan. Jadi itu, hidung dia besar tetapi dia luar biasa.

Jadi, kalau ada anak dia keluar lahir jantan. Dia akan berperang dengan bapa dia. Siapa kalah, satu kena berundur diri. Satu sahaja *lord*. Tidak boleh lebih. Jadi, mungkin boleh dikaji. Mungkin ada ubat yang di sebalik kelompok ini, boleh kita dapat daripada kajian-kajian mungkin. Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Mersing, Yang Berhormat Kota Raja dan Yang Berhormat Kinabatangan. Sebenarnya saya hendak mengaku tempat saya juga berdepan situasi yang sama sebab itu saya berani katakan kementerian, Jabatan PERHILITAN belum ada lagi satu teknik ataupun kaedah yang berkesan. Walau bagaimanapun, Jabatan PERHILITAN sedang bekerjasama dengan pakar-pakar di dalam dan luar negara khususnya para akademik untuk mengkaji cara terbaik sekali. Oleh sebab ini adalah berkaitan dengan kacau ganggu terhadap habitat mereka.

Yang Berhormat Kota Raja juga membangkitkan tentang masalah banjir di bandar-bandar. Saya hendak sebut beginilah, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kota Raja tadi, iaitu mesti ada satu penyelarasan tentang mendepani dan menyelesaikan masalah banjir khususnya banjir kilat. Kalau banjir nanti, lain kali mudah kita hendak ramal. Lebih-lebih lagi kesan daripada iklim ataupun perubahan iklim yang sangat ekstrem pada masa ini.

Oleh sebab itulah, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Kota Raja dan mungkin juga Ahli Yang Berhormat lain yang telah membangkitkan. Saya hendak sebut di sini iaitu Kementerian memandang ini satu perkara yang sangat serius.

JPS telah sedia ada berbagai-bagai peraturan, panduan dan sebagainya yang saya sebut di sini umpamanya Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MASMA) dan banyak lagi panduan yang telah pun diturunkan ke negeri-negeri. Banyak panduan yang telah diturunkan ke PPT dan sebagainya. Akan tetapi, tidak berkesan. Kenapa tidak berkesan? Ini kerana ia bukan satu undang-undang. Maknanya tidak diperundangan.

Oleh demikian Tuan Pengerusi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah pun selesai membuat draf iaitu draf Rang Undang-undang Sumber Air Negara yang sekarang ini telah pun dijaja di seluruh negara. Maknanya, kita telah jumpa semua kerajaan negeri kecuali dua sahaja kan? Yang kita belum jumpa Selangor dan Sabah. Masih menunggu tarikh yang sesuai. Ini kerana kami berpendapat bahawa sekiranya rang undang-undang ini yang merupakan satu *template* yang boleh diterima pakai di seluruh negara dan kuasanya adalah terletak 100 peratus di negeri.

#### ■1630

Saya fikir mudah untuk semua panduan ataupun peraturan yang telah pun dikeluarkan, disediakan oleh pihak JPS khususnya dapat dikuatkuasakan di negeri-negeri. Oleh sebab Rang Undang-undang Sumber Air ini adalah penting bagi menyokong pelaksanaan-pelaksanaan Dasar Sumber Air Negara. Ramai juga yang keliru tentang sumber air negara tetapi saya hendak jelaskan di sini, ini adalah sumber air negara sahaja.

Maknanya daripada sumber air itu turun dari langit sampailah kepada muka sauk ataupun *water intake*, sistem rawatan air. Daripada *water intake* ataupun muka sauk, sistem rawatan air sampailah ke dapur rumah ataupun mana-mana kilang dan sebagainya, itu bukan di bawah rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini hanyalah berkaitan dengan sumber air sahaja. Kami percaya, kalau rang undang-undang ini boleh dilaksanakan, semua penyelarasan berkaitan dengan sistem perparitan, berkaitan dengan manual saliran mesra alam yang diperkenalkan oleh JPS dan lain-lain. Termasuklah *National Water Balance Management System* tadi bagi tujuan untuk kita menyimpan air di muka bumi dan sebagainya, bukan di dalam laut, dapat kita urus dengan sempurna.

Jadi kalau Yang Berhormat ada menyebut tentang penyelarasan, sebenarnya inilah saya fikir *tools* ataupun dalam bahasa kampungnya, ubat kepada segala masalah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kota Raja

dan beberapa tadi Yang Berhormat Lipis dan ramai lagi menyebut ini, tentang penyelarasan.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Menteri. Saya hendak minta kalau boleh drafnya diberi lebih awal kepada kami. Ini kerana kadang-kadang apabila sampai di atas meja ini, masa terlampau suntuk kerana kita perlu juga *consult* dengan *local government* dan sebagainya. Kadang-kadang kerajaan dengan kerajaan tetapi kita yang duduk *on the ground, the actual thing*. Masalah utama saya tengok ialah apabila sistem perparitan ini bidang kuasanya oleh tiga kementerian iaitu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui JPS nya, JKR dan juga oleh PBT. Jadi masing-masing selalunya bertelagah ini parit siapa, ini longkang siapa, ini *monsoon rain* siapa yang kena ini. Jadi itu soalnya.

Jadi baru-baru ini saya diberitahu bahawa sebenarnya dia tidak ada *even sometimes master plan* untuk semua perparitan di dalam kawasan. Jadi inilah perkaranya, benda itu mudah tetapi saya harap betul-betullah undang-undang yang akan dibawa ini. Saya ingat bukan pindaan ya Yang Berhormat. Ia adalah satu undang-undang baru, perlu diberi masa yang secukupnya untuk kita sama-sama meneliti. Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada dua perkara. Pertama, rang undang-undang tersebut, kita buat *engagement*, dengan izin, dengan ramai pihak. Kedua, kita juga bentangkan di semua kerajaan negeri termasuklah Pulau Pinang, Kelantan. Negeri yang belum cuma Selangor dan juga Sabah. Maknanya, semua kita libatkan.

Yang Berhormat tadi menyebut tentang perlunya dibentangkan juga, perlunya juga diberi maklum kepada Ahli Yang Berhormat. Oleh kerana ini masih peringkat draf, sebelum kita buat *finalize*, kami akan cuba berhubung dengan Ahli Yang Berhormat, mana-mana yang berminatlah untuk mendapatkan maklum balas yang lebih tepat lagi. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat, ada yang saya hendak *skip* sebab...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jangan *skip* banyak...

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Oleh sebab saya tengah tengok kiri kanan. So okey, tidak apa.

Yang Berhormat Putatan, sebenarnya tadi banyak perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Putatan. Saya catat ada beberapa perkara tadi. Kalau tidak salah saya dekat 15 ke 10 tadi. Kalau tidak salah sayalah. 1, 2, 3, 4, 5, 6 dekat-dekat 20 ini. Oleh kerana kebanyakan daripada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Putatan adalah terlalu teknikal. *[Ketawa]* Lebih kepada masalah setempat, saya



mengaku dengan Yang Berhormat Putatan, saya belum dapat tunaikan janji pada Yang Berhormat Putatan untuk turun ke Putatan. Jadi saya akan turun ke Putatan selepas selesai persidangan Dewan Negara untuk membantu Yang Berhormat Putatan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Kota Raja tentang urusan pertukaran syarat tanah tadi saya akan jawab secara bertulis ya, sebab terlalu teknikal.

Yang Berhormat Lenggong, saya rasa saya sudah jawab secara umum tentang penyelarasan. Tadi Yang Berhormat Lenggong tidak ada di sini tetapi beliau ada menyebut tentang satu persepsi bahawa JPS menggunakan reka bentuk lama, seolah-olah tidak ada satu inovasi baru untuk sistem perparitan dan sebagainya. Akan tetapi saya hendak tekankan di sini bahawa banyak inovasi baru telah pun dilahirkan oleh jurutera-jurutera JPS walaupun berdepan dengan beberapa cabaran.

Umpamanya– di antaranya *river training*. Saya dulu pun tidak berapa faham apa dia *river training* tetapi sebenarnya *river training* adalah kita membentuk– kita cuba bentuk aliran sungai supaya tidak pantas mengumpulkan gelodak lumpur atau tanah di muka sungai yang bengkok, itu antaranya. Itu dipanggil *river training*. Ada beberapa lagi dan secara kebetulan esok adalah Hari Inovasi JPS. Kalau sudi, boleh datang.

Yang Berhormat Kota Raja bercakap tentang pengawalan pengekalan hutan bakau di Langkawi. Ini merupakan satu perkara yang pada saya sangat serius di Langkawi. Isunya adalah pertama seperti saya sebut tadi kerana ombak yang kuat. Akan tetapi kalau di Sungai Kilim itu kerana kelajuan bot pelancong dan ini sebenarnya telah pun dimaklumkan kepada – kalau berkaitan dengan bot pelancong kita telah dimaklumkan kepada Kementerian Pengangkutan untuk mengambil tindakan. Akan tetapi yang penting ialah di sana kesedaran tentang penjagaan pokok bakau sangat tinggi dalam kalangan nelayan.

Oleh sebab nelayan di sana sangat prihatin dan mereka pernah berjumpa saya, mereka mengatakan bahawa mereka bimbang pokok-pokok bakau ini musnah dengan sebab kacau ganggu dan sebagainya terutamanya bot-bot pelancong kerana ini boleh menjejaskan makanan hidupan laut khususnya ikan. Makna kesedaran mereka sangat tinggi. Akan tetapi program tanam bakau ini sedang berjalan di seluruh negara. Butiran belum sampai lagi di meja saya. Kalau ada nanti saya sebutkan. Butiran tentang Program Menanam Pokok Bakau di seluruh negara. *Insyallah* termasuklah di Langkawi.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Maaf ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, tidak bolehkah kita ada satu akta untuk menghalang pembangunan di kawasan bakau dan di tepi-tepi pantai ini? Maknanya

ialah satu perkara yang semua tadi sebut tetapi kita perlu ada keberanian di sini supaya perkara ini bukanlah terpulang kepada *local authority* ataupun kepada negeri, hak tanah dan sebagainya. Kalau Parlimen boleh meluluskan perkara ini, saya rasa pening kepala Yang Berhormat Menteri, *insya-Allah*, masa depan tidaklah begitu teruk sangat dalam pengawalan bakau ini.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya hendak maklumkan di sini iaitu boleh katakan semua akta yang di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah pun *obsolete*. Saya boleh katakan semua, yang baru kita pinda, ada beberapa akta, strata *tittle*, akta bagi tanah-tanah tempoh hari, Akta FRIM dan sebagainya. Lain, sedang dalam proses sama ada pinda keseluruhan ataupun pinda sebahagian, bersesuaian dengan perubahan iklim semasa dan juga perlunya kita menjaga alam sekitar dan juga sumber asli dengan lebih serius lagi. Itu untuk makluman Yang Berhormat.

■1640

Yang Berhormat Kuantan, kami mengambil maklum cadangan pertukaran kawasan teroka sebagai ladang rakyat. Tentang pembalakan haram ini sebenarnya samalah tadi, saya sebutkan tadi semuanya adalah terletak di bawah kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, kita ada majlis tanah yang di dalamnya juga termasuk agenda hutan seluruh negara. Semua kerajaan negeri boleh dikatakan telah bersetuju untuk menerima suatu ketetapan bahawa ada kuota tertentu tentang penebangan pokok hutan ini. Oleh sebab itulah sehingga kini kawasan berhutan di Malaysia khususnya Semenanjung Malaysia, saya sebut Semenanjung Malaysia dahulu, yang lain mungkin saya jawab kalau yang Sabah dan Sarawak ini dia berasingan.

Umpamanya di Semenanjung Malaysia, jumlah keluasan hutan adalah 5.86 juta hektar. Maksud saya di sini ialah saya hendak tekankan di sini yang penting kuota kita kekalkan. Maknanya kita tidak kurangkan. Komitmen kita adalah muka bumi Malaysia kekal dengan 55 peratus, tidak kurang 55 peratus diliputi oleh pokok hutan. Itu dasar, termasuklah sama ada Hutan Simpan Kekal, hutan pengeluaran, hutan perlindungan, Taman Negara, termasuk juga tanah-tanah milik kerajaan. Itu dasar itu kekal. Ini telah pun dipersetujui di bawah Majlis Tanah Negara yang mana di dalamnya adalah termasuk agenda menangani isu hutan. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi apa yang dikatakan tadi bahawa kita kekalkan 55 peratus dari hutan dan kuota untuk pokok hutan ini. Akan tetapi masalah timbul Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila kelulusan itu diberikan *one after another* dan pokok itu belum sempat tumbuh telah diluluskan lagi dia punya *parcel* di sebelahnya itu. Jadi akhirnya,

dia menjadi satu *jigsaw* yang besar yang tidak sempat pokok itu tumbuh. Jadi mungkin itu yang saya maksudkan supaya dapat kita kawal Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Lagi satu yang saya kuarir ialah berkenaan apabila hutan-hutan ladang ini *under the pretext of* hendak buat hutan ladang, tetapi kemudian terbengkalai. Selepas diambil semua balak, kemudian terbengkalai, hutan ladang itu pun tidak jadi. Saya baru dapat maklumat ini selepas saya bahas tadi. Ada *somebody sent me this. List maps of damaged forest reserve in Pahang*, yang menunjukkan bahawa *damaged forest reserve* di Pahang berjumlah 90,069 hektar. *Damaged forest reserve*. Di bawah ini termasuk di Temerloh dan Bentong. Bentong ya, 10,776 hektar *damaged forest reserve*.

Di sini ditulis hutan Kemasul, Hutan Simpan Kemasul. Apa yang saya tahu Hutan Simpan Kemasul ini di Bentong dan saya tahu dalam 6,000 hektar ialah hendak buat ladang rakyat tetapi terbengkalai sudah beberapa tahun. Selepas diambil semua balak, kemudian terbengkalai, tidak ditanam pun dengan hutan ladang. Jadi, ini yang saya rasa *loophole* yang disalahgunakan oleh mungkin pihak kerajaan negeri. Akan tetapi, apa dia yang kita boleh buat? Sebagai kementerian, apa dia yang boleh dilihat? *Which aspect of the law* yang boleh kita lihat?

Sebagai contoh dalam isu bauksit, kita tahu bahawa lesen bauksit itu dikeluarkan oleh kerajaan negeri. Akan tetapi lesen *explore* itu dikeluarkan oleh kementerian dan kementerianlah yang bertanggungjawab untuk *moratorium*. Macam itu. *How do we find way*, hendak selamatkan ini dalam keadaan yang mana kerajaan negeri tidak *pay respect* pun kepada *the preservation or deforestation* ini berlaku dengan begitu rakus sekali? Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sambung sedikit Yang Berhormat. Ringkas sahaja. Terima kasih Yang Berhormat. Tadi 55 peratus Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan adalah melingkupi semua. Saya hendak tahu daripada 55 peratus ini, berapa peratuskah hutan simpanan kekal, *out of the 55 percent?* Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Begini, hutan simpanan kekal kalau di Semenanjung Malaysia 4.93 juta hektar terdiri daripada 83.9 peratus daripada keseluruhan hutan di Semenanjung Malaysia. Begitu, sama ada hutan simpanan kekal pengeluaran ataupun hutan simpanan kekal perlindungan. Ini tidak termasuk Taman Negara untuk *wildlife*, untuk *bird sanctuary* dan tidak termasuk juga tanah kerajaan, tanah bermilik yang dalamnya ada hutan. Faham ya?

Jadi untuk menjawab Yang Berhormat Kuantan tadi beginilah. Segala perubahan yang berlaku, laporan ada. Laporan itulah kita bentangkan dan dibincangkan biasanya dalam Majlis Tanah Negara dalam agenda hutan tersebut. Maknanya bukan kita

*query*lah untuk kita sama-sama *alert* supaya sekurang-kurangnya apa yang dibuat di peringkat kerajaan negeri tidak menjejaskan dasar hutan seluruh negara kerana tujuan kita untuk melindungi biodiversiti hutan di peringkat kebangsaan. Itu maksud saya.

Tentang Yang Berhormat Kuantan juga bertanya tentang...

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Yang Berhormat.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Ya.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Boleh tidak kementerian, Tuan Pengerusi, boleh tidak Kerajaan Persekutuan membuat dasar supaya dia membayar pampasan kepada kerajaan negeri, jangan buka langsung hutan. Maknanya hutan-hutan yang kita fikirkan tidak perlu dibuka, jangan dibuka. Oleh sebab seperti daripada segi *legalnya*, saya tidak nampak Kerajaan Persekutuan ada kuasa untuk menyekat kerajaan negeri untuk membuka, sedangkan kerajaan-kerajaan negeri mempunyai sumber kewangan mereka. Jadi kalau dibuat dasar, maknanya Kerajaan Persekutuan membayar nilai. Katakanlah 10,000 ekar jangan buka, ini duit dia, beri kepada kerajaan negeri. Kalau hendak buka pun, biar Kerajaan Persekutuan yang aturkan daripada segi pembukaannya.

Kita juga berasa bimbang tentang penebangan hutan yang tidak terkawal boleh menjejaskan sungai-sungai, alam sekitar dan kawasan tadahan air. Mungkin kita satu hari nanti akan berlaku *disaster*, satu keadaan yang membimbangkan. Kita harap Kerajaan Persekutuan membawa perkara ini dalam Majlis Tanah Negara supaya menyediakan peruntukan untuk membayar pampasan kepada kerajaan negeri. Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Sebenarnya itulah di antara perkara yang juga sedang dipertimbangkan oleh pihak kementerian dahulu, termasuklah beberapa pandangan daripada pihak termasuk Yang Berhormat Johor Bahru supaya ditubuhkan satu *thresh fund* untuk kita. Ini di antara cadangan untuk kita mengadakan satu *fund* yang besar di mana semua rakyat Malaysia ada kepentingan dan boleh aplikasi cadangan dari Yang Berhormat Rompin tadi. Maknanya kita kontra dengan amaun.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** [*Bangun*]

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Ini contoh, katakanlah negeri perlukan RM1 juta daripada menebang pokok, mungkin boleh diganti dengan *trust fund* yang telah ada ataupun daripada satu peruntukan yang disediakan di peringkat Pusat. Ini kemungkinan yang sedang kita pertimbangkan sekarang ini. Cuma belum lagi sampai kepada satu yang kita boleh rumuskan.

## ■1650

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin boleh rujuk kepada Kerajaan Negeri Kedah sebab dulu memang ada satu model perjanjian semasa zaman Allahyarham Tan Sri Azizan Razak. Sebelum itu Kerajaan Negeri Kedah diberi sepatutnya dijanjikan bagi pampasan supaya dia tidak menebang *area* yang dikatakan *water catchment area* di situ. Akan tetapi malangnya apabila arwah Allahyarham Tan Sri Azizan sebagai Menteri Besar waktu itu, saya sendiri pernah membawa isu ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri, Kerajaan *Federal* tidak memenuhi janji untuk bagi pampasan kepada negeri Kedah.

Saya pernah *raise* isu ini semasa sesi yang sudah. Jadi saya rasa tidak betul hendak kaji mana benda sudah ada, dasar itu sudah ada, cuma seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Rompin saya amat bersetuju perlu ada pampasan kalau kita hendak minta negeri itu tidak tebang pokok atas alasan hendak jaga 52 percent yang 55 percent sebut dengan izin, ya perlu ada satu pampasan pada negeri. Akan tetapi kalau kata baru hendak kaji, saya rasa tidak betul, benda dasar itu sudah ada pun.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Begini, yang tiada pampasan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan adalah isu pembukaan kawasan hutan bagi tujuan *income* dan sebagainya. Akan tetapi kesemua sebenarnya kita sedang pertimbangkan supaya kita dapat buat satu cadangan lebih holistiklah.

Selepas itu saya hendak sebut di sini Rang Undang-undang Sumber Air Negara itu sangat penting kerana ia juga boleh termasuklah yang mungkin agak *trigger* sikit bagi sesetengah negeri yang mungkin, sesetengah negeri ya, tidak semua ataupun setengah pihaklah kita kata yang masih risau tentang untuk kita pastikan bahawa kawasan tadahan air itu tidak terusik. Ini yang di antara yang kita cuba libatkan di dalam Rang Undang-undang Sumber Air Negara. Itu di antaranya, di antaranya.

Yang Berhormat Kuantan juga menyentuh *sediment pond* daripada Lynas didapati mengandungi logam berat yang didapati meningkat daripada *baseline*. Begini Yang Berhormat Kuantan, saya ada dua perkara. Pertama sekali saya tidak— oleh sebab ini adalah kesemuanya dia punya. Kementerian bertanggungjawab keseluruhannya, kita cuma *feeder* adalah MOSTI di bawah AELB. Saya tidak berhajat untuk menjawab secara terperinci sebab saya tidak mahu *contradict* dengan izin, dengan mungkin jawapan yang akan dibuat oleh pihak MOSTI secara bertulis nanti. Walau bagaimanapun, saya menerima jaminan daripada pihak MOSTI dan juga pihak

Lynas untuk menjemput Yang Berhormat dan juga rakan-rakan lain, tidak kiralah daripada mana untuk sama-sama kita melawat kilang tersebut luar dan dalam.

Saya difahamkan oleh pihak Lynas boleh bawa sekali mana-mana pakar daripada seluruh dunia atau mana-mana *journalist* atau mana-mana *reporter* ke dalam kawasan tersebut ataupun kawasan luar supaya dapat kita sama-sama tinjau, sama-sama tengok sejauh mana tentang perbezaan pendapat itu dapat dibincang bersama dan sama-sama memahami tentang keadaan sebenar. Itu jawapan daripada sayalah dan saya tidak akan ulas lagi.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, MOSTI jelas tidak mahu dan tidak akan jawab berkenaan dengan efluen daripada *sedimentation pond* sebab mereka kata itu di bawah kawal seliaan Jabatan Alam Sekitar. Jadi memang MOSTI tidak hendak jawab. Dari tahun lepas saya bawa isu efluen *sedimentation pond* ini. MOSTI kata itu di bawah Jabatan Alam Sekitar. Jadi maksudnya MOSTI tidak akan jawab, jadi itu memang di bawah penguatkuasaan. Sebab itu saya bertanya lagi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk respons kepada perkara ini.

Saya bukan tidak hendak pergi kepada Lynas. Kami tahu PR *exercise* Lynas. Kami tahu juga MOSTI daripada dulu sampai sekarang sentiasa bercakap tentang radiasi sinaran dan berpuluh kali, beratus kali kalau saya suarakan bahawa, *it is about radioactive waste management*. Yang Berhormat Menteri MOSTI sendiri kata, "*Tidak ada PDF setakat ini, recycling pun tidak jelas.*". Semalam saya tanya berkenaan Lynas tidak bayar kepada AELB. Yang Berhormat Menteri sudah buat keputusan sebelum saya bahas lagi akan bagi jawapan bertulis.

Jadi macam mana Yang Berhormat Timbalan Menteri? Hendak *pass* macam bolakah?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Jadi kalau masuk Lynas pun, mereka akan cakap benda yang sama, *it is safe because of the radiation is this level, this level, this level*. Mereka tidak akan jawab PDF itu macam mana, mereka tidak akan jawab fasal *recycling issues*, mereka tidak akan jawab pasal RSF itu *lining* dia boleh *leaching into the ground*. Mereka tidak akan jawab.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Betul!

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Sebab itu kita kata...

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Okey, apa itu, okey.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** ...Kita penat tetapi saya terpaksa suarakan.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih, panjang sangat. *[Ketawa]* Okey.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Sebab itu saya minta Yang Berhormat Menteri jawab fasal yang ini, fasal efluen daripada *sedimentation pond*.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Okey Tuan Pengerusi, yang tentang *sediment pond* ini saya jawab tetapi saya harap tidak ada pertanyaan tentang ini. Selepas ini, kalau tidak puas hati juga mari kita sama-sama pergi ke tapak. Iaitu jawapannya berdasarkan kepada pelaporan efluen yang dikemukakan oleh pihak Lynas pada Oktober 2016 baru lagi. Melalui *online environmental reporting* (OER) semua parameter yang dilepaskan sebagai efluen terawat adalah patuh sepenuhnya.

Sampel *sediment* yang didapati mengandungi logam berat yang meningkat daripada garis dasar atau *baseline* boleh berpunca daripada kesan kumulatif jangka masa panjang daripada punca pelepasan tidak spesifik yang lain, okey. Di bawah *Environmental Radiation Monitoring Programme* (ERMP) yang dikendalikan oleh pihak Lynas sebagai operator dan penguatkuasaan oleh AELB yang mana kajian berkaitan *sediment* adalah di bawah AELB termasuk pensampelan. *[Ketawa]* Itu saya harap tidak ada ya. Kalau tidak puas hati juga, ini jawapan yang saya ada, okey. Kalau tidak puas hati juga saya tawarkan kita pergi sama-sama di tapak. *No problem* ya. Okey.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya akan *follow up* dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Okey. Tinggal tiga minit Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Sebab saya janji saya ikut arahan daripada Tuan Pengerusi.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang *banned pesticides* Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Banned pesticides* Cameron Highlands.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Itu belum. Adakah? Kalau saya tidak jawab, jawapan bertulis. Mungkin ada dekat bawah lagi ini. *[Ketawa]* Dekat bawah lagi, okey. Sebab tidak mahu melepasi satu jam sebab saya sudah janji dengan pihak Dewan. Saya hendak pergi kepada perkara yang, tengok...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Panda belum.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Apa dia?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Panda.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Ha?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Panda belum.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Panda? Panda saya jawab bertulis. Okey Tuan Pengerusi, saya fikir yang lain saya jawab bertulis oleh sebab saya hendak pilih satu-satu pun tidak adil, kan?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Seorang Ahli:** Setuju.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tidak adil.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Ya?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Sabak Bernam tadi...

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Ha?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Sabak Bernam tadi mengatakan yang Hutan Simpan Bakau di Selangor ditebang itu. Ada jawapan tidak?

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Itu saya belum ada jawapan, belum ada jawapan lagi. Fasal hal negeri ini belum sempat hantar *drone*. [Ketawa]

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya lah Yang Berhormat Timbalan Menteri kena nafikan tuduhan sebab kita negeri Selangor tidak ada rancangan pun untuk menebang pokok bakau.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Okey, okey ambil maklum. Saya janji, saya jawab bertulis. Tuan Pengerusi, itulah yang dapat saya jawab. Lain-lain saya jawab bertulis saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian. Sekian, terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Saya nampak masalah-masalah yang timbul ialah sebelum persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu berbahas. Sebelum pun dijawab, ada Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan ada tetapi ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri untuk timbulkan satu masalah lagi. Itu sebab kenapa tidak dapat dijawab semua. Walau bagaimanapun terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.



Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM864,050,600 untuk Maksud B.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM864,050,600 untuk Maksud B.23 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,593,645,000 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM1,593,645,000 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

#### **Maksud B.29 [Jadual] - Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan 2017] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.29 dan Kepala Pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air terbuka untuk dibahas.

#### **■1700**

Saya nampak Yang Berhormat Pokok Sena dulu fasal dia atas pokok. *[Dewan ketawa]* Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

#### **5.00 ptg.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi yang baik hati walaupun Tuan Pengerusi berada di bawah pokok tapi kerana Tuan Pengerusi selalu mendongak ke atas, pasti akan nampak orang yang duduk di atas pokok, *insya-Allah*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ingin mengambil bahagian untuk B.29 iaitu Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyentuh Butiran 010200 – Tenaga, Teknologi Hijau dan Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah. Tetapi yang saya hendak fokus ialah kepada tenaga berkaitan dengan isu yang berbangkit menimbulkan keresahan dan ketidakpuasan hati di kalangan 8.5 juta pengguna tenaga elektrik daripada TNB terhadap program sistem *billing* TNB BCRM ataupun bil baru yang dilaksanakan oleh pihak TNB yang dilihat sebagai menimbulkan berbagai-bagai masalah persepsi dan juga ketakutan, kerisauan dan sebagainya.

Jadi saya melihat ini adalah disebabkan oleh pihak TNB tidak menjalankan satu kempen ataupun penjelasan penerangan yang meluas, yang menyeluruh kepada pelanggan-pelanggan TNB tentang perubahan atau peralihan daripada sistem bil yang lama ini kepada bil yang baru. Malah, penerangan berkaitan dengan perubahan nombor akaun daripada 14 digit kepada 12 digit pun tidak dimaklumkan secara menyeluruh. Walaupun penjelasan daripada TNB bahawa ada di belakang bil itu tetapi oleh sebab ia tidak dimaklumkan secara menyeluruh, uar-uar di dalam media elektronik khususnya, maka menyebabkan rakyat tidak sedar dan ada yang beranggapan apabila mereka membayar melalui sistem *online* ini, penyerahan bank dan sebagainya, mereka masih membayar atas nombor akaun yang lama. Lalu, ada yang memaklumkan kepada kami bahawa apabila datang bil yang seterusnya, masih ada tunggakan. Jadi ini kerisauan-kerisauan mereka.

Jadi saya hendak dapatkan penjelasan, kenapa pihak TNB sebelum hendak melaksanakan sistem bil baru ini menjalankan kempen-kempen yang sewajarnya untuk memaklumkan kepada masyarakat dan rakyat khususnya kepada pelanggan-pelanggan TNB?

Kemudian, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak TNB tentang masalah kelewatan bil yang sehingga sekarang ini pun masih ada. Sampai bila keadaan ini akan dapat dipulihkan dan mereka akan dapat terima bil dalam tempoh yang sewajarnya seperti mana yang telah ditentukan?

Ini kerana untuk mengelak apabila kita terima bil dalam tempoh dua bulan atau tiga bulan, menjadikan bil itu besar. Bila bil itu besar, kemampuan mereka hendak bayar itu, kerana duit ini, manusia bila ada duit ini dengan keadaan kos kehidupan yang tinggi ini, dia akan belanja mana yang perlu dulu. Bila bil tak sampai, maka duit itu akan digunakan untuk membelanjakan benda yang lain. Kebimbangannya ialah nanti bila bil sampai, jadi tempoh hendak bayar itu menyebabkan kita menjadi lewat. Jadi kebimbangannya ialah takut bil elektrik itu dipotong.

Jadi saya minta jaminan daripada pihak kerajaan supaya ada tempoh selepas daripada bil yang lewat ini diterima, tempoh itu kena harus ada tempoh yang munasabahlah. Tidak boleh tempoh yang seperti biasa, lalu akan sampai tindakan untuk pemotongan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, daripada pihak kerajaan, tentang siapakah syarikat yang memenangi tender untuk menyediakan bil baru TNB ini? Saya juga ingin mendapatkan senarai kejayaan projek-projek yang telah dijayakan oleh syarikat berkenaan sebelum ini. Ini sangat penting sebab bagi saya bahawa kalau syarikat yang memenangi tender ini

syarikat yang telah terbukti kejayaan dalam projek-projek yang dibuat sebelum ini, saya fikir tidak timbul masalah yang dihadapi seperti mana yang kita hadapi dalam tempoh beberapa bulan yang lalu sehingga kini.

Jadi saya hendak minta nama syarikat tersebut dan berapakah jumlah kos yang dibelanjakan oleh TNB untuk menyediakan sistem pengebilan terbaru serta faedah-faedah yang akan diperoleh pengguna dengan sistem ini? Sebab, saya fikir bahawa saya bimbang nanti kos itu tinggi yang disediakan oleh TNB tetapi faedah kepada pengguna itu tidak dapat dilihat dari segi bil yang lebih murah, maknanya ada keuntunganlah, rebat dan sebagainya.

Adakah kerajaan akan menyediakan rebat terhadap beberapa masalah yang timbul sebelum ini supaya ini menunjukkan TNB ini begitu prihatin terhadap pengguna? Kerana kesusahan pengguna, kita akan beri rebat. Kesusahan kerana isu bil-bil yang timbul ini, maka atas perubahan ini, maka TNB akan memberikan rebat yang tertentu kepada pengguna atas kesusahan-kesusahan yang dialami oleh pengguna atau pelanggan TNB yang seramai 8.5 juta orang.

Jadi ini yang hendak saya dapatkan daripada pihak kerajaan khususnya daripada pihak Menteri yang bertanggungjawab terhadap TNB ini. Saya juga mengharapkan bahawa pihak kerajaan dapat melihat isu yang diharapkan oleh pihak pengguna TNB ini, pelanggan TNB ini bukan sekadar sistem baru, pengebilan baru dan sebagainya, mereka hendakkan khidmat yang terbaik dan juga yang termurah. Maknanya bil yang ditanggung oleh mereka itu bagi orang susah, orang miskin ini, mereka tidak berkemampuan untuk menanggung dalam keadaan kos sara hidup yang meningkat sekarang ini.

Jadi saya harap maknanya sepatutnya TNB lebih berfikir bagaimana untuk mengurangkan kos bil elektrik yang terpaksa ditanggung oleh mereka bukannya sekadar— bukan saya tak bersetuju tetapi bukan hanya sekadar untuk menukar kepada sistem pengebilan yang baru.

Jadi saya minta dan saya juga hendak dapatkan bahawa siapakah projek *manager* bagi sistem bil baru TNB ini yang terlalu begitu berharap kepada sistem yang baru? Ada pihak yang berpandangan bahawa TNB seharusnya mengguna pakai sistem lama sehingga sistem baru betul-betul stabil sebelum sistem pengebilan yang lama ditamatkan secara total. Jadi, belum stabil lagi, tiba-tiba kita sudah menggunakan. Adakah belum stabil lagi sistem baru ini kita sudah guna sistem baru? Jadi ini satu benda yang tidak wajar. Dan adakah kerajaan ataupun TNB telah membuat pilot projek terlebih dahulu untuk menguji keberkesanan sistem bil yang baru ini? Ini yang sepatutnya, bagi saya, dilakukan oleh pihak TNB.

Jadi saya ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Putatan.

**5.09 ptg.**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya dua, tiga perkara sahaja, Tuan Pengerusi. Satu bagi Maksud B.29 Butiran 050200 – *Malaysian Green Technology Corporation* (MGTC). Dua lagi iaitu bagi Maksud P.29 Butiran 03200 – *Sabah Electricity Sdn. Bhd.* (SESB) dan Maksud P.29 Butiran 11400 – Rancangan Bekalan Air Sabah.

■1710

Okey, Yang Berhormat Menteri sendiri di sini mendengar. Memang perkara ini sering dibawa di Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengulangi, sistem-sistem yang kononnya kita sudah pun ada rancangan membuat sistem *Malaysian Go Green*, bangunan-bangunan kita, Tuan Pengerusi tidak perlu lagi memerlukan banyak tenaga untuk beli bahan api atau penjanaan kuasa api. Kita mesti ada penggunaan yang solar, *glass* dengan *landscaping* yang cantik, yang begitu canggih, yang seperti mana terdapat di negara-negara maju Yang Berhormat Menteri dan saya melihat.

Saya mahu bertanya dengan Yang Berhormat Menteri sekarang. Berapa sudah bangunan yang kita wujudkan di Malaysia ini? Apakah kebaikannya dalam bentuk kos misalnya dan keselesaan hidup, penjimatan tenaga elektrik ataupun air yang mana terdapat bangunan-bangunan yang kita boleh menangkap air hujan, yang boleh kita rawat untuk digunakan untuk kebun-kebun (*garden*) ataupun taman-taman kita. Walaupun kita menggalakkan pihak PBT untuk mewujudkan takungan air, mengurangkan kawasan-kawasan yang selalu dilanda banjir misalnya.

Jadi, adakah program-program seperti ini telah diterokai oleh pihak kementerian yang dahulunya memang disebut beberapa kali. Kita melihat rakyat Malaysia tertunggu-tunggu di mana sebenarnya rancangan ini telah diwujudkan.

Yang Berhormat Menteri, satu lagi soal yang saya katakan tadi iaitu berkenaan dengan elektrik di Sabah. Rakyat di Sabah memang sudah dikatakan sebagai satu—mengeluh. Perkataannya, mengeluh daripada pihak kementerian. Dahulu semasa mantan Yang Berhormat Menteri yang menjaga kementerian ini sudah berjanji dalam masa dua, tiga bulan, semua selesai. Yang Berhormat Menteri baru-baru ini juga membuat satu kenyataan di surat akhbar, tidak lama kita akan selesai masalah elektrik di Sabah.

Yang Berhormat Menteri, saya mahu tanya apa dan di mana rancangan-rancangan itu yang dapat menyelesaikan masalah kekerapan gelap di Sabah ini? Rakyat mahu dengar dengan kepastian. Bukan macam Yang Berhormat Seputeh, datang Sabah, dia datang mengelirukan rakyat di Sabah. Sengaja mahu memburukkan kerajaan tetapi kerajaan kita memang prihatin. Saya ada kepercayaan sebab Yang Berhormat Menteri sendiri dari negeri Sabah. Beliau memang ada hati dan niat yang ikhlas mewujudkan suasana yang *comfortable* bagi...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Mengapa berdiri? Mahu mencelah?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sebenarnya bermaksud Yang Berhormat Menteri dari Sabah ini tidak buat apa-apa untuk warga di Sabah. Itu sebab Kerajaan Negeri Sabah melarang saya masuk supaya saya tidak membangkitkan rintihan rakyat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini Yang Berhormat Seputeh memang selalu yang *very negative, pessimistic*. Dia seorang yang memang— tidak ada rakyat negeri Sabah ini yang tidak prihatin kepada negeri Sabah. Yang Berhormat Seputeh, saya tanya Yang Berhormat Seputeh sendiri, adakah Yang Berhormat Seputeh ini sendiri dari kawasan Seputeh tidak berjiwa dengan kawasan sendiri? Ada tidak? Kalau Yang Berhormat Seputeh tidak berasa sedemikian, takkan Yang Berhormat Menteri tidak berasa dengan soal negeri Sabah. Jadi memang Yang Berhormat Menteri berhasrat untuk mewujudkan suasana yang *comfortable* bagi negeri Sabah.

Satu lagi, *billing system* ini, saya setuju dengan Yang Berhormat Pokok Sena. *Billing system* yang disediakan ini banyak yang menyatakan kenaikan harga elektrik ini telah naik. Banyak. Jadi ini satu juga masalah dan saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan kepada rakyat kenapa tiba-tiba bil elektrik ini naik. Dari dahulu daripada sistem bil yang dahulu itu, maka kurang lebih 30 peratus, 40 peratus naik daripada kebiasaannya. Saya tidak tahu kenapa, mungkin sistem itu dia punya pengurusan itu mungkin berlainan.

Juga masalah bekalan air ini. Bekalan air ini memang kalau kita lihat daripada Yang Berhormat Menteri, dan apa-apa yang *divirakan* di sosial media. Kadang-kadang mereka sengaja bagi lihat paip yang macam warna milo. Saya tidak tahu disengajakan. Mungkin kerja pembangkang. Mungkin kerja pembangkang yang cuba untuk memburukkan sistem pengairan di Sabah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kalau itu tidak betul Yang Berhormat Menteri, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk melihat supaya perkara ini diperbetulkan kalau betul. Terutama sekali air di Ranau.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang baru-baru ini Ranau, saya lihat semua paip air di Ranau semua *kabut*, orang Sabah bilang *kabut*, Yang Berhormat Menteri. Saya faham Yang Berhormat Menteri faham ini *kabut*. Jadi— apa ini Yang Berhormat Batu? Batu tiada masalah. Kami sahaja bermasalah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Putatan, air *kabut* ini tidak bolehlah salah pembangkang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Putatan, apa buktinya Yang Berhormat Putatan boleh menunjukkan ada campur tangan dari pembangkang?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey, okey.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bukan pembangkang yang memilih Jabatan Air Sabah yang beratus-ratus juta, bilion itu dimiliki oleh Yang Berhormat Batu atau mana-mana.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kalau betul itu adalah bukti, sila beri pencerahan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Yes, Yang Berhormat Ranau?

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Putatan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Adakah Yang Berhormat Putatan bersetuju bahawa di negeri Sabah ini lebih kurang 70 *percent* dari kampung-kampung di sana semuanya sudah ada paip? Cuma bekalan airnya kadang-kadang belum ada. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kementerian haruslah melakukan yang terbaik untuk kawasan-kawasan khususnya di luar bandar di Sabah ini supaya mereka akan dapat bekalan air bersih. Oleh kerana pada masa kini, Tuan Pengerusi, di sana masih banyak orang yang menggunakan paip air graviti.

Jadi satu lagi perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Putatan tadi ialah mengenai air yang macam milo. Air itu selalunya berlaku pada waktu musim hujan, hujan banjir dan banjir lumpur tetapi sekarang ini tidak ada lagi.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Batu, saya tidak boleh jawab. Biar Yang Berhormat Menteri jawab. Apa yang saya katakan tadi bukan menuduh tetapi mungkin permainan daripada pembangkang. Kebarangkalian mungkin ada sana sengaja memburukkan. Okey. Masalah Ranau...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Boleh saya campur tangan Sabah?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Ranau memang betul.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** *Hello?* Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Putatan. Boleh saya campur tangan?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Mungkin ada masalah kebocoran. Mungkin ada masalah kekotoran tangki. Itu kita mesti mahu lihat dan rakyat mahu dengar penjelasan atau tidak...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Yang Berhormat Putatan, boleh orang Sabah campur tangan?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Nanti, nanti. Saya bagi habis dahulu. Nanti saya bagi *chance* sama kamu. Mungkin juga NRW ini terlalu tinggi di negeri Sabah. Jadi dengan peruntukan yang RM132 juta itu Yang Berhormat Menteri, saya harap masalah NRW ini dapat diselesaikan. Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu. *You want to say something?*

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mahu tanya status mengenai iaitu *power station* di Lahad Datu, *[Tidak jelas] power station*. Apakah *position* sekarang?

Kedua, kita juga jangan lupa di Tawau. Itu satu *what you called* itu, *another I know* di— ada satu *power station* lagi. Itu *using heat to generate power* di Tawau. Apa statusnya sekarang?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu. Masa saya sudah habis. Nanti Yang Berhormat Menteri jawablah. Dengan kata-kata yang demikian Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Oleh sebab sebenarnya ada banyak lagi perkara tetapi Yang Berhormat Kota Kinabalu kacau.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Parit Buntar.

## ■1720

## 5.20 ptg.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada satu sahaja butiran yang ingin saya ajukan penjelasan daripada Menteri iaitu Butiran 050000 – Program Khusus, di bawah Butiran 050200 – *Malaysian Green Technology Corporation* (MGTC). Di mana soalan saya yang pertama ialah dari tahun 2010 hingga 2016 sejak ia dilancarkan, kerajaan menganggarkan akan tamat pada tahun 2017 dengan *total financial approval* iaitu RM3.5 bilion. Jadi, adalah wajar untuk Ahli Parlimen diberi penjelasan tentang pertama, status *Malaysian Green Technology Corporation* ini dari sudut berapakah syarikat yang telah mohon untuk mendapat skim ini. Saya juga difahamkan bahawa setiap syarikat yang layak untuk memohon skim ini perlu mendapat satu yang dikatakan sebagai *Green Project Certificate*, baru ia layak untuk memohon.

Soalan saya Tuan Pengerusi ialah pertama, berapakah syarikat yang telah memohon berpandukan kepada kelayakan GPC yang dimaksudkan. Atau berapakah syarikat yang ada *Green Project Certificate* tetapi tidak diluluskan permohonan? Ketiga, saya ingin tahu syarikat-syarikat yang diberi keutamaan ialah tenaga, air, pengurusan sisa, dan juga bangunan serta pengangkutan. Saya mahu tahu, dalam semua segmen itu berapakah syarikat yang telah diterima atau lulus permohonan skim ini untuk kategori-kategori yang saya sebutkan. Itu soalan saya dalam *Malaysian Green Technology Corporation*.

Oleh kerana mengikut yang saya masih ada di dalam Dewan ini Tuan Pengerusi, cita-cita besar negara kita menuju kepada *green technology* ini diperuntukkan satu belanjawan yang besar. Jadi, adalah wajar kami mengetahui sejauh manakah pencapaian *green technology* ini dan bagaimana kita hendak kendalikan satu masalah yang pada waktu yang sama kita hendak menggalakkan *green technology* tetapi kos untuk membina *green technology* itu sendiri amatlah tinggi. Jadi, bagaimana kerajaan dapat memberi galakan selain daripada memberi skim *green technology* ini? Macam mana kos-kos yang melibatkan yang mesra alam, bangunan hijau? Termasuklah bagaimana syarikat-syarikat arkitek yang diberikan juga satu insentif untuk melakarkan bangunan-bangunan yang begitu mesra alam.

Adakah juga— saya masih ingat soalan saya, Tuan Pengerusi. Saya tanya kepada Menteri, Menteri jawab, bangunan-bangunan kerajaan didahulukan untuk melaksanakan teknologi ini. Saya mahu tahu sekarang, berapa peratuskah bangunan-bangunan kerajaan yang telah benar-benar patuh kepada piawaian *green technology* ini dari sudut penjimatan airnya, tenaga dan juga dari sudut teknologi-teknologi lain yang



diguna pakai? Ini memandangkan kepada kalau kerajaan telah berjaya menunjukkan satu model contoh *green technology* dari sudut persekitaran dan bangunannya, saya juga ingin mohon kepada Menteri supaya *green technology* ini diperluaskan kepada syarikat-syarikat swasta dengan memberi insentif-insentif tertentu. Supaya menggalakkan mereka ini mengaplikasikan teknologi hijau, contohnya membuat pemotongan cukai ataupun *tax credit* apabila sebuah syarikat itu menggunakan teknologi hijau ini.

Jadi, saya harap Menteri dapat memberi jawapan. Saya tidak mahu mendengar jawapan bertulis kerana saya kira 2010 hingga 2016 itu satu jangka masa yang panjang diberikan untuk kita menilai kerana ia akan tamat 2017. Apabila ia tamat ataupun kita sampai kepada *financial approval* RM3.5 bilion itu, kita hendak tengok ke mana duit ini pergi? Adakah teknologi hijau itu benar-benar telah dapat diaplikasikan dalam negara kita kerana kita sudah pun mengetahui kementerian ini ditubuhkan adalah sebagai membuat *contents* keperluan kita menjadi negara yang boleh berhadapan dengan isu tenaga yang di antara sebab lainnya ialah untuk *minimize degradation to the environment*, untuk mengurangkan kesan penghapusan ataupun kesan kepada *environment*. Kedua ialah untuk mencapai *zero* atau *low green house emission*. Ketiga, *safe for use and improve the environment of all forms of life, conserve energy and natural resources* dan akhirnya, *promotes the use of renewable resources*.

Adakah semua ini sudah tercapai? Jikalau tidak tercapai, mengapa dan dalam keadaan ekonomi yang kita sama-sama sudah sedia maklum, sejauh mana yang diberi keutamaan agar semua matlamat ini, kriteria-kriteria ini dapat dicapai dalam kita melaksanakan dasar negara hijau.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

**5.26 ptg.**

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Tuan Pengerusi, saya ingin menyertai perbincangan perkara P.29 dalam Bajet 2017 dan Butiran 010000 – Tadbir Urus, Butiran 010100 – Pentadbiran, Butiran 09100 – Rancangan Bekalan Air Negeri Selangor dan Butiran 11200 – Penyaluran Air Antara Negeri.

Kesemua perkara ini ada hubungannya dengan pertama, pelaksanaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 atau Akta 655, juga merangkumi peranan kementerian, SPAN, PAAB, Kementerian Kewangan dan Kerajaan Negeri Selangor. Tuan Pengerusi, rakyat Selangor berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memberi sokongan kewangan berjumlah RM9.65 bilion untuk Kerajaan Selangor mengambil alih

semua saham milikan konsesi air di Selangor iaitu ABASS, Puncak Niaga, SYABAS dan SPLASH. Konsesi ini meliputi pengurusan pengendalian air terawat, bukan sahaja di Selangor, di Kuala Lumpur dan juga di Putrajaya. Saya juga telah membuat soalan Parlimen PR1343L7653 yang mana Bandar Tun Razak minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan semua terma dan syarat bagi perjanjian antara Kerajaan Negeri Selangor dan Perbadanan Aset Air Berhad dalam penstrukturan semula industri air negeri dan impak kepada perjanjian tersebut sekiranya jumlah pengambilalihan keseluruhannya melebihi RM9.65 bilion.

Sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tetapi yang penting saya ingin nyatakan dalam jawapan tersebut dinyatakan jumlah kos keseluruhan bagi penstrukturan semula industri bekalan air Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, termasuk pembiayaan pengambilan keseluruhan ekuiti dan liabiliti keempat-empat syarikat konsesi di Selangor serta hutang Kerajaan Persekutuan di bawah Kerajaan Negeri Selangor akan mempengaruhi pelarasan tarif air, kadar sewa pajakan air Selangor kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan aset-aset yang akan dicagarkan kepada PAAB. Yang dinyatakan ialah semakin tinggi harga pengambilalihan, maka tinggillah impak kepada kenaikan kadar tarif air dan sewa pajakan kepada PAAB.

■1730

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

Adalah dijangkakan menurut jawapan Yang Berhormat Menteri jumlah keseluruhan pengambilalihan akan melebihi RM9.65 bilion. Ini memandangkan terdapat sebahagian liabiliti syarikat konsesi yang tidak disenaraikan sebelum ini serta penambahan kepada nilai pengambilan Syarikat Pengeluaran Air Selangor, SPLASH oleh Air Selangor yang masih belum dimuktamadkan.

Tuan Pengerusi, oleh itu demi kesejahteraan rakyat Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, pengambilalihan ini mestilah dengan harga yang berpatutan dan tidak akan membebankan rakyat, pengguna air yang melebihi 5 juta penduduk. Saya percaya Kerajaan Persekutuan berlaku adil yang mana konsesi tidak mengalami kerugian hasil pembelian aset dan ekuiti syarikat konsesi. Akan tetapi Kerajaan Persekutuan juga dan Kerajaan Negeri Selangor mesti juga berlaku adil kepada rakyat Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya untuk tidak membebankan rakyat dengan menerima penambahan kos pengambilan aset air konsesi tersebut dan oleh kerana itu peningkatan akan menghasilkan harga yang lebih tinggi air kepada rakyat.

Oleh itu Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri mestilah mempertahankan nilai dalam perjanjian itu iaitu RM9.65 bilion. Saya juga dapati ura-ura kerajaan negeri

menerima lagi kenaikan harga bayaran kepada SPLASH melebihi apa yang dijanjikan dalam perjanjian itu. Yang kita tawarkan ialah ekuiti RM250 juta, tanggungan RM1,584 juta berjumlah RM1,834 juta. Dividen yang sudah diambil oleh SPLASH RM725 juta dengan modal hanya RM400 juta. Jumlah besar ialah RM2,559 juta. Dengan nilai yang ditawarkan ini, SPLASH sudah mendapat keuntungan yang berlebihan. Mereka pula dibayar dengan harga yang lebih tinggi. Kesannya akan membebankan rakyat Selangor untuk 30 tahun yang akan datang.

Tuan Pengerusi, isu yang menghantui rakyat Malaysia ialah terma penswastan yang berat sebelah kepada pemegang konsesi.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Yang Berhormat Sungai Besar.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Ini termasuk penswastan tenaga elektrik, lebuhraya, pembinaan hospital dan banyak lagi. Jadi kiraan...

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Tidak nampak.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** ...Keuntungan mengikut kajian adalah berat sebelah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua orang yang bangun, minat. Yang mana satu?

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Sikit saja Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya terkejut tentang apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bandar Tun Razak mengenai tentang konsep konsesi dan juga prinsip ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Saya terbaca surat yang dihantar oleh Yang Berhormat Bandar Tun Razak kepada Yang Berhormat Marang tentang isu ini. Pada pandangan Yang Berhormat Bandar Tun Razak, adakah disebabkan Yang Berhormat Bandar Tun Razak ingin mempertahankan prinsip menjaga rakyat Selangor menyebabkan Yang Berhormat Bandar Tun Razak disingkirkan menjadi Menteri Besar Selangor. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Saya hendak buat sedikit tambahan Yang Berhormat Bandar Tun Razak, kalau boleh. Okey, adakah perbezaan daripada RM9.65 bilion ini, ada pertambahan RM2.7 bilion ini, pembiayaan ini berdasarkan pengalaman Yang Berhormat Bandar Tun Razak, siapakah sebenarnya yang akan membiayai lebih daripada permohonan yang diminta oleh SPLASH. Itu saja.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Perkara sama ada saya akan menjadi Menteri Besar atau tidak, itu tidak jadi soal bagi saya tapi saya yang ingin meneruskan untuk itu sebab saya hendak tunjukkan bahawa kiraan keuntungan untuk penswastaaan yang banyak saya kaji adalah berat sebelah kepada konsesi. Bererti konsesi mendapat untung berlebihan, dia dibenarkan tetapi jika konsesi rugi, kerugian tersebut ditanggung oleh kerajaan dengan *bailout*. Jadi bererti pihak konsesi tidak rugi langsung dan oleh itu pemilik konsesi sanggup beli dengan bonus yang besar kepada ejen untuk dapat kontrak. Jadi Tuan Pengerusi, saya rasa perkara ini mesti kita selesaikan dan penyusunan semula industri air Selangor ialah contoh bagaimana penyelesaian ini dapat dibuat.

Tuan Pengerusi, dalam kes air, kerajaan membenarkan *bulk service rate* ialah kadar perkhidmatan pukal yang dilaksanakan untuk konsesi boleh mengenakan kadar menghasilkan *profit margin* yang sangat tinggi iaitu *bulk service rate* ini *profit margin*nya ialah 70 peratus. Walaupun harga air dipertahankan oleh Kerajaan Negeri Selangor, tapi SPLASH mengenakan penjualan yang mengekalkan harga. Saya hendak ingatkan Dewan ini, 100 kubik liter air yang dikeluarkan oleh SPLASH hanya 70 kubik liter yang boleh dijual sebab 30 nya sudah hilang dan rakyat Selangor, rakyat Wilayah Persekutuan bayar 100 peratus.

Jadi oleh sebab itu, berlaku Kerajaan Negeri Selangor yang menaikkan air. Saya difahamkan walaupun kita sekarang ada kuasa untuk mengkaji semula *bulk service rate* ini, tetapi Kerajaan Negeri Selangor masih membiarkan harga ini berlaku dan saya minta Yang Berhormat Menteri supaya SPAN dan PAAB tidak membiarkan *bulk service rate* yang tinggi ini diteruskan kerana margin ini adalah sangat tinggi. Oleh sebab itu SPLASH mungkin dapat meminta harga yang tinggi. Persoalannya mengapa PAAB dan SPAN membenarkan ia berlaku. Rakyat Selangor minta jawapan. Saudara Yang Berhormat Menteri, akhir sekali saya minta perlu memberi penjelasan untuk menentukan tidak bertambah RM1 bilion lagi tambahan kerana bayaran ini memberi kesan yang membebankan rakyat Selangor.

Perkara membiarkan *bulk service rate* ini tidak diteruskan lagi dan saudara Yang Berhormat Menteri yang dikatakan oleh Yang Berhormat Putatan berjiwa rakyat, bersama kerajaan persekutuan mestilah menunjukkan jiwa yang lebih besar daripada Kerajaan Negeri Selangor iaitu tidak menaikkan tarif air ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Habis ya. Sila Yang Berhormat Jasin.

**5.39 ptg.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi bagi saya peluang untuk mengambil bahagian. Yang pertamanya, seperti yang kita sedia maklum pada ketika ini rakyat dalam keadaan yang cukup resah. Kenaikan harga barang di sana sini. Baru-baru ini naik lagi barang tetapi saya berharap supaya TNB, kita jangan naikkan tarif. Akan tetapi kalau boleh, kita naikkan rebat kita.

**■1740**

Sekarang kita bagi RM20.00. Kalau boleh dengan keuntungan yang cukup banyak yang dibuat oleh TNB, kalau boleh kita naikkan rebat kita kepada RM30.00. Kalau ini boleh kita buat, kita boleh buktikan bahawa kerajaan cukup prihatin, terutama kita dapat membantu golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan kita sama-sama dapat memastikan supaya rakyat juga dapat bersama-sama berkongsi tentang keuntungan yang telah dibuat oleh TNB selama ini.

Yang keduanya, kita lihat banyak lampu-lampu jalan raya. Ada tempat-tempat yang masih lagi tidak mempunyai lampu tetapi seharusnya lah kalau boleh, TNB satu daripada agensi yang memonopoli pembahagian tenaga, kalau boleh dapat membuat CSR dan memastikan supaya lampu-lampu jalan ini dapat dipasang. Dalam masa yang sama, kita faham bahawa pihak-pihak berkuasa tempatan akan menanggung semua bil tetapi yang pastinya sekarang kos untuk memasang lampu-lampu jalan ini dibiayai oleh TNB.

Dan ketiganya, kita berharap supaya pihak TNB sebagai satu agensi yang prihatin, kalau boleh dapat membuat CSR terutamanya memberikan peruntukan-peruntukan kepada pihak Parlimen dalam memperbaiki rumah-rumah orang-orang miskin. Seterusnya mana-mana rumah yang masih lagi memerlukan *rewiring*, kerana rumah itu terutama rumah kayu yang kita takuti akan terjadi berbagai-bagai keadaan yang tidak diingini. Jadi kita berharap semoga melalui Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik untuk kita pastikan supaya kita dapat bantu mereka-mereka yang sangat memerlukan.

Seterusnya saya pergi kepada perkara 07400 – Rancangan Bekalan Air Melaka. Yang kedua perkara 95000 – NRW Nasional, perkara 00100 – Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga yang Diperbaharukan yang akhirnya 03202 – Penghantaran dan Pembahagian Tenaga. Tuan Pengerusi, negeri Melaka sebenarnya, kita memohon kalau boleh pihak kementerian menyediakan geran untuk membantu semua operator air di negeri dalam usaha kita hendak mengurangkan NRW.

Buat masa ini, peruntukan untuk Projek Perbelanjaan Modal ataupun CAPEX di bawah PAAB menganggap kerja ini adalah tergolong di bawah kategori perbelanjaan penyelenggaraan OPEX. Usaha pengurangan NRW ini adalah satu daripada KPI SPAN

yang perlu dicapai pada setiap operator air negeri. Malangnya, pihak KeTTHA ataupun pihak kementerian dan PAAB tidak langsung menyediakan peruntukan bagi kita memastikan usaha ini tercapai.

Keduanya, kita mohon kalau boleh pihak kementerian membantu negeri-negeri yang mempunyai warta defisit seperti negeri Melaka. Dalam perundingan kita antara kerajaan-kerajaan negeri yang berjiran bagi membekalkan air mentah dalam kuantiti yang mencukupi dan harga yang munasabah seperti contoh permintaan Melaka kepada negeri Johor. Kalau negeri Johor boleh membekalkan air dengan begitu harga yang murah kepada Kerajaan Singapura, saya yakin mereka juga tidak ada masalah untuk membuat perkara yang sama untuk negeri Melaka.

Seterusnya, kita juga memohon pihak kementerian, kalau boleh kita mohon operator-operator air negeri seperti negeri Melaka dalam kita membuat kajian dan juga pelaksanaan modenisasi Sistem Bekalan Air Negeri terutama dalam kaedah kita untuk merawat air. Ini memandangkan isu kualiti air mentah semakin meruncing dan juga kritikal sejak akhir-akhir ini kerana kebanyakan daripada loji-loji air yang menggunakan kaedah rawatan air secara konvensional di mana ia tidak berkesan dalam usaha kita untuk memproses air yang semakin tercemar sekarang.

Seterusnya adalah diharapkan supaya pihak kementerian perlu memainkan peranan dalam menyelaraskan piawaian sumber air mentah yang terletak dalam kawasan-kawasan tadahan air. Buat masa ini, kita dapati tiada pihak yang khusus yang menguatkuasakan piawaian dan terdapat piawaian-piawaian yang sebenarnya tidak menepati kehendak piawaian air mentah kementerian, waktu Kementerian Kesihatan pada ketika ini. Contohnya, macam kita buat pelepasan air buangan dari kolam yang melebihi daripada piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia.

Seterusnya kita juga memohon pihak kementerian supaya dapat membantu dalam pelaksanaan amalan hijau di loji-loji air melalui sektor ataupun dasar hijau kementerian. Dalam masa yang sama kita berharap juga pihak kementerian supaya membantu kerajaan negeri dan membangunkan sumber-sumber air mentah yang baru dan juga yang mempunyai potensi seperti air bawah tanah dan juga penyulingan air laut memandangkan permintaan air semakin bertambah ekoran daripada pembangunan negeri Melaka yang begitu pesat sekali pada ketika ini. Apatah lagi kita bakal mendapat pelaburan yang cukup banyak daripada negeri China, jadi kita berharap semoga keperluan air ini dapat diatasi.

Terakhirnya, saya mohon kalau boleh pihak kementerian dapat membantu menyelesaikan isu tarif elektrik TNB, memandangkan industri air dan TNB ini memainkan peranan yang sama dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai.

Akan tetapi apa yang terjadi pada ketika ini, pihak air negeri Melaka dikenakan tarif seperti kadar industri. Jadi kita berharap kalau kadar dapat dikurangkan. Kita yakin kedua-dua industri dapat memainkan peranan yang sama dan memberikan perkhidmatan yang paling terbaik sekali kepada rakyat.

Terakhirnya Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kementerian yang akan memperkenalkan satu sistem pengebilan baru TNB. Hanya soalan saya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian telah membuat kajian, penyiasatan tentang apakah sebenarnya akibat daripada pengenalan sistem pengebilan ini. Kalau ini perkara yang cukup efisien, kita sangat menyokong bahkan kalau boleh pada ketika ini apa yang dihadapi oleh rakyat, pihak TNB sebenarnya membuat pengebilan yang berlarutan, kadangkala sampai dua bulan, tiga bulan kadang-kadang.

Jadi, membebankan rakyat apabila dapat bil, kita tengok dia pun terperanjat nanti dan saya takut nanti dia pun tidak mempunyai keupayaan untuk membayar melainkan kalau pihak TNB membenarkan mereka membuat pembayaran secara ansuran. Saya ingin menyokong, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ramai ya sebab kita minta Yang Berhormat Menteri menjawab pukul 6.30 petang. Bermakna daripada pukul 5.00 hingga 6.30, satu jam setengah dapat kita *debate*. Kalau boleh singkat-singkatkan ya. Yang Berhormat Seputeh, 5 minit. Ya, sila.

**5.48 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak akan panjang ucapan saya. Saya sebenarnya setuju dengan Yang Berhormat Pokok Sena dan juga tadi Yang Berhormat yang ucapan tadi berkenaan dengan sistem pengebilan baru TNB, yang mana saya juga terima aduan daripada orang ramai.

Saya hendak tanya syarikat mana yang memenangi tender untuk menyediakan sistem bil baru untuk TNB ini dan bolehkah Yang Berhormat Menteri menyenaraikan kejayaan projek-projek lepas, oleh syarikat ini untuk *justify* kenapakah syarikat ini dilantik dan juga kos yang dibelanjakan oleh TNB untuk sistem pengebilan baru ini kerana ia mendatangkan banyak rintihan, sungutan daripada orang ramai. Kenapakah TNB tidak melancarkan satu kempen penerangan yang menyeluruh kepada orang ramai khususnya mereka yang duduk di luar bandar kerana ramai tidak sedia tentang sistem baru ini dan tidak jelas. Mereka yang sentiasa mengadu ke Pejabat Wakil Rakyat.

Tuan Pengerusi, saya hendak juga sentuh sedikit tentang 03200 – Sabah Electricity Sdn. Bhd. kerana apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Putatan tadi yang kata tentang air di Sabah itu macam coklat dan Menteri adalah dari negeri Sabah.

■1750

Saya duduk sini, ini mengingatkan saya tentang kes skandal di pejabat *Water Department in Sabah* yang mana mengikut laporan akhbar ialah sebanyak RM114 juta diserbu oleh SPRM daripada Pengarah dan Timbalan Pengarah pejabat Jabatan Air Negeri Sabah ini. Jadi saya lihat di bawah butiran ini di mana kerajaan memperuntukkan RM2,455 juta untuk Jabatan Air Negeri Sabah itu. Saya nak tanya sebenarnya, adakah ia makan kepada peruntukan daripada Kerajaan Pusat dan juga apakah ada apa-apa kaitan dengan di bawah kementerian ini?

Saya juga ingin tanya tentang perkhidmatan pementungan di bawah Butiran 040000 di mana banyak projek- saya nak menghargailah penambahbaikan pementungan ini diadakan tetapi kita lihat kalau di Lembah Klang saya lihat ada banyak tempat menyebabkan kesesakan trafik. Adakah projek ini dapat dipercepatkan lagi? Ini kerana banyak jalan yang utama macam di PJ, macam di beberapa buah tempat di Jalan Ipoh dan kawasan saya ini, ia menyumbang kepada kesesakan trafik. Jadi adakah kementerian, bolehkah minta pihak kontraktor mempercepatkan penambahbaikan pementungan ini supaya ia tidak menyumbang kepada kesesakan trafik?

Saya juga lihat bajet untuk tahun depan ini berbanding dengan tahun ini, di bawah perkhidmatan pementungan telah ada pengurangan sebanyak RM4 bilion. Jadi, adakah yang pengurangan peruntukan ini akan menjejaskan ataupun akan menyebabkan kerja penambahbaikan pementungan ini dilambatkan lagi? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tidak sampai lima minit. Ya Yang Berhormat Parit Sulong.

**5.52 ptg.**

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi. Saya terus sahaja kepada butiran.

Pertamanya Butiran 010000 – Tadbir Urus. Saya tengok dalam maklumat yang diberikan kepada kita semua, ada sasaran untuk tahun 2017, sasaran sebanyak sepuluh forum dan juga bengkel dan ada juga sasaran ataupun anggaran sebanyak 510 promosi publisiti untuk menjaga imej dan mempromosi dasar dan juga program dan aktiviti kementerian. Jadinya berdasarkan kepada ini, saya hendak bertanya kepada pihak



kementerian. Siapakah *strategic international partner*, dengan izin kepada pihak kementerian dalam menganjurkan semua program untuk tahun 2017 ini?

Seterusnya untuk Butiran 00107 – Projek Teknologi Hijau. Berlaku pengurangan peruntukan daripada RM11.99 juta pada tahun 2016 kepada RM9.46 juta sebagai anggaran tahun 2017. Jadi sehubungan dengan itu, saya hendak bertanya mengenai adakah projek pembangunan teknologi hijau di Malaysia ini akan terjejas berikutan daripada kekurangan peruntukan ini? Keduanya, saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian mengenai adakah kementerian bercadang untuk melaksanakan pembinaan premis berdasarkan mesra alam ataupun dengan izin, *eco-friendly* dan penggunaan tenaga elektrik yang minimum, sejajar dengan pembangunan sosioekonomi dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap teknologi hijau?

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 00100 – Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui. Akan tetapi dalam ini saya tengok ada peningkatan dari tahun 2016 dan anggaran pada tahun 2017. Jadinya melalui penambahan peruntukan ini, saya cuma nak bertanya kepada pihak kementerian, apakah perancangan dan juga langkah proaktif dalam mengorientasikan semula industri-industri sedia ada untuk mempraktikkan amalan teknologi hijau ini serta mempergiatkan? Adakah juga kementerian akan mempergiatkan strategi pembangunan dan penyelidikan dalam teknologi hijau ke arah pengkomersialan bagi pasaran tempatan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar seperti kawasan Parlimen Parit Sulong?

Seterusnya yang terakhir ialah Butiran 00100 iaitu Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui juga di bawah tajuk ataupun butiran yang sama. Baru-baru ini di US ada seorang teknousahawan yang bernama Elon Musk yang telah memperkenalkan serta mengkomersialkan produk-produk yang menggunakan teknologi hijau serta tenaga boleh diperbaharui seperti kereta Tesla serta bumbung solar.

Sehubungan dengan itu, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, sebagai sebuah negara yang menerima pancaran cahaya matahari selama enam jam sehari serta peningkatan peruntukan daripada RM26 juta kepada RM32 juta, adakah pihak kementerian mempunyai apa-apa cadangan untuk menjadi *Tesla South East Asia*, dengan izin untuk menjadikan Malaysia ini sebagai hab tenaga boleh diperbaharui terutamanya dalam bidang tenaga solar. Seterusnya, adakah pihak kementerian boleh mencapai matlamat yang diletakkan oleh United Nations dalam *Sustainable Development Goals* ataupun SDG, nombor tujuh iaitu dengan izin, *'ensure access to affordable, reliable, sustainable and modern energy for all'*. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya tidak sampai lima minit, empat minit saja. Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**5.56 ptg.**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali, berapakah peruntukan yang diberikan kepada Sabah untuk bekalan elektrik dan air pada tahun 2016 dan 2017, Menteri? *[Disampuk]*

Di bawah Butiran 010200 dan 03200, bolehkah kementerian memberikan jaminan supaya SAIDI di Sabah boleh diturunkan ke tahap yang sama seperti di Semenanjung? Bagi pastikan satu masa, lima tahun atau sepuluh tahun. Ini kerana masalah bekalan elektrik di Sabah masih berada di tahap yang tidak memuaskan.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu, apakah perkembangan atau status Empangan Tawau. Projek Tawau Dam ini sudah dirancang lebih tiga puluh tahun yang lalu, dari zaman PPS lagi. Kos untuk pembinaan Tawau Dam ini juga semakin tinggi. Masalah krisis air di Tawau juga semakin serius. Saya masih lagi ingat lagi Menteri ada bagi jawapan bila saya tanya, "*Bila empangan akan dibina?*". Jadi Menteri ada jawab kata bulan Jun itu sudah ditender. Jadi saya ingin tanya, sudahkah projek ini ditender?

Saya juga mahu tanya Yang Berhormat Menteri kerana Yang Berhormat Menteri kata duit RM400 juta itu sudah disalurkan kepada Kerajaan Sabah. Jadi, betulkah sudah disalurkan kepada Sabah? Ini pinjaman.

Di Semporna pula Tuan Pengerusi, bekalan air selalu terputus dan peniaga terpaksa membeli air pada harga yang tinggi untuk menampung keperluan air yang kritikal. Sebetulnya Tuan Pengerusi, selalu masa bila ramai pelancong, masa itu air putus, berkali-kali macam ini. *[Dewan riuh]* Jadi saya- ya, ngam-ngam lah musim itu dia makan...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Suspense Oh! Suspense.*

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Cari makan punya hal ini. Jadi, pelancongan di sana tiap-tiap minggu hanya dapat dua hari air, lagi lima hari kena beli air. Jadi macam mana ini? Satu tempat yang banyak potensi untuk pelancong tetapi jabatan air, potong angsa sebelum dia lahirkan telur. Jadi saya haraplah MACC dan Menteri siasat, adakah makan duit di sana, jual air?

**■1800**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Julau bangun.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Nanti dahulu. Di sini saya ingin tahu juga, adakah...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kasilah, Yang Berhormat Kota Kinabalu. Takutlah.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** ...Berkaitan menjual air ini jadi sebahagian dari program kementerian untuk memberikan air kepada peniaga orang yang ramai? Adakah harga air yang dijual kepada peniaga ini berpatutan? Masalah ini juga berlaku di Pulau Banggi. Kenapa Jabatan Air Semporna tidak selesaikan masalah ini secepat mungkin? Adakah pegawai-pegawai Jabatan Air Semporna bekerjasama dengan pihak lain untuk mendapatkan keuntungan? Saya minta kementerian siasat. Begitu juga dengan SPRM.

Saya bagi satu contoh yang bagus. Apabila saya lawat Sarawak, saya nampak bahawa di Jabatan Air, banyak lori tersedia di Jabatan Air. Apabila tiada air, terus hantar. Kerana apa? Kerana Sabah tidak ada Jabatan Air...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Eh, Selangor macam mana Selangor? Selangor boleh buat itu macam kah? Boleh hantar air kah Selangor?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ya, saya sedikit lagi. Tuan Pengerusi, adakah ini seperti skandal *water gate* di Jabatan Air Sabah di mana 60 peratus peruntukan Kerajaan Persekutuan masuk ke dalam poket pegawai rasuah?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Selangor sudah selesai kah Selangor?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Kes rasuah Jabatan Air Sabah ini amat memalukan. Daripada RM3.3 bilion peruntukan Kerajaan Persekutuan, 60 peratus masuk dalam poket pegawai yang rasuah. Ini ada RM2.2 bilion. Tetapi cari balik hanya RM120 *million*.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Masa sudah habis. Masa sudah habis.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Yang Berhormat, mana itu RM1.8 bilion, mana? Masuk poket? Adakah masuk poket Yang Berhormat Menteri atau *officer number one* di Sabah?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Selangor pun tidak ada airlah. Itu kerajaan negeri...

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri dalam hal ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Besar.

**6.02 ptg.**

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Izinkan Sungai Besar ambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian KeTTHA berkaitan isu air. Butiran akan saya perincikan.

Di Selangor, *alhamdulillah*, kita ada air percuma. Namun, apa maknanya air percuma kalau tidak ada air terutama di Semenyih? Apa maknanya air percuma kalau Kajang dengan Puchong pun banjir?

Saya akan rujuk kepada Butiran 020000 – Pasukan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang ke Selangor, Butiran 09100 – Rancangan Bekalan Air Negeri Selangor, Butiran 11200 – Penyaluran Air Antara Negeri.

Mula-mula kita beri gula-gula air percuma, akhirnya air naik juga. Ini kisah Langat 2. Akhirnya sejumlah 1,890 juta liter air mentah akan disalurkan dari Pahang ke Selangor. Masuk ikut terowong, keluar Empangan Kelau, muka sauk dan akhirnya dirawat di Loji Langat 2.

Kenapa Langat 2 ini penting? Semenjak tahun 2000, ia telah dipersetujui tetapi sehingga kini, Langat 2 masih lagi belum siap. Maklumat yang kita perolehi dijangka siap tahun 2017. Marilah kita berdoa dan berusaha.

Persoalannya, kenapakah Langat 2 masih belum siap? Apakah faktor-faktor yang menyebabkan yang menyumbang kepada kelewatan ini?

Jadi bersetujukah pihak kerajaan, kajian dibuat oleh KeTTHA merujuk jika Langat 2 tidak siap, kita akan berhadapan dengan risiko masalah bekalan air di Lembah Klang? Dalam pembinaan Langat 2, sebanyak RM3.935 bilion kos yang akan digunakan dalam penyaluran air antara negeri. Ini boleh dilihat dalam Butiran 11200.

Mengapakah Langat 2 ini penting? Langat 2 ini penting kerana ia akan memberi kemudahan kepada 8.18 juta orang. Selangor sahaja sekarang ada 6.31 juta, Kuala Lumpur ada 1.77 juta, Putrajaya kita ada hampir 100,000 orang.

Mengapakah Langat 2 ini penting? Kerana penggunaan air domestik Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya menggunakan air yang paling tinggi di Malaysia. Rekod SPAN menunjukkan rizab margin kosong peratus di Selangor. Apa maknanya? Maknanya sekiranya terdapat kemarau panjang, Selangor akan menghadapi masalah.

Apa persoalan yang saya hendak sebutkan? Langat 2 dijangka akan siap pada tahun 2017. Dalam masa yang sama pula, saya difahamkan akan ada Loji Labuhan Dagang dan Semenyih 2 sebanyak RM800 juta. Ini disebut oleh Menteri Besar baru-baru ini.

Persoalannya, Labuhan Dagang siap, Langat 2 siap, tidakkah ini akhirnya akan menyebabkan pembaziran berlaku? Kerana, saya hendak merujuk kepada perkara apa?

Saya hendak merujuk kepada kalaulah RM800 juta itu digunakan untuk melihat kepada NR water, baik pulih, soal paip yang usang, karat— dan adakah *feasibility studies* sudah dibuat terhadap pembinaan Labuhan Dagang ini? Ini pohon penjelasan daripada peringkat pihak kementerian.

Di Selangor ini ada angka popular. Ambil alih keseluruhan RM9.65 bilion. Ini disebut di peringkat awal. Kemudian disebut lagi Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH) di peringkat asalnya RM250 juta, kemudian harga *negotiation* yang memohon kepada RM2.7 bilion. Saya bertanya kepada pihak kerajaan, peningkatan RM250 juta kepada RM2.7 bilion ini, siapakah sebenarnya yang membiayai? Kerajaan Pusat kah, kerajaan negeri kah ataupun siapakah entiti-entiti yang terlibat dalam perkara ini?

Sebagai MP yang bertanggungjawab, saya akan berhenti sebelum lima minit masa yang diberikan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

#### **6.07 ptg.**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mulakan dengan mengungkapkan Butiran 11200 – Penyaluran Air Antara Negeri dan juga Butiran 07400 – Rancangan Bekalan Air Negeri Melaka.

Bulan lepas, Tuan Pengerusi, negeri Melaka menghadapi masalah kekurangan bekalan air terutamanya yang menarik ialah di kawasan tadahan. Ada tempat di mana hujan lebat tetapi ada di kawasan tadahan tidak ada hujan. Justeru, kita saksikan catuan air hampir sahaja dilakukan di negeri Melaka pada bulan yang lalu.

Saya ingin tanya kepada kementerian, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sebenarnya permintaan air di negeri Melaka sekarang ini telah pun mencecah 500 juta liter sehari? Untuk sistem perbekalan air yang ada sekarang ini, Yang Berhormat Menteri, dijangkakan hanya sehingga tahun 2017. Kalau tidak dibuat sesuatu, kita akan berhadapan dengan masalah air. Seperti mana yang berlaku di Empangan Durian Tunggal pada tahun 1991 sehingga tahun 1992 yang lalu, kita telah menyaksikan bagaimana empangan itu kering dan menyebabkan masalah air kepada 600,000 orang penduduk di negeri Melaka.

Kita tidak mahu seperti mana yang berlaku di Pahang di mana baru-baru ini Tengku Mahkota Pahang terpaksa mengeluarkan satu titah untuk Kerajaan Negeri

Pahang menyelesaikan masalah dan memberikan perhatian yang serius kepada masalah terputusnya bekalan air di beberapa buah daerah.

Jadi saya hendak mulakan dengan itu kerana saya fikir di negeri Melaka ini tentulah kita mempunyai pelbagai strategi. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah ada satu perbincangan yang lebih detil antara pihak Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri, paling tidak pun untuk memastikan empangan utama iaitu Empangan Durian Tunggal itu ada cara-cara yang lebih efektif untuk memastikan bekalan air tidak terputus pada masa-masa yang akan datang?

Kedua, Tuan Pengerusi, ialah berkaitan dengan tarif air. Saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat Menteri dan saya percaya perkara ini telah sering saya bangkitkan dalam perbahasan pada tahun-tahun yang lalu iaitu perkhidmatan kios air secara percuma yang diberikan oleh saya sendiri kepada rakyat di kawasan Bukit Katil. Kita lihat berlaku kenaikan tarif yang saya fikir tidak munasabah.

■1810

Misalnya, ketika pembekalan air minuman bertapis secara percuma ini diberikan, pada mulanya dikenakan caj RM1.65 sen setiap meter padu pada tahun 2014. Kemudian kadar itu naik kepada RM4.00 setiap meter padu. Kita telah pun menulis surat kepada kementerian untuk memastikan agar ada perbincangan kenapa tarif ini meningkat. Sekarang untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, meningkat menjadi RM7.00 satu meter padu. Jadi, kalau kita bawa kepada perbincangan dan kita telah pun adakan perbincangan, jadi macam bola.

Sekejap kata kepada SPAN, sekejap kepada Syarikat Air Melaka. Jadi, saya ingin bagi tahu kepada Yang Berhormat Menteri, kios air percuma ini sebenarnya membantu rakyat di kawasan saya sendiri kerana ia tentu memberikan sedikit kemudahan. Kita pun sedia maklum bagaimana baru-baru ini Yang Berhormat Menteri sebut air mineral itu jauh lebih mahal daripada minyak. Jadi, bila ada kumpulan yang memberikan air percuma, janganlah dikenakan beban dengan tarif yang begitu tinggi dan kita seolah-olah tidak ada asas.

Saya berbincang dengan Kementerian Kesihatan misalnya. Kementerian Kesihatan *waived* untuk kita berikan permit dan dikenakan ekstra bayaran kepada kita kerana kita berikan secara percuma. Akan tetapi saya harap juga Kementerian KeTTHA dapat ada sedikit hati perutlah, berikan kemudahan kepada kita. Oleh kerana kalau dikira oleh sebab saya fikir susah keadaan sekarang, orang ambil air di situ sampai satu bulan kita terpaksa bayar RM700 ke RM800 dan kita tidak ada *source of income* Yang Berhormat Menteri. *Unless we have a source of income*, tak apa. Kita tak ada sumber

pendapatan. Kita betul-betul bagi dan saya ada tiga atau empat mesin di dalam kawasan Parlimen saya.

*So, just imagine* Yang Berhormat Menteri, betapa saya kena tanggung jumlah yang begitu besar untuk kita berkhidmat kepada rakyat. Jadi, saya minta *waiwelah*. Kita bukan maknanya minta dibayar balik tetapi paling tidak pun untuk yang akan datang ini kita harap perkara itu dapat dikaji agar RM7.00 itu yang untuk makluman yang saya dapat, hanya diberi kepada mesin yang dicaj tetapi kenapa yang *free* ini dikenakan caj? Jadi saya harap, isu-isu ini dapat diberikan perhatian yang tegas oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sekijang.

#### **6.12 ptg.**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 06400 - Rancangan Bekalan Air Negeri Johor; yang melibatkan peruntukan sebanyak RM34.5 juta. Masalah bekalan air Johor dilihat juga semakin mendesak yang disebabkan oleh penyusutan sumber air di beberapa batang sungai dan juga pusat tadahan air. Ini terbukti apabila beberapa bulan yang lalu kita dapat melihat terdapat beberapa daerah dan kawasan dalam negeri Johor yang terpaksa dibekalkan air melalui bekalan air berkala.

Oleh yang demikian, saya ingin berterima kasih kepada pihak Kerajaan Persekutuan kerana telah mengambil tindakan dan keputusan yang tepat melalui Rancangan Malaysia Kesebelas untuk mengatasi masalah air di negeri Johor iaitu dengan meluluskan Projek Menaik Taraf Empangan Congok di Mersing sementara menunggu Empangan Kahang di Kluang yang dijangka siap pada pertengahan tahun hadapan. Yang ini minta kerjasama daripada pihak kementerian, kalau boleh Empangan Kahang ini dapat disiapkan pada pertengahan tahun hadapan.

Dalam masa yang sama juga, saya berharap pihak Kerajaan Persekutuan dapat memenuhi permohonan peruntukan sebanyak RM180 juta daripada Kerajaan Negeri Johor untuk pembinaan Empangan Meda di Muar. Terdapat keperluan mendesak memandangkan empangan ini nanti akan berfungsi untuk menghalang air masin dari memasuki Sungai Muar ketika berlaku air pasang.

Saya ingin juga bertanya kepada pihak kementerian tentang perkembangan terkini Projek Pemindahan Air Mentah Iskandar Malaysia (PAMIM) yang dirancang secara bersama antara Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri. Seterusnya, Butiran 03202 – Penghantaran dan Pembahagian (Tenaga); melibatkan peruntukan

RM15 juta. Saya ingin menyentuh tentang TNB. Kita tahu sudah beberapa orang Yang Berhormat menyebut tentang hal berkaitan dengan TNB ini, termasuk sistem pengambilan baru. Saya ingin mendapatkan penjelasan dari pihak kementerian, apakah rasional di sebalik penukaran kepada sistem baru ini? Sejauh manakah TNB telah memberi penerangan kepada pengguna tentang masalah dan implikasi yang wujud akibat daripada perkara ini?

Adakah TNB ada membuat program penerangan awal sebelum ini? Walaupun dikatakan notis telah dikeluarkan tetapi kita tahu masih terdapat pengguna yang agak terbeban dengan isu dua bulan bil ini. Saya ingin juga mendapatkan kepastian, adakah terdapat apa-apa *refund* yang terpaksa dibuat oleh TNB akibat daripada kesilapan jumlah bayaran yang tercatat di dalam bil yang terpaksa ditanggung oleh pengguna? Adakah mereka yang bil bulanannya di bawah RM20 sebelum ini kita tahu tidak dikenakan sebarang bayaran tetapi bila bil baru sistem dua bulan itu sampai dan ia jadi mungkin nilainya dekat RM40, adakah mereka dikenakan juga caj oleh pihak TNB?

Seterusnya yang terakhir, Butiran 00100 – Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui. Saya ingat dalam RMKe-11, kita menekankan tentang kecekapan tenaga yang diperbaharui ini. Cuma saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, ada beberapa projek berkaitan dengan tenaga solar yang dibuat di negeri Johor. Katanya menghadapi masalah untuk diluluskan kerana katanya ada beberapa pihak, termasuk daripada JKR sendiri, mereka tidak dapat meluluskan projek berkenaan kerana bukan di dalam bidang mereka.

Jadi, apakah pihak kementerian ada bekerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain, terutamanya Kementerian Kerja Raya ini untuk memastikan *technician-technician* JKR ini apabila melibatkan projek melibatkan tenaga solar ini mereka dapat membantu kepada kelulusan projek-projek berkenaan, terutamanya projek-projek melibatkan projek mesra rakyat. Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi, saya juga sama seperti yang lain, hendak kurang daripada 5 minit. Terima kasih dan saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Hulu Langat.

**6.16 ptg.**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Saya merujuk Butiran B.29 – Butiran 020000 – Pasukan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang ke Selangor yang berjumlah RM2.95 juta. Jumlah ini agak kecil. Jadi persoalan saya, apakah amaun yang kecil ini akan digunakan



untuk penyaluran air daripada Pahang ataupun infrastrukturnya sudah selesai, menunggu sahaja Langat 2 siap. Terima kasih Sungai Besar kerana memberi keyakinan Langat 2 itu penting.

Saya ingin merujuk Butiran 040000 - Perkhidmatan Pembedungan. Sebanyak RM19.15 juta. Tentulah RM19.15 juta ini tidak dapat digunakan untuk infrastruktur tetapi apakah dengan nilai ini dapat diguna untuk menguruskan kontraktor-kontraktor yang membuat pemasangan pembedung dan pembinaan loji pembersihan. Ini mungkin berkait dengan P.29 Butiran 80000 - Projek Pembedungan Negara berjumlah RM510.7 juta. Adakah ini yang akan digunakan untuk pemasangan paip dan juga pembinaan loji pembersihan? Saya ingin mendapat jasa baik daripada Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan kejayaan sistem pembedungan berpusat yang telah pun siap dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, Butiran 00100 - Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui; berjumlah RM32.65 juta. Berapakah penjimatan yang dihasilkan dari bangunan kerajaan hasil daripada amalan kecekapan tenaga yang telah pun dijalankan? Sekiranya ia memberi hasil yang baik, yang positif, maka saya mencadangkan agar ia dapat dikembangkan kepada bangunan-bangunan kerajaan negeri, swasta dan individu. Berapa banyak pula hasil penjimatan bangunan Kerajaan Pusat yang telah pun dipasang dengan *solar cell* atau sel *photovoltaic* atau sejauh mana program *net metering* mendapat kejayaan? Adakah ia boleh dikembangkan juga kepada bangunan kerajaan negeri?

■1820

Terakhir Butiran 050200 – *Malaysian Green Technology Corporation* (MGTC) yang berada di Bangi tetapi mungkin saya tidak berpeluang melawat bangunan ini ataupun pejabat ini. Jadi saya ingin mendapat penjelasan kejayaan mereka menyambung tadi yang dibincangkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar. Begitu juga P.29, Butiran 001007 – Projek Teknologi Hijau yang berjumlah RM9.47 juta. Apakah bentuk projek teknologi hijau yang akan dibangunkan bagi merealisasikan negara hijau? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sik.

**6.21 ptg.**

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada perkara yang pendek sahaja, sedikit sahaja iaitu saya terus pergi kepada Butiran 06500 – Rancangan Bekalan Air Negeri Kedah. Saya ingin maklumat dan jawapan

daripada Menteri kalau Menteri tidak ada masa Menteri boleh menjawab dalam bentuk tulisan, jawapan bertulis. Dalam kawasan saya terdapat dua empangan iaitu yang pertama Empangan Gubir untuk jana kuasa hidro elektrik. Kedua Empangan Beris untuk bekalan air minuman. Empangan yang pertama iaitu Empangan Gubir terdapat tiga daerah, saya difahamkan bergantung bekalan elektrik daripada empangan itu iaitu Daerah Sik, Baling dan juga Padang Terap.

Saya ingin tahu bekalan elektrik yang dijana oleh Empangan Gubir ini dihantar ke kawasan mana selain daripada tiga kawasan ini. Saya juga ingin tahu disebabkan oleh penggunaan tenaga elektrik yang semakin meningkat dari semasa ke semasa apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran tenaga elektrik daripada hidro elektrik empangan ini. Saya juga ingin tahu apakah had kapasiti yang ada sekarang dan tahap keselamatan serta ketahanan empangan ini dan bagaimanakah *interval maintenance* oleh pihak yang berkuasa.

Empangan yang kedua iaitu Empangan Beris. Kawasan tadahan bagi tasik Beris ini lebih kurang 120 kilometer persegi dan mempunyai ketinggian paras maksimum ketika air banyak 86.4 meter dan paras biasa lebih kurang 84 meter. Saya ingin tahu adakah kawasan tadahan ini benar-benar terjamin dan tidak diganggu sampai bila-bila? Kedua, saya juga ingin tahu secara terperinci berapa juta liter air kah sehari dibekalkan oleh Tasik Beris ini untuk minuman? Secara terperinci juga saya ingin tahu kawasan manakah air ini dibekalkan? Punca bekalan air selain daripada itu, saya juga ingin tahu Tasik Beris ini saya difahamkan bahawa membekalkan bekalan air di luar daripada Parlimen Sik. Saya juga ingin tahu di dalam Parlimen Sik, Sik mendapat bekalan air daripada punca air di mana? Itu sahaja ucapan dan juga pertanyaan saya kepada Menteri. Saya ucap terima kasih banyak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kuantan.

**6.23 ptg.**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 030000 iaitu bekalan air. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri saya ingin mulakan dengan mengatakan *I have a dream. I have dream*, satu hari kita buka air daripada paip dan kita boleh minum daripada air di paip tersebut. Sekiranya kita pergi ke negara Eropah perkara ini bukan perkara yang luar biasa malah di Singapura pun kita boleh dapat perkara tersebut. Akan tetapi saya sedar bahawa keadaan ini jauh lagi buat negara kita Malaysia memandangkan kita masih lagi ada kawasan-kawasan yang belum ada lagi bekalan air. Loji rawatan air kita juga tidak mampu untuk merawat selain

daripada *the normal* rawatan untuk *turbidity* dan E.Coli dan sebagainya. Kita belum mampu menapis logam-logam berat.

Namun Tuan Pengerusi sementara kita sampai ke tahap di mana loji rawatan air kita mampu untuk membersihkan semua *pollution* dalam *raw water* kita, sumber-sumber air kita. Saya ingin dengar apakah pelan, rancangan yang pihak kementerian KeTTHA untuk memastikan bahawa air minuman kita ini benar-benar terjamin selamat. Kita terancam, kita diancam dengan macam-macam *pollution* daripada *effluent industry* yang menyebabkan beberapa kali loji rawatan air di Selangor contohnya terpaksa ditutup dan juga bauksit di Kuantan di mana laporan dalam *Journal of Medical Science* mengatakan bahawa *potential hazard contamination to the drinking water*.

Saya juga membangkitkan isu berkenaan dengan *banned pesticides* dalam air minuman di Cameron Highlands yang saya sudah pun memberi kepada Yang Berhormat Menteri kertas abstrak, kertas kerjanya, yang *publish paper, the abstract of the publish paper*. Saya membangkitkan isu ini di empat kementerian, *this is the fourth* kementerian yang saya bangkitkan isu ini. Terima kasih Tuan Pengerusi sebab beri saya peluang sebab saya hendak dengar keempat-empat kementerian ini, bagaimana keempat-empat kementerian ini yang *test* air dekat paip ini, yang jaga loji, yang jaga *regulation* di awal, yang *test* dalam sungai dan sebagainya, *the raw water test, the raw water parameters*. Keempat, kementerian ini masing-masing seolah-olah beroperasi *in isolation*.

Saya kuarir berkenaan dengan perkara ini, siapa yang akan ambil tanggungjawab? Siapa yang akan memastikan bahawa *pollution* ini, pencemaran ini, *banned pesticides* kah, *heavy metal* dan sebagainya tidak masuk ke dalam air minuman kita. Memandangkan dengan pembangunan yang berlaku dalam negara kita di masa yang sama kita jauh lagi daripada mencapai status di mana kita boleh minum, yakin boleh minum air daripada air paip kita. Jadi apa dia tindakan *in the mean time, what other major to ensure* bahawa walaupun dia di bawah paras selamat tetapi *cumulative*, dia ada kesan kepada kesihatan awam. Kalau di *banned pesticides* terlarang ini terus kita ambil walaupun di bawah tahap berbahaya tetapi dia ada kesan jangka masa panjang. Jadi, pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Kedua, Butiran 08100 berkenaan dengan Rancangan Bekalan Air Negeri Pahang. Saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan RM78.55 juta diperuntukkan sebagai pinjaman kepada Rancangan Bekalan Air Negeri Pahang itu untuk apa. Ini sebab saya hendak tahu *what is it going to be used for* kerana negeri Pahang ini negeri yang paling tinggi *non revenue water (NRW)*. *We are at*, kita di

tahap 59.90 peratus Tuan Pengerusi, di negeri kita. Kita mengalami kerugian yang amat tinggi. Ini 23 peratus lebih daripada *national average* dalam bentuk *non revenue water*.

Kita pun mempunyai 8,000 kilometer lebih paip yang perlu diganti dan sentiasa pecah. Sentiasa orang Pahang berhadapan dengan keadaan di mana paip air kita pecah, paip air bawah tanah itu pecah. Jadi pohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah pinjaman itu untuk ganti paip ataupun untuk apa. Kalau tidak, macam mana pihak kementerian boleh bantu negeri Pahang? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Pasir Gudang.

### **6.28 ptg.**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberi saya ruang untuk bersama untuk perbincangan ini. Saya ingin menyentuh Butiran 06400 – Bekalan Air Negeri Johor. Seperti yang sedia maklum pihak kementerian bahawa Johor sekarang adalah sebuah negeri yang bertambah kemajuannya seiring dengan pembangunan Johor berkemajuan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar. Dengan adanya projek-projek RAPID, IRDA yang semakin hari semakin besar jajahan takluk bagi projek-projeknya.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, seperti yang dimaklum juga sebelum ini Johor mengalami masalah catuan air. Di kawasan saya mempunyai masalah catuan air dan akhirnya perkara itu menyebabkan kemarahan penduduk setempat. Bila hujan air tidak masuk di kawasan tadahan menyebabkan berlaku satu fenomena yang mana air hujan tetapi kawasan tadahan masih tidak ada air. Jadi kita tidak hendak perkara ini berulang lagi. Jadi, apakah perancangan pihak kementerian di dalam bajet yang sedia ada untuk menyegerakan penambahan ataupun kebarangkalian kawasan-kawasan baru yang dikenal pasti untuk tadahan air ini. Bagi mengelak masalah yang sama berulang lagi.

### **■1830**

Dengan kepadatan penduduk yang sedia ada, dengan hanya kawasan tadahan air sedia ada, tentunya saya kira perkara ini tidak akan dapat menampung dalam masa yang panjang. Tanjung Langsat berkembang maju, kawasan industri semakin besar. Keberadaannya kilang-kilang seperti *steel factory*. Mereka ini menggunakan *raw water* dengan jumlah yang sangat tinggi. Begitu juga Petronas di Rapid. Jadi, apakah perancangan kementerian? Saya kira dah wajar dan sampai masanya kita merancang ke depan untuk mengatasi masalah ini. Seterusnya saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian Tuan Pengerusi, apakah perancangan ataupun bantuan kepada

rakyat daripada sudut bekalan elektrik, di mana elektrik ini kita sedia maklum dalam bil elektrik kita pun ada GST.

Jadi, bagaimanakah sebagai satu sumber yang memang kirakan keperluan asas pihak kementerian berbincang dengan Kementerian Kewangan untuk memastikan bahawa dapatlah pelepasan diberi kepada bil-bil api ini, elektrik supaya tidak dikenakan GST. Dalam beberapa perkara juga, tenaga solar dilihat satu sistem yang boleh membantu. Jadi, apakah galakan-galakan yang diberikan oleh pihak kementerian kepada syarikat-syarikat. Difahami bukannya mudah tetapi saya kira ada teknologi dari negara-negara lain yang sangat tinggi yang boleh dibawa kepada negara kita bagi membantu sama mengurangkan bebanan pergantungan kepada tenaga elektrik sedia ada.

Seterusnya saya juga ingin meminta kepada pihak kementerian untuk mengkaji dengan sebaiknya, setiap kali ada berlaku perubahan sistem yang digunakan. Saya berterima kasih kepada TNB kawasan saya kerana mereka mengambil inisiatif untuk menerangkan kedudukan perkara bila berlaku perubahan bil dan sebagainya menyebabkan bil lambat dan kenapa ada *double charge* tetapi kita mestilah mengenal pasti masalah terlebih awal, memberitahu kepada rakyat supaya ia tidak mendatangkan satu kemarahan dan apakah perlu keperluan ini hingga menyebabkan kecoh di kalangan rakyat buat seketika hingga membelanjakan duit yang banyak sedangkan kita mempunyai keperluan-keperluan lain bagi mengurangkan masalah yang sedia ada di dalam negara kita.

Itu sahaja Tuan Pengerusi yang ingin saya sampaikan. Terima kasih di atas peluang ini dan saya berharap sangat negeri Johor diberi perhatian yang sewajarnya. Saya dengan ini menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Stampin.

### **6.33 ptg.**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih banyak-banyak. Saya terus kepada Butiran 00100 – Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui, Butiran 00107 – Projek Teknologi Hijau. Saya amat tertarik dengan butiran ini, maka ada beberapa poin yang saya hendak minta pengesahan serta pertanyaan mengenai butiran ini.

Nombor satu, kenaikan peruntukan daripada RM26 *million* pada 2016 ke RM32.65 *million* pada tahun 2017 iaitu kenaikan sebanyak RM6.5 *million*. Memandangkan ini adalah program baru, saya minta kementerian senaraikan secara

terperinci program-program yang telah dijalankan pada 2016, jumlah peruntukan yang digunakan bagi setiap program tersebut, objektif serta kesimpulan terhadap program-program tersebut.

Nombor dua, bagi 2017 pula iaitu peningkatan sebanyak RM6.5 *million* kepada RM32.5 *million*, sama juga seperti yang di atas iaitu minta senarai secara terperinci bagi setiap program yang dijalankan, senaraikan program yang berunsur penyelidikan serta tujuan penyelidikan tersebut. Saya amat setuju dengan inisiatif ini dalam butiran ini memandangkan hala tuju dunia sekarang adalah kepada *renewable energy* serta kecekapan penggunaan tenaga elektrik.

Soalan saya nombor satu, apakah inisiatif daripada kementerian ke atas pelaksanaan serta bagi mendorong supaya ianya boleh dicapai, dipromosikan serta mengasimilasikannya ke dalam masyarakat kita. Mungkin program-program yang dimaksudkan sudah mempunyai objektif demikian. Jika ya, saya minta tahu keberkesanannya berdasarkan pelaksanaan pada tahun 2016.

Nombor dua, apakah garis panduan yang wujud ataupun jika wujudnya limitasi jika rakyat biasa seperti kita mahu memasang solar panel ataupun *wind generator* di rumah mereka di mana penggunaan elektrik mereka dijana daripada sistem tersebut. Bolehkah mereka menjual balik tenaga elektrik seperti mana yang terdapat di banyak negara maju ataupun bolehkah mereka *power up* dengan izin, *the house* sepenuhnya dengan menggunakan kaedah tersebut.

Setahu saya, sekarang wujudnya satu tarif *sell back* dengan izin, yang ada hadnya. Jika ini benar, maka itu akan jadi satu penghalang bagi kita memajukan penggunaan *renewable energy* dan sekali lagi jika itu betul, suatu usaha di antara kementerian diperlukan supaya pindaan dibuat supaya regulasi sebegini tidak dijadikan satu halangan terhadap perkembangan penggunaan *renewable energy*, dengan izin. Yang saya ghairah adalah regulasi sedemikian hanya akhirnya dijadikan *cash cow* bagi syarikat-syarikat besar dan bukannya bertujuan memajukan, mempercepatkan ataupun penggunaan *renewable energy* di kalangan rakyat jelata. Jadi saya harap kementerian boleh memberi satu pengesahan.

Bagi pengetahuan semua, sebuah syarikat swasta Amerika seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong iaitu SolarCity, telah pun melancarkan *solar tiles* mereka baru-baru ini di mana bumbung kelihatan seperti biasa tetapi sebenarnya boleh menjana elektrik dan lebihan elektrik ini boleh disimpan di dinding yang juga merupakan produk baru mereka juga sejenis bateri. Tenaga elektrik yang disimpan dalam dinding ini juga boleh digunakan oleh kereta Tesla yang menggunakan 100 peratus elektrik.

Jadi soalan saya seterusnya nombor tiga, saya juga faham teknologi sedemikian juga mempunyai penggunaannya yang begitu luas, bukan sahaja daripada segi fleksibiliti pemasangan tetapi juga kos iaitu satu penyelesaian di kawasan luar bandar yang di mana sampai sekarang masih tertunggu-tunggu bekalan elektrik terutamanya di Sarawak, kawasan saya. Maka soalan saya, program-program manakah yang boleh menyumbang ke atas kekurangan yang dinyatakan di atas. Soalan terakhir, seterusnya yang ini mungkin terlibat dengan kementerian yang lain. Jadi, saya minta huraian kementerian terhadap penggunaan kereta ataupun apa juga jenis kenderaan yang menggunakan 100 peratus elektrik. Apakah regulasi yang ada dan apakah usaha kerajaan bagi memastikan regulasi yang wujud tidak akan dijadikan satu halangan kepada perkembangan teknologi tersebut.

Saya membangkitkan isu ini kerana saya bagi contoh, jika kita ada usahawan yang mengusahakan kenderaan yang menggunakan 100 peratus elektrik ataupun yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang, mungkin daripada segi saiz sebuah basikal ataupun motosikal, mahupun saiz sebuah kereta dan mereka akan menghadapi regulasi yang wujud yang ketinggalan zaman yang menghalang usahawan-usahawan kita dalam memperkembangkan teknologi ini.

Ini termasuk mungkin juga mesin-mesin terbang 100 peratus menggunakan elektrik. Tuan Pengerusi, perkembangan teknologi baru ini seumpamanya bayi yang baru lahir yang sering kali pertumbuhannya tergendala bukan sebab tiada inovator ataupun usahawan tetapi regulasi yang ketinggalan zaman ataupun wujud hanya untuk menjaga kepentingan syarikat besar. Itulah sebab kita sering melihat negara US sering ada *breakthrough*, dengan izin daripada segi teknologi kerana kesanggupan Kerajaan Amerika Syarikat sentiasa *evolve* bagi *accommodate* penggunaan teknologi baru dalam masyarakat mereka. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**6.38 ptg.**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan ruang dan peluang kepada saya untuk turut sama berbahas bagi P.29 – Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan juga Air. Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Butiran 09100 – Rancangan Bekalan Air Selangor. Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, sebagaimana yang kita sedia maklum, Langat 2 dijangka akan boleh beroperasi pada tahun 2017. Saya hendak tanya kepada pihak kementerian, adakah benar bahawa ianya belum lagi boleh

beroperasi pada tahun 2017 kerana ada beberapa kekangan yang tertentu yang harus dihadapi oleh syarikat-syarikat kontraktor tersebut.

Ini kerana kerisauan saya Tuan Pengerusi, jumlah kepadatan penduduk di Selangor semakin meningkat. Saya juga dimaklumkan oleh Pejabat Daerah Kuala Selangor bahawa di Parlimen Kuala Selangor sendiri, peningkatan pembangunan perumahan juga, lebih-lebih lagi oleh syarikat-syarikat gergasi semakin meningkat. Jadi, saya hendak tanya sekiranya Langat 2 tidak siap mengikut tempoh masa yang ditetapkan, apakah bahayanya terutama sekali bagi pengguna-pengguna ataupun rakyat di negeri Selangor.

Keduanya, saya juga difahamkan dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor iaitu ada sejumlah wang yang diperuntukkan iaitu RM778 juta, iaitu dalam usaha untuk mengatasi kelewatan pembinaan Langat 2 yang dijangka boleh dijadikan sebagai satu proses mitigasi.

■1840

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Saya di luar apabila dibentangkan ataupun dinyatakan oleh beberapa Ahli Parlimen sebentar tadi. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan jumlah RM3.65 bilion untuk membina Langat 2. Jadi daripada segi rasionalnya, Tuan Pengerusi? Mengapakah perlu peruntukkan RM778 juta dibentangkan dalam Belanjawan Negeri Selangor 2017? Ini satu persoalan yang harus difikirkan sama ada peranan oleh pihak kerajaan untuk menghantar audit ataupun ada perkara-perkara tertentu yang cuba dilakukan- sama ada ia betul-betul relevan ataupun ia boleh dikaitkan dengan menggunakan ataupun membazirkan duit rakyat. Jadi saya fikir ini penting, Tuan Pengerusi kerana isu air ini sangat penting kerana ia menyebabkan penderitaan khususnya persepsi pelabur-pelabur dan juga masyarakat dalam negeri Selangor ini juga.

Saya juga hendak bertanya kepada Tuan Pengerusi, bila Langat 2 dikatakan lewat sebagai contohnya. Apakah impak kepada pembangunan ekonomi Kerajaan Persekutuan? Adakah ia juga boleh merencatkan lagi pembangunan ekonomi Kerajaan Persekutuan, lebih-lebih lagi di Lembah Klang dan di samping juga penjenamaan imej Malaysia khususnya pelancong-pelancong yang datang di Kuala Lumpur ini? Jadi kerana itulah saya rasa penting, Tuan Pengerusi supaya pihak kementerian dapat membantu menjelaskan kerana sehingga hari ini timbul kerisauan dalam kalangan rakyat khususnya di Parlimen saya apabila wujudnya, berlakunya catuan air yang ada di dalam Parlimen saya.

Tuan Pengerusi, terakhir iaitu Butiran 00107 iaitu Projek Teknologi Hijau.



Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, perancangan kerajaan khususnya untuk mewujudkan budaya teknologi hijau dalam kalangan rakyat, dan lebih-lebih lagi khususnya peranan kerajaan dalam memastikan bahawa bila majunya sesebuah negara, elemen-elemen penjagaan alam sekitar dengan menggunakan teknologi hijau ini dapat menyeragamkan dan juga mewujudkan kestabilan daripada segi ekosistem masyarakat dalam sesebuah negara.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kuala Selangor menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

#### **6.42 ptg.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak fokus hanya satu Butiran iaitu Butiran P.29, 00100 – Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui.

Saya rasa Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air harus terima bahawa strategi bergantung kepada *feed-in tariff* untuk membina kapasiti kita dalam TBB ini telah gagal. Ini kerana kita dengar daripada jawapan lebih awal tahun ini nombor 239 kepada MP Kampar bahawa sehingga hujung tahun, 31 Disember tahun lalu, hanya dapat 330 megawatt daripada TBB manakala untuk jumlah penjanaan di Semenanjung Malaysia 21,000 megawatt.

Jadi apa yang kita sekarang ada daripada TBB, daripada *renewable energy* hanya *1.6 percent* sahaja daripada total kapasiti kita. Bermakna kita sekarang *rely on commercial* punya *benefits* untuk dapat pihak swasta membuat kerja ini. Saya rasa kerajaan harus bertindak lebih serius berkenaan dengan membina kapasiti kita dalam TBB kerana ini akan kurangkan pelepasan *carbon dioxide* ke udara. Akan tetapi nampaknya kita hanya buat macam *window dressing* untuk tunjuk sahaja kepada dunia kita ada buat satu program tetapi tidak berkesan.

Pada masa yang sama, kita tahu bahawa pelepasan *carbon dioxide* untuk setiap megawatt jam tenaga yang dijana adalah jauh lebih tinggi untuk arang batu jika kita banding dengan gas ataupun minyak. Akan tetapi kerajaan sekarang ada pelan untuk menambahkan penjanaan elektrik daripada arang batu daripada sekarang kita ada lapan gigawatt pada tahun lalu iaitu 2015 kepada 12 gigawatt pada tahun 2020. So, we *increasing the most polluting method of* penjanaan *electricity* ini. Saya rasa jika kita serius, kita boleh cuba- ini TNB kena buat, kerajaan kena buat.

Kita kena buat solar panel mungkin di semua empangan yang dipakai untuk loji hidro. Ini sedang dibuat di Singapura. Saya baru tengok satu artikel berita dikatakan ini

pada bulan lalu di Star. Dia kata, “*SINGAPORE, the world’s largest floating solar photovoltaic cell test-bed measuring one hectare is going to be launch by the Minister of Environment and Water Resources*”.

So dia kata dia pakai ini di Tengeh Reservoir *in Tuas*. So kita pun ada beberapa empangan yang kita pakai untuk menjana *electricity. It will be very useful*. Senang sahaja kerana kita boleh *transmission line* semua di situ. Jadi kita ada solar punya *cell* di situ juga. Kita boleh *save*, kita boleh jimatkan *expenditure* dan kita boleh pakai itu.

Satu lagi inisiatif yang kita boleh buat, kita boleh wajibkan semua bangunan kerajaan iaitu sekolah, hospital, pejabat-pejabat untuk pakai solar atas bumbung mereka. Macam di Perancis, ini dijadikan satu undang-undang, semua bangunan komersial, semua hotel kena pakai setengah daripada bumbung dia mesti ada solar panel. Akan tetapi sebelum kita kenakan ini kepada pihak swasta, lebih baik jika kerajaan sendiri buat atas sekolah, dalam hospital semua.

Saya ingat kita sekarang sedia belanja RM20 bilion atas program nuklear daripada anggaran. Kenapakah kita tidak boleh membelanjakan sepuluh *percent* daripada kos itu atas TBB? Kerajaan kena ambil ini dan buat ini sebagai satu usaha kerajaan dan jangan hanya swastakan kerana nampaknya strategi itu hanya *window dressing. It is not effective at all*. So saya haraplah kementerian akan kaji strategi kerajaan sendiri membina kapasiti dalam TBB.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Langkawi.

**6.47 ptg.**

**Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Butiran 00107, dan Butiran 06500.

Butiran 00107 – Projek Teknologi Hijau. Langkawi tahun lepas telah diumumkan oleh Perdana Menteri akan menjadi *Langkawi Low Carbon Island* pada 2030 dengan pelancaran tahun lepas. Jadi sudah tentulah Langkawi ini akan menjadi satu projek istimewa. Di samping ada pelancongan, *Low Carbon Island* juga akan menarik pelancong-pelancong untuk datang ke Langkawi dengan udara yang nyaman dan suasana yang ceria dan sebagainya. Oleh sebab demikian, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah inisiatif dan projek-projek yang akan diadakan di Pulau Langkawi bagi merealisasikan matlamat kerajaan terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan Langkawi sebagai *Low Carbon Island* pada tahun

2030 dan berapakah jumlah bajet yang diperuntukkan untuk tahun depan bagi mencapai matlamat itu?

Saya amat gembira sekiranya pihak kementerian boleh menjadikan Langkawi sebagai satu projek pilot untuk menjayakan *electric vehicle* seperti mana yang telah dinyatakan oleh rakan-rakan saya tadi. Ini kerana Pulau Langkawi ini sebuah pulau yang kecil dengan keluasan kurang sikit daripada *Singapore*. Sudah tentu ia boleh digunakan untuk memasang alat-alat *charger* dan sebagainya dalam jarak yang dekat. Ia akan memberi impak yang cukup baik sekiranya semua kereta dan teksi serta sebagainya di Langkawi ditukarkan kepada *electric vehicle*. Dalam masa yang singkat, sudah tentu ia akan menjadi satu tarikan yang istimewa kepada pelancong-pelancong yang hadir ke Pulau Langkawi.

Kedua, Butiran 06500 – Bekalan Air Negeri Kedah yang diperuntukkan sebanyak RM100 juta pada tahun 2017.

Saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri dan kementerian, apakah perancangan yang telah dibuat oleh kerajaan bagi memastikan bekalan air di Pulau Langkawi tidak akan terjejas dalam masa yang terdekat? Ini kerana saya dimaklumkan, kemampuan bekalan air di Langkawi hanya tinggal dua tahun lagi iaitu pada tahun 2017 dan 2018 sebelum graf '*supply and demand*', bertemu pada tahun 2018. Kita bimbang keadaan ini akan menyebabkan pembangunan pelancongan hotel-hotel di Langkawi terbantut oleh sebab ketidakcukupan bekalan air.

#### ■1850

Oleh sebab demikian itu, seperti mana yang saya dimaklumkan, ada perancangan untuk meningkatkan jumlah bekalan air ke Pulau Langkawi. Namun begitu, saya mohon supaya kementerian dan Yang Berhormat Menteri dapat memberi satu kata putus yang betul dan segera kerana projek ini sudah tentu makan masa yang lama untuk merentang *submarine water pipe* dari Kuala Perlis ke Pulau Langkawi.

Sekarang ini kita ada satu *water pipe* yang besar sejumlah 50 MLD iaitu sejumlah 50 juta liter sehari dan kemungkinan pihak kerajaan boleh menambah satu lagi *water pipe*. Akan tetapi, projek ini perlulah diberi penekanan yang segera kerana saya bimbang sebagai wakil rakyat di pulau ini, kami akan kekurangan bekalan air yang menyebabkan ramai pelancong yang akan lari daripada datang ke Pulau Langkawi.

Matlamat LADA iaitu matlamat kerajaan kita untuk meningkatkan pelancong Langkawi dari 3.6 juta pada hari ini kepada lima juta dalam masa beberapa tahun yang akan datang. Oleh itu, bekalan asas seperti bekalan air dan elektrik sangat-sangat diperlukan untuk diberi perhatian yang tinggi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sandakan. Selepas Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Lipis dan selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

#### 6.51 ptg.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkaitan Kepala P.29, Butiran 03200 berkenaan SESB yang diberi peruntukan sebanyak RM245 juta dan pinjaman sebanyak RM82 juta.

Tuan Pengerusi, saya fikir Sandakan pun sudah letih beberapa kali membangkitkan masalah gangguan elektrik di Sandakan tetapi setiap kali kita bangkit tetapi tidak nampak ia ada meningkat. Walaupun Yang Berhormat Menteri ada menyebut SAIDI itu ada meningkat tetapi ini statistik saya fikir tidak bermakna kalau gangguan elektrik yang sentiasa terputus-putus. Rakyat Sandakan sudahlah menghadapi situasi begitu *more than 10 years* tetapi sampai sekarang nampaknya situasi tidak meningkat.

Tuan Pengerusi, mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri pada tahun lepas, Yang Berhormat kata sebelum September tahun ini akan hantar 30 megawatt ke Lahad Datu dan juga ada dua set 30- 30 yang dijangka untuk *open cycle* dahulu, untuk sementara dipakai oleh Sandakan dan *East Coast* lah. Akan tetapi di sini saya tidak tahu bagaimana ini? Ada sudah pasangkah? Kalau ada, mengapakah situasi masih tidak ada *improvement*?

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri juga ada janji bahawa *Economic Council* akan putus semua ada bina satu *base station* di *East Coast* yang dijana kuasa dengan gas. Saya tidak tahu ini adakah ditunaikan? Akan tetapi, saya dengar pada ucapan Yang Amat Berhormat Pekan bilang ada satu buah loji akan dibina di Sandakan yang tidak tahu ini bila ini boleh ditunaikan. Jadi mungkin Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan yang terperinci sedikit, maklum di sini bahawa ini 103 megawatt kah yang akan dibina di Sandakan atau *East Coast* punya itu tambah di mana? Bila akan dilancar, dan bilakah loji ini disiapkan? Ini yang penting sebab orang Sandakan sudah terlampau susah ini.

Jadi ada satu lagi, Tuan Pengerusi, saya mahu tanya, harap Yang Berhormat Menteri sudah ada jawapan itu yang mengenai *capital contribution*. *Capital contribution* yang Sabah sama di Semenanjung banyak berbeza. Saya pun ada bangkit di Parlimen yang lepas dan Yang Berhormat Menteri bilang dua bulan akan menurun ini *capital contribution*. Sebab, sekarang di Sabah, *contributionnya* untuk bayar ini SESB atas pemaju di Sabah, di Sabah yang RM3,300 sampai RM8,000 dia punya setiap rumah

tetapi di Semenanjung hanya RM250 sampai RM2,000 dia punya *contribution*. Jadi, harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu jawapan selepas ini.

Di sini satu lagi yang mengenai pencurian ini, kita dapat tahu *this year*, SESB sudah rugi RM64 *million*. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri ini ada ambil satu langkah bagaimana kita menghapus satu ini pencurian. Kalau tidak, *it is very, very unfair. Whatever has been stealth, used by this PTI or* siapa yang pencuri itu tetapi apa yang nanti yang curi itu sepatutnya untuk memberi pakai yang rakyat Sabah atau Sandakan atau mana-mana tidak dipakai tetapi yang pencuri itu yang pakai semua yang sepatutnya untuk kita Sabah punya.

Jadi Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih memberi peluang kepada saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Lipis.

#### **6.57 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang mengizinkan saya berbahas Rang Undang-undang Perbekalan 2017 peringkat Jawatankuasa di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Saya pergi kepada Butiran 020100 – Pasukan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang ke Selangor.

Saya sebenarnya merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana tidak memilih bulu membekalkan air ke negeri seperti Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Maknanya, negeri Pahang tidak memilih bulu untuk membekalkan air ini. Saya sangat berkeyakinan Kerajaan Pusat tidak akan meminggirkan Kerajaan Negeri Pahang di mana Kerajaan Negeri Pahang telah banyak berkorban atas perkara ini. Saya kira tidaklah, "*Kera di hutan disusukan, anak di rumah ditinggalkan*".

Di bawah kajian Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia ataupun NAHRIM, Selangor adalah sangat bahaya kerana akan kekurangan air yang paling teruk lagi selepas ini kalau tidak diselesaikan masalah ini.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya kaitkan dalam hal ini...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Tinggi bangun.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Lipis, 30 saat sahaja boleh?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Sekejap, sekejap.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Lipis.

Saya, berkaitan dengan air ke Selangor tadi dan Butiran 09100. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, semasa pengambilan air SYABAS, Puncak Niaga dan Konsortium ABASS, Kerajaan Persekutuan melalui PAAB telah memberi pinjaman 100 peratus kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk bayaran saham pada ketiga-tiga syarikat tersebut.

Jadi soalan saya, mungkin Yang Berhormat Lipis boleh panjangkan, ialah apabila SPLASH kita dengar-dengar ini Kerajaan Negeri Selangor hendak bayar RM2.9 bilion atau RM2.7 bilion, adakah Kerajaan Persekutuan bercadang membiayai pinjaman 100 peratus kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk bayar kepada SPLASH? Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya rasa itu biar dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dan dimasukkan sebahagian dalam ucapan saya.

Saya hendak bertanya kepada kementerian, apakah masalah punca air mentah di negeri Pahang ini? Adakah ia disebabkan perkara-perkara yang berkesinambungan daripada bekalan air Selangor ini? Adakah Sungai Sementa ini mengalami kekotoran? Dan sebagai jawapan pengurusan PAIP negeri Pahang, ia mengatakan tidak. Akan tetapi saya hendak dapat pengesahan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak pergi kepada Butiran 08100 – Rancangan Bekalan Air Pahang yang mana peruntukannya RM78.5 juta.

#### ■1900

Saya berpendapat bahawa bajet sebanyak ini tidak akan dapat menyelesaikan masalah seluruh negeri Pahang walaupun saya merakamkan ucapan terima kasih, sekurang-kurangnya dapat. Oleh sebab saya mengatakan sedemikian rupa, di dalam *concern* saya saja melibatkan pengiraan daripada Perbadanan Air Negeri Pahang, Daerah Lipis. Mukim Daerah Lipis ini termasuk sedikit Cameron Highlands satu DUN. Maknanya, kita pun sudah mencecah RM200 juta lebih untuk pembaikan. Di sini maknanya, jumlah agihan sebanyak 11 buah daerah ataupun 14 buah Parlimen. Mungkin Kuala Krau pun bermasalah air, Jerantut bermasalah air...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** ...Raub pun bermasalah air.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lipis, boleh cadangkan kepada Kerajaan Pusat, hapus hutang Kerajaan Negeri Pahang terhadap bekalan air.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Ya, saya pun sudah hendak sampai ke situ sebenarnya. Saya minta supaya kementerian menghapuskan hutang yang ada Kerajaan Negeri Pahang, dan ini salah satu...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Di atas ihsan dan persetujuan menjual air ke negeri Selangor.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Ya Tuan Pengerusi, masukkan dalam ucapan saya, ucapan Tuan Pengerusi itu. Disebabkan ini kita telah banyak berkorban...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sepatutnya Kedah kena hapus juga, jual *ayaq* ke Perlis.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Sepatutnya Kerajaan Pusat memang kena memikirkan soal in kerana kita telah banyak membantu dalam hal itu. Maka, kalau Pahang tidak berkorban, maka tiga buah negeri yang saya katakan tadi boleh terjejas yang amat besar sekali. Saya hendak juga menyebut soal— oleh sebab masa yang sangat singkat diberikan, sebanyak 5 minit, tinggal lagi 26 saat. Saya hendak bertanyakan tentang Projek Hidroelektrik Jelai, Cameron Highlands. Ini salah satu yang menyebabkan punca masalah air di Lipis yang mana tiga buah sungai dari Sungai Jelai bermula Sungai Telung, Sungai Lemoi, Sungai Bertang yang telah menyalurkan ke hidroelektrik Cameron Highlands yang menyebabkan surutnya air Lipis menyebabkan air tidak boleh dibekalkan ke Lipis. Jadi, oleh sebab masa yang sangat mencemburui kita sebanyak 5 minit ini, tidak dapat kita hendak berbahas lebih panjang, maka terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya jemput Yang Berhormat Menteri mula menjawab. Banyak isu Yang Berhormat Menteri, 21 orang.

**7.02 ptg.**

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Salam hormat kepada semua bagi pihak kementerian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Peringkat Jawatankuasa bagi Kepala P.29, dan B.29. Seperti mana Tuan Pengerusi telah pun catatkan juga seramai 21 orang, keseluruhan Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di Peringkat

Jawatankuasa. Memberi penjelasan ataupun pertanyaan-pertanyaan mengenai perkara-perkara di bawah bidang kuasa kementerian ini iaitu perihal mengenai tenaga, teknologi hijau, dan bekalan air serta pembedungan.

Saya melihat, kalau saya hendak jawab semua, *I think* melebihi satu jam. Jadi, saya minta kepada Tuan Pengerusi, *so* saya ambil mana yang- *because, some of the points are repetitive*, berulang lapis dengan mereka yang lain. *So*, elok barangkali saya ambil perkara-perkara yang pokok dan kalau mana yang tidak dapat dijawab bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya akan bekalkan secara bertulis ataupun memberi taklimat di kementerian mengenai perkara-perkara yang terperinci, khususnya yang memerlukan data.

Baiklah, Ahli Yang Berhormat Parit Buntar memulakan dengan membangkitkan beberapa perkara, khususnya status skim pembiayaan teknologi hijau.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang dikatakan, semenjak 2010 sehingga 2016 tahun ini, program yang kita sebut pembiayaan teknologi hijau ataupun *green technology financing scheme* ini sebenarnya telah mendapat sambutan yang cukup hebat. Keseluruhannya sejumlah RM2.83 bilion daripada RM3.5 bilion yang diperuntukkan telah pun digunakan. Sehingga- ini adalah untuk syarikat-syarikat yang ingin melabur dalam sektor teknologi hijau. Apa yang perlu mereka hendaklah memperoleh sijil kehijauan atau *green certificate*. Dengan itu, boleh mendapatkan pinjaman, *loan* dari bank-bank yang telah pun ditetapkan dan di situ boleh mendapat diskaun ataupun *interest* kira-kira 2 peratus dari situ.

Setakat ini, 534 permohonan telah diberikan pensijilan hijau dan daripada ini, 249 buah projek telah mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan berjumlah RM2.83 bilion. Jika mengikut sektor tenaga, 199 buah projek RM2.32 bilion. Sisa dan air - RM442 juta. Bangunan, tiga projek - RM14.6 juta dan pengangkutan, lima projek iaitu RM40.2 juta. Sedikit sebanyak sebenarnya program ini telah membantu untuk menggalakkan pihak swasta untuk melibatkan diri dalam sektor teknologi hijau. Walaupun *a little bit biased*, dengan izin, kepada sektor tenaga sebanyak- ia berkaitan dengan tenaga yang boleh dibaharui iaitu dalam sektor *biomass*, dalam sektor biogas, dalam sektor solar, dalam sektor mini ataupun mikro hidro. Pada mulanya, *take-up* dalam GTFS ini begitu *weak* tetapi dalam tahun-tahun yang awal ini, yang dekat ini, telah menjadi satu tarikan untuk syarikat-syarikat memperoleh *facilities* ini.

Seterusnya, mengenai dengan insentif hijau, *incentive green invest*, misalnya *incentive green investment tax allowance* (GITA), *income tax exemption* (ITE) yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri dari waktu ucapan Bajet 2014 lagi, bertujuan untuk menggalakkan IKS dalam penggunaan dan pengeluaran produk dan perkhidmatan



hijau. Jadi, ini sentiasa ada dan itulah pada keseluruhannya. Tadi saya boleh- *I think* lari terus kepada Yang Berhormat yang mengatakan bahawa *just window dressing* mengenai dengan tindakan kerajaan berkaitan dengan peranannya untuk memajukan sektor teknologi hijau ini. Saya mengatakan bahawa tiadalah Yang Berhormat Sungai Siput ya, yang membangkitkan perkara ini mengenai dengan FIT dan mengatakan pada tadi bahawa ini tidak berjaya.

Sebenarnya, untuk keseluruhannya sejumlah kira-kira 100 *megawatt* daripada semua sektor itu telah pun diluluskan daripada skim FIT. Ya, betul sekadar saat ini yang sudah sampai COD telah berjaya *inject* kepada *grid about 310 megawatt*. Akan tetapi pada keseluruhannya isu di sini adalah di mana minat itu begitu tinggi sekali, sampailah kita tidak boleh membiayai semua permohonan yang telah pun dipohon. Mulai tahun hadapan, nampaknya setakat ini kemungkinan besar kita tidak akan tawar lagi FIT untuk solar PV dan itulah sebabnya kita buka untuk *open bidding*. *Name your price* dan sejumlah RM200 setiap tahun solar PV untuk *open bidding*, 50 di Sabah, jadi 250. *Next four years 1,000 megawatt* tanpa pakai apa-apa duit subsidi daripada *feed-in-tariff*. Ini mencerminkan bahawa kejayaan-kejayaan program ini.

#### ■1910

Sememangnya seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat Sekijang tadi, di mana beliau mengatakan kita harus menggalakkan tenaga boleh dibaharui untuk dipasang- untuk dilibatkan semua pihak untuk boleh pasang di rumah dan seterusnya. Itu tepat kepada keadaan dan untuk makluman Yang Berhormat Sekijang, mulai pada tahun hadapan kita telah memutuskan supaya *net metering* 100 megawatt satu tahun untuk penjimatan tahun yang akan datang.

*Net metering* ini ialah di mana terbuka untuk memasang solar PV di atas rumah, di atas bumbung, di atas kilang dan digunakan untuk sendiri dan lebih itu *you* jual kepada TNB ataupun SESB. Pada saat ini tiada halangan bagi siapa-siapa, asal sahaja dalam bentuk kilowatt yang rendah untuk sendiri memasang di rumah ataupun di ladang kah, Tertakluk kepada jumlah kilowatt yang ada. Jadi, inilah antara inisiatif-inisiatif untuk menggalakkan pihak rakyat melibatkan diri dalam penjanaan tenaga yang boleh dibaharui tanpa menggunakan kewangan-kewangan subsidi seperti FIT. FIT setiap tahun ini, adalah sekadar kita *collect* setiap bulan *1.6 percent* sahaja daripada bil elektrik kita bagi mereka yang melebihi 300 kilowatt *hours*.

Jadi, tidak terlibat orang-orang yang rendah dan kami melihat bahawa jika pada mulanya Akta Tenaga Boleh Baharu dibentuk itu tujuan adalah dua *percent* tetapi, setakat ini dengan keadaan *cost of living* dan seterusnya kami berfikir bahawa itu munasabah. Pada saat ini, untuk memberi galakan dan kita harus keluar daripada ikatan

FIT dan akhirnya menuju ke arah di mana terbuka untuk semua pihak melibatkan kecuali barangkali pada tahun hadapan dan dua tahun lagi sebelah biogas dan *biomass*.

Ini kerana biogas, pelaburan dalam sektor ini khususnya dalam bidang pertanian belum mencukupi. Di mana pada saat ini POME itu ataupun pengeluaran gas dari kilang-kilang yang kira-kira 200 buah kilang kelapa sawit di negara kita ini. *Mainly*- iaitu lebih 33 *percent*, 33 kali lebih *polluting* dari CO<sub>2</sub> dan itulah masih terbuka untuk biogas punya *application* untuk digunakan penjana tenaga ataupun produk-produk yang lain. Sekadar itu untuk Yang Berhormat Parit 'Bunting' dan saya juga jawab sekali gus dengan yang lain.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Buntar.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** 'Puntar' kah 'Buntar', 'Bunting'?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Buntar.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Buntar bah. Itu Pulau Bunting. Oh! Itu lainkan? Pulau Bunting di Kedah. Pulau yang tidak pandai berbunting [*Ketawa*] Okey.

Seterusnya, Yang Berhormat Putatan- orang Sabah, saya sedia maklum apa yang disentuh dan banyak kali disentuh ini. Begitu juga dengan Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Kota Kinabalu iaitu mengenai perkara-perkara dengan penjana tenaga dan berkenaan SESB di negeri Sabah. Serta juga perkara-perkara yang berkaitan dengan bekalan air.

Pertama, saya ingin sentuh bekalan air di negara kita ini sekadar di Semenanjung dan ke Labuan adalah di bawah Akta 655 ataupun WSIA. Ini pun tertakluk kepada adakah mereka sudah ambil *migrate* kepada akta ini ataupun masih belum dan masih ada empat buah negeri yang belum. Sabah dan Sarawak tidak *subscribe* kepada akta ini. Maka, mereka ada peraturan-peraturan dan juga perundangan sendiri di peringkat negeri Sabah dan negeri Sarawak. *So, Federal Government*, dengan izin, *has no power at all in respect to the supplier of water and management of water* di kedua-dua buah negeri.

Namun begitu Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat terus membantu daripada segi dasar negeri yang menentukan. Daripada segi pelaksanaan negeri yang menjalankan. Jadi, bila mereka meminta tolong sama *Federal* dia kebanyakannya 80 peratus dalam bentuk geran-berbentuk pinjaman. Bentuk pinjaman untuk kemajuan air. Sedikit-sedikit dalam bentuk geran. Jadi, daripada segi pengurusan semua itu, apa terjadi jabatan air itu perihal negeri. Tidak ada kena mengena dengan kita. Dia orang

pohon duit untuk pembangunan, kita *check* melalui EPU ada asas atau tidak, kita beri pinjaman.

Akan tetapi, kabinet telah memutuskan baru-baru ini dengan kes di Sabah itu tidaklah cukup untuk sekadar- bila mereka mohon, kita cek dia punya *specification* semua dan bajet itu dan *just release the money*. Tinggal sampai masanya, kata *Federal* supaya penggunaan duit itu dipantau serapi-rapinya supaya *disbursement of money should be subject to KPI* dan seterusnya. Okey. Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Jadi, tidak ada kena-mengena dengan jabatan air lah...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya. Yang Berhormat Menteri. Saya setuju Yang Berhormat Menteri. Tidak payah jawab pasal solar itu Yang Berhormat Menteri sebab itu, soal dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Tidak ada kena mengena dengan Dewan yang mulia ini. Itu Yang Berhormat Kota Kinabalu sengaja itu. Menjolak. Jadi, saya sokong Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri, rakyat saya rasa dengar sama kita, perbincangan kita ini. Rakyat di Sabah. So, saya minta sedikit *assurance* daripada Yang Berhormat Menteri ini. Berapakah sudah *biomass* dan kewujudan IPP di negeri Sabah? Jadi, rakyat mahu tahu supaya ada perancangan Kerajaan Pusat yang betul-betul ikhlas menangani masalah kerapuhan gangguan elektrik di Sabah ini. Kalau bolehlah Yang Berhormat Menteri bagilah berapakah IPP yang sedang disenaraikan, dan bila boleh siap?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat dari Sandakan dan seterusnya. Saya hendak sentuh SAIDI dahulu, Yang Berhormat ini bukan Batu Sumpah. Jadi bagus duduk dahulu Yang Berhormat... [Dewan ketawa] Itu nanti Yang Berhormat Menteri yang lain boleh jawab itu. Daripada segi SAIDI sebenarnya keadaan di negeri Sabah dengan bantuan Kerajaan Pusat. *I mean strictly* kalau betul, Sabah dan Sarawak kecuali Sabah, Sarawak itu beroperasi di bawah *delegated power*. Dia tidak di bawah Kerajaan Pusat. Mungkin *Minister give them power 20 years ago* untuk *run their owned electric affairs* tetapi kami mengikut standard.

Sabah dengan SESB maka dia di bawah Persekutuan, Akta Bekalan Elektrik *Federal*. Kalau lihat betul-betul dalam tiga tahun ini, bermula dengan mantan Yang Berhormat Menteri Peter Chin pada masa *on stage* dia katakan *he will resign* kalau SAIDI tidak *touch 700 because at time*, dengan izin, alang-alang itu, SAIDI 1,200 minit, satu orang pengguna. So, Kerajaan Pusat walaupun SESB ini milik TNB dia bukan milik kerajaan dan SESB 20 *percent* negeri, pun Kerajaan Pusat *especially when I came in, you know. We got 2.3 bilion* untuk membantu itu SESB. *Of course*, luar bandar itu di

bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tetapi kalau di bandar *should be under the utility*.

Kalau TNB di semenanjung ini, dia tidak ada bantuan apa-apa sebagai geran. Tidak ada. Hanya di Sabah sahaja yang istimewa ini, Yang Berhormat Kota Kinabalu. *So, we must learn to be thankful, we doing everything. When I came in SAIDI was still 450 and today, kita punya matlamat tahun ini 250 dengan sedikit-sedikit bantuan dari 'syurga', you know, mudah-mudahan kita dapat because sometimes tiba-tiba major problem or tripping. Actually I can show you SAIDI ini Amerika Syarikat pun 240, Australia pun 260 and Semenanjung of course 60 Semenanjung. Putrajaya almost zero, Singapura tiga minit satu orang pengguna. Jadi, tunggu dahulu. We have done a lot. Akan tetapi macam dahulu ini, masalah di negeri Sabah, Tuan Pengerusi, 22 tahun tidak ada bagi naik tarif.*

#### ■1920

*So, wire pun kebanyakan 70 peratus bare wire, tidak ada 'celana' punya wayar, bare. Bukan yang ABC aerial bundled wire. Ini antara yang costing yang- ini SAIDI distribution level. Kita mahu kira SAIDI, mahu kira satu generation cukup atau tidak. Dua, transmission- penghantaran exporting the power. Ketiga ialah, distribution level yang tinggi saat ini dari segi SAIDI. Akan tetapi untuk Kota Kinabalu misalnya okey. Kota Kinabalu setakat bulan ini bulan September 164 setakat ini, pada annualize-nya harus 209. Kalau tidak ada yang terbesar terjadi dan seterusnya.*

Yang Berhormat Sandakan tahun lalu 407, *prediction* kita tahun ini *should be below* 400. Setakat ini 300, pada bulan Oktober 330. Jadi tahun-tahun yang lain ini kalau mulai kelihatan pelaburan yang diberi oleh Kerajaan Pusat, satu menambah kapasiti; kedua, memperbaiki dan *monitoring transmission*; dan ketiga, tukar *connectors* pasang *new*, PM *new* dan seterusnya.

Saya cukup yakin untuk Ahli-ahli Yang Berhormat di sini bahawa dalam tempoh 12 bulan khususnya, impak RM2.3 bilion yang diberi oleh Kerajaan Pusat untuk geran ini kepada negeri Sabah akan boleh dirasai. Akan tetapi kami tahu masih ada sektor-sektor yang masih mendapat gangguan.

Tawau misalnya telah menurun setakatnya ini bulan Oktober 149, tahun lalu 615 minit. Akan tetapi walaupun menurun, apabila saya turun padang tiga minggu yang lalu, *the numbers incident occurring-* menaik pula, naik, menurun jumlah minit tetapi barangkali dalam 10 minit, tiga kali. Jadi bikin marah orang lah. So kita telah mengarahkan SESB dan mereka ada program baru, yang ini khas untuk Ahli-ahli Yang Berhormat negeri Sabah- projek 150 SAIDI untuk tahun hadapan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dua yang bangun, Yang Berhormat Kudat dan Yang Berhormat Sandakan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Projek 150 SAIDI dan ini TNB menghantar 60 *engineers*-nya pergi Sabah khusus di semua kawasan membantu SESB *engineer* kita. Tukar *connector* semua, tukar *bare wire*, dan *the impact should visible*, dengan izin, dalam tempoh enam sampai sepuluh bulan yang akan datang.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri berkaitan..

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Eh, kenapa ini macam P. Ramlee... *[Yang Berhormat Kudat mengenakan kaca mata hitam]* Terlampau terang... *[Dewan Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Shah Rukh Khan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Yang Berhormat Kota Marudu juga.

Saya tertarik dengan apa yang dikatakan berkaitan dengan SAIDI tetapi berkaitan dengan SAIDI ini juga, ada satu masalah yang sentiasa berlaku, sekali sekala berlaku di negeri Sabah, tetapi juga memberikan kesan kepada pengguna-pengguna iaitu *power surge*.

*Power surge* ini telah menyebabkan banyak masalah kepada pengguna dan saya sendiri dua kali pernah kena *power surge*, dan menyebabkan banyak kerosakan kepada barang-barang elektrik dan elektronik, *television*, peti ais dan banyak lagi peralatan lain. Apabila kita membuat tuntutan kepada SESB, sehingga hari ini pun tidak ada apa-apa tindakan dan tidak ada apa-apa pun yang dapat mereka memberikan walaupun kerugian itu melibatkan ribuan Ringgit.

Jadi kalau orang macam saya pun tidak boleh dapat apa lagi orang lain kan. Jadi saya ingat perkara ini harus dimurnikan balikkah. Tentang berkaitan dengan soal hak pengguna ini kerana kalau sekiranya tidak ada tindakan daripada pihak SESB ini juga menjadi satu masalah dan isu besar. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya ingin dapatkan kepastian. Yang Berhormat Kudat kerana kesihatan, pemakaian macam itu.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]:** Kesihatan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab saya bimbang nanti jadi fesyen pula dalam Dewan... *[Dewan Ketawa]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Kudat. Pihak kita semua sedar ini dan itulah pihak kementerian dan

Suruhanjaya Tenaga. Kita telah berbincang dengan SESB bahawa walaupun SAIDI menurun misalnya kalau di Tawau tapi insidennya gangguan itu menambah pula, contohnya *shock duration*, dengan izin, dan *power surge* ini boleh terjadi setiap 10 minit tiga kali dia terjadi memang aduan ini sentiasa diterima.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** [Bangun]

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ada proses-proses yang ditentukan bagaimana boleh memohon pampasan tetapi saya sendiri sedar proses itu bukan juga mudah. *We have to* buktikan bahawa kerana gangguan- *we have make police report* kerana dengan itu kalau Yang Berhormat Putatan dia punya *wind cooler* rosak, dia bilang [Ketawa]

Jadi mahu buktikan bahawa itu betul-betul pada minit dan jam itu barulah boleh dapat dipertimbangkan. Jadi *the process* memang ada rumit sekali kami sedang meneliti - *otherwise there is progression in the act* untuk tujuan-tujuan seperti ini tapi kita perakui prosesnya amat sukar bagi orang biasa.

Kalau kilang senang sebab besar, dia punya penggunaan pada jam yang tertentu kena catat. Akan tetapi kalau di rumah mungkin di bawah *300 kilowatt hour* lagi dan *to say* saya punya *rice cooker* kerana rosak untuk memberi bukti amat sukar. Kita perlu perhalusi.

Yang Berhormat Kota Kinabalu cukuplah, nanti Batu Sumpah itu lain halnya.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ini bukan Batu Sumpah. Ini pangkalan elektrik.

Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Menteri. Okeylah, mungkin macam saya rasa ini SAIDI yang dalam tangan Menteri baru, ada bagus sikitlah. Akan tetapi yang sebetulnya Kota Kinabalu banyak gangguan mungkin ada tindakan. Jadi saya harap ini- *60 engineers* ini kasi selesai ini SAIDI supaya turun kurang dari 100 lah.

*The capital* kalau gangguan elektrik- ini bikin betul-betul malu kita. Jadi haraplah selaras dengan- Kuala Lumpur lah ke bawah 100 dalam Menteri punya masa sebelum kita tamat kita punya Menteri [Ketawa]

Kedua, saya mahu tanya status mengenai ini *geothermal* di Tawau kerana baru-baru ini tidak lama Menteri ada satu [Ketawa] Jawab..

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ada dalam jawapan.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Dan juga *liquid fire gas station* di Lahad Datu, beberapa tahun sudah. Okey, statusnya.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, untuk makluman Yang Berhormat dari Kota Kinabalu yang minat betul juga dengan Tawau- pindah

kawasan kah akan datang, takut sudah kah. Mahu pergi Tawau... [Dewan Ketawa] Dia orang Tawau ini, dia dulu itu pernah pergi belum..

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Orang Sabah. Di mana-mana sahaja.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Aktivistis dia *went to [Ketawa] [Disampuk]* Dia pergi dulu demonstrasi kelaparan kan tidak makan satu minggu kah tapi selepas itu hari dia terus makan terus [Ketawa]

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Itu tidak patut, dia satu minggu tiada makan baru ada elektrik. Hari-hari mati lampu... [Dewan Ketawa]

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Baru dua hari setengah dibilang terus sakit masuk hospital.

Okey, satu itu perkara berkaitan dengan itu empangan di Tawau, air dan sekali gus berkaitan dengan perihal yang telah Yang Berhormat telah sentuh. Ini projek sebenarnya pada mulanya dipohon adalah untuk projek bekalan air.

#### ■1930

Selepas itu, kerajaan negeri memohon supaya ditambah peruntukan untuk menjadikan projek *flood mitigation* juga. Okey. Jadi inilah masalahnya, kadang-kadang negeri sudah hantar permohonan, EPU sudah lulus berasaskan pada *specs* yang seterusnya. Selepas itu, bukan sahaja Sabah ini, negeri lain juga begitu. Selepas itu, dia kata mahu tambah peruntukan kerana mahu *flood mitigation*, tambah RM200 juta. Okey. Mahu pergi balik *engineering*, mahu pergi *value management* lagi dan proses-proses tertentu.

Jadi saya hanya boleh mengatakan, itulah sebabnya. Selepas itu, kita tambah RM220 juta, dia kata GST lagi. Mahu minta *exempt* dari GST ataupun tambah peruntukan untuk *cover* GST, dengan izin. So, dengan itulah. Dia dalam proses terakhir *value management*. Dua kali balik pergi *value engineering*, dua kali balik pergi *value management*. So jangan marah-marah.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** [Bangun]

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat dari Tawau, marah-marah saya. Ini adalah antara negeri-negeri malangnya sering kali buat. Jadi saya cukup yakin dapat selesai secepat mungkin supaya tender, ini *loan* bukan Kerajaan Pusat, bukan diberikan oleh Kerajaan Pusat tetapi negeri yang panggil tender nanti. Nanti *you*, Yang Berhormat boleh tanya di Dewan Undangan Negeri mengenai perkara ini. Okey. Cukuplah itu.

*[Tuan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Hello! Yang Berhormat Menteri. Minta maaf.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Apa Hello! Hello?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Yang Berhormat Menteri, ini Jabatan Air di bawah Presiden PPS, *you know*. Kita punya Presiden. Jadi apa masalahnya? *You* sudah mahu ganti dia akan datang? Jadi kalau kerana tambahan ini, *mitigation of flood* dua tahun. Tambah lagi GST, dua tahun. Ini apa ini? Main apa? Main kuntau kah ini? Jadi saya tidak mahu kuntau, kuntau...*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Proses yang perlu diikutilah. Apalah.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Beri hanya *flood mitigation* RM200 juta bagi selesai air dahulu. Selesai air dahulu. Jangan lagi GST, jangan lagi *mitigation*. Selesai air dahulu, ya. Jangan lagi main kuntau lagi di sebelah sana.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Dua kali sahaja- itu juga salah.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Jangan cakap lagi. Jangan lagi cakap banyaklah.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, okey.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Selesailah. Sudah 30 tahun. Apa macam di janji-janji tidak ditepati. *Aiyaa*. Bagus kalau ....

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tidak. Janji memang kita tepati. Hanya proses perundangan itu, *you know* kena ikut proses perundangan.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Proses ambil masa berapa lama? GST beritahu Perdana Menteri...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Cukup, cukup.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Kalau GST tidak bayar, arah Yang Berhormat Menteri membayar, okey?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...Dengan GST, okey?

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Lambat, lambat ini.



**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey. Jadi tidak mengapalah. Mengenai dengan *geothermal*, ini projek swasta, ia mendapat *support* daripada *feed-in tariff*. Mereka telah siap *drilling, now drilling* untuk *production well*. Okey? Kita telah *announced to the world* bahawa berasaskan kepada *research* yang dijalankan, Malaysia akan menjadi nombor 17 di dunia yang ada *geothermal- 37* megawatt telah diluluskan. Kita harap dalam tempoh siap *production well* punya *drilling*, bahawa *eventually the plant can be set up. So no waste of money. It is not a government project*. Ini projek swasta tetapi dia dapat bantuan oleh *feed-in tariff* daripada segi tarifnya. Itu sahaja.

Okey, saya rasa cukuplah perihal Sabah kerana banyak yang telah pun berkaitan yang disentuh.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Pengerusi.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat Putatan telah disentuh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Yang Berhormat Menteri, Sabah lagi banyak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Dah, dah. Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** *No*, tidak, tidak. Ada satu perkara yang banyak mustahak punya.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Apakah itu- itu *capital contribution*?

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** *Yes*. Itu *contribution* yang Yang Berhormat Menteri ada janji dua bulan. So mesti satu jawapan bagi kepada kita. Berapakah yang diturunkan?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, sebenarnya pihak kementerian kita sudah berbincang. Saya telah mengarahkan SESB untuk meneliti perkara ini. Satu perkara kita tidak boleh *compare*, bandingkan dengan *capital contribution* di Semenanjung kerana Semenanjung, apabila *capital contribution* isu ini, dia sudah dimasukkan dalam kos pembangunan di dalam zon tersebut oleh TNB.

Jadi walaupun rendah, *actually people are paying for it* melalui proses pada mula perancangan bandar itu dibuat, okey? Akan tetapi di Sabah, kerana apabila kita mula menerokai sesuatu kawasan, dan *you* punya kilang satu hal sahaja di sana, Yang

Berhormat punya kilang, satu hal sahaja di sana, tiada orang lain, di sanalah isunya. *You have to bear the full cost because* tiada orang lain di sebelah *you* yang di situ. Jadi saya telah berbincang, saya telah mengarah *Energy Commission* supaya satu tarif ataupun satu formula yang berpatutan dapat diformulasikan.

Malangnya, apabila satu cadangan pertama itu, pihak Persatuan Perumahan Negeri Sabah mengatakan bahawa belum lagi memuaskan dan itulah masih lagi dalam projek pihak *review* sekali lagi. Saya harap dalam tempoh terdekat, awal tahun depan, kita boleh maklumkan. Sementara itu, kami telah mengatakan pada mereka, pada SESB, supaya tidak mengenakan *the existing formula* yang mereka guna, yang mana kadang-kadang daripada 200 itu sendiri menjadi 2,000 satu buah bilik kalau hotel. Jadi kita sedang kemaskini cadangan-cadangan ini. Saya akan cuba panggil balik Persatuan Perumahan Negeri Sabah untuk berunding dalam perkara ini. Okey, cukuplah.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ya, satu lagi Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, tadi saya ada tanya satu buah loji yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Pekan kata ada 1,300 megawatt itu. Di manakah tempat? Bilakah dilancarkan dan bilakah mahu siap?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey. Itu dalam senarai di sini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ini satu buah loji 1,300 megawatt mengganti dahulu loji yang dicadangkan yang berasaskan kepada arang batu yang dibantah oleh ramai orang itu.

Selepas itu, cadangannya ialah untuk meletakkan loji itu di Tawau, okey, dengan menggunakan *liquefied petroleum*. Jadi apabila kita kaji mengenai itu, kos untuk RGT, *you know*, begitu mahal sekali dan yang untung nanti daripada Kimanis sekadar kapal-kapal yang menghantar *liquefied petroleum gas* itu. Jadi keputusan terkini dibuat oleh *Energy and Economic Council* dan dipersetujui oleh kerajaan negeri melalui dua tahun yang lalu ini ialah supaya loji itu dibina, di POIC di Sandakan dan kita tarik itu gas dari Tuaran. *All the ways* pergi ke Sandakan.

Ini akan membantu pekan seperti Tuaran, Kota Belud, seperti Kota Marudu. *Maybe we can tap the gas, pass through* Pitas, terus pergi Beluran dan tarik terus kepada POIC. Kemudian nanti, baru tarik *pipeline* itu menuju ke Lahad Datu dan Sandakan. Kita *believe* ini adalah satu *investment*. Nanti satu pengumuman khas akan dibuat oleh Kerajaan Pusat dalam perkara ini, telah pun *pipeline* itu ditandatangani di Beijing, sepuluh hari yang lalu.

Jadi permulaannya pada tahun hadapan, itu loji dan dijangka siap pada 2019. Okey. Harapan kita itu gas daripada paip gas dari Tuaran itu tidak lewat daripada segi pengambilan tanah dan seterusnya. *So this will become a base plant* untuk Sandakan

dan sebab saat ini, kita import 220 *megawatt* daripada Kimanis melalui 275 kV *transmission*. Jadi yang dijangka adalah dalam tempoh tiga tahun itu, *demand* ataupun permintaan akan meningkat kepada kira-kira 350 megawatt. Jadi ini kita akan pantau bersama dan dari Sandakan, baru *improve* itu *transmission*, tarik pergi ke Lahad Datu dan tarik pergi Tawau akhirnya. Okey.

So nanti ada- kosnya *altogether* berbilion-bilion. Nanti *details* sedang di-*work out*. Okey, cukuplah itu. Yang Berhormat Seputeh ada hal di sana.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya hendak sentuh sedikit sahaja. Tadi Yang Berhormat Menteri kata yang Jabatan Bekalan Air Sabah itu di bawah kerajaan negeri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yes.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jadi yang kedua-dua pengarah itu yang disiasat oleh SPRM itu mereka *Federal officer* kah, ataupun gaji mereka dibayar oleh kerajaan negeri?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *State officers*.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *State officers*? Akan tetapi saya baca untuk tahun depan, kementerian memberikan pinjaman RM132 juta kepada jabatan itu.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yes.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Akan tetapi yang wang tunai, *gold*, *handbags* semua dicari dalam rumah itu, RM114 juta. Jadi adakah kementerian akan siasat juga...

#### ■1940

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Sebahagian itu dia punya isteri beli dari duit simpanan dia, tahu? So, jangan *simply* hentam. *Leave it to the investigating authorities* lah, jangan bangkitkan kerana ini di bawah pendakwaan. Okey?

Terakhir ialah- bukan terakhir tetapi saya hendak sentuh tentang seramai empat orang Ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai dengan bekalan air di Selangor khususnya Yang Berhormat Bandar Tun Razak yang tidak selesai dia punya tugas kerana Pakatan telah buang sama dialah. Kalau dia masih di sana, senang sikit urusan [Ketawa]

Okey, seperti Yang Berhormat telah sedia maklum, pengambilan dalam kita punya *master agreement*, RM9.65 bilion tetapi itu memang tertakluk kepada semakan penilaian empat *concessioner*. Pada waktu itu selesai kecuali SPLASH, okey? Kecuali SPLASH. Di mana Yang Berhormat Bandar Tun Razak pada waktu beliau Menteri Besar dan kerajaan negeri telah mencadangkan dan menawarkan kepada SPLASH walaupun

sebelum itu mereka tawar juga berbilion-bilion sampai RM1.8 bilion pun ada. Tetapi dalam penawaran terakhir yang diberi, kerajaan negeri beri RM250 juta sahaja.

Jadi, itulah sebabnya dalam memuktamadkan perjanjian tersebut dan *restructuring* untuk yang tiga entiti yang lain itu, SPLASH telah pun dikeluarkan. Betul, perjanjian dalam itu *master agreement RM9.65 billion because* RM250 juta sahaja ini SPLASH. Prinsip dari awal ialah *willing buyer willing seller*. *Federal* tidak terlibat secara langsung untuk berunding.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Jangan dulu, jangan dulu. Sekejap sahaja, Yang Berhormat. Yang Berhormat di Wilayahkan? Bukan di Selangor.

Kerajaan Pusat tidak terlibat secara langsung untuk membincangkan nilai. Ini adalah antara *willing buyer willing seller*. *When you have decided, discuss* dengan itu entiti ataupun *concessioner* dengan *agree, and then you come to us in Federal* di bawah Akta 655 yang saya kuasai melalui SPAN, *then* kita tengok di bawah *restructuring*, baru kita lihat berapa banyak *Federal* boleh tanggung, boleh bantu melalui proses *the asset like* seperti mana dilakukan dalam enam buah negeri yang lain.

*When PAAB then takeover the asset*, kalau *you* kasi aset itu kepada PAAB, PAAB *takes over you* punya *loan* semua, selepas itu PAAB beri balik kepada operator negeri *to list* dia sebab *then* dia punya tanggungan ringan lagi, apalagi kalau ada bank swasta punya *interest rate*, *so*, itulah pendekatan. Kalau setakat ini untuk memuktamadkan perihal SPLASH ini, kami *Federal side* sedang menunggu ketetapan nilai yang dipersetujui antara dua buah parti ini.

Akan tetapi, dalam *estimate* yang dilakukan oleh Rashid Hussain International Bank, dia kata *price in should be* antara RM2.4 bilion ke RM3.2 bilion berasaskan kepada- misalnya, *I have here the Audited Account of SPLASH 2016 and Audited Accounts of Gamuda 2015...* [Menunjukkan naskah dokumen berkaitan] Ini sebagai *guide* peringkat *Federal*. Memandangkan banyak pertikaian, jadi mengikut ini, antara RM3 bilion. *This is international listed-company* dan *pricingnya is open to the public*. *Of course* Yang Berhormat mantan MB kata, *they only worth RM250 million plus maybe receivable another RM1.8 million* lah begitu. Sebab, itu surat Yang Berhormat saya sendiri dapat juga daripada kawan-kawan.

Jadi, *from Federal side*, kita menunggu *because we are not involve in pricing agreement*. Akan tetapi, demi mempertahankan nilai itu supaya *Federal* boleh terima, pihak Kabinet telah melantik satu *international valuer* *again* untuk *check*, untuk *go through*, adakah Rashid Hussain punya *estimation* itu betul *accurate, acceptable or not*. Selagi itu belum selesai, maka proses penstrukturan dan barulah Kerajaan Pusat

menentukan berapa banyak yang kita boleh bantu daripada segi pinjaman, daripada segi PAAB seperti yang dibuat sebelum ini.

Jadi satu lagi perkara memang disentuh tadi bahawa *lead* itu tarif kalau mahal. Memang pihak SPAN kami *regulator*. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini, penentuan tarif bukan *Federal*. Penentuan tarif operator di peringkat negeri dan operator ini hampir semua syarikat kerajaan negeri. Mereka yang akan menentukan tarif, baru dia datang kepada kami, SPAN, bagi kami *evaluate reasonable* ataupun tidak *you* punya tarif, pulangan itu melebihi ataupun tidak. So, Pusat tidak terlibat menentukan berapa tarif itu. Itu negeri berasaskan kepada *business plan* yang dibuat oleh kerajaan negeri berasaskan kepada kemampuan mereka.

So, inilah masalah negeri-negeri lain seperti Pahang, dia tidak mahu *migrate*. Saya jawab sebelah Pahang tadi. Dia tidak mahu *migrate* kepada WSIA, Akta 655 kerana 22 tahun tidak pernah *revise* itu tarif di situ. Memang banyak pinjaman, banyak *loan* oleh sebab mereka tidak mahu *migrate*. Dia katakan ambil dulu saya punya *loan-loan* baru saya mahu *migrate*. Biasanya *you migrate* bawa *loan* sama-sama dan baru Pusat mengatakan mana yang boleh dimasukkan, mana yang tidak boleh dimasukkan.

Yang Berhormat PJ Utara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat Ampang.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ampang. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya cuma hendak minta pencerahan daripada Menteri kerana tadi beberapa Yang Berhormat di sebelah sana ada membangkitkan perkara yang saya rasa tidak tepat dan tidak benar termasuk Yang Berhormat Bandar Tun Razak ya.

Jadi, apa yang disebut tadi adalah yang setahu saya memang perjanjian penstrukturan belum tamat lagi. Cuma, di peringkat Kerajaan Pusat yang masih meminta enam bulan *extension* untuk membuatkan satu *independent valuation* yang mana Kerajaan Negeri Selangor telah bermula tahun lepas lagi untuk membuat satu *independent evaluation*.

Saya juga ingin menegaskan di sini *because* kalau harga yang disebutkan RM9.65 bilion adalah berdasarkan pada RM250 juta yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bandar Tun Razak dan minta Menteri Besar, Yang Berhormat Gombak untuk memberi penjelasan tetapi tidak pergi ke Dewan Undang Negeri Selangor untuk meminta penjelasan dan membawa isu ini di sini, cuma saya juga difahamkan pada Jun 2009, Yang Berhormat Bandar Tun Razak menulis surat menawarkan kepada SPLASH sebanyak RM2.97 bilion ketika itu. Jadi, oleh sebab ada perbezaan dengan harga dan

sebagainya ini, jadi tidak mungkinlah boleh kita dapatkan dengan anggaran jawapan yang diberikan oleh Menteri dalam jawapan bertulis RM9.65 bilion.

Saya juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan tadi ada beberapa orang Ahli yang sebut air di Selangor tidak cukuplah dan sebagainya dan minta *loan* dan sebagainya. Negeri-negeri lain juga sama, bukan Selangor sahaja. Jadi yang mana tidak menandatangani WSIA mungkin tidak dapat kemudahan ini tetapi yang menandatangani WSIA dapat kemudahan ini.

Dengan itu juga saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah betul apa yang dikatakan oleh, kalau tidak silap saya Yang Berhormat Kota Tinggi ataupun Yang Berhormat Kuala Selangor, yang mengatakan bahawa pinjaman geran yang diberikan sebanyak RM3 bilion daripada Kerajaan Pusat harus diaudit kerana kerajaan negeri sudah memperuntukkan RM800 juta? RM800 juta itu adalah untuk *mitigation plan* untuk Semenyih 2 dan Labuhan Dagang. Yang diberikan atau diambil daripada Federal adalah untuk Langat 2. Dua perkara yang berbeza. Jadi, jangan bawa maklumat yang salah dalam Dewan ini kalau kita tidak tahu perkara yang sebenarnya.

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri mengesahkan apa yang saya sebut ini agar tidak dibawa-bawa dan difitnah perkara yang bukan-bukan apabila berkenaan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Ini dia kerja Barisan Nasional... [*Dewan riu*]

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, Yang Berhormat Ampang.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Boleh?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Nampaknya Yang Berhormat Ampang mempertahankan...

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tambah sikit?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Menteri.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Menteri, Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tunggu, tunggu, tunggu.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Yang Berhormat Menteri, Sungai Besar boleh tambah sikit? Sikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat Menteri?

#### ■1950

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tadi yang disentuh itu memang daripada segi empangan dagang itu *internal* ke Selangor, okey. Perihal Langat itu perihal yang termasuk dalam perjanjian tersebut, *master agreement*. Jadi,

sememangnya maksimum atas perjanjian tersebut 9.65. Akan tetapi itu berasas kepada penilaian kerajaan negeri pada waktu itu bahawa 250 sahaja untuk ekuiti kepada SPLASH. Saya beri peluang kepada Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, saya hanya hendak membetulkan itu perkara yang disebut pada surat saya 2.6.2009. Yang Berhormat Menteri tahu ada empat kali kita buat tawaran, tawaran yang pertama, tawaran yang kedua, tawaran yang ketiga. Tawaran yang pertama, ditolak. Tawaran yang kedua, dua orang setuju, dua orang tolak dan PAAB kata kena tolak semua. Jadi, ini perundingan dan nilai yang saya buat itu berasaskan pada perundingan pada masa tersebut. Akhir sekali, pada tawaran yang keempat, baru kita tulis ke semua tawaran tersebut. Jangan menggunakan tawaran yang ditolak untuk mengatakan itu boleh pakai sebabnya tak boleh.

Siapakah yang mengajar cara berunding begitu?... [*Dewan riu*] No, saya cakap Yang Berhormat Menteri pun tahu, dia tak boleh. Okey tapi saya hendak minta Yang Berhormat sebab rakyat Selangor, termasuk Yang Berhormat dari Ampang selalu meminta supaya harga air ini *toksah* dinaikkan sebab ia akan menolong rakyat. Jadi, kalau kita biarkan dinaikkan dan tidak protes dan memberikan mengapa ia tidak boleh dinaikkan, maknanya kita tidak menjalankan tugas kita. Jadi, tak payahlah hendak memperjuangkan rakyat tetapi membiarkan pihak *corporate sector* mendapat untung yang lebih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, cukup bulan nanti, *wa* bagi amanah sama *lu* pula...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Okey, okey.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Okey, saya minta penjelasan sikitlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Saya hanya satu lagi, saya akan berhenti.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Saya hendak tanya kepada Menteri ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar, sebentar, Yang Berhormat Bandar Tun Razak tak habis lagi, Yang Berhormat. Dia tak habis lagi Yang Berhormat.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Sungai Besar, bagilah peluang Yang Berhormat Sungai Besar sekali.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, okey.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang, seorang Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat Sungai Besar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Besar.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Saya pelik bila Yang Berhormat Ampang tak bagi bawa isu ini di dalam Dewan ini. Oleh sebab apabila kami berhujah, kami mulakan dengan butiran apa? Butiran yang kami kemukakan peringkat awal sama ada saya, Yang Berhormat Bandar Tun Razak ataupun rakan Yang Berhormat Kuala Selangor tadi sebut ialah soal Butiran 11200 – Penyaluran Air Antara Negeri; Butiran 09100 – Rancangan Bekalan Air Negeri Selangor; maknanya tidak ada sebab untuk kita tak boleh bawa isu ini di dalam Dewan yang mulia ini [*Tepuk*] Itu yang pertama.

Keduanya, saya pun pelik Yang Berhormat Ampang, kalau hendak mempertahankan bos dia pun kena fikir dua kali. Ada empat orang dalam Dewan ini yang spesinya sama- Yang Berhormat Sungai Besar, Yang Berhormat Bandar Tun Razak, Yang Berhormat Permatang Pauh dan juga Yang Berhormat Gombak.

Kalau dia ada di sini, maknanya dia ada di tempat lain. Kalau dia tak ada di sini, maknanya dia ada dekat tempat lain. Maksudnya, begitulah. Cuma saya hendak Yang Berhormat Menteri, saya pohon minta penjelasan. Matematik saya, saya cuma hendak tanya perkara yang paling mudah. Mula-mula kata setuju RM9.65 bilion, kemudian dikatakan sekarang bersetuju ada tambahan RM2.7 bilion. Jadi, RM12.35 bilion. Soalnya siapa yang hendak membiaya RM12.35 bilion ini? Adakah keseluruhannya Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan negeri ataupun siapa? Saya pohon penjelasan yang jelas daripada segi itu.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, seperti mana yang saya sentuhkan tadi, *willing buyer, willing seller* antara dengan Selangor dan entiti. So, akhirnya Selangor *Government* lah yang bayar sepenuhnya pembayaran tersebut kerana dia hendak *takeover company* tersebut. Baru lepas itu dia datang kepada *Federal* di bawah akta meminta tolong untuk soal pinjaman. Di situlah akhirnya nanti kita akan memutuskan berapa yang boleh bagi kasi benar pinjaman melalui PAM kerana itu



adalah bagi mereka membiaya. Dia serah tanah kepada kita dengan nilai apa dipersetujui dan kita akan putuskan adakah 100 peratus ataupun begitu. Akan tetapi akhirnya, negeri yang *takeover*.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Ya, soal *willing seller, willing buyer*, itu kita setuju. Maknanya, ini perniagaan yang bagus ini. Mula-mula *willing seller, willing buyer*, anak dengan anak, kemudian jumpa Kerajaan Persekutuan, minta pula dengan bapa. Jadi, ini sumber daripada mana yang tambahan ini? Adakah keseluruhannya ataupun berapa *percent* yang akhirnya kerajaan negeri tanggung dan Kerajaan Pusat tanggung? Sebab saya hendak sebutkan satu perkara yang mudah iaitu kalaulah Kerajaan Pusat akhirnya memberikan pinjaman...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Sungai Besar.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** ...Mereka pagi petang siang malam sebut soal GST. Adakah duit ini akhirnya duit kepada GST yang mereka sendiri tak terima pagi petang siang malam?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Cukup jelas saya katakan tadi Tuan Pengerusi, *willing buyer, willing seller*. Selangor *government* yang membeli syarikat dan sesuai dengan akta, selepas itu dia beli, dia minta pinjaman daripada PAM. Dia mesti beri aset kepada kita dan akhirnya, memanglah rakyat lah yang bayar kerana Selangor yang memberinya.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Yang Berhormat Menteri, saya ada satu sahaja.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Last, last*. Boleh ini?

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Saya bangkitkan, Yang Berhormat Menteri, saya bangkitkan isu yang menyebabkan syarikat untuk mendapat bayaran yang lebih adalah kerana dia fikir dia akan dapat untung yang berterusan. Jadi, itulah sebabnya saya telah menunjukkan bahawa ada cara yang mana kerajaan negeri bersama dengan SPAD dan juga PAAB untuk menentukan *bulk service rate* itu tidak lagi akan menguntungkan terlalu banyak kepada syarikat tersebut. Itu sebab saya tanya soalan tersebut. Jadi, kalau dapat pendapatan hanya 8 peratus yang sekarang dia orang dapat 40 peratus ke-60 peratus, patutlah dia minta duit lebih. Jadi, Selangor bertanggungjawab menentukan tidak boleh diberikan lagi. Ini yang saya hendak tanya, kenapakah kita biarkan ini berlaku?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Sebetulnya yang saya katakan perkara ini di antara negeri Selangor dengan *asset owner* itu, jadi biar kita

serahkan kepada mereka dan *Federal* akan membuat keputusan apabila dimuktamadkan di antara mereka.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Tidak, tidak Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri juga ada tanggungjawab. Sebab Selangor hutang kepada duit rakyat, negara. Selangor hutang, maknanya dia bukan hutang kepada Kerajaan Persekutuan tetapi rakyat, negara yang membagikan hutang tersebut.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Jadi, kalau Kerajaan Persekutuan nampak Selangor berlaku tidak adil, membenarkan keuntungan yang berlebihan, SPAD dan juga PAAB juga bertanggungjawab. Esok kalau dia bagi untung yang berlebih-lebih, macam mana hendak balik kepada kerajaan, itu soalan kita...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya, betul. Akan tetapi itulah semua ini akan tertakluk kepada *business plan* Selangor *water* apabila mereka boleh muktamadkan pengambilan SPLASH ini. Akan tetapi Kerajaan Pusat...

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** *Business plan* yang merugikan rakyat Selangor.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Kita tak boleh ambil perhatian selagi mereka belum muktamadkan nilai tersebut. Begitu.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Saya hendak ingatkan, *business plan* yang merugikan rakyat Selangor adalah *business plan* yang tak baik.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Betul.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Jadi, kalau kerajaan tidak gembira, jadi...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Itu nanti Kerajaan Negeri Selangor harus jawab ataupun Ampang. Okey, saya rasa cukuplah, *I think* banyak hal lagi Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya faham ini Yang Berhormat Menteri. Saya dengar tekun, tadi Yang Berhormat Menteri menyebut ini antara syarikat yang pemegang aset dengan Selangor. Maksudnya, Kerajaan Pusat tidak ada peranan untuk menentukan harga sama ada ini RM200 lebih juta, kah atau RM2 bilion, kah? Itu keputusan Kerajaan Negeri Selangor.

## ■2000

Akan tetapi saya dengar tadi maksudnya dari Yang Berhormat Sungai Besar dan Yang Berhormat Bandar Tun Razak dan juga Yang Berhormat Kuala Selangor sebut adakah Menteri berpendapat bahawa harga ini harus juga dinilai oleh Kerajaan Pusat, oleh kementerian supaya dikononnya Selangor tidak boleh menyalahgunakan kuasanya atau menawarkan terlalu tinggi. Adakah ini peranan kementerian dalam rundingan Kerajaan Pusat dengan Selangor? Sudah tentu perkara ini ditentukan...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Batu, saya sudah jawab lebih awal tadi bahawa Kerajaan Pusat...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Sedikit.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Kerajaan Pusat telah memutuskan untuk mendapatkan semakan ataupun penilaian kepada penilaian yang dilakukan oleh Rashid Husin International. Jadi dalam tempoh satu bulan, kita harap bahawa satu *opinion* yang di peringkat- *one of the four big accounting firms* dan kita akan gunakan terus...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Akan tetapi Kerajaan Pusat masih lagi dalam rundingan. *Get the independent evaluation to get the final price...*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sudah tentu Menteri...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ikut peraturan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Belum muktamad lagi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit sahaja.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tidak. *That is why* kami tidak mahu terima apa yang penilaian yang diterima antara entiti dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor. Pusat pun bertanggungjawab, *so kita lantik satu international valuer to have second opinion on the pricing...*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** So Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang, seorang. Seorang, seorang Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *I think* cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Satu ayat sahaja.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Cukuplah. Cukup, cukup.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dengan kesimpulan ini, saya ingin dapat maksudnya Menteri dan kerajaan Selangor akan menanggung keputusan

kolektif ini dan mempertahankan ini supaya rakyat Malaysia dan juga Selangor dipertahankan. Maksudnya kalau persetujuan dibuat tidak ada mana-mana pihak yang boleh *abuse* proses ini untuk membagi keuntungan yang besar-besar untuk mana-mana syarikat *concession*. Adakah ini benar atau tidak?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Akhirnya *willing buyer willing seller*, iaitu negeri Selangor dengan entiti...

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Saya ingat Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Batu caba hendak mengelirukan kita.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ya. Akan tetapi Kerajaan Pusat juga main peranan bukan? *It is because* tadi Menteri juga sebut, Menteri kata, Menteri akan sekarang tengah minta enam bulan lagi masa tempoh untuk...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Itu...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Mencari satu *evaluation to get* muktamad *price*, harga yang *final*. Itu peranan juga *Federal Government*. Saya juga hendak tanya juga pada Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya betulkan, tidak betul itu. *Federal* bukan...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tidak apa. Nanti Yang Berhormat Menteri jawab. Saya hendak tanya lagi. Saya habiskan dahulu.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Atas perbincangan *Federal* dengan Selangor kerana tarikh memuktamadkan *master agreement* itu, *restructuring* sudah '*limpas*' kalau orang Sarawak bilang. Apa "*limpas*"?... [Disampuk] Ya, terlepas.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Sudah *expired*. Okey.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Sudah terlepas. Jadi maka dengan itu, kedua-dua pihak mengatakan memandangkan SPLASH belum lagi muktamadkan, so telah setuju untuk dipanjangkan enam bulan, membolehkan Selangor dan entiti tersebut muktamadkan harga mereka.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ada juga saya hendak tanya ketika rundingan dan sebagainya, KeTTHA juga ada maklum bahawa ketika rundingan dengan *concessional* yang lain dahulu bahawa ada dibuat satu *inducement* kepada Puncak Niaga yang bernilai RM577 juta dalam bentuk pemulangan *non-water assets*. Adakah Yang Berhormat Menteri maklum tentang rundingan dan *deal* yang dibuat ini ketika itu?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya rasa itu perlu melihat...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ketika itu, RM577 juta digunakan untuk *non-water investment*.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ini perkara perlu merujuk kepada apa perjanjian yang dimuktamadkan di antara kerajaan Selangor...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tidak. Saya cuma hendak tanya adakah KeTTHA maklum tidak ketika itu?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Perlu rujuk balik kepada perjanjianlah.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** KeTTHA tidak ingat kah perjanjian itu?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Apa yang penting, nilai sahaja.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** KeTTHA maklum tidak? KeTTHA maklum tidak?... [Dewan riuh]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang-seorang Yang Berhormat... [Dewan riuh]

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Saya cuma tanya KeTTHA maklum atau tidak. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang-seorang Yang Berhormat. Seorang-seorang Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yalah. Saya tanya Menteri. Saya tanya Menteri maklum atau tidak tetapi Menteri kata hendak rujuk...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Kalau itu ada dalam perjanjian...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Takkan, *this question is very simple cannot answer on the spot*. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** No. Kalau tiada dalam perjanjian, jadi tiadalah yang dimaklumkan kepada *Federal*.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Saya tanya dimaklum atau tidak. Akan tetapi tadi Menteri kata hendak semak...

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya katakan tadi kalau tiada dalam perjanjian di antara kedua-dua pihak, itu sahaja yang Kerajaan Pusat pegang.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Saya tanya maklum tidak tentang... [Dewan riuh]

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tiada perjanjian, tiada maklum [*Ketawa*]

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, cukuplah. Air Selangor *I think the rest* itu nanti tunggulah apabila Kerajaan Negeri Selangor dapat muktamadkan.

Yang Berhormat Parit Sulong, dalam perkara ini seperti mana saya katakan tadi lanjutan enam bulan memuktamadkan perjanjian-perjanjian yang lain termasuk *final pricing*, meneliti senarai-senarai aset yang perlu diserahkan kepada PAAB dan bagi Selangor mahu memuktamadkan dengan SPLASH dan Air Selangor mengenai lesen dari SPAN apabila harga itu telah mereka persetujuan. Selepas itu, barulah *Federal* akan memikirkan setakat mana PAAB boleh membantu daripada segi pinjaman kepada pihak Air Selangor.

Mengenai Yang Berhormat Parit Sulong, adakah pengurangan peruntukan bajet pembangunan teknologi hijau akan menyebabkan pembangunan teknologi hijau terjejas. Pihak kita percaya walaupun ada sedikit pengurangan di situ, kebanyakan ini ada berkaitan dengan peruntukan yang tidak disediakan untuk IGM pada tahun hadapan kerana ada pendekatan baru mengenai dengan pelaksanaan IGM yang sudah pun enam tahun kita laksanakan dan maka ada pendapatan baru. Jadi itulah belum ada peruntukan yang ditetapkan untuk IGM tahun 2017, namun pendekatan baru adalah untuk menswastakan proses tersebut di kalangan beberapa pihak yang telah kita mulai kenal pasti. Jadi itulah sebabnya ada pengurang untuk program teknologi hijau, tetapi tidak harus semestinya ada impak kepada perkara-perkara program yang telah pun dirancangkan.

Begitu juga saya rasa tenaga yang boleh dibaharui, saya telah pun sentuh tadi. *Net metering* pun saya telah katakan tadi, ini peluang untuk rakyat Malaysia 100 megawatt satu tahun untuk sesiapa sahaja memohon memasang solar PV di rumah mereka dan gunakan untuk keperluan sendiri. Jika ada lebihan, barulah dijual kepada grid. Jadi, ini sekali gus melibatkan rakyat untuk meladangkan solar di kawasan tempat sendiri.

Awal-awal tadi h perihal *metering* yang dibangkitkan beberapa Ahli Yang Berhormat juga mengenai dengan *metering issue* yang dijalankan oleh pihak TNB. Saya katakan di sini, pihak kita telah memberi penjelasan-penjelasan sebenarnya kepada banyak pihak. Sebenarnya perkara ini bukanlah perkara yang baru. Banyak *promotions* dan pemberian, pengedaran maklumat telah pun diadakan sebelum ia dimulakan. Akan

tetapi saya di pihak kementerian dan juga di pihak Suruhanjaya Tenaga, serta juga maklumat daripada Ahli Yang Berhormat bahawa kita pun akui tidak cukup maklumat lebih awal yang telah diberi kepada pihak umum.

Akan tetapi nescayalah bahawa perkara ini daripada segi teguran yang akan mengatakan bahawa tidak betul itu *billing* dan begitu semuanya, ini akan lebih *accurate* sebenarnya. Meter yang baru itu dan *billing process* semua yang baru adalah akan lebih senang. Dengan cara ini, pihak pengguna boleh mengurus penggunaan tenaga sendiri.

Dijangka bahawa dalam tempoh dua bulan ini harus boleh pulih semua jentera di peringkat TNB supaya soal- paling lewat pun dia akan bil *according to the date* sebenarnya. Jadi tidak harus ada kekeliruan ataupun ketakutan bahawa *billing* yang baru ini adalah bukan *billing* yang *accurate* ataupun tepat. Ini kerana memang kalau ada juga yang mengatakan bahawa dahulu sedikit-sedikit, tidak begitu banyak. Memanglah, *the new billing system be more accurate. So in one way another*, dengan izin, barangkali ada peningkatan juga *mechanism* dahulu dan seterusnya meter dahulu meter yang tua dan seterusnya.

Jadi, *it is become more efficient*. Akan tetapi masa yang sama, pengguna boleh melihat penggunaan sendiri melalui *your hand phone* dan seterusnya kita boleh *manage our own demand on* penggunaan di peringkat tempat tinggal, rumah ataupun di pejabat.

#### ■2010

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, seterusnya daripada Yang Berhormat dari Jasin telah menyentuh.....

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat Pokok Sena.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Sudah tadi saya sudah jawab barangkali Yang Berhormat keluar tadi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ada, ada. Sikit lagi. Ini saya ucap tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri hari ini berani membuat kenyataan *PBS will back off from BN*. Ini kenyataan yang berani. Baik, baik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak berkaitan Yang Berhormat dengan Butiran Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Itu pujian kerana politik berani untuk menarik sokongan, tarik diri daripada BN.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan termakan hasutan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Hasutan, hasutan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik. Saya minta tadi nama syarikat yang memenangi tender untuk menyediakan sistem bil baru ini dan apa kelayakan-kelayakan dia, dan jumlah perbelanjaan, kos yang dibelanja oleh TNB untuk menyediakan sistem pengebilan baru ini.

Yang keduanya juga saya minta tadi, bila bil itu datang sekali gus dua bulan contohnya, bagi saya sepatutnya pihak TNB harus ada rebat sebab pengguna-pengguna yang tidak berkemampuan ini dia hendak bayar sekali gus kan agak membeban kepada dia lah kerana kalau bil kita lambat bayar, selalunya TNB akan hukum pengguna. Ini yang lambat hantar bil ialah TNB. Jadi sepatutnya bukan pengguna tidak boleh hendak hukum TNB, pengguna kena bayar juga. Jadi sepatutnya ada tolak ansur dengan memberikan sedikit keringanan dengan rebat kepada pengguna.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Sedikit tadi. akan tetapi soal yang lewat ini dia akan di *adjusted* nanti, dengan izin, dalam bulan seterusnya. Akan tetapi memang ada beban sedikit oleh sebab tiba-tiba dua bulan punya bil atau se bulan setengah tetapi nanti dia *adjust* nanti ke bulan hadapan. Jika ada masalah, pihak TNB mengatakan bolehlah berunding balik kepada *service center* mereka untuk membincangkan perkara ini dan saya rasa bagi mereka yang sukar betul-betul khususnya yang *below 40* ini, satu perundingan boleh dibuat dengan pihak TNB untuk mengenai dengan perkara yang di mana bil itu adalah lebih besar, jadi mereka tidak sanggup untuk membayar pada bulan tersebut.

Nanti saya berbalik mengenai dengan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Syarikat tadi itu.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Syarikat nanti. Okey, tadi saya rasa Yang Berhormat Stampin, saya telah jawab terlampau banyak terutama yang tadi. Yang Berhormat Tuan Anuar bin Abd. Manap.....

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Bandar Tun Razak, Yang Berhormat Bukit Katil sudah, Yang Berhormat Hulu Langat belum. Yang Berhormat Hulu Langat ini kawan sayalah. Tidak payah jawab pun dia akan terima, boleh bincang di luar...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Syarikat tadi itu.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya, ya, ada, ada.



**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Menteri, saya perlu jawapan bertulis bagi program-program serta projek-projek bagi tahun 2016 dan secara terperinci

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terlampau panjang ini program.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Jawapan bertulis ya.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat Jasin, memang selalu minat perkara ini. Sebahagian saya telah jawab. Kalau soal minta rebat ini, untuk dua tahun ini kita telah memberi rebat kerana *estimate* kita daripada segi kiraan harga input-input seperti arang batu dan gas itu sememangnya lebih rendah daripada apa yang kita telah jangka kerana kita menentukan tarif untuk tiga tahun. Dan itulah sebabnya kita telah beri pass menulis proses ICP itu, *imbalance pass through*, kalau harga naik, naiklah, tetapi kalau harga turun, turunlah. Jadi, kita telah beri rebat tahun pertama 2.25 sen dan tahun yang baru selesai itu, 1.52 sen bagi setiap kilowatt jam.

Mengenai dengan peranan TNB, untuk CSR, saya difahamkan ada dua konsep pemasangan lampu individu dipohon dan dicaj RM10 sebulan dimasukkan dalam bil pemohon-pemohon, permohonan kos yang telah disubsidikan. Yang dipohon oleh majlis perbandaran dan kos ini ditanggung oleh majlis perbandaran. Pemasangan projek lampu jalan yang dibiayai oleh kerajaan itu adalah di bawah KKLW. Nanti pihak kita cubalah untuk membangkitkan dengan pihak TNB mengenai dengan perkara ini.

Untuk permohonan *wiring* bagi rumah luar bandar, bagi negeri Sabah, satu skim yang dikenali sebagai *Assistant Rural Wiring Scheme* (ARWS) sejak 2011 yang diwujudkan oleh NKRA, infrastruktur asas luar bandar KKLW dan skim ini melibatkan pemasangan pendawaian dua buah lampu dan satu buah soket dengan kadar harga RM510 seunit. Kini sejumlah 3382 buah rumah telah pun siap untuk dipasang dan saya rasa program ini kalau di Semenanjung belum dilaksanakan, tetapi untuk Sabah, telah pun dimulakan.

Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Putatan, saya telah jawab semua tadi. Yang Berhormat Kota Kinabalu. Ya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, Stampin juga luar bandar bagi Sarawak bagi program yang ada kalau sama.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Saya difahamkan kerana untuk maklumat Yang Berhormat Stampin *energy matters* perihal tenaga di Sarawak adalah *directly* di bawah kerajaan negeri Sarawak, bertindak di bawah *delegated power* kepada Menteri Infrastruktur negeri Sarawak. Jadi harus ini, saya difahamkan mereka

ada program tersendiri daripada segi membantu *wiring* kepada mereka yang tidak sanggup di situ...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Nanti saya *check* dan *clarify* ya.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Akan tetapi soalan saya bukan kepada *wiring* tapi aplikasi teknologi hijau di luar bandar Sarawak seperti solar panel, bekalan elektrik. Jadi saya rasa ini dalam kementerian Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Seharusnya, tetapi untuk makluman Yang Berhormat Stampin, memandangkan kuasa berkaitan dengan pengurusan tenaga adalah di peringkat negeri Sarawak, *if IT feeder tariff* itu tidak berfungsi di negeri Sarawak, mereka tidak *contribute* kepada 1.6% itu, namun- kami difahamkan mereka ada program tersendiri daripada segi penghijauan dan penggunaan tenaga boleh dibaharui. Akan tetapi atas insentif yang dibuat oleh kerajaan negeri dan kami di peringkat Pusat sekadar untuk memantau program-program yang dikendalikan oleh SAD di situ.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Yang Berhormat, saya terima baik jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Itu salah satu daripada saya punya soalan, tetapi satu soalan lagi iaitu penggunaan *solar power* di luar bandar, tidak ada kena mengena dengan *Sarawak Energy*.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya, itu di bawah KKLW. Kalau ada di luar bandar di bawah kementerian KKLW atau Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, okey.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Maksudnya, hendak mintak pengesahan, maksudnya daripada ke semua program...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ikut tertib Yang Berhormat. Jangan macam itu.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Okey. Nanti saya kalau boleh.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Nanti saya bakal, nanti saya bakallah.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Ya dari segi ke semua program ini maknanya tiada termasuk Sarawak, program-program yang disenaraikan, projek-projek dan program-program RM32 milion pada 2017. Maksudnya program ini tidak termasuk Sarawak.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Kalau dia geran, ia tidak terus masuk ke negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, daripada segi dasar, kita

sentiasa berbincang dengan pihak mereka dan di mana yang bersesuaian seperti- walaupun *sewage* misalnya, sebenarnya di bawah Kerajaan Negeri Sarawak, kita bantu. Kalau ia- kebanyakan dalam bentuk pinjaman, dengan pinjaman. Hendak *details*, okey nanti kita bincang.

Untuk Yang Berhormat Pokok Sena dan juga Ahli Yang Berhormat yang tadi itu, syarikat yang mengendalikan BCRM ini syarikat- syarikat yang terbesar di dunia yang menggunakan sistem SAP, dan kos terlibat difahamkan melalui TNB, RM180 juta bermula pada tahun 2014.

#### ■2020

Program ini telah pun dijalankan- *metering system* ini dengan yang lain di dunia seperti di Perancis dan di Singapura. So, kejayaan *track record* pihak syarikat, mereka juga mengendalikan di Perancis dan di Singapura.

Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya rasa saya sudah *cover* kebanyakan yang saya telah sentuh. Maka mana perkara-perkara yang saya tidak dapat menyentuh khususnya yang melibatkan data...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Oh! Yang Berhormat Kuantan. Yang Berhormat Kuantan pun sudah banyak kali kita minum kopi itu [*Ketawa*] Dahulu Yang Berhormat ini selalu kacau saya pada masa saya Menteri Sains lah mengenai Lynas tetapi *to be fair, she is quite an objective person*.

Satu mengenai dengan *test* ataupun siasatan-siasatan untuk memastikan kualiti air yang dikeluarkan di loji kita ataupun sebelum masuk loji ini ada tatacara dan *operating system, operating process* yang telah pun ditetapkan. Memang sebagai bagi SPAN dan bagi kami sebagai *regulator*, kita memproses dan *distribute* air *apparently* dengan operator. So, *we have to take a water quality has given in the river* walaupun pemantauan-pemantauan itu dijalankan juga oleh EIA dan operator-operator tertentu.

Mengenai dengan pencemaran ataupun khususnya daripada segi *pesticide*, saya perakui sama dengan Yang Berhormat Kuantan bahawa walaupun tidak ada di mana yang test sebelum air masuk ke loji, *sample* diambil. Apabila juga kita operator-operator ada *chemist* semua di dalam loji-loji tersebut. Sebelum masuk dan selepas keluar air pun *sampling* dibuat.

Selain daripada itu, pihak kesihatan, Kementerian Kesihatan mengambil *sampling* dari semasa ke semasa bukan sahaja pada masa ada aduan mengenai dengan seperti aduan bau dan seterusnya. Akan tetapi kami sedia maklum bahawa- *I think* perlu ada sistem komprehensif yang melibatkan semua parti untuk membuat

pengawasan dan juga pemantauan dari segi kualiti air di sungai sebelum dia masuk ke loji sebab apabila dekat loji dan pegawai-pegawai kita dan *technicians* kita mengatakan bau melebihi daripada apa yang ditetapkan ataupun jika *chemical analysis* dilakukan dan kita tutup loji, *it is too late already*. 10,000 of people sudah *will not get water the next 48 hours...*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya ringkas sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...Memperaku ini. Ini bukan satu pendekatan yang baru melibatkan kementerian-kementerian lain, kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan supaya *forecasting* kita ataupun pengawasan kita lebih teratur dan lebih komprehensif seperti dilakukan di negara-negara seperti Korea dan *Japan*. Ya, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya singkat sahaja, Yang Berhormat Menteri. Saya ada buat pertanyaan tentang negeri-negeri yang menjadi operator-operator air yang menghadapi pertamanya, *water defisit*. Kedua, usaha kita untuk mengurangkan NRW, yang ketiga untuk modenisasi untuk air kerana kita menghadapi masalah yang serupa macam negeri-negeri yang menghadapi masalah *water defisit*. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, betul.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** [*Bangun*].

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuantan, bangun Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Boleh saya Yang Berhormat Menteri, boleh saya respons sedikit.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Pukul 7.30 tutuplah.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri, saya tidak mahu isu ini jadi macam '*Bangau oh Bangau*'. Dalam isu pencemaran racun terlarang *banned pesticide* di Cameron Highlands, saya mengambil inisiatif untuk berbahas di empat kementerian di peringkat Jawatankuasa. Setiap kementerian mengatakan seperti yang tadi Yang Berhormat Menteri kata, "*You take whatever is in the raw water*". Menteri Kesihatan kata, mereka "*Take what comes out, we just test what comes out*". Timbalan Menteri Pertanian pula kata, "*There is no such thing*" dan kemudian Menteri NRE tadi tidak sempat jawab.

Dengan pengurangan bajet untuk mengawal selia kualiti air, itu menjadi isu besar pada saya. Jadi *I mean we have putting this issue in front of us*. Isu yang amat penting

kerana ia melibatkan racun terlarang dalam air minuman dan juga air sungai, air minuman, *water catchment, all the levels* ini.

Jadi Yang Berhormat Menteri kata "*Perlu ada satu cara kaedah lain untuk menanganinya*" but who want take the lead, who want take the responsibility? In the mean time, we continue to be poisoned? I mean this is an issue that has to be addressed and I have not seen all four ministries push, push sana dan ini bukan isu air sahaja, banyak isu. Kita hanya jaga kita punya domain. *I do not think we can continue to be like this*, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Okey, terima kasih atas sentuhan dan keprihatinan Yang Berhormat. *This is real. Nevermind, I will take the lead* dengan kementerian-kementerian yang berkaitan untuk membincangkan dalam peringkat Kabinet *how to* selaraskan perkara ini *because this is the everyone* domain tetapi *no man single touch, okey*.

*Last two* perkara sedikit sahaja. Dengan NRW, pada mulai tahun hadapan, Kerajaan Persekutuan sedia maklum bahawa *it is not good enough* untuk memberi kepada kerajaan negeri pinjaman ataupun *loan* untuk buat empangan untuk buat *reticulation system* tetapi yang ini *50 percent* sahaja yang air sampai ke rumah-rumah.

Sudah *proposed* untuk tujuan tersebut. So memanglah kalau dia bawa negeri-negeri yang sudah *migrate* kepada WSIA, *non-revenue water*, kalau dia CAPEX dia di bawah PAM. Kalau tidak, dia sebagai OPEX dan kebanyakan *operators* walaupun kita tentukan dalam *business plan* dia berapa banyak dia mesti *invest* dan berapa banyak *percent* dia harus turun daripada segi NRW, kebanyakan mereka kerana tidak semak tarif, tidak dapat mencapai sasaran tersebut.

Berdasarkan kepada itu pada tahun hadapan, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM500 juta sebagai geran kepada enam buah negeri yang paling tinggi NRW. Selepas itu RM500 juta lagi *based on KPI* untuk negeri-negeri yang lain. *You* kasi turun NRW at *1 percent* okey, *we pay 50 percent of what you have spent. We reimburse you back* apa yang telah *you spent*. Jadi ini dalam proses pelaksanaan dan mudah-mudahan ini akan meningkatkan *reserve margin* di tempat-tempat yang kawasan teruk dan pada masa yang sama juga memaksa juga *operators* untuk mengambil peranan untuk mengurangkan NRW *in dolar to dolar basis* punya *reimbursement*.

Terakhir, soal di Johor memang di antara Johor dan Melaka yang mempunyai margin yang begitu sederhana daripada segi dan subjek itu *reliability* tertakluk kepada ada hujan atau tidak. Pihak Kerajaan Pusat bersama-sama *lead* dengan kementerian kita serta SPAN dalam proses perbincangan dengan pihak Johor khususnya untuk

tindakan-tindakan yang perlu dipercepatkan termasuk projek baru *piping* dan juga empangan di Sedili.

Saya rasa masalah di Johor ini, Tuan Pengerusi, sama dengan negeri-negeri lain. Ada empangan tetapi empangan kurang dipelihara oleh pihak negeri. *Because*, katakan empangan air- *on the water*, di bawah kita ataupun operator tetapi *water catchment* di bawah negeri. Di empangan yang kelapa sawit ataupun *papaya* yang ditanam itu sampai 50 kaki sahaja dari tebing empangan.

So, ini *the major* apa pun dalam perkara ini memastikan air *become really basic commodity* yang perlu di bekal kepada rakyat dengan kualiti sebenarnya seperti Yang Berhormat Kuantan mengatakan *turn on the tap and* boleh minum. Di rumah pun *turn on the tap* boleh minum juga. Kita minum tetapi ada *filter* lah. Jadi, memang kita mahu menuju ke tahap- yang disebabkan dikatakan standard 9000 kalau di negeri-negeri yang lain.

Saya rasa selesailah Yang Berhormat Seputeh terima kasih kepada semua..

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Teknologi hijau saya sudah bincangkan tadi. Yang Berhormat Langkawi pun nanti boleh saya jawab secara bertulislah.

■2030

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habis Yang Berhormat?

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Habis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Menteri, tanya satu berkenaan dengan wilayah kerana... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dah habis, habislah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukan, bukan, ada berkaitan. Yang wilayah di sini tidak ada peruntukan ke Wilayah Persekutuan tetapi saya baca laporan berita dari BERNAMA yang mana...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ini isu baru, Yang Berhormat. Dah bahas tadi?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Air, air. Bukan, saya hendak tanya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Isu baru, Yang Berhormat. Jumpa Menterilah lepas ini, jumpa Menteri.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang ini di bawah siapa? Kerana Menteri Wilayah Persekutuan yang pergi buat *ground breaking* di satu buah syarikat *water storage controlling system*...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Akan tetapi ada *bill* yang kononnya akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi ini di bawah siapa ini? Ada buat *tube well*. Ada 1,200 *tube well* akan dibina di Kuala Lumpur. *So whose mainland is this? Yours or Wilayah Persekutuan?*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, isu baru Yang Berhormat, tidak payah jawab. Boleh jawab secara bertulis.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Nanti kita bercerita dengan kopi tarik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM98,660,000 untuk Maksud B.29 di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM98,660,000 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,576,068,800 untuk Maksud P.29 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM1,576,068,800 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

**Maksud B.32 [Jadual] -  
Maksud P.32 [Anggaran Pembangunan 2017] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kepala Bekalan B.32 dan Kepala Pembangunan P.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

**8.32 mlm.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya sekali lagi untuk turut serta dalam perbahasan. Maksud Bekalan B.32, di bawah Butiran 050000 – DBKL dan juga butiran kecil 050100.

Tuan Pengerusi, saya sentuh isu projek di Bukit Gasing kerana peruntukan bagi DBKL telah dipotong daripada RM28 juta kepada RM9 juta iaitu sebanyak 67.8 peratus. Saya sentuh projek Bukit Gasing kerana ada sebuah projek yang melibatkan 149 unit kediaman dan sebuah vila tiga tingkat berhampiran Taman Gasing Indah. Saya dimaklumkan penduduk pergi proses bantahan menerusi proses Kaedah 5 di bawah DBKL tetapi yang saya bimbang, hampir 99 peratus semua proses bantahan yang dilakukan oleh penduduk selalunya menemui jalan buntu.

Jadi saya pohon jasa baik Timbalan Menteri, bila masa dalam minggu ini sahaja, projek yang diluluskan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur berisiko mengalami tanah runtuh dan penduduk sehingga kini masih menunggu lapan butiran laporan tentang kajian teknikal projek ini tetapi masih lagi gagal dikemukakan oleh DBKL dan juga pemaju. Kita mahu DBKL ini garang terhadap pemaju, jangan nampak seolah-olah memberikan pemaju ini lebih banyak layanan yang lebih baik daripada penduduk. Pertamanya, *geological survey report, structure report* dalam mengkaji keadaan fizikal projek perumahan, *landslide report, geohazard mitigation of safety of the community in neighborhood, geohazard mitigation, DBKL Technical Report from department and traffic impact assessment* termasuk *hydrological report*.

Jadi saya bawakan ini bagi pihak penduduk kerana cadangan projek perumahan ini terletak di cerun yang sangat tinggi, yang sangat curam dan diklasifikasikan sebagai lereng cerun yang kritikal. Yang anehnya, tahun 1996, DBKL khususnya Datuk Bandar tidak meluluskan projek perumahan Taman Gasing yang dikatakan ketika itu sebabnya tidak sesuai untuk kawasan tinggi atau lereng bukit dan diputuskan segala pemotongan tanah di kawasan ini tidak dibenarkan.

Saya bawa juga insiden banjir lumpur yang berlangsung dari semasa ke semasa termasuklah mengakibatkan kerosakan harta benda dan kerugian. Perkara ini bertambah buruk pada 8 Mei 2016, Taman Gasing Indah menyaksikan insiden banjir lumpur yang mengakibatkan jalan raya terpaksa dibersihkan sendiri oleh penduduk walaupun kemudian dibantu oleh agensi DBKL.

Yang kita mahukan DBKL menjalankan tanggungjawab ialah memaksa pemaju bila masa berlangsung pembangunan di lereng bukit, *you should reject. I think this is quiet important* dan saya bangkitkan, kenapakah ada perbezaan tahun 1996 dan



sepuluh tahun selepasnya adakah tiba-tiba lereng bukit itu dibenarkan pula pembangunan berlangsung?

Pada 13 November 2016 iaitu tiga hari lepas, sekali lagi air daripada projek tersebut mengalir deras sehingga memenuhi jalan-jalan di sekitar Taman Gasing Indah. Saya akan serahkan kepada Timbalan Menteri kerana pada saya ini bukti yang paling jelas bahawa projek ini wajib dikaji semula dan dibatalkan oleh DBKL bagi keselamatan orang awam dan kesemua lapan laporan tersebut haruslah diberikan.

Penduduk juga bimbang tentang keselamatan mereka. Tambahan dengan isu bila berlangsung projek pembangunan, sukar untuk mereka keluar daripada arah Kampung Pasir, Pantai Dalam dan Petaling Jaya yang sesak sedia ada. Jadi masalah itu berlingkaran, bukan sahaja fokus kepada sebuah tempat tertentu.

Baik, seterusnya Tuan Pengerusi, saya rujuk Belanjawan 2017 dan saya harap bila saya bawakan dalam Parlimen, tolonglah Timbalan Menteri, saya pasti Timbalan Menteri komited dan mampu saja memberikan arahan jelas kepada Datuk Bandar. Apalah gunanya kita ada Menteri kalau tidak boleh memastikan projek di cerun dan lereng bukit ini dihentikan bila masa membahayakan penduduk setempat.

Parlimen Lembah Pantai, Tuan Pengerusi, hanya dapat RM32 juta untuk membaik pulih saluran air. Bila masa diluluskan, masih lagi berlangsung banjir kilat dan walaupun saya berterima kasih, saya harap dapat diberikan status laporan terkini kenapa masih lagi tidak boleh kita menangani bila masa sudah ada anggaran daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bila masa akan berlaku banjir kilat.

Titiwangsa, saya hendak membuat aduan di sini. Kenapakah Parlimen Titiwangsa pengundi lebih kurang dengan Lembah Pantai dapat RM111 juta? Lembah Pantai hanya dapat RM32 juta, Tuan Pengerusi. Bayangkan, RM111 juta bandingkan dengan RM32 juta. Di Lembah Pantai lagi banyak kesenjangan. Jadi pada saya harus ada rasional kenapa diletakkan di kawasan, lebih-lebih lagi di kawasan Barisan Nasional, dikurangkan pula di kawasan yang dipegang oleh pembangkang walaupun sebelumnya ada banyak perubahan yang dilakukan.

Jadi bagi saya, pengagihan dan pembangunan sekata dalam memberi peruntukan kepada kawasan Parlimen di Kuala Lumpur ini penting. Sudahlah kami dinafikan dana *Implementation Coordination Unit* sebanyak RM5 juta, beri kepada wakil Barisan Nasional. Jawapan di Parlimen, kerana ini duit Perdana Menteri, ikut suka hati Perdana Menteri nak bagi pada siapa pun walaupun kami ini wakil rakyat. Jadi pada saya, bila masa kesenjangan yang jelas, saya berharap dapat diratifikasikan oleh Datuk Bandar dan juga Menteri.

Saya juga ingin menyatakan di sini kerana sudah berkali-kali saya minta laporan daripada Datuk Bandar. Contohnya laporan tender, *pros and cons* tentang kenapa Yayasan Wilayah Persekutuan diberikan projek mengaut keuntungan daripada projek caj parkir. Kita janjikan laporan hitam putih, sehingga kini saya belum diserahkan laporan tersebut.

Kedua, rasionalisasi DBKL. Kenapa sesetengah zon dikecualikan, sesetengah zon- zon tunda dan sesetengah zon diberikan caj parkir yang bertambah? Pada saya, tidak memadai. Kami dimaklumkan Kabinet dah bertemu, Kabinet dah putus, maka kita rasakan kawasan ini dan itu dikecualikan. Saya berharap ini juga membantu tugas kami bila masa rasionalisasi itu diberikan dengan jelas.

Saya juga ingin membangkitkan di sini, bagi pihak Menteri, saya berharap kerana setakat ini bila masa saya ajukan aduan, Timbalan Menteri nampaknya lebih prihatin daripada Menteri. Jadi saya hendak maklum, saya terkejut... *[Disampuk]* Ya, memang ramai daripada kami ini rasa Timbalan Menteri lagi *best* jadi Menteri tetapi tidak apalah, itu pendapat kami kan *[Ketawa]* Mungkin dia tidak sibuk...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan Menteri dengan Timbalan Menteri bergaduh ya *[Ketawa]*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Tidak, Tuan Pengerusi. Ini kali saya memang ikhlas. Setakat ini memang banyak tugas mudah saya hendak bekerja dengan Timbalan Menteri.

Saya hendak maklum, saya membantah ya beberapa kerja- saya pergi ke kawasan Seri Sentosa dua Jumaat lepas dan saya amat terkejut. Maaf, Jumaat minggu lepas. Kerana apa? Berlaku kerja-kerja pembangunan oleh kontraktor Binastra Ablebuild Sdn Bhd. Saya dah berikan surat.

#### ■ 2040

Akan tetapi saya hendak maklum dalam Dewan ini, bayangkan kontraktor dalam surat permit DBKL diberi kelulusan buat kerja dari jam 10 malam hingga jam 5 pagi. Saya terkejut kerana ini kali pertama di mana penduduk berdekatan terpaksa berhadapan dengan bunyi yang kuat termasuk kren, kabel elektrik utama yang mereka mengguna pakai itu berkongsi dengan kawasan penduduk punya. Dikatakan dapat juga kelulusan dari TNB walaupun surat tidak disertakan. Kabel elektrik juga terdedah pada umum dan yang saya bimbang *the main crane was above the main area that was populated by the residence.*

Saya amat terkejut kerana pada saya bila masa berlaku pembangunan haruslah pertama sekali ia dilengkapi dengan jaringan hijau keselamatan untuk memastikan itulah zon pembangunan yang tidak boleh membahayakan keselamatan penduduk.

Jadi saya sendiri nampak dan apabila masa DBKL bagi kelulusan, sampai pukul 5 pagi. *Whose ask can say anything?* Kita pergi buat aduan, *but to be fair* Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri, *the damage has been done. Of course I can go there*, kita buat aduan. Akan tetapi saya fikir ya, mintalah Yang Berhormat Menteri, apabila berlaku mana-mana projek pembangunan kecualilah dengan tempat jin bertendang itu di mana tidak ada penduduk, *you have to exercise the most strict level of overrules* dengan izin.

Saya tidak fikir ini sesuatu yang boleh diterima pakai dan ketika itu kerana penduduk begitu marah. Maka pemaju bersetuju untuk memastikan mereka tunda sehari dua. Akan tetapi pada masa yang sama, Kelulusan DBKL itu masih mereka pegang. Mereka kata, apa pun kami dapat permit. Cakaplah apa pun, marahlah macam mana pun permit kami pegang. Jadi saya pohonlah sangat nama syarikat pun saya sudah sebut, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya menunggu dan menantikan dengan penuh harapan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiawangsa.

#### **8.42 mlm.**

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Tuan Pengerusi, saya ingin maklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan ini kedua-duanya prihatin. Mereka ini dapat bekerjasama dengan baik. Saya tidak ada masalah dengan kedua-duanya.

Pertama saya ingin bawa kepada bekalan B.32, Butiran 020100 - Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.

Pada SUKMA ke-17 di Sarawak, Wilayah Persekutuan mendapat nombor empat dengan 126 pingat- 44 pingat emas, 44 pingat perak dan 42 pingat gangsa. Pada tahun ini peruntukan hanya RM7 juta sahaja untuk SUKMA ke-18 pada tahun 2018 hanya kita letak RM7 juta. Saya hendak tanya, dengan RM7 juta ini apakah yang mahu dicapai? Sudah adakah Kementerian Wilayah Persekutuan mempunyai *target* untuk menaikkan lagi keseluruhan pungutan pingat ini ataupun kedudukan kita daripada nombor 4 ke nombor yang lebih tinggi.

Saya juga hendak tahu tentang insentif yang telah diberi kepada atlet-atlet ini yang terlibat secara bersungguh-sungguh di temasya SUKMA ke-17 yang berlangsung di Sarawak tempoh hari. Pada masa sekarang ini, ada lapan buah persatuan sukan yang bernaung di bawah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan- 28 buah persatuan sukan

di bawah Majlis Sukan Kuala Lumpur, 19 di bawah Majlis Sukan Labuan dan tujuh buah persatuan sukan di bawah Majlis Sukan Putrajaya.

Bagaimanakah kementerian membahagikan peruntukan yang diberikan kepada tiga buah wilayah ini? Apakah kriteria yang diguna pakai bagi memastikan pemberian peruntukan tersebut adil dan saksama?

Jika dilihat takwim Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, tumpuan diberi kepada empat sukan iaitu berbasikal, memanah, olahraga, tenpin boling. Saya hendak tanya sama ada adakah ini hanya terhad kepada empat ini ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan berkeinginan untuk mempelbagaikan lagi aktiviti sukan dalam takwim 2017.

Saya ingin merujuk kepada 050100, ini peruntukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang telah diturunkan daripada RM28 juta kepada hanya RM9 juta iaitu penurunan sebanyak RM19 juta. Saya ingin tahu kenapakah penurunan yang begitu ketara peruntukan daripada gantian Kementerian Wilayah Persekutuan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Seterusnya pada Februari 2016, 1 Februari, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membuat Kempen Jom Bayar Saman dengan menetapkan kadar rata RM30 dan RM50 diberikan kepada pesalah trafik membabitkan kereta dan motosikal. Masalah saya dengan program-program setiap tahun ini dengan memberi diskaun ini, ia akan memberikan gambaran bahawa mereka ini tidak payah bayar sekarang. Hanya perlu setiap tahun, dikumpul-kumpul segala kompaun itu dan dibayar hanya setahun sekali kerana mereka tahu akan diberi diskaun. Saya hanya berharap bahawa program-program begini *should be one-off*, tidak diadakan secara setiap tahun.

Saya ingin tahu berapakah jumlah saman tertunggak DBKL yang masih gagal dikutip. Adakah kerjasama yang dilakukan antara pihak DBKL, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan bagi memastikan pesalah-pesalah ini menjelaskan hutang mereka.

Butiran 03000 - Kompleks Perniagaan Pasar.

Saya difahamkan sekarang banyak kompleks perniagaan dan pasar-pasar ini dipenuhi oleh mereka dari luar seperti Bangladesh, Nepal, Myanmar, Indonesia dan sebagainya. Saya hendak tahu berapakah jumlah lesen perniagaan rakyat tempatan yang telah dibatalkan atau ditarik balik kepada kesalahan memberi keizinan kepada warganegara asing untuk menjalankan perniagaan di premis.

Akhir sekali Butiran 08000 mengenai baik pulih sungai.

Saya hendak tahu keadaan apakah status terkini projek *River of Life* ini. Saya difahamkan nampak macam secara kasarnya nampak macam tidak berjalan. Akan

tetapi walau bagaimanapun saya rasa ia berjalan secara berterusan. Akan tetapi saya hendak tahu apakah *percentage* terkini projek ini?

Terdapat 43 buah sungai atau 9 peratus dari sungai di negara ini mengalami pencemaran dengan sebahagian besarnya berada di kawasan bandar, dengan sebahagian besar bahan yang mencemarkan berasal daripada pelbagai sumber termasuk air dari kumbahan, premis industri dan komersial serta akibat jumlah aliran yang kecil berikutan kawasan berturap yang begitu luas.

Saya hendak tahu daripada Kementerian Wilayah Persekutuan, sungai di manakah di Kuala Lumpur ini sebagai yang telah dikelaskan sebagai kritikal tahap pencemarannya? Apakah langkah yang sedang dilakukan oleh pihak kementerian untuk membersihkan sungai-sungai ini? Adakah kerjasama yang telah diambil sekarang ini dengan Kementerian Alam Sekitar dan pelbagai agensi lain bagi menentukan sungai ini berada dalam keadaan tahap yang baik sentiasa. Berapakah jumlah individu atau syarikat yang telah dikenakan tindakan kerana dikenal pasti menjadi punca kepada pencemaran sungai di Kuala Lumpur ini? Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Cheras.

**8.47 mlm.**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di bawah Butiran 010000 - Pengurusan Kemajuan dan Pembangunan.

Di bawah butiran ini saya ingin merujuk kepada satu pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri minggu lalu mengenai perkara yang cuba ditimbulkan oleh Yang Berhormat Seputeh tadi iaitu mengenai cadangan ataupun keputusan telah pun dibuat untuk satu Jabatan Pengurusan Air khusus untuk Kuala Lumpur yang akan dibentuk untuk menguruskan air untuk isi rumah dan industri di sekitar ibu kota dan Putrajaya.

Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan juga mengumumkan bahawa sebuah syarikat yang bernama Air Simpanan Sendirian Berhad atau ASI telah pun dilantik oleh kementerian untuk melaksanakan satu sistem bernama Sistem Kawalan Penyimpanan Air ataupun *Water Storage and Controlling System* atau WSCS, yang bertujuan untuk menakung air hujan yang akan diproses menjadi air bersih bagi disalurkan kepada penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan dengan lebih lanjut lagi bahawa syarikat ASI ini akan menjadi sebuah badan konsesi, badan perniagaan konsesi yang diberikan tempoh selama 25 tahun untuk menjalankan perniagaannya. Saya tidak berhasrat menyelidiki butir-butir seperti fungsi dan aspek-aspek lain mengenai sistem WSCS ini.

**■2050**

Akan tetapi apa yang ingin saya memberitahu kepada Tuan Pengerusi, bahawa perkara ini satu perkara yang telah pun menimbulkan perasaan tidak senang dan juga syak wasangka di kalangan orang ramai warga kota yang mengesyaki ada satu agenda tersembunyi atau *hidden agenda* dalam sistem, dalam rancangan yang akan menswastakan bekalan air di Kuala Lumpur ini.

Walaupun Yang Berhormat Menteri memberikan satu alasan bahawa cadangan ini disebabkan sering kalinya kejadian gangguan air berlaku di Kuala Lumpur tetapi ini satu perkara yang biasanya berlaku di mana-mana negeri di mana-mana kawasan termasuk Selangor ataupun Kuala Lumpur. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri juga mempersalahkan bahawa loji rawatan air Langat 2 ini akan dilewat-lewatkan persiapannya dan gangguan air adalah menjadi sebab utama mengadakan satu badan yang berkecuali dari apa yang diuruskan sekarang oleh pihak Selangor bagi Wilayah Persekutuan juga yang merupakan satu perkara yang nampaknya adalah satu *business venture*, yang satu persubahatan antara Kementerian Wilayah Persekutuan dan jua syarikat swasta untuk mengaut keuntungan yang besar.

Walaupun syarikat ASI ini dikatakan akan menelan belanja RM2.4 bilion untuk melaksanakan sistem ini tetapi Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada apa yang dilaporkan bahawa untuk memastikan perniagaan syarikat ini berdaya maju. Syarikat ini akan bercadang untuk memperoleh tanah-tanah yang dijadikan *storage side* ataupun tapak penyimpanan air di beberapa buah kawasan yang bernilai tinggi iaitu Taman Tugu, keluasan tanah 26.7 hektar, Bandar Malaysia 197 hektar, *Tun Razak Exchanges* 34.4 hektar, Kwasa Damansara 943 hektar, *Bangsar Junction* 8 hektar dan Jalan Conlay 2.8 hektar. Keluasan kawasan keseluruhannya kalau dijumlahkan kesemua kawasan ini adalah melebihi 1,200 hektar dan kalau mengambil kira 100 hektar ini bersamaan 1 kilometer persegi. Ini satu keluasan tanah yang paling tinggi. Kalau misalnya TRX, saya difahamkan setiap kaki persegi sekarang tanah bernilai RM3,000.

Kalau tanah yang berjumlah 34.4 hektar ini diberikan kepada syarikat ini, ia akan membawa keuntungan berbilion-bilion Ringgit. Kalau kesemua tanah yang diminta ini diperolehnya, ini akan merupakan perpuluhan bilion. Maka, perbelanjaannya ataupun pembiayaan yang akan dikenakan oleh dia hanya RM2.0 bilion ini merupakan satu jumlah yang kecil. Saya haraplah, pihak kerajaan jangan menjadikan gangguan air di Selangor, di Kuala Lumpur sebagai kambing hitam untuk memberi alasannya untuk menswastakan bekalan air di Kuala Lumpur.

Tidak ada perlunya dan apabila rancangan ini menjadi satu fakta, tarif air juga merupakan satu perkara yang dibimbangkan oleh pengguna-pengguna di Wilayah

Persekutuan. Saya ingin juga menimbulkan satu perkara di sini. Ada dua jabatan DBKL iaitu Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan juga Jabatan Kesihatan yang akan dipindahkan akibat kedua-dua bidang tanah di mana kedua-dua bangunan yang jabatan duduki sekarang telah pun dijual kepada sebuah syarikat kroni UMNO tetapi pembeli tanah itu tidak akan memberi pampasan bagi membangun semula kedua-dua bangunan jabatan ini.

Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, apakah perbelanjaan yang dikenakan bagi membangunkan semula di kedua-dua jabatan ini dan di manakah lokasi kedua-dua jabatan ini dan bilakah pemindahan ini akan dilakukan? Berhubung dengan tanah di Batu 3 1/2 Jalan Cheras di mana pihak Jakel telah membeli tanah yang milik DBKL. Tanah ini telah pun dijual lebih kurang empat tahun yang lalu tetapi Jakel ini hanya membayar deposit 10 peratus. DBKL masih membenarkan tapak itu kosong dan tiada sebarang perancangan nampaknya diadakan. Apakah sebabnya? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Labuan.

**8.58 mlm.**

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus sahaja ke Butiran 020100 – Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.

Yang Berhormat Menteri, seperti yang kita sedia maklum Majlis Sukan Labuan yang selama ini bertaraf negeri disebabkan oleh proses *consolidation* Majlis Sukan Wilayah Persekutuan membuatkan ia sudah tidak mempunyai staf ataupun urus setia. Akan tetapi ia masih diperlukan disebabkan Labuan ini adalah jauh dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana MHWP berpusat dan banyak persatuan di Labuan yang meluahkan perasaan ketidakpuasan hati.

Jadi saya ingin bertanya di sini adakah bajet yang diberikan RM7 juta ini boleh diperuntukkan supaya Majlis Sukan Labuan ini masih boleh berfungsi sekurang-kurangnya dengan taraf sebagai Majlis Sukan Daerah ataupun di bawah daripada MHWP. Untuk membantu MHWP dalam program-program pembangunan di mana Majlis MSL yang mana saya Pengerusinya boleh diberikan *empowerment* untuk kita mengendalikan program-program ataupun menyelaras program-program pembangunan sukan yang melibatkan persatuan-persatuan sukan di Labuan.

■2100

Seterusnya Butiran 030100 – Perbadanan Labuan.

Kita dapat lihat di sini penurunan sebanyak RM10 juta lebih kurang, banyak itu Yang Berhormat Menteri untuk Labuan yang cuma RM49 juta selama ini dan kehilangan RM10 juta itu lebih kurang 20 peratus. Jadi saya ingin tahu kenapa ia dikurangkan dan

sebenarnya kita memerlukan penambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri di Labuan ini memang banyak jabatan di bawah kementerian-kementerian lain yang mengendalikan tugas-tugas yang berbagai-bagai. Tetapi kebanyakan mereka diperuntukkan, peruntukan yang tidak cukup untuk mengendalikan *maintenance*, perparitan dan bermacam-macam lagi. Selalunya mereka akan merujuk ataupun memohon bantuan daripada Perbadanan Labuan. Jadi dengan penurunan ini sudah tentu Perbadanan Labuan menjadi bertambah susah untuk memberikan bantuan kepada mereka. Jadi saya mohon pencerahan.

Seterusnya saya terus ke- ingin bertanya untuk Butiran 02000 – Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan, RM85 juta.

Adakah Labuan dapat bahagian daripada jumlah tersebut?

Begitu juga Butiran 02500 – Program Pembangunan Sosio Ekonomi yang cuma satu juta.

Berapakah yang akan disalurkan ke Labuan? Untuk pembangunan yang ditunjukkan sini mempunyai jumlah RM202 juta lebih. Apakah pembangunan-pembangunan tersebut? Mohon senarai dia termasuklah yang RM37,700,000. Apakah yang akan mula dilaksanakan? Macam mana pun terima kasih kerana ada pembangunan yang besar kali ini dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas, mohon *list* dia.

Akhirnya Butiran 090600 - Diskaun tambang feri penumpang, RM11 juta. Saya ingin bertanya adakah sekiranya kita rasakan perlu boleh ia ditukar kepada tujuan lain terutamanya untuk tujuan pembangunan sosio ekonomi dan juga untuk pembangunan industri pelancongan. Memandangkan keadaan ekonomi setempat ataupun domestik ekonomi Labuan sekarang berada dalam keadaan yang sangat teruk sampai dirasakan kita berhadapan dengan krisis ekonomi. Disebabkan Labuan bergantung terlalu banyak kepada industri minyak dan gas, ramai yang tergelincir ke tahap kemiskinan disebabkan kehilangan pekerja. Ramai yang meninggalkan Labuan juga yang dahulunya penduduk transit di Labuan minyak dan gas membuatkan perniagaan-perniagaan di Labuan banyak yang sudah bungkus dan dalam proses untuk bungkus.

Jadi adakah dibolehkan diskaun tambang feri penumpang bajet RM11 juta ini kita tukar kepada tujuan untuk pembangunan sosioekonomi dan juga pembangunan industri pelancongan. Memandangkan bajet untuk Perbadanan Labuan pengurusan ataupun bekalan dikurangkan RM10 juta. Di mana sebahagiannya adalah untuk Jabatan Sosio Ekonomi yang sebenarnya jumlah bajet dia terlalu kecil tidak sampai dua juta pun. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu.



**9.05 mlm.**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja saya harap dalam masa cukup. Pertama di bawah Kepala 010000 – Pengurusan Kemajuan dan Pembangunan Wilayah Persekutuan.

Saya ingin tahu dalam kebelakangan ini kita telah menyaksikan banyak tanah di Wilayah Persekutuan telah diswastakan. Saya ingin dapat satu senarai berapa lot tanah yang telah dijual sejak tahun 2013? Apa syarat-syarat penjualan ini dan secara prosedur di peringkat DBKL atau kementerian atau Menteri atau Timbalan Menteri yang persetujuan penjualan tanah itu. Saya juga ingin tahu, apa proses pertanggungjawaban sosial terhadap penduduk-penduduk peneroka dan setinggan yang duduk atas tanah yang dijual oleh kerajaan ini.

Adakah keperluan mereka untuk mendapatkan perumahan di kawasan itu di tempat yang sama dapat dipuaskan dalam syarat penjualan ini. Ini yang tadi Yang Berhormat Cheras sebut tanah yang telah dijual oleh mereka kita juga terima banyak aduan penjaja-penjaja di sana dia rasa telah dipinggirkan dan mereka tidak dibagi tempat peniaga yang sebagai gantian. Ini salah satu perkara yang sangat serius memandangkan kepada keadaan ekonomi yang gawat. Peniaga-peniaga yang bertapak di Wilayah Persekutuan kalau mereka diusir dari Kuala Lumpur memang sukar untuk meneruskan rezeki hidup mereka.

Kedua dalam Butiran 020000 - Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.

Saya ingin dapat penjelasan padang bola sepak Jalan Jujur di Bandar Tun Razak ini telah dikatakan, ini berkaitan dengan penjualan tanah, telah dijual untuk mendirikan kondominium. Kita tahu kondominium ini untuk kelas, penduduk yang peringkat mana. Sama ada mereka yang miskin ini mampu dan apakah ganti untuk penduduk di kawasan itu? Kita dapat aduan daripada ramai penduduk pembangunan di Kuala Lumpur ini semakin meminggirkan kawasan rekreasi dan kawasan hijau. Ini daripada segi jangka panjang akan mewujudkan banyak masalah sosial dan juga nilai-nilai sejarah dalam kawasan-kawasan padang bola ini. Tidak dapat dipertahankan dan digantikan dengan rimba konkrit yang akhirnya akan menyebabkan bukan sahaja masalah sosial tetapi juga perubahan iklim yang mengancam ekologi bumi ini.

Kemudian dalam Butiran 06000 – Perbadanan dan Pembangunan Kampong Bharu.

Saya ingin dapat penjelasan bahawa pengurusan Kampong Bharu ini pernah ditonjolkan sebagai contoh untuk pembangunan kawasan tanah rizab Melayu.

**■2110**

Beberapa tahun yang lalu semasa Menteri, Raja Nong Chik telah menjanjikan beberapa buah kampung di kawasan Batu iaitu Kampung Padang Balang, Kampung Chubadak dan lain-lain lagi digazet sebagai kampung warisan. Akan tetapi sehingga hari ini tidak ada berita apa yang berlaku dan *facility* dan infrastruktur di kawasan kampung tanah rizab Melayu ini makin teruk dan kita tidak nampak ada komitmen untuk meningkatkan fasiliti di kawasan ini.

Kemudian saya juga ingin tanya mengenai penjualan tanah rizab Melayu di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur ini. Saya terima beberapa aduan sebab dalam tanah rizab Melayu, dia *jointly own* dan dalam geran tanah itu terdapat banyak nama yang berbeza dan ada kala orang asing terutamanya orang Indonesia telah berjaya untuk membeli tanah dan tukar nama dalam geran itu. Oleh sebab nama mereka mirip dengan orang tempatan, maka ada kes-kes tertentu yang terlepas pandang atau kecuai oleh pegawai yang membenarkan warga Indonesia mula memiliki dan membeli tanah rizab Melayu. Kemudian saya juga ingin dapat penjelasan bagaimana kita dapat mengatasinya.

Dalam Butiran 02500 – Program Pembangunan Sosial Ekonomi.

Perkara ini saya nampak dengan bajet yang begitu kecil sekali. Akan tetapi kita lihat dalam keadaan sekarang ini dengan pelbagai tekanan hidup yang makin serius kerana kegawatan ekonomi, apakah rancangan-rancangan yang lebih efektif untuk mengatasi masalah kehidupan warga kota ini?

Saya juga ingin menyertai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tentang kebenaran untuk melakukan pekerjaan sehingga larut malam. Di kawasan Batu juga di Taman Wahyu terdapat kontraktor yang bekerja sampai pukul 3 pagi ke-4 pagi.

Dengan ringkasnya saya juga ingin dapat penjelasan di bawah Butiran 050000 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Terdapat laporan yang menyatakan *80 percent Building Plan Development Order* yang telah diluluskan dan juga diberi diskaun yang besar tetapi lebih daripada separuh tidak dilaksanakan pembangunan ini. Saya ingin tahu sudahkah DBKL menjadi punca kenapa banyak pemaju ini tidak melanjutkan pembangunan sungguhpun DO sudah diperoleh dan apakah cara kita mengatasinya?

Ini yang saya juga terpaksa bangkitkan ialah isu yang saya berkali-kali bangkitkan di kawasan perumahan yang telah dijanjikan. Sekarang sudah dapat *delay* lagi dan saya ingin secara rekod, apakah cara kerajaan untuk mengatasi bila sesuatu

projek yang dijanjikan telah menghadapi *delay*? Ini yang saya maksudkan kawasan pembangunan YTL di Sentul ini.

Akhir sekali, di kawasan saya lagi, ini di bawah DBKL. Jalan yang menuju ke Batu Caves telah dilihat banyak projek telah diluluskan. Saya ingin dapat tahu, apakah total densiti dan jumlah unit yang telah diluluskan untuk sepanjang jalan dari Sentul Raya sehingga Batu Caves di sekitar itu pembangunan ini? Apakah cara DBKL untuk mengatasi kesesakan lalu lintas dengan sekiranya segala pembangunan ini disempurnakan dan *traffic jam* itu satu isu yang harus difikirkan sebelum menjadi parah? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**9.15 mlm.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih. Kita hendak jadikan Kuala Krai Wilayah Persekutuan ya. [*Ketawa*]. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat hendak tukar kawasan kah pilihan raya akan datang?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Macam tahu-tahu sahaja ya [*Ketawa*] Tidak, saya sebagai Pengerusi AMANAH Wilayah. Jadi, dipertanggungjawabkan untuk isu-isu di Wilayah Persekutuan ini. Sedikit sahaja Tuan Pengerusi.

Pertamanya, Butiran 050000 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Mengenai jalan, kita sedang melihat pembangunan rancak di persimpangan di Bulatan Pekeliling dalam Wilayah Persekutuan. Pada asalnya saya mengandaikan tujuan pembangunan itu ialah untuk menyuraikan *traffic* di Jalan Tun Razak supaya tidak membebankan *roundabout* Pekeliling bagi pemandu-pemandu yang hendak masuk ke kawasan Setapak. Akan tetapi kelihatannya, sebenarnya projek itu ialah fasa kedua daripada Duta-Ulu Klang Expressway ataupun DUKE. Ertinya, dari Jalan Tun Razak, mereka yang hendak masuk ke DUKE boleh menggunakan persimpangan yang baru ini, terus ke kawasan di Sentul sana.

Ertinya, kita tidak dapat juga hendak menyuraikan *roundabout* itu bagi orang-orang yang hendak masuk ke Jalan Ulu Kelang melalui Setapak. Itulah sebenarnya *bottleneck* yang berlaku di sekitar kawasan tersebut iaitu di Jalan Pahang Barat menuju ke Ulu Klang. Jadi saya rasa, kalau boleh masih tidak terlewat kalau pihak DBKL membincangkan supaya *diversion* itu juga boleh turun ke Jalan Pahang ini supaya dapat menyuraikan *traffic* daripada berkumpul di *roundabout* Pekeliling. Itu yang pertama.

Keduanya, saya ingin menyentuh mengenai Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu. Saya dimaklumkan ada suatu projek pembinaan apartmen di Kampong Bharu di Jalan Raja Muda Abdul Aziz. Kalau tak silaplah, Menteri boleh betulkan akan dibangunkan oleh UDA dan pembangunan ini di Kampong Bharu ya Tuan Pengerusi, sebuah apartmen 70 tingkat. Apartmen 70 tingkat di Kampong Bharu. Okeylah itu daripada segi komersialnya sangat menguntungkan *developer* tetapi bagi Kampong Bharu yang merupakan satu buah kawasan *sedentary*, kawasan perkampungan Melayu yang prasarana jalannya, penyuraian *traffic*-nya berdekatan pula dengan Jalan Tun Razak yang begitu sibuk, kalau benar projek ini akan berjalan, apakah persediaan DBKL untuk memastikan densiti yang begitu tinggi muncul dengan pembinaan blok apartmen 70 tingkat ini tidak akan memberikan kesan terhadap keseluruhan lalu lintas di Kampong Bharu dan kawasan-kawasan sekitar dengannya?

Saya rasa membina bangunan yang terlalu tinggi ini mungkin merupakan idea untuk menonjolkan satu *iconic building* atau mercu tanda tetapi saya rasa amat tidak sesuai di dalam Kampong Bharu yang bagi saya kalau boleh, seperti ada kampung lama di Melaka, Kampung Morten yang dibangunkan dengan cantik. Mungkin Kampong Bharu boleh mengambil iktibar dari situ dan bukannya meletakkan pembangunan yang saya rasa mungkin melibatkan kesan yang tidak baik. Di seberang jalan dari bangunan itu sudah ada *sky apartment* dan sebagainya yang harganya mahal yang saya rasa kalau itulah juga bentuk yang dibina nanti, maka tidak akan termampu untuk warga Kampong Bharu yang ada pada hari ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Butiran 090400 – NKEA – *Greater KL/KV (EPP 7: Iconic Places)*.

#### ■2120

Jadi, kementerian ini juga dipertanggungjawabkan untuk memelihara, menjaga mungkin, membina tempat-tempat ikonik seperti tugu misalnya, ataupun bangunan-bangunan yang boleh menarik perhatian orang yang datang ke Kuala Lumpur dan boleh menjadi *itinerary* kepada pelancong-pelancong kita.

Ada satu buah tugu kecil yang telah dibina dalam tahun 60-an, direka bentuk oleh seorang *art laureate* iaitu Datuk Syed Ahmad Jamal di sekitar kawasan Kuala Lumpur ini yang digelar Arca Puncak Purnama yang dibina untuk mengenang ataupun mengingati peristiwa pendaratan manusia di bulan pada tahun 60-an dahulu yang dikatakan oleh DBKL pada bulan Julai yang lalu sudah tidak dapat dibaiki dan tidak dapat dipulihkan. Ya, mungkin ia lusuh tetapi tidakkah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa yang hendak menjaga *iconic places* ini untuk melihat ia sebagai sebuah bahan sejarah yang telah wujud dan boleh menarik minat masyarakat, pelawat dan

sebagainya? Tetapi, ia diruntuhkan dan menimbulkan berbagai-bagai implikasi bukan sekadar kepada keluarga Almarhum Datuk Syed Ahmad Jamal tetapi kepada pencinta-pencinta seni sebagai satu penghormatan kepada apa yang *national art laureate* kita telah buat. Jadi ini saya hendak bertanya kepada kementerian ini, apa dasar kementerian dalam menjaga *iconic places* ini untuk dipertahankan.?

Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Bintang.

### 9.22 mlm.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 050000 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga Butiran 04000 – Projek Sosial, Rekreasi dan Kemudahan Awam Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, saya memandang berat tentang isu rasuah dalam DBKL seperti yang berlaku iaitu seorang pengarah eksekutif DBKL dihadapkan tuduhan rasuah jutaan ringgit. Ini adalah satu *tips of the iceberg*, dengan izin, dalam kes rasuah ini. Kementerian Wilayah Persekutuan, SPRM dan DBKL sendiri mestilah mewujudkan satu mekanisme berkesan membanteras amalan-amalan rasuah dalam DBKL ini. Setiap peringkat dalam setiap jabatan ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan kerana berjaya menyelesaikan tuntutan ganti rugi dan pampasan bagi pembeli-pembeli unit Plaza Rakyat yang telah lama terbengkalai selama hampir 20 tahun tetapi kes ini telah pun diselesaikan oleh Yang Berhormat Menteri dan pembeli-pembeli pun menghargai dan berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya harap projek ini boleh dimajukan dengan lancar oleh sebab Projek Plaza Rakyat ini tidak menjadi satu ISO di Kuala Lumpur ini.

Tuan Pengerusi, tentang kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur ini yang amat memberi kesusahan kepada warga kota di Kuala Lumpur ini. Saya berharap kementerian harus ada satu pelan induk untuk mengatasi pengangkutan awam ini di Kuala Lumpur ini. Selain LRT, MRT atau *rail*, bas memainkan satu peranan yang amat penting untuk menyelesaikan atau mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang berlaku di Kuala Lumpur ini. Setiap hari kita boleh nampak di jalan-jalan utama di Kuala Lumpur ini amat sesak. Saya harap ada satu pelan induk bekerjasama dengan SPAD macam mana untuk mengatasi kesesakan di Kuala Lumpur ini.

Tuan Pengerusi, tentang kelulusan projek- tadi rakan ada kata, bangunan bertingkat berpuluh-puluh tingkat dan diluluskan oleh DBKL yang menjadi satu masalah.

Saya dapat banyak aduan daripada penduduk-penduduk di kawasan Bukit Bintang ini khususnya di Brickfields. Satu projek Kondominium Scott Villa di Jalan Scott Brickfield dapat bantahan keras daripada penduduk-penduduk di kawasan itu oleh sebab tanah yang kecil ini iaitu hanya 5,000 kaki persegi diluluskan bangunan 30 tingkat, satu buah bangunan yang boleh dikatakan boleh menjadi satu *fire hazard*, dengan izin, dan lalu lintas akan bertambah di kawasan itu.

Saya harap DBKL haruslah mengambil tindakan. Walaupun projek ini diluluskan oleh DBKL tetapi pelan belum di-*submit* untuk kelulusan di DBKL. Saya harap khususnya bomba memastikan bahawa lorong yang masuk ke dalam bangunan ini haruslah mengikut peraturan atau *condition* yang ditetapkan oleh DBKL ini. Memastikan tidak menjadi satu, jika berlaku kebakaran, nyawa akan terkorban.

Saya juga ingin merujuk kepada DBKL tentang hutan di Bukit Nanas ini. Saya harap DBKL boleh ada satu peruntukan untuk menaik taraf kawasan ini oleh sebab ini satu buah tapak yang boleh menarik ramai pelancong berkunjung ke tempat ini. Ini kerana dalam kawasan Kuala Lumpur ini, selain daripada Menara Kuala Lumpur ini, hutan simpan Kuala Lumpur ini adalah salah satu yang boleh menjadi satu buah tapak untuk menarik lebih ramai pelancong asing mengunjungi tapak ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara saya juga ingin bangkitkan di sini ialah tentang peruntukan untuk kawasan-kawasan Ahli-ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan. Bagi kawasan yang dimenangi oleh Barisan Nasional khususnya Titiwangsa atau Setiawangsa, mereka dapat peruntukan. Akan tetapi, di kawasan yang dimenangi oleh pembangkang seperti Bukit Bintang, Seputeh, Cheras, Wangsa Maju dan Kepong, mereka tidak dapat apa-apa pun oleh sebab peruntukan ini semua diberi kepada parti-parti komponen Barisan Nasional ini. Saya harap sepatutnya keadilan diberi kepada semua Ahli Parlimen di kawasan. Walaupun itu parti pemerintah atau pembangkang, kita seharusnya mendapat satu peruntukan untuk kawasan-kawasan masing-masing.

Akhirnya, saya juga ingin membangkitkan tentang air yang tadi dinyatakan oleh Ahli Parlimen Cheras. Satu kajian haruslah diadakan untuk mengkaji semula jika ia boleh membawa kepada kerugian kepada warga kota di Kuala Lumpur ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)*  
**mempengerusikan Jawatankuasa]**

■2130

Saya harap satu kajian dan juga ada dialog dengan *stakeholders* di Kuala Lumpur ini memastikan projek ini tidak beri member bebanan kepada warga kota. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sungai Petani.

**9.30 mlm.**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan selamat datang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Yang Berhormat Seputeh tadi setuju atau tidak, Usul sehingga selesai? Sila.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dua perkara sahaja. Butiran 050000 - Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya baru ini Tuan Pengerusi, menjadi tuan rumah kepada satu kumpulan ahli perniagaan dan juga beberapa orang MP daripada Korea. Jadi saya membawa mereka pusing-pusing Bandaraya Kuala Lumpur. Dengan gembiranya saya menjadi hos mereka.

Akan tetapi isu yang saya hendak tanya ini Tuan Pengerusi ialah, apa tindakan Dewan Bandaraya ataupun kementerian apabila melihat ada kedai-kedai kita, kedai-kedai pemilik- saya ingat *private*-lah *kot*, *private shop* yang sudah bertahun tidak dihuni dalam bandar raya tertinggal dalam itu sudah jadi rimba dah? Dalam kedai sudah jadi rimba. Contohnya sebuah kedai dekat dengan Hospital Kuala Lumpur dan jalan *main road* ke Jalan Tunku Abdul Rahman itu. Jadi saya tengok saya ingat dekat 30 tahun sudah dan banyak lagi kedai-kedai begini yang tidak dihuni tetapi tidak dijaga dan akhirnya ia menjadi *eyesore* betul-betul.

Saya bimbang dia menjadi *building*, *place* untuk macam-macam penyakit bukan sahaja tikus- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan ada sini. Tikus, nyamuk aedes dan juga tempat yang digunakan oleh penagih-penagih dadah. Jadi ada tidak kuasa Dewan Bandar Raya untuk ambil tindakan terhadap kedai-kedai ini? Kalau kita tengok betul-betul ada kedai-kedai yang pokok dalam kedai itu lebih daripada bumbung sudah naik. Jadi ini memberikan imej yang tidak elok dan saya rasa harus ada tindakan serta-merta untuk itu.

Isu yang kedua Tuan Pengerusi adalah tentang Butiran 060000 – Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu.

Jadi tetamu-tetamu ini selepas mereka di Singapura, mereka singgah di Melaka. Mereka amat teruja Tuan Pengerusi apabila mereka masuk ke Bandaraya Melaka. Mereka pergi ke Kampung Morten dan mereka kata betapa hebatnya kampung di Melaka ini. Apabila tengok pembangunan yang baru, tetapi dia juga dapat melihat keindahan kampung yang lama.

Saya faham ada masalah yang besar di Kampong Bharu itu, ada pemilik-pemilik tanah yang tidak mahu berganjak tetapi saya juga yakin wakil rakyat di situ ialah Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang boleh bincang. Kalau mereka tidak mahu bergerak harus ada sesuatu tindakan. Ini kerana apabila kita masuk daripada Singapore, masuk ke Melaka, bila masuk ke Kuala Lumpur, ditengok atas tengok *Twin Tower* dia kata hebat. Akan tetapi selepas *twin tower* itu, dia ajak saya makan dekat nasi lemak saya masuk melalui Kampong Bharu, dia kata "*What is this place?*" Saya tidak tahu hendak sebut, saya tidak tahu hendak kata apa. Hendak kata kampung tidak macam kampung, hendak kata- apa benda saya hendak kata apa? Hendak kata apa ini sebenarnya? Dengan serabutnya, dengan macam-macam berlaku dalam itu dan tidak ada langsung ciri-ciri. Akhirnya dia kata, "*This is Malay area?*" Jadi saya hendak kata apa ini? Saya kata, "*Yes, they were once upon a time were Malays here. But now there's a lot Indonesian here*".

Jadi apa yang saya hendak cakap? Tidak langsung – sebab di belakang ia itu ialah *twin tower*. Dengan ada- di kelilingi oleh pembangunan. Tiba-tiba sekelompok manusia yang nama Kampong Bharu Melayu tidak terjaga, tidak terurus. Takkanlah berpuluh-puluh tahun kita tidak boleh selesaikan masalah ini. Oleh sebab itu saya kata kalau yang ada '*gain*' tidak apa, tetapi apa salahnya kerajaan betul-betul duduk dengan dia orang dan *upgrade*-kan mereka- kekalkan tidak apa, dia tidak mahu keluar tidak apa kekalkan. Akan tetapi kalau kita boleh *convert* Kampong Morten menjadi satu tarikan pelancong, apakah kita tidak boleh buat ini? Saya tentu kehebatan Timbalan Menteri dan Menteri dan juga Menteri Kewangan lebih hebat daripada Ketua Menteri Melaka, saya percaya. Dengan kedudukan kewangan dan juga kekuatan mental dan dalaman.

Jadi saya rasa kena buat sesuatu sebab saya- ya lah, walaupun lahir di Kedah tetapi membesar di Kuala Lumpur. Dari membesar di Kuala Lumpur malah Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan itu duduk depan rumah saya di Kampong Bharu sebelum dia menjadi Menteri lagi. Masa dia duk berniaga, bapa dia berniaga pun saya kenal bapa dia. Takkanlah begitu sekali? Jadi harus berlaku, mesti berlaku. Jadi saya rasa dengan ini saya minta betul-betul supaya ini bukan- kita tidak boleh *swipe the problem under the carpet*, tidak boleh. Oleh sebab setiap tahun jutaan pelancong datang dan pelancong-pelancong ini tentu pergi *twin tower*. Dia naik *Twin Tower* itu dia memandang ke bawah Yang Berhormat Timbalan Menteri, Allah malunya kita. Betul malu. Jadi- dan apabila ditanya, "*Is this Malay area? I have no answer to it.* Sekali saya kata saya tidak ada jawapan. Hendak angguk pun malu, hendak geleng pun malu.

Jadi saya rasa Tuan Pengerusi, kena ada sesuatulah. Ada kena *will power* dan *political power*-lah. *Political will* bukan *political power*, *political will*. Saya akan *support*



saya akan janji, kawan-kawan di sebelah ini akan memberi *support* untuk kita berlaku adil kepada pemilik dan juga penduduk-penduduk di Kampong Bharu. Saya ingat terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Selangor. Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kepong...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Seputeh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh. Ada tiga lagi, ringkas-ringkas ya. Sila.

### 9.36 mlm.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk turut sama berbahas dalam B.32 Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya cuma sikit sahaja. Pertamanya Butiran 010400 – Perancangan dan Pembangunan.

Saya hendak ucapkan tahniah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan terutamanya Yang Berhormat Menteri Wilayah dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah apabila inisiatif projek usaha sama di antara DBKL dan pemaju Pancaran Nilai Sendirian Berhad iaitu Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) yang dibina atas tapak seluas 0.74 hektar itu kini sudah mula diduduki para pembeli.

Saya difahamkan rumah tersebut Tuan Pengerusi, 850 kaki persegi dan dijual pada harga RM299,000 sebanyak 900 unit dan merupakan satu inisiatif projek mampu milik agar pihak rakyat di kota berupaya untuk memiliki rumah sendiri. Saya lihat ini antara satu faktor yang boleh menggalakkan juga pemilikan hak milik khususnya di ibu kota. Saya juga memberikan pujian kerana model Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan dan merupakan antara satu formula yang terbaik untuk mengatasi masalah pemilikan rumah di ibu kota dan mungkin dapat dikembangkan di seluruh negara.

**Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Termasuk juga dalam Parlimen Setiawangsa.

Tuan Pengerusi, saya hendak rujuk kepada Butiran 010500. \

Saya Tuan Pengerusi iaitu apabila memasuki Kuala Lumpur, keadaannya hari ini berbeza dengan 10 tahun yang lalu. Ditambah pula dengan pelbagai reka cipta dan binaan landskap yang unik dan terkini arca berupa karakter kartun ciptaan Datuk Lat di 11 buah lokasi berbeza di sepanjang Jalan Melaka, Jalan Gereja dan Jalan Raja Chulan telah menghiasi Kuala Lumpur.

Selain daripada itu, saya juga melihat Kuala Lumpur dihiasi juga dengan kalimah-kalimah “*Allahuakbar*” dan “*Lailahailallah*”. Suatu inisiatif yang baik bagi mentransformasikan atmosfera Kuala Lumpur. Saya juga lihat DBKL ketika ini di bawah seliaan pihak kementerian semakin giat mengatasi masalah pelacuran di sekitar Kuala Lumpur terutamanya di sekitar Bukit Bintang. Ini saya lihat juga antara faktor yang akan merubah landskap Kuala Lumpur pada masa akan datang.

Terakhir tentang sikap tadbir urus kewangan yang cekap juga telah ditunjukkan apabila peruntukan sebanyak RM958.01 juta dari Bajet 2016 telah digunakan untuk menyempurnakan misi mensejahterakan warga kota serta telah berjaya meningkatkan saya difahamkan statistik terkini seramai 25 juta orang pelancong ke Kuala Lumpur. Ini satu anjakan yang begitu baik. Saya lihat ini satu juga antara perkara yang mungkin harus difikirkan supaya Kuala Lumpur akan terus menjadi satu buah destinasi terutamanya bagi pelancong-pelancong di peringkat antarabangsa.

Di samping itu saya juga melihat, air merupakan satu elemen yang sangat penting dan keperluan dalam kehidupan. Maka saya juga melihat pihak kementerian telah mengambil satu inisiatif untuk melaksanakan projek pengurusan simpanan air yang ditadbir sendiri bagi menjamin bekalan air jangka panjang.

#### ■2140

Adakah dengan adanya projek ini disebabkan untuk mengatasi masalah kekurangan air khususnya di negeri Selangor? Jadi saya fikir Kuala Lumpur telah mengambil satu langkah berjaga-jaga dan ingin menyelesaikan masalah air khususnya di peringkat Wilayah Persekutuan itu sendiri. Akhir kata Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kuala Selangor menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kepong.

#### 9.40 mlm.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, secara ringkas Butiran 010000; Butiran 040000; dan Butiran 050000.

Tadi Yang Berhormat Sungai Petani, saya pun ada mengambil perhatian kerana dalam 34 tahun ini bila ada projek untuk Kampung Baru, tidak dapat diteruskan, itu masalahnya. Akan tetapi walau bagaimanapun kita berharap kali ini dapat dibangunkan secara teratur. Akan tetapi nampaknya peruntukan yang diadakan sekarang, RM1.2 bilion dikurangkan lebih RM100 juta terutamanya untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, dikurangkan begitu hebat daripada RM28 juta kurang kepada RM9 juta. Itulah yang saya takutkan, banyak projek tidak dapat diteruskan kerana tidak ada wang di sini.

Walaupun begitu, saya berharap pihak Yang Berhormat Menteri dan Timbalannya dapat menjawab, macam mana kita boleh teruskannya.

Ada banyak perkara yang saya hendak sebutkan. Tadi kita sudah bagi Yang Berhormat Seputeh peluang untuk berucap. Pertamanya di Putrajaya dan Kuala Lumpur, bolehkah pihak kementerian mengkaji semua papan tanda sama ada kepada Setiawangsa, kadangkala kita tidak nampak sangat, kadangkala arah itu salah terutamanya dengan kita hendak tukarkan nama jalan itu kepada semua Sultan, sekarang ada.

Walau bagaimanapun, saya berharap pihak bertanggungjawab Dewan Bandaraya dapat memastikan semua papan tanda itulah bererti, itu sahaja. Kemudian dengan kekurangan peruntukan lebih RM100 juta ini, bagaimana kita dapat meneruskan dengan penyelenggaraan dan sebagainya misalnya projek-projek yang dijalankan. Kadangkala kita nampak penyelenggaraan ada kurang, mungkin kakitangan tidak cukup. Misalnya projek perumahan swasta sekarang yang dikongsi oleh DBKL di Taman Metropolitan Kepong yang sangat digemari, diminati oleh orang terutamanya bilangan yang pergi ke taman itu bertambah.

Akan tetapi dengan projek perumahan yang delat itu, kadangkala kita boleh dengar bunyi kacau, larut malam pun ada lagi. Saya percaya DBKL ada syarat, kalau larut malam itu, tengah malam macam mana hendak kerja lagi, kita tidak bolehlah, bunyi-bunyian itu akan mengacau orang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau larut malam dalam Dewan macam mana?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bising juga itu, bising. Tuan Pengerusi itu memang naik murka lah itu [Ketawa] Itu mengenai penyelenggaraan termasuklah taman-taman, kita tunggu macam mana projek...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kepong, malam Khamis tidak apa, malam Jumaat Yang Berhormat Bukit Gantang sudah balik waktu begini.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya kah? Oh! Yang Berhormat Bukit Gantang itu? Itulah masalah kita juga. Itu masalah penyelenggaraan taman-taman ini, kita tunggu projek Taman Rimba Tugu Negara, saya berharap wang yang diperuntukkan itu digunakan dengan baik dan kontraktor yang diberikan pun tepat dan berkesan bukan kepada kroni, kita bagi kontraktor yang benar-benar boleh menjalankan tugas supaya kita dapat mewujudkan bandar raya eco, itu memang di dalam dasar pihak Dewan Bandaraya hendak menjadikan bandar raya *eco city*.

Saya setuju sebab tadi ada Yang Berhormat Setiawangsa kata dengan kehidupan sungai kita, macam mana sekarang. Kita tidak dengar sangat. Ada publisiti, memang ada propaganda tetapi dengan wang berbilion-bilion yang dicurahkan untuk projek hendak hiduapkan sungai-sungai di sekitarnya, kita berharap projek ini dapat dijayakan supaya sungai kita memang bersih. Sungai kotor, tercemar itu, Yang Berhormat Putatan macam itu juga.

Dengan ini, yang akhir sekali banyak perkara yang kita hendak bangkitkan tetapi masa tidak mengizinkan. Cuma akhir sekali, dengan projek-projek yang sedang diadakan, memang sekarang di Kepong itu ada banyak projek pembetulan. Projek MRT pun ada dan masalah kesesakan lalu lintas dengan kurangnya peruntukan untuk Dewan Bandaraya, macam mana mereka boleh meningkatkan cara untuk menguruskan trafik di Wilayah Persekutuan termasuk di Kepong, Bukit Bintang, Seputeh, Cheras. Semua kawasan kita di kepong, Setiawangsa pun teruk juga. Itulah kita berharap pihak kementerian dapat menerangkan kepada kita dengan kekurangan peruntukan, macam mana kerja-kerja seperti penyelenggaraan, taman-taman dan jalan-jalan dapat diadakan dengan berkesan, sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh. Selepas Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### **9.47 mlm.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya mesti sampaikan kekesalan saya kerana Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan tidak hadir untuk menggulung perbahasan kita pada malam ini... *[Disampuk]* Kementerian Wilayah Persekutuan, jaga pasal Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya sahaja, tidak banyak kerja, apakah dia buat? Manakah dia pergi? Selalu hantar wakil Timbalan Menteri, kesiannya. Untuk menjadi macam span. Dia terpaksa dengar semua rintihan, kritikan terhadap kementerian beliau tetapi kita tahu...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Butiran mana? Butiran mana?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Kuasa dia bukan kuasa Menteri.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Butiran mana? Butiran mana?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sini saya hendak merujuk kepada Butiran 010100 – Pejabat Menteri; dan juga Butiran 010200 – Pejabat Timbalan Menteri.

Pejabat Menteri dapat peruntukan sebanyak RM1.6 juta tetapi pejabat Timbalan Menteri hanya RM685,000 sahaja, perbezaan RM1 juta. Jadi saya hendak mencadangkan ini kita tukarlah, biar pejabat Timbalan Menteri dapat RM1.6 juta

peruntukan dan bagi Menteri yang selalu tidak hadir, tidak jawab perbahasan kita ini dapat RM600,000 cukup.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Jangan hantuk kuat-kuat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itu Timbalan Menteri macam setuju.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, ya. Dia akan setuju, dia senyum. Wah! *Shining*. Tuan Pengerusi, di sini saya sebenarnya hendak tanya juga saya lihat Perbadanan Putrajaya dapat walaupun peruntukan itu kurang sebanyak RM63 juta, dapat RM95 juta sahaja tetapi kalau kita lihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Butiran 050000, DBKL hanya dapat RM9 juta sahaja. Saya tidak faham, yang saya tahu Perbadanan Putrajaya ini *landlord* kan. Dia yang buat semua bangunan pejabat untuk semua kementerian, selepas itu kutip sewa. DBKL kena keluarkan begitu banyak peruntukan untuk buat jalan, buat parit dan sebagainya.

#### ■2150

Kenapa hanya RM9 juta sahaja dan tetapi Perbadanan Putrajaya yang jadi *landlord* yang kutip sewa itu boleh dapat RM95 juta peruntukan daripada kementerian. Itu yang saya tidak faham, begitu banyak perbezaannya. Di sini saya hendak sebenarnya tanya, yang tadi saya tanya Yang Berhormat Menteri, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dia tidak mahu jawab, kerana dan saya lihat bajet kementerian dia juga tidak sebut. Tetapi kita lihat kenapa Kementerian Wilayah Persekutuan pergi buat *ground breaking ceremony* dengan harga — atas projek *water storage controlling system. Pilot project* yang bernilai RM2.4 bilion dan dia kata lepas itu, “*Oh! Di bawah Kuala Lumpur ada satu badan air*”— perbadanan air. Mungkin kita sebut SYABAS lah. Macam SYABAS di Selangor.

Di sini ia, ini adalah laporan berita BERNAMA. Dia kata dengan izin, *we will sign a 25 year contract with ASI, Air Simpanan Sendirian Berhad to enable company to become the concessionaire to manage the project*. Lepas itu yang *Director ASI, Air Simpanan Sendirian Berhad* kata yang syarikat ini akan menggunakan *tube well, to store rain water and natural water as well as filtering the water through a membrane system*. Fasa pertama akan siap pada akhir tahun 2018 dan akan bina 20 *tube well* dan lepas itu, dalam 10 tahun yang akan datang di seluruh Kuala Lumpur 1,200 *tube well* tau. *Wow!*

Apa yang disebutkan ini tidak ada dalam bajet. Saya sebenarnya hendak tanyalah. Ini dalam bidang kuasa siapa? Ini kerana saya bangkitkan ini dan Yang Berhormat Cheras bangkitkan ini kerana ia dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Adakah, ini satu bentuk penswastaaan pembekalan air? Adakah

Kerajaan Persekutuan sekarang akan menjejak langkah yang silap, yang salah seperti penswastan air di Selangor. Dulu di Selangor, di bawah- selepas Pakatan Rakyat jadi kerajaan pada 2008. Begitu susah bagi kami untuk beli balik syarikat pembekalan air iaitu SYABAS dan banyak masalah dalam beberapa tahun yang lepas dan saya lihat sekarang yang Kerajaan Pusat akan menjejak langkah yang salah untuk menswastakan bekalan air di Kuala Lumpur .

Ini adalah satu kontrak selama 25 tahun. Macam mana ini boleh dilakukan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Dalam laporan dari BERNAMA ini, dia kata, *“Oh! Ada satu rang undang-undang akan dibentangkan oleh Menteri Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air”*. Jadi, saya agak keliru lah. Apakah peranan Kementerian Wilayah Persekutuan tadi dari segi bekalan air ini di Kuala Lumpur? Adakah yang pada masa akan datang, kami warga Kuala Lumpur ini terpaksa bayar harga air lebih mahal daripada Selangor? Saya memang tidak faham kenapa semua ini boleh berlaku dengan secara terburu-buru tanpa ada apa-apa bentuk perundingan dengan wakil rakyat dan tidak ada apa-apa taklimat diberi kepada NGO dan wakil persatuan dan *stakeholder*.

Adakah kami sebagai pengguna air dan juga penduduk di Kuala Lumpur ini setuju? Semua ini tidak ada *consultation*. Sebenarnya, kalau kita hendak sebut beberapa tahun yang lepas, kita lihatlah Kementerian Wilayah Persekutuan. *If anything that want people to remember the* Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, kita akan ingat, *“Oh! Bila dia jadi Yang Berhormat Menteri dia tukar jalan utama”*. Lapan jalan utama. Sekarang kita pun *confuse*. Semua ini jalan di bawah nama Sultan. Ini satu.

Kedua, kita lihat apa yang dia akan diingatkan dalam sejarah ialah dia jual begitu banyak keping tanah seperti disebut oleh Yang Berhormat Batu, Cheras dan lain-lain lagi. Banyak tanah telah pun dijual kepada pihak swasta. Kalau kita ingat dan kita hendak ingatkan apa Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan pernah buat, kita akan ingat mana parkir di tepi jalan juga diswastakan. Inilah apa yang sumbangan Wilayah Persekutuan, kejayaan Menteri Wilayah Persekutuan kepada warga kota—pusat bandar Kuala Lumpur. Ini memang tidak patut.

Saya lihat yang— saya rasa begitu susah bila saya bergaul dengan— bila kami buat bantahan petisyen, membantah penswastan parkir di tepi jalan di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur itu. Ramai bersungut, ramai rasa marah dan sekarang Yang Amat Berhormat Pekan pergi *signed* banyak kontrak dengan China. Bila saya melancong di China, dua bulan yang lepas, saya baca surat khabar di Chengdu, bila kerajaan hendak naikkan harga tiket untuk kereta api pun, hanya naik dua Renminbi maksudnya, agaknya RM1 lah wang kita ini. Dia pun ada pendengaran tahu. Ini komunis *country*. Ada pendengaran.

Akan tetapi, bila DBKL, bila Kementerian Wilayah Persekutuan hendak menswastakan parkir di tepi jalan itu tidak pernah tanya kita. Tidak pernah ada pendengaran dan Datuk Bandar pergi kata, *“Oh! The feedback is very good. Semua orang suka penswastaaan, hendak bayar parkir yang lebih tinggi”*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seremban bangun.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya. Yang Berhormat Seremban, sila.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh, minggu lepas saya ada pergi ke kawasan Seputeh di Sri Petaling untuk makan malam. Lepas makan malam, saya tengok ada satu projek hendak membina satu kondominium lebih 30 tingkat di tengah-tengah pusat perniagaan Sri Petaling. Sri Petaling ini pun sudah dikenali sebagai satu tempat yang cukup sesak dan tidak ada *parking*. Saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat membuat bantahan terhadap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Adakah ini merupakan satu SOP dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bahawa tidak ada apa-apa *traffic impact assessment* dilakukan sebelum sesuatu projek itu diluluskan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Seremban. Saya sudah bantah beberapa kali bantah tetapi yang ini kejayaan lah Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Dia *shut the ears*. Dia tidak dengar, tidak mahu lihat kerana dia tidak duduk di sana. Akan tetapi, itu kawasan saya. Kawasan Seputeh akan ditukar nama kepada Sri Petaling. Satu kawasan yang begitu sesak. *Aiyo!* Siapa mahu pergi sana? Saya rasa sangat susah hati. Itu sebab saya bantah. Kita lihat sekarang yang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur lulus semua projek 30 tingkat ke atas malah 40 lebih tingkat pun diluluskan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tidak ada *control density*.

Selalu saya bangkitkan yang kita —saya lihat Yang Berhormat Menteri akan cakap, *“Oh! You Seputeh, you anti development”* dan sebagainya. Bukan, sekarang tempat kita begitu sesak, tak ada kereta api, tak ada LRT, tak ada melalui banyak kawasan. Tetapi diluluskan projek yang begitu *high density* ini. Ini yang jadi masalah. Saya percaya Tuan Pengerusi juga sokong pada saya. Saya rasa ini Bandar raya Kuala Lumpur sudah jadi sebagai satu bukan *world class city*. *World terrible city* yang akan diingatkan oleh dunia. Saya tidak tahu macam mana Yang Berhormat Timbalan Menteri akan jawab perbahasan macam inilah. Itu sebab saya cadangkan naikkan peruntukan beliau kerana dia yang buat semua kerja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**9.58 mlm.**

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah berbahas tadi dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Bagi soalan-soalan yang telah dibangkitkan dalam perbahasan tadi, Yang Berhormat Lembah Pantai, pembangunan di Bukit Gasing. *Layout* kawasan ini sudah diluluskan sejak tahun 1972. Lagi, untuk 171 unit banglo. Sistem infrastruktur jalan yang telah siap hanya membangun, pembangunan belum dilaksanakan. Terkini, pelan pindaan diterima untuk tambahan unit dan tertakluk kepada kaedah lima. Belum ada kelulusan muktamad diberikan dan masih peringkat pertimbangan sahaja.

Yang Berhormat Lembah Pantai, peruntukan pembangunan di Lembah Pantai RM35 juta dan Titiwangsa RM102 juta. Kenapa kawasan BN terima lebih. Pembahagian peruntukan mengikut keperluan semasa. Malah, peruntukan yang paling besar diberi kepada kawasan Bukit Bintang, RM301 juta. Lagi, tadi saya ada dengar Yang Berhormat Bukit Bintang kata tidak ada peruntukan. Bukit Bintang dapat RM301 juta. Segambut RM148 juta.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Saya tidak sebut peruntukan. Saya faham ada RM320 juta untuk Bukit Bintang dalam bajet dialog dengan Datuk Bandar.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Bandar Tun Razak RM68 juta. Batu RM63 juta, Seputeh RM43 juta, Cheras RM41 juta, Lembah Pantai RM35 juta, Kepong RM32 juta, Wangsa Maju RM28 juta, Titiwangsa RM102 juta, Setiawangsa RM73 juta.

**■2200**

**Seorang Ahli:** Apa lagi mahu?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Lembah Pantai. Kelulusan projek semasa Sri Sentosa. Waktu operasi hingga 10.00 malam hingga 5.00 pagi, tahap keselamatan rendah, kabel jalan terbuka tidak dicover.

Kelulusan kerja lebih masa...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Menteri, abang sudah mari.

*[Dewan ketawa]*

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Baling sudah mari.



**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Kelulusan kerja lebih masa diberi kerana kehendak sistem pembinaan di tapak tidak membolehkan kerja dihentikan kerana akan menjejaskan kekukuhan dan keselamatan struktur bangunan yang sedang dibina.

Ini melibatkan kerja-kerja cerucuk, *piling* dan *transfer bin* dan *transfer slabs*. Walau bagaimanapun, kebenaran hingga jam 5.00 pagi ini telah habis tempohnya dan tapak pembinaan ini cuma dibenarkan bekerja sehingga jam 12.00 malam. Kren dan *safety net* sentiasa dipantau oleh DOSH atau JKKP dan pihak kontraktor tidak dibenarkan untuk melangkaui jarak yang dibenarkan. Kerja-kerja mengangkat bahan binaan juga tidak dibenarkan keluar daripada jajaran yang diluluskan oleh DOSH atau JKKP.

Berkaitan caj tempat letak kereta yang tidak seragam. Ada kawasan dikenakan caj dan ada kawasan yang dikecualikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan yang dikenakan caj tempat letak kereta adalah di kawasan-kawasan komersial manakala kawasan-kawasan perumahan tidak dikenakan caj tempat letak kereta. Terdapat juga jalan atau kawasan yang tidak dikenakan caj tempat letak kereta adalah jalan belum diisytiharkan sebagai jalan awam, masih di dalam tanggungan pemaju.

Kontrak di antara DBKL dan pihak Yayasan Wilayah Persekutuan adalah untuk tempoh tujuh tahun bermula dari 2015 hingga 2022. Pihak Yayasan Wilayah Persekutuan dilantik sebagai kontraktor untuk aktiviti tempat letak kereta disebabkan mereka menawarkan perkhidmatan dan pulangan yang lebih baik berbanding pihak yang lain. Pulangan minima sebanyak RM600,000 sebulan dapat digunakan untuk menampung aktiviti CSR di Kuala Lumpur.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh tanya?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Duduklah. Nanti saya datang *you* punya bahagianlah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukan, tentang parkir ini.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Okey.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh ya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pernahkah Yang Berhormat Timbalan Menteri guna *parking* itu sendiri dan sekarang apa berlaku ialah ramai yang merungut? Macam di Petaling Jaya dan tempat lain, kalau seseorang dia mahu letak kereta, satu jam setengah, jadi kalau satu jam adalah RM1.00 yang setengah jam dia letak 50 sen sahaja.

Akan tetapi dalam *parking* mesin yang baru ini, tidak boleh. Kalau dia hendak *park* satu jam setengah, dia terpaksa bayar *parking* untuk dua jam. Jadi ini ramai rasa tidak adillah. Jadi adakah pihak kementerian boleh mengarah yang *concessionaire* itu betulkan dia punya *collection system* supaya ramai orang tidak perlu bayar begitu banyak. Kenapakah itu waktu pengutipan parkir pada 7.30 pagi sampai 6.00 petang dan hari Sabtu, sepatutnya semua orang tidak kerja, pun kena bayar *parking*? Ini saya rasa sangat tidak adil. Bolehkah ini juga dibetulkan?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Seputeh, saya ambil maklumlah. Nanti saya akan bagi jawapan.

Yang Berhormat Lembah Pantai, caj tempat letak kereta bermeter. Kadar caj *parking* telah pun diturunkan pada 1 November 2016 dengan mengambil kira maklum balas pengguna dan orang awam. Penurunan adalah seperti berikut - kawasan perancangan pusat bagi kadar yang sebelumnya ialah RM2.00 bagi satu jam pertama, kadar baru ialah RM1.50 bagi satu jam pertama dan sebahagian daripadanya iaitu penurunan 50 sen sejam. Bagi kadar sebelumnya, RM3.00 pada jam kedua dan berikutan kadar baru RM2.50 bagi jam kedua dan berikutnya ialah penurunan 50 sen sejam.

Kawasan di luar kawasan perancangan pusat beraktiviti tinggi. Kadar yang sebelumnya ialah RM1.50 bagi tiap-tiap satu jam dan sebahagian daripadanya telah diturunkan kepada RM1.00 tiap-tiap satu jam ataupun sebahagian daripadanya iaitu penurunan sebanyak 50 sen sejam.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bukit Bintang Bangun.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Bagi habis boleh Yang Berhormat? Saya baca ini selepas itu.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Tentang ini *parking* punya.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Ya, *parking* juga. Kawasan di luar kawasan perancangan pusat, kadar yang sebelumnya ialah RM1.00 bagi tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya telah diturunkan kepada 80 sen bagi tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya ialah penurunan sebanyak 20 sen bagi tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. sila.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa caj yang *diparking* dulu ialah 80 sen satu jam? Ini makna bertambah 250 peratus. Ini satu

penganiayaan kepada pengguna di kota ini. Adakah kementerian akan menurunkan lebih daripada RM2.00 sehingga RM1.00 atau RM1.50? Minta penjelasan.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Bukit Bintang...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin tanya Timbalan Menteri, mengapakah Yayasan Wilayah Persekutuan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri mendapatkan konsesi penswastaan semua petak parkir milik DBKL di Kuala Lumpur? Ini merupakan satu kronisme yang diamalkan, yang tidak patut berlaku.

Kedua, jika Yayasan Wilayah Persekutuan tidak berkemampuan untuk menguruskan parkir-parkir yang berjumlah melebihi 46,000 petak di Kuala Lumpur ini, mengapakah ia ingin mendapatkan konsesi dan selepas itu kemudiannya *outsourcean* kepada sebuah syarikat untuk menguruskan sistem parkir ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Bukit Bintang. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, caj *parking* yang dikenakan ini dinaikkan selepas 22 bukan tiap-tiap tahun naik. Kadang-kadang di tempat lain dia akan naik dalam tiap-tiap dua tahun, tiga tahun. Akan tetapi di Kuala Lumpur, kali yang terakhir dinaikkan caj parkir ini adalah pada tahun 1994. Sekarang adalah 2016. Kita juga melihat kepada kekangan-kekangan kesesakan lalu lintas sedia ada. Oleh itu kita pada masa ini, kementerian merasakan bahawa ini adalah caj parkir yang berpatutan.

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras berkenaan dengan kenapa Yayasan Wilayah Persekutuan diberikan konsesi di mana Yang Berhormat Menteri mempengerusikan. Yayasan Wilayah Persekutuan ini merupakan satu pertubuhan yang menguruskan kebajikan dan kemajuan rakyat di Kuala Lumpur dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri untuk memastikan segala pendapatan daripada yayasan ini disalurkan kepada rakyat melalui apa keperluan-keperluan mereka.

Konsesi ini diberi dengan *smart partnership* di mana is a *win-win situation* di mana DBKL tidak akan lagi rugi daripada segi memberi konsesi parkir kepada individu-individu. Di mana sebelum ini kita dapati, bila kita beri kontrak ini secara individu, DBKL rugi. Tiap-tiap tahun terpaksa membiayai lagi kontraktor-kontraktor atas pembiayaan mereka.

Pada masa sekarang, setelah diberi konsesi ini kepada Yayasan Wilayah Persekutuan, DBKL mendapat keuntungan RM600,000 tiap-tiap bulan. Beza dia, dia akan dapat RM2.4 juta dan dia akan dapatlah pulangan untuk membantu di DBKL. Pada masa yang sama, Yayasan Wilayah Persekutuan juga akan dapat keuntungan. Seterusnya saya pergi kepada Yang Berhormat Setiawangsa.

## ■2210

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh saya tambah sedikit? Kalau Yang Berhormat hendak tanya kenapakah Barisan Nasional selalu hilang sokongan daripada pengundi di pusat bandar Kuala Lumpur ialah kerana tindakan DBKL macam ini, naikkan harga parkir. Sekarang penguat kuasa begitu rajin pergi *issued* kompaun kepada kita semua. Ini yang menyebabkan— dan kita tahu rakyat sudah semakin miskin kerana kemelesetan ekonomi. Ini yang menyebabkan rakyat susah, yang menyebabkan mereka menyertai perhimpunan Bersih dan menolak Barisan Nasional. Kalau Barisan Nasional hendak menang lagi di kawasan-kawasan seperti ini, janganlah laksanakan perkara yang parkir yang begitu menyusahkan rakyat ini.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Itu sebab Yang Berhormat Seputeh kuat menghasut itu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Mesti ada bahan untuk bagi saya untuk hasut. Ini adalah bahan yang saya boleh guna untuk hasutlah.

**Seorang Ahli:** Penghasut.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Seputeh, sudah banyak kali saya bilang pada Yang Berhormat. Apabila berhujah, tolonglah profesional. Jangan kenakan orang secara individu, tidak baik. Saya akan jawab soalan.

Apa yang dilaksanakan oleh DBKL atau Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengambil pertimbangan banyak isu. Apabila Yang Berhormat berbahas, Yang Berhormat timbulkan isu kesesakan lalu lintas, isu penambahan pembangunan. Kalau semua ini tidak dilaksanakan, macam mana kita hendak bangunkan Kuala Lumpur? Kuala Lumpur akan jadi *stagnant*, Yang Berhormat.

Oleh itu, kita gunakanlah kaedah-kaedah yang sedia ada untuk membantu. Kalau rakyat yang mengikut -undang-undang, dia tidak akan *diclamp*, dia tidak akan dapat saman. *You have to follow the law. There's nothing wrong in following the law.* Itu sahaja yang boleh saya katakan.

Seterusnya saya pergi kepada Yang Berhormat Setiawangsa. Status peratusan *River of Life*, tahap pencemaran di sungai oleh beberapa buah syarikat yang dikenakan tindakan dan kerjasama dengan NRE.

Status terkini projek *River of Life* telah mencapai 62.2 peratus berbanding dengan 63.5 peratus yang dijadualkan. Ketika ini, status semasa kualiti sungai adalah berada di kelas tiga dengan kualiti indeks air iaitu 69.0, peningkatan daripada 50.0 iaitu kelas empat dan kelas lima sebelum *River of Life* dimulakan.

Kementerian Wilayah Persekutuan juga memantau tindakan-tindakan yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar melalui Jawatankuasa Pembersihan Sungai di bawah

Jabatan Pengairan dan Saliran terhadap syarikat atau individu yang mencemarkan sungai. Kementerian Wilayah Persekutuan menjalinkan kerjasama erat dengan 29 buah agensi termasuk Jabatan Air dan Saliran, Jabatan Perkhidmatan Pembedungan dan lain-lain bagi memastikan Projek River of Life berjaya mencapai kelas 2B menjelang tahun 2020.

Yang Berhormat Setiawangsa bertanya apakah program-program yang dilaksanakan oleh MSWP dengan peruntukan RM7 juta, Sukan Malaysia (SUKMA) 2018 di Perak.

Petunjuk prestasi KPI dan sasaran Majlis Sukan Wilayah Persekutuan adalah di tempat ketiga terbaik dengan sasaran pingat yang lebih baik daripada pencapaian di SUKMA Sarawak iaitu sebanyak 40 emas, 44 perak dan 40 gangsa. Peruntukan yang diluluskan sebanyak RM7.871 juta akan digunakan bagi program persediaan dan pembangunan atlet.

Program-program yang dirancang merangkumi program latihan berterusan sama ada dalam dan luar negara. Selain itu, program seperti klinik dan kursus spesifik sukan dan sains sukan akan diperbanyakkan untuk mencari bakat-bakat baru dalam sukan yang berkaitan.

Elaun atlet dan jurulatih juga sedang dikaji semula. Berdasarkan kadar semasa dan berpandukan prestasi atlet dan jurulatih yang terlibat bagi SUKMA Sarawak 2016, sebanyak RM539,800 telah diberikan kepada atlet dan jurulatih yang memenangi pingat sebagai insentif dan penghargaan kepada mereka. Sebanyak RM5,000 diberikan kepada pemenang pingat emas, RM1,500 bagi pemenang pingat perak dan RM1,000 kepada pemenang pingat gangsa.

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan juga sedang merancang dan mengkaji semula bantuan yang disalurkan kepada badan sukan yang berkaitan supaya bantuan yang disalurkan dimanfaatkan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan menjangkakan peruntukan yang lebih besar perlu disalurkan kepada badan sukan di Wilayah Persekutuan memandangkan kebanyakan pusat dan kemudahan sukan sedang dinaik taraf dan digunakan oleh atlet kebangsaan sebagai persediaan Sukan SEA 2017.

Seterusnya, notis trafik yang tertunggak. DBKL mempunyai sebanyak 5.4 juta notis tertunggak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,085,553 telah dibayar dengan kutipan sebanyak RM75,200,130 dan selainnya diproses ke mahkamah. Sebanyak 40,000 lebih notis dibatalkan atas sebab kematian, alamat tidak dapat dikesan dan lain-lain. DBKL juga mengadakan beberapa siri kempen dengan memberi kadar bayaran kompaun khas sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Penguat Kuasa

kerana mengambil kira kadar ekonomi semasa dan memberi peluang untuk orang yang dikenakan notis menyelesaikan dengan kadar khas. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang gagal membuat bayaran, DBKL meneruskan tindakan untuk bawa mereka ke mahkamah.

Persoalan mengenai penurunan peruntukan DBKL. Agihan jumlah peruntukan ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Antara asas yang diambil kira adalah kedudukan kewangan DBKL yang telah berupaya untuk berdiri sendiri dan tidak perlu bergantung kepada kewangan Kerajaan Persekutuan.

Batal lesen warga asing beroperasi. DBKL tidak melesenkan penjaja asing di mana-mana pasar atau pusat penjaja di Kuala Lumpur. Semenjak tahun 2012 sehingga tahun 2016, DBKL telah mengambil 23,553 tindakan sita penjaja asing. Selain itu, DBKL telah membatalkan 544 lesen warga tempatan yang melibatkan penggunaan warga asing dalam tempoh lima tahun tersebut. DBKL telah menubuhkan *task force* tindakan warga asing bersama Jabatan Imigresen Malaysia bagi membendung isu warga asing.

Pencemaran sungai. DBKL telah mensyaratkan semua premis makanan memasang perangkap sisa minyak atau *grease trap* untuk mengelakkan pencemaran sungai dari sisa minyak, *grease*. Sebanyak 10 buah kandang lembu telah dikenal pasti sebagai punca pencemaran sungai. Notis telah dikeluarkan supaya berhenti beroperasi dan berpindah. Sehingga kini, dua buah kandang telah mematuhi notis dan selebihnya diberikan tempoh sehingga hujung tahun untuk berpindah.

Yang Berhormat Cheras membangkitkan isu penubuhan Jabatan Pengurusan Air Wilayah Persekutuan. Buat masa ini, Kuala Lumpur bergantung harap sepenuhnya daripada Kerajaan Selangor melalui SYABAS yang kini Air Selangor. Tujuan penubuhan Jabatan Pengurusan Air Wilayah Persekutuan adalah sebagai pihak berkuasa air negeri untuk menguruskan sumber air dan bekalan air sendiri dengan kerjasama KeTTHA.

Projek rintis *water storage controlling* ini merupakan inisiatif Syarikat Air Simpanan Sdn Bhd (ASI). Projek ini dibiayai sepenuhnya oleh syarikat di atas tanah milik DBKL secara pajakan dalam tempoh tiga tahun sahaja. Pembangunan *water storage tubes* ini hanya mengguna pakai *underground* sedalam 40 hingga 60 meter yang dapat menyimpan air sebanyak satu *million* liter sehari. Manakala permukaan tanah boleh digunakan untuk tujuan lain-lain pembangunan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

■2220

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh bangun lagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Apalah Yang Berhormat Seputeh ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya ini adalah apa yang kami bimbang. Ini kerana di Kuala Lumpur kita lihat ada banyak bangunan yang tinggi dan juga semakin banyak bangunan yang dengan *high density* di semua tempat, banyak tanah di pusat bandar telah pun dijual, sekarang mahu pergi korek lagi buat *tube well*. Saya rasa ini akan mengakibatkan ketidakstabilan tanah kerana bila- saya masih ingat bila terowong SMART Tunnel dibuat dalam beberapa tahun itu ,banyak pangsapuri termasuk di kawasan saya, dia punya dinding retak kerana bila yang di bawah itu terowong yang begitu dalam dikorek, ia akan mengakibatkan ketidakstabilan bangunan-bangunan di persekitaran.

*So this is what we worry and* saya rasa ini perlu kajian yang lebih rapi. Jangan *sign agreement* dengan mereka begitu sahaja. Ini kerana kalau tidak, kalau ada bangunan tumbang, kalau ada lebih bangunan yang pangsapuri itu retak, saya rasa yang pihak DBKL, kementerian tidak dapat menanggung kesilapan yang begitu besar ini.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Saya ambil maklum Yang Berhormat. *[Dewan ketawa] [Tidak jelas]...jual kepada...*

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Silakan.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri belum jawab dengan jelasnya apakah sebabnya sebuah Jabatan Pengurusan Air Kuala Lumpur yang harus dibentuk. Kedua, menurut Yang Berhormat Timbalan Menteri, jabatan ini dibentuk kerana sering berlakunya gangguan air di Kuala Lumpur tetapi baru-baru ini gangguan air bukan disebabkan oleh kekurangan bekalan tetapi pencemaran air sungai-sungai yang dicemarkan disebabkan oleh pihak UMNO yang telah sabotaj.

**Seorang Ahli:** Hoi!

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor telah buat laporan kepada polis. Tunggulah siasatan polis. Di luar mencemar sungai, di sini jangan melakukan pencemaran bunyi. *[Dewan ketawa]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, betul, betul, betul. *[Tepuk] [Dewan riuh]*

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Satu perkara lagi saya minta penjelasan sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri berkata satu rang undang-undang kena dibentangkan dalam Dewan ini untuk membolehkan Jabatan Air Kuala Lumpur ini

ditubuhkan. Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri mengakui, kementerian yang akan membentangkan rang undang-undang iaitu Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air tidak bersetuju sepenuhnya dengan cadangan pembentukan Jabatan Air Kuala Lumpur.

Apakah pendapat, apakah perselisihan pendapat oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air itu.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ini merupakan seorang peguam, takkan akta-akta yang dikenakan di Dewan ini tidak tahu pula, mesti ada prosedur dia. Kita masih dalam perbincangan. Tidak ada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat berkenaan bahawa tidak ada sefahaman, tidak disetujui ini tidak betul. Kita dalam taraf perundingan Yang Berhormat. *It is in discussion. So in discussion there will be these agreements until we have certain that we will present it to the Dewan.*

Kerja untuk menyampaikan *bill* undang-undang itu adalah di bawah tangan KeTTHA, bukan di bawah tangan Kementerian Wilayah Persekutuan. Seperti negeri Selangor juga, walaupun KeTTHA yang jaga air tetapi Selangor yang bisung. *[Disampuk]* Saya teruskan Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Tidak tahu jaga air.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Tanah dijual kepada Jakel. Oh! Tapi ada lagi satu soalan, kan? Soalan pertama kata kenapa sebabnya. Sebabnya kita di Kuala Lumpur ataupun di Wilayah Persekutuan berasa kita perlu menyelia air kita sendiri. Kita perlukan satu jabatan untuk menyelia *or control our own water. We need to find our own water source before we have problems. That is one of the reason why we are looking and having our own Water Department* dengan izin, Tuan Pengerusi.

Jelas, tanah yang dijual kepada Jakel tetapi tiada aktiviti pembangunan dijalankan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, pihak Jakel dan DBKL telah memindah aktiviti Bazar Larut Malam di tapak dan masih berbincang dengan baki seramai tujuh penjaja medan selera untuk berpindah dari tapak terbabit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, velodrom masih wujud di tapak dan masih digunakan untuk *venue* latihan bagi Persatuan Lumba Basikal Wilayah Persekutuan dan pasukan negara sehingga Sukan SEA.

Berapa lot tanah telah dijual sehingga 2013 dan apakah prosedurnya. Sebanyak 79 lot tanah yang telah terlibat dengan penjualan kepada pihak pemaju semenjak tahun 2013. Prosedur penjualan adalah dibuat melalui jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan. Penduduk yang terlibat di tapak penjualan tanah sekiranya mereka merupakan setinggan, mereka akan ditawarkan



menyewa di rumah PPR di sekitar Wilayah Persekutuan. Terdapat juga penduduk yang ditawarkan pembelian rumah kos rendah dengan harga RM42,000 seunit, sama ada di tapak terbabit atau apa-apa projek di kawasan berhampiran.

Bagi pembangunan yang memberikan rumah pangsa sedia ada mereka akan ditawarkan rumah gantian dengan yang lebih selesa. Okey, Yang Berhormat Labuan.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Penjelasan, tentang itu. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah tanah-tanah yang dijual oleh Kementerian Wilayah Persekutuan melalui tender terbuka atau tender rundingan. Minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Ada yang dijual melalui tender terbuka dan ada yang dijual melalui tender rundingan. Seterusnya saya kepada Yang Berhormat Labuan. Yang Berhormat Labuan ada? Okey, status Majlis Sukan. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Sukan Labuan masih wujud dan diletakkan di bawah kawal selia Perbadanan Labuan bukan dihapuskan. Segala bantuan kepada badan sukan dan program pembangunan sukan di Labuan masih diteruskan seperti biasa melalui Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.

Projek- senarai projek di bawah butiran jalan-jalan dan jabatan. Bagi butiran pelan jalan dan jabatan, EPU telah meluluskan projek naik taraf jalan masuk ke tapak pelupusan Bukit Kalam, Labuan bagi projek baru. Selain daripada itu, terdapat dua projek sambungan yang sedang giat dalam pelaksanaan iaitu projek naik taraf jalan dari Pohon Batu, Simpang Tamu ke Panchor Hitam dan pembinaan jalan pesisir Pantai Badai ke Tanjung Aru.

Tambang 50 peratus penumpang sebanyak RM11 juta. Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, peruntukan RM11 juta yang diluluskan adalah untuk subsidi 50 *percent* diskaun penumpang masuk dan keluar Labuan. Tujuan subsidi adalah untuk meringankan beban kos tambang penumpang yang berulang alik ke Labuan. Ini juga secara langsung telah menggalakkan kedatangan pelancong tempatan khususnya dari Tanah Besar Sabah dan Sarawak.

Mengenai cadangan pertanyaan Yang Berhormat Labuan sama ada peruntukan RM11 juta ini boleh ditukar bagi tujuan pembangunan sosioekonomi dan pembangunan industri pelancongan di Wilayah Persekutuan Labuan, sebenarnya pemberian subsidi tambang 50 *percent* kepada penumpang juga secara tidak langsung dapat merancakkan lagi pembangunan sosioekonomi penduduk melalui pergerakan keluar masuk Wilayah Persekutuan Labuan. Peruntukan yang disalurkan bagi program sosioekonomi kepada Perbadanan Labuan daripada RM1 juta kepada diperuntukkan pada 2017. Sepanjang

tahun 2016, kementerian telah memperuntukkan sebanyak 20 peratus daripada peruntukan yang diterima bagi program sosioekonomi kepada Perbadanan Labuan.

Bagi tahun 2017, dijangka kadar yang sama akan diperuntukkan bagi program sosioekonomi. Yang Berhormat Batu tidak adakah?

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Tidak adalah.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Okey saya bagi jawapan bertulis. Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat tidak ada, saya bagi secara bertulis?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

[*Dewan riuh*]

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Setuju.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Batu tidak ada, okey. Sekarang kita beralih kepada Yang Berhormat Kuala Krai.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Yang Berhormat Kuala Krai pun tidak ada.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Kuala Krai tidak ada?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Krai ada.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Ada.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Oh ada, terbenam itu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ada, sini-sini.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Kuala Krai ada.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terbenam tidak nampak.

#### ■2230

*Iconic places* objektif utama EPP 7 *iconic places* adalah untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya global dengan mentransformasikan tarikan sedia ada dan pembinaan tarikan baru. Antara projek yang telah dan sedang dilaksanakan, memulihara Masjid Jamek Kuala Lumpur, menaik taraf Medan Pasar, menaik taraf laluan Jejak Warisan di Kuala Lumpur. Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama DBKL berusaha untuk mengekalkan kawasan warisan karakter budaya tempatan bagi memastikan kawasan menjadi ikon tarikan pelancong di Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Kuala Krai, pengalihan trafik di Jalan Pahang, pembinaan Lebuhraya DUKE fasa 2 yang sedang dalam peringkat pembinaan akan mengalihkan trafik Jalan Tun Razak ke Jalan Sentul untuk mengurangkan kesesakan di bulatan Pahang ketika ini. Kuala Krai *iconic places* untuk makluman Yang Berhormat Kuala Krai arca Puncak Purnama merupakan arca yang ditaja oleh syarikat yang sudah muflis.

Walaupun bagaimanapun DBKL telah mengambil inisiatif untuk membuat pembaikan tetapi telah disaman oleh artis tersebut.

Seterusnya DBKL telah membayar sejumlah pampasan kepada artis tersebut dan ianya telah menjadi arca tanggungan DBKL yang sudah lusuh. Tidak dapat diperbaiki lagi dan menjadi *eyesore*. Oleh itu ianya dirobuhkan. Yang Berhormat Kuala Krai lagi...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Ya. Sebentar, sebentar Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Okey, habiskan semua.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Okey, bagi saya habiskan, saya menjawab lagi. Yang Berhormat Kuala Krai proses pembinaan UDA Legasi di Kampung Bharu dan bangunan 70 tingkat. Pelan pembangunan Kampung Bharu telah disediakan untuk menetapkan pembangunan Kampung Bharu ini mampu menampung intensiti tinggi. Kerajaan membenarkan intensiti pembangunan Kampung Bharu bersama-sama dengan intensiti pembangunan di KLCC untuk memberikan pulangan yang setimpal kepada pemilik-pemilik tanah Kampung Bharu yang berlapis dengan bilangan yang agak ramai di Kampung Bharu.

Bagi menampung intensiti *city*, entiti pembangunan yang ditetapkan ini seperti pembangunan 70 tingkat dan pembangunan UDA Legasi setinggi 40 tingkat, kerajaan telah memberikan komitmen untuk menyediakan kemudahan infrastruktur jalan keluar masuk sambungan kepada DUKE yang dikenali sebagai DUKE 2. Kampung Bharu RAMP dan jalan keluar masuk dari lebuh raya AKLEH. Di samping rangkaian tersebut, cadangan pengurangan trafik yang lain iaitu melalui pengangkutan awam, sebuah stesen MRT sedang dibina di Kampung Bharu di samping stesen LRT sedia ada yang akan turut disokong dengan cadangan *train* yang di dalam peringkat kajian.

Kajian oleh perunding yang dilantik untuk mengesan peningkatan infrastruktur ini mampu menampung intensiti yang tinggi ini. Yang Berhormat Cheras sudah balikkah, tak payah jawablah ada satu jawapan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit mohon penjelasan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Mengenai *iconic places* tadi itu memanglah kalau DBKL yang dipertanggungjawabkan untuk memelihara tempat-tempat ini membiarkannya menjadi dengan izin *dilapidated* ataupun nampak lusuh, itu satu cara kalau kita hendak membuang tetapi kalau kita hendak memelihara sudah tentu kita

berikhtiar untuk mendapatkan peruntukan dan sebagainya. Jadi saya tak nampak kenapa kita membiarkan yang sesuatu yang kita anggap sebagai *iconic* dibiarkan begitu sahaja. Kalau begitu nanti takut-takut bangunan lain seperti masjid pun kalau dibiarkan akhirnya nampak lusuh pun kita robohkan. Itu tentang *iconic places*. Tentang jalan pengurangan...

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh saya jawab *iconic places* dulu.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Kalau Yang Berhormat beri perhatian kepada jawapan saya tadi, saya telah maklumkan bahawa apa yang berlaku pada *iconic places* Yang Berhormat telah timbulkan ini adalah lain daripada *iconic places* tempat lain. Di mana tempat ini dikendalikan oleh satu syarikat swasta, selepas itu kita telah mengambil alih bila dia jadi muflis. Pada masa kita ambil kita telah pun di saman oleh artis yang membuat arca Puncak Purnama itu. Selepas itu bila dikembalikan untuk kita membuat kerja di situ itu telah terlalu lama, masanya terlalu lama dan kita tidak dapat memulihkan tempat itu.

Akan tetapi di tempat-tempat lain kita telah menjaga *iconic places* dengan secara baik. [Disampuk] Tidak ada sebab Yang Berhormat kata kita akan abaikanlah ataupun tinggalkan, tidak. Kita memang jalankan tugas, kadang-kadang kita terlibat dengan proses-proses ataupun terlibat dengan sesuatu yang tak dapat dielakkan ataupun kita tak dapat selamatkan oleh sebab keadaan cuaca, oleh sebab keadaan masa dan sebagainya Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, saya tidak akan bertanya kenapa DBKL disaman oleh keluarganya.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Hendak jawapan, disaman kerana lukisan itu atau arca itu adalah kreativiti artis dan dia memegang itu kepada syarikat, oleh itu dia saman.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saman sebab?

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Saman fasal dia *own the trademark, all the things*.

**Seorang Ahli:** Ha! Dengar itu.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Nanti, ada cerita lain. Tak apa kita *move on*, ada cerita lain. Saya hendak bertanya tadi tentang sistem penyuraian di DUKE tadi itu. Soalan saya sama ada DBKL tidak boleh pada peringkat ini walaupun agak lewat untuk memohon supaya pembangunan DUKE itu fasa dua ini turut melibatkan penyuraian untuk ke Jalan Pahang, itu yang saya tanya kalau boleh.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat saya jawab tadi, saya memang jawab katakan ya, ia akan dijalankan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Itu Jalan Sentul katanya tadi.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Tak ada, tak ada. Memang jawapan itu yang saya berikan tadi. Memang Yang Berhormat, saya kata DUKE itu yang akan membantu untuk mengeluarkan trafik daripada bulatan Pahang itu. Lebih lagi sebenarnya kita kata DUKE ini akan keluar dari Jalan Tun Razak ke Jalan Sentul.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, itu Jalan Sentul, tidak melibatkan Jalan Pahang.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Dengan tidak melibatkan bulatan Pahang, tidak melibatkan bulatan Pahang. Itulah rancangan DUKE 2 ini kita sedia ada.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Okey, tak ada *contention* saya Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Ya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Orang mengambil bulatan jalan Pahang itu untuk pergi ke Jalan Pahang. Jadi mereka akan turun daripada Jalan Tun Razak saya maksudkan daripada Jalan Tun Razak ke dua hala masuk ke DUKE itu dan turun ke Jalan Pahang dia akan *miss the roundabout* itu. Jadi *roundabout* ini boleh pergi ke hospital okey. Boleh pergi balik ke arah PWTC tidak ke Jalan Pahang sebab Jalan Pahang itu kalau kita biarkan daripada *roundabout* memang jadi *bottleneck*. Itu yang...

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Okey, saya faham Yang Berhormat, saya ambil maklum.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Baik. Terima kasih.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Kita boleh cerita Yang Berhormat selepas ini.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tentu, mesti boleh punya.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Boleh saya teruskan Yang Berhormat?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bukan ada satu lagi mengenai pembangunan Kampung Bharu. Dijangkakan MRT *line* 2 yang akan berada di bawah salah satu projek Kampung Bharu iaitu projek M101 kalau tidak silap ya, yang 70 tingkat dengan *ferris wheel* nya ya, akan siap paling cepat pun tahun 2021 sedangkan MO1 ini, bukan MO1 ya. M101 ya, dia ada MO1 dan M101, akan siap dalam masa tiga tahun setelah dilancarkan iaitu sekitar tahun 2019.

Jadi, apakah jaminan bahawa tempoh senggang di antara dua projek ini akan menyebabkan Kampung Bharu akan kesesakan dengan tambahan penghuni intensiti

tinggi yang disebutkan tadi. Termasuk kalau tak silap dalam pengenalan kepada projek ini, dia ada 600 untuk *local buyers*, 300 untuk *international buyers*, 300 unit untuk *foreign buyers*, 96 unit *luxury residence*, ini semua untuk orang Kampung Bharu. Saya hendak ucapkan tahniahlah, adakah orang *foreign buyers* daripada Kampung Bharu ini ya. Jadi, macam mana kita hendak gap antara MRT siap untuk kita menampung trafik yang akan bertambah itu.

■2240

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Ya Yang Berhormat Kuala Krai. Memang sudah tentu kita akan mengkaji dan melihat bagaimana penyuraian trafik boleh dilaksanakan untuk memastikan kesesakan tidak akan berlaku.

Saya terus kepada Yang Berhormat Bukit Bintang. Yang Berhormat Bukit Bintang tidak ada. Okey, terima kasih. Tidak payah jawab.

Saya terus kepada Yang Berhormat Sungai Petani.

**Seorang Ahli:** Ada, ada.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Sungai Petani, bangunan usang di Kuala Lumpur. Rumah-rumah, kedai-kedai usang di Kuala Lumpur sedang dalam proses pembangunan semula. Permohonan untuk membangunkan rumah-rumah dan kedai-kedai usang telah banyak diterima dan dalam masa terdekat ini, rumah dan kedai ini akan dibina bangunan baru di bawah konsep pembangunan semula. Tindakan DBKL terhadap rumah-rumah dan kedai-kedai ini adalah dengan menutup premis berkenaan dengan *solid wall* supaya orang awam tidak boleh memasuki rumah-rumah dan kedai-kedai berkenaan. Ini dilakukan secara berperingkat dengan mengutamakan jalan-jalan protokol.

Yang Berhormat Sungai Petani ada lagi. Yang Berhormat Sungai Petani berkenaan dengan pembangunan semula Kampung Baharu, tidak secantik Kampung Morten di Melaka. Dalam konteks pembangunan Kampung Bharu, kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu pada September 2012. Selaras dengan penubuhan ini, PKB telah bertindak untuk merancang semula pembangunan Kampung Bharu untuk menjadi ikon Kampung Bharu sebagai penempatan Melayu yang sejahtera, moden, berdaya huni serta melalui penyediaan pelan induk terperinci yang mampan. Dijangkakan pembangunan Kampung Bharu keseluruhannya akan menempatkan dan menghasilkan sebuah penempatan sejahtera bandar dalam taman berjumlah 77,000 menjelang tahun 2035.

Teras utama pelan ini adalah untuk menjadikan Kampung Bharu sebagai pusat kebudayaan Melayu dan *enclave* aktiviti ekonomi baru bagi Kuala Lumpur. Pelan ini juga memberi penekanan kepada reka bentuk dan seni bina Melayu-Islam. Pelan tindakan

terperinci Kampung Bharu juga telah mengenal pasti sebuah tapak seluas 40 ekar sebagai kawasan pusat bandar Kampung Bharu. Kawasan ini akan menempatkan kompleks perdagangan dan kebudayaan, perumahan, pejabat, hotel serta pusat kraf tangan dan restoran makanan Melayu lengkap dengan tempat letak kereta berpusat bagi menampung keperluan pembangunan ini.

Pusat bandar Kampung Bharu ini akan dihubungkan dengan kawasan KLCC melalui pejalan kaki bertingkat merentasi AKLEH dan Sungai Klang. Berdasarkan *engagement* yang dilaksanakan, isu yang sedang diselesaikan ialah harta pusaka dan faraid. Kerajaan sedang menyelesaikan masalah ini bersama pihak Amanah Raya Berhad. Setelah masalah ini dapat diselesaikan, pembangunan semula di Kampung Bharu akan mudah dilaksanakan bagi mencapai sasaran pelan induk terperinci yang telah ditetapkan.

Saya rasa yang tinggal Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Kepong ada? Yang Berhormat Kepong ada. Yang Berhormat Kepong, peruntukan yang tidak mencukupi untuk pengurusan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Walaupun peruntukan untuk Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL dikurangkan, namun *task force* lalu lintas Wilayah Persekutuan mengambil pendekatan secara bekerjasama strategik dan NBOS bersama agensi-agensi kerajaan yang lain seperti PDRM, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, SPAD serta masyarakat setempat untuk sama-sama menyelesaikan kesesakan lalu lintas di pusat bandar.

Taman Tugu, Projek ROL. Projek pembangunan Taman Tugu merupakan projek pemuliharaan dan pemeliharaan hutan semula jadi yang akan berkonsepkan pendidikan, keluarga dan masyarakat dan aktiviti rekreasi secara bertanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh Khazanah Nasional Berhad. Proses perolehan dan pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan sepenuhnya oleh Khazanah Nasional Berhad. Kementerian Wilayah Persekutuan akan memantau pelaksanaan projek ini secara menyeluruh bagi memastikan ia dilaksanakan objektif yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Secara ringkas Tuan Pengerusi. Maksud saya dengan kekurangan peruntukan ini bukan sahaja untuk trafik, untuk memantau, penyelenggaraan daripada segi longkang, jalan, tapak kerja dan sebagainya kerana tidak cukup wang. Mungkin tidak cukup kakitangan pula.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Kepong, saya memang faham soalan tadi tetapi dalam jawapan yang diberi telah dihadkan kepada trafik. Akan tetapi DBKL sendiri ada peruntukan untuk menyelaraskan semua yang telah disebut oleh Yang Berhormat Kepong tadi.

Saya terus kepada Yang Berhormat Seputeh.

**Seorang Ahli:** Sudah balik.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Seputeh sudah balik

**Seorang Ahli:** Ya, sudah balik Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Mana balik.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Okey Yang Berhormat Seputeh. Pertamanya Yang Berhormat Seputeh, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan hanya pada kali penggal ini yang dia tidak hadir pada dasar dan jawatankuasa. Pada sebelum ini, setiap kali penggulungan bagi Kementerian Wilayah Persekutuan dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri. Inilah kali pertamanya Menteri tidak hadir kerana beliau tidak begitu sihat. Saya harap Yang Berhormat Seputeh janganlah gunakan alasan ini untuk katakan dia tidak datang dan sebagainya.

**Seorang Ahli:** Ya. Buruk sangka.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Ini kali pertama. Sesiapa juga yang saya dapat beri kerjasama kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat pembangkang di Kuala Lumpur ini adalah di bawah arahan Yang Berhormat Menteri sendiri. Oleh itu, saya memang mengambil arahan dia dan bekerja untuk memastikan semua rakyat Kuala Lumpur ini sejahtera dan ceria.

**Seorang Ahli:** Ha, dengar itu.

*[Dewan tepuk]*

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Yang Berhormat Seputeh, berkenaan dengan parkir dalam projek pembangunan. Isu parkir memang menjadi syarat utama yang perlu dipatuhi sebelum pertimbangan dan kelulusan projek. Kesesakan timbul apabila pengguna tidak mahu menggunakan parkir yang telah sedia ada tetapi lebih gemar parkir di tepi jalan secara *double parking*.

Mengapa Perbadanan Putrajaya terima RM95 juta dan DBKL hanya RM9 juta. Peruntukan RM95 juta untuk Perbadanan Putrajaya adalah untuk menyelenggara Putrajaya yang meliputi penyelenggaraan jalan raya, sistem perparitan, bangunan kemudahan awam seperti kompleks komuniti, pembayaran bil utiliti dan juga sewaan bangunan. Sebenarnya RM95 juta yang disediakan adalah tidak mencukupi untuk penyelenggaraan keseluruhan Putrajaya sebanyak RM180 juta di mana Perbadanan Putrajaya perlu menampung kekurangan untuk memastikan kesejahteraan penduduk Putrajaya tidak terjejas.



*Water Storage Controlling System* oleh Syarikat Air Simpanan Sdn. Bhd., (ASI) mengapa Rang Undang-undang Sumber Air Negara berkaitan dengan KWP. Saya sudah jawab soalan ini Yang Berhormat. So, saya tidak perlulah ulang ya. Setuju?

**Beberapa Ahli:** Ya, ya. Setuju.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan:** Okey. Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kuala Selangor tidak ada. Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya telah habis menggulung pada dasar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM240,763,900 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM240,763,900 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM920,685,600 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM920,685,600 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 17 November 2016.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.50 malam]***